

**SEJARAH  
THAI  
ZAMAN  
BANGKOK**

# SEJARAH THAI ZAMAN BANGKOK

Dr. Kobkua Suwannathat-Pian

*Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1991

KK 930-5474 4101  
ISBN 983-62-2502-1

Cetakan Pertama 1991  
© Dr. Kobkua Suwannathat-Pian 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog-dalam-  
Penerbitan

Kobkua Suwannathat-Pian. 1944.

Sejarah Thai zaman Bangkok / Kobkua  
Suwannathat-Pian.

Bibliografi : ms 275-280

ISBN 893-62-2502-1

1. Thailand-History—1782-1945.
2. Thailand-History
3. Thailand-  
Politics and government.
4. Judul.  
959.303

Diatur Huruf oleh Perniagaan Mulia/Pantas Set Sdn. Bhd.  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh  
Sinaran Bros. Sdn. Bhd.  
389, Lebuhr Chulia,  
10200 Pulau Pinang.  
\$12.00

n  
959.303  
KOB

582288

- 6 MAY 1992  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

**KEPADA,**

**BHUMI MAS, PUTERA MAS, DAN PUTERI SARI MAS  
SEMOGA MEREKA MENGENALI SEBAHAGIAN WARISAN  
MEREKA SUATU HARI KELAK.**

11

[Faint, illegible text, possibly bleed-through from the reverse side of the page. The text is too light to transcribe accurately.]

[Faint, illegible text at the bottom of the page, possibly bleed-through or very light print.]

# Kandungan

Penghargaan	xi
<b>BAB I : TAKSIN DAN RAMAI PENYELAMAT DAN PEMBINA EMPAYAR THAI</b>	<b>1</b>
i. Latar Belakang Taksin dan Chakri	
ii. Taksin (1767 – 1782) dan Rancangan Menyelamatkan Siam	
(a) Falsafah Politik dan Agama	
(b) Proses Menyatupadukan Siam Secara Fizikal dan Mental	
(c) Kejayaan dan Kegagalan Taksin	
iii. Chakri Pembina Masyarakat Intelek: (1782 – 1809)	
(a) Rancangan Pemulihan Siam	
(b) Proses Perluasan Kuasa Siam	
(c) Warisan Rama I	
<b>BAB II : LOETLA, RAJA ANTARA ZAMAN (1809 – 1824)</b>	<b>39</b>
i. Latar Belakang	
ii. Beberapa Perkembangan Semasa Pemerintahan Raja Loetla: Seni dan Sastera	

## KANDUNGAN

Keselamatan Dalam Negeri  
Pentadbiran

- iii Beberapa Tinjauan Terhadap  
Pemerintahan Rama II
  - (a) Hubungan Raja dengan  
Bangsawan *Khunnang*
  - (b) Keruntuhan Pengaruh Siam

### BAB III: NANGKLAO DAN EMPAYAR BESAR SIAM (1824 - 1851)

55

- i. Latar Belakang Raja Nangklaol/Rama  
III
- ii. Suasana Politik di Tanah Besar Asia  
Tenggara
  - (a) Hubungan dengan Inggeris
  - (b) Hubungan dengan Vietnam
- iii. Dasar Perluasan Kuasa Rama III
  - (a) Konsep Hubungan Tributari
  - (b) Negeri-negeri Melayu:
    - Kedah
    - Kelantan
    - Kawasan Tujuh Buah Negeri  
Melayu/Pattani
    - Terengganu
  - (c) Kampuchea
  - (d) Negeri-negeri Lao
- iv. Penilaian Rama III
  - (a) Pengukuh Empayar dan Penaung  
Agama
  - (b) Seorang Raja Reaksioner?

### BAB IV: PERKEMBANGAN SOSIOPOLITIK DAN PENTADBIRAN TRADISIONAL 1767 - 1851

111

- i. Gambaran Umum
- ii. Institusi Politik dan Pentadbiran
  - (a) Pentadbiran Pusat

## KANDUNGAN

- (b) Pentadbiran Wilayah
- (c) Institusi Politik Kebangsaan
- iii. Institusi Perajaan/Mahkota
- iv. Anggota Keluarga Diraja/Golongan *Chao*
- v. Golongan *Khunnang*/Bangsawan
- vi. Struktur Sosial Masyarakat
  - (a) *Phrai*
  - (b) *Nai/Munnai*
  - (c) *That*/Hamba
  - (d) Golongan Sangha/Sami
  - (e) Masyarakat Orang Cina
- vii. Struktur Ekonomi dan Perniagaan
  - (a) Sistem Ekonomi Pertanian
  - (b) Sistem Perniagaan
  - (c) Sistem Cukai dan Kewangan
- viii. Ulasan

## BAB V: ZAMAN PEMULIHAN DAN PERMODENAN MONGKUT DAN CHULALONGKORN 1851 – 1910

159

- i. Latar Belakang:
  - Raja Mongkut (1851 – 1868)
  - Raja Chulalongkorn (1868 – 1910)
- ii. Pemerintahan Raja Mongkut 1851 – 1868
  - (a) Perjanjian Bowring 1855
  - (b) Pemulihan di Peringkat Permukaan
  - (c) Tekanan Politik dari Luar
    - Hubungan dengan Perancis
    - Hubungan dengan Inggeris
- iii. Pemerintahan Chulalongkorn (1868 – 1910)
  - (a) Pemerintahan Pemangku Raja Si Suriyawong (1868 – 1873)
  - (b) Pemerintahan Chulalongkorn (1873 – 1910)



## KANDUNGAN

Pemulihan Kecil 1873 – 1875	
Pemulihan Lengkap 1880-an – 1910	
(c) Cabaran Terhadap Kedaulatan Siam:	
Perancis	
Krisis Paknam Tahun 1893	
Tempoh Selepas Tahun 1893	
Inggeris	
BAB VI: VAJIRAVUDH DAN PRAJADHIPOK (1910 – 1935)	219
i. Latar Belakang	
ii. Pemerintahan Vajiravudh (1919 – 1925)	
(a) Nasionalisme daripada Pihak Atasan	
(b) Keruntuhan Maruah Institusi Raja	
(c) Dasar Luar	
iii. Pemerintahan Raja Pokklao Raja Prajadhipok 1925 – 1935	
(a) Gambaran Am	
(b) Revolusi 1932	
(c) Prajadhipok dan Perletakan Jawatan Raja Pemerintah	
Penutup	169
Bibliografi	275
Indeks	281

# Penghargaan

Adalah menjadi harapan saya selama ini untuk membekalkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi di negara kita dengan sebuah buku yang bermutu mengenai sejarah negara Thai.

Buku ini merupakan hasil pengalaman mengajar pelajar-pelajar kursus sejarah di Universiti Kebangsaan Malaysia selama lapan tahun. Oleh itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelajar-pelajar kursus sejarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1979-1987. Mereka telah membantu saya memahami kelemahan dari segi pengajaran (termasuk penggunaan Bahasa Malaysia), dan pembelajaran sejarah Thai di Malaysia. Oleh yang demikian, buku ini sebenarnya merupakan hasil usaha kami bersama-sama dalam beberapa aspek.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Drs. Yahya Hussin yang telah mengajar saya tentang penggunaan Bahasa Malaysia. Kerana belum begitu fasih dalam penggunaan Bahasa Malaysia, sama ada dalam percakapan dan penulisan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan di atas bantuan yang telah saya terima dari pihak Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bentuk cuti sabbatical dan kewangan. Juga kepada Jabatan Geografi Universiti Kebangsaan Malaysia yang membantu saya menyediakan peta, dan kepada Pusat Teknologi Pendidikan di atas penyediaan segala gambar di dalam buku ini.

Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan sekerja di Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan perangsang untuk saya menyiapkan buku ini.

KOBKUA SUWANNATHAT — PIAN  
Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Disember, 1988.*

... ..

... ..

... ..

... ..

... ..

... ..

... ..

... ..

# Bab I

## TAKSIN DAN RAMA I: PENYELAMAT DAN PEMBINA EMPAYAR THAI

### I. Latar Belakang Taksin dan Chakri

Semasa kejatuhan Ayudhya ke tangan Myanmar dalam tahun 1767, Taksin dan Chakri, kemudiannya Rama I, hanya memegang jawatan yang rendah mengikut susunan pangkat *khunnang*/bangsawan Thai. Taksin baru sahaja dilantik sebagai Gabenor Kamphaengphet, sebuah wilayah di kawasan utara Siam yang tidak begitu berkepentingan baik dari segi strategi mahupun prestasinya. Chakri, nama sebenarnya Thongduang, berkedudukan lebih rendah daripada Taksin. Beliau hanya memegang jawatan wakil diraja atau *yokkrabat* wilayah Ratburi, sebuah wilayah kecil di kawasan barat Siam. Pada keseluruhannya, tidak disangka yang kedua-dua orang pegawai berkedudukan rendah seperti mereka dapat mencatat sejarah Siam yang di luar dugaan itu.

Taksin dilahirkan pada April 1734. Bapanya adalah seorang Cina yang bernama Hai-hong, manakala ibunya adalah seorang gadis Thai yang bernama Nok-eang. Sebenarnya Hai-hong telah berkhidmat dengan kerajaan di Ayudhya sebagai pegawai cukai penjudian, dan mempunyai hubungan yang agak rapat dengan pemimpin-pemimpin golongan *khunnang* di Istana Ayudhya. Hubungan yang baik itu membolehkan Hai-hong menawarkan seorang anak lelakinya, Sin (harta yang bernilai), menjadi anak angkat kepada Chao Phraya Chakri, Perdana Menteri yang menadbir wilayah utara.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Chow Rupathewin, *Yam Adeet: Biografi Raja Taksin dan Perjuangan Untuk Kemerdekaan Bangsa Thai*, Bangkok; P.V. Penerbitan, B.E. 2528/1985, jilid 1, m.s. 33 - 56.

Pada mulanya Sin berkhidmat di Istana sebagai seorang bi-duanda diraja kepada Raja Borommakot (1733–1767). Semasa pemerintahan Raja Suriyamarin (1758–1767) apabila Ayudhya menghadapi serangan-serangan hebat dari Myanmar Sin telah membuktikan kebolehan dan kebijaksanaannya menentang kerajaan tersebut. Dengan itu beliau telah dilantik menjadi Gabenor wilayah Tak dengan gelaran Phraya Tak. Untuk membezakannya daripada Phraya Tak yang lain, yang telah memegang jawatan tersebut, Sin dikenali dengan nama Phraya Taksin. Pada tahun 1767, Taksin diarahkan datang ke Ayudhya untuk membantu menyelamatkan ibu kota Siam yang sedang menghadapi serangan besar dari tentera Myanmar. Walau bagaimanapun Taksin dan segolongan *khunnang* di Ayudhya telah bersungguh-sungguh mempertahankan ibu kota dengan membuat serangan balas yang hebat tetapi malangnya dasar dan pendekatan Raja Suriyamarin serta sebahagian besar pucuk pimpinan bangsawan melemahkan semangat dan keazaman jeneral-jeneral termasuk juga Taksin. Tambahan pula, baginda mengecewakan pergerakan tentera yang diperlukan supaya Ayudhya dapat mengatasi ancaman serius daripada tentera Myanmar yang mengepung Ayudhya sejak tahun 1766.<sup>2</sup>

Akhirnya Phraya Taksin mengambil keputusan lari bersama-sama dengan beberapa ratus orang penyokongnya dari Ayudhya apabila beliau mendapati Ayudhya tidak dapat lagi diselamatkan disebabkan sikap yang tidak bertanggungjawab pemimpin-pemimpin kerajaan ketika itu. Taksin mengundurkan diri ke Chanthaburi yang terletak di kawasan pantai tenggara Siam, berhampiran dengan Teluk Siam. Kawasan yang dipilihnya itu merupakan suatu langkah bijak daripada segi ketenteraan dan ekonomi kerana dari Chanthaburi, Taksin dapat mengawal semua kegiatan perniagaan keluar masuk ke Siam melalui Sungai Chao Phraya atau Sungai Menam, dan oleh itu dapat mencegah penghantaran bekalan senjata kepada musuhnya.<sup>3</sup> Setelah berjaya mengalahkan Gabenor Chan-

<sup>2</sup> Somdet Phra Phonnarat, *Phongsawadan Krung Sri Ayudhya* versi Phonnarat, Bangkok: Khlang-wittaya, B.E. 2514/1971, m.s. 646–656; Puteri Narintharadewi, *Kenang-Kenangan Krom Luang Narintharadewi*, Bangkok: Kurusabha, B.E. 2516/1973, p. 1, m.s. 83–5.

<sup>3</sup> Nama sungai yang terbesar di Siam ialah Menam Chao Phraya. Sungai itu dikenali oleh orang asing dengan nama Menam sahaja. Sebenarnya, *menam* bererti sungai. Dalam buku ini nama sungai itu akan digunakan iaitu Sungai Chao Phraya.

thaburi, Taksin mendirikan kubu pertahanannya di Chanthaburi pada bulan Jun 1767. Sebelum kejadian ini, Ayudhya telah dimusnahkan oleh tentera Myanmar dalam bulan April 1767. Kejatuhan Ayudhya selepas 417 tahun sebagai ibu kota Siam bererti bahawa Siam tidak ada lagi kerajaan pusat yang dapat menguasai seluruh Siam. Sesungguhnya Siam telah dibahagikan kepada beberapa buah negeri kecil yang bebas. Taksin telah muncul sebagai salah satu daripada lima kuasa besar selepas kejatuhan Ayudhya.

Di antara kelima-lima golongan yang bersaing hebat bagi menjadi pengganti Ayudhya yang sah, hanya satu golongan sahaja iaitu golongan Putera Thepphiphit yang terdiri daripada kerabat diraja. Putera Thepphiphit adalah seorang anak Raja Borommakot tetapi telah dikenakan hukuman buang negeri dari Ayudhya kerana berkelakuan jahat. Semasa timbul huru-hara, beliau berjaya menjadi ketua golongan pembesar tempatan di Phimai, iaitu kawasan berdekatan dengan Nakhon Ratchasima di timur laut Siam. Golongan kedua yang berpusat di Fang, wilayah Uttaradit, dipimpin oleh seorang sami yang bergelar Chao Phra Fang. Golongan Chao Phra Fang ini mewakili tuntutan sami-sami yang cuba menyatukan keagamaan dengan pentadbiran dan politik. Tujuannya untuk mendirikan kerajaan beragama Buddha yang boleh menyelamatkan agama, negara dan rakyat daripada kesengsaraan. Bagi membezakan sami-sami pengikut Chao Phra Fang dengan sami-sami biasa, mereka memakai jubah berwarna merah dan bukannya jubah berwarna kuning yang dipakai oleh sami-sami biasa. Mereka juga mengabaikan cara hidup kesamian yang ditetapkan oleh ajaran agama serta memilih mengikut cara hidup seperti orang biasa. Pada satu ketika, nampaknya percubaan Chao Phra Fang hampir menjadi suatu kenyataan. Dalam tahun 1770 tentera sami Chao Phra Fang berjaya menewaskan golongan ketiga yang berpusat di Phisanulok, dan berjaya mengembangkan pengaruhnya. Sebelum tahun 1770, golongan Chao Phitsanulok telah mengisytiharkan dirinya sebagai raja yang berdaulat dan pusat kuasanya menjadi ibu kota negara menggantikan Ayudhya.<sup>4</sup> Selepas kemenangannya ke atas golongan Chao Phitsanulok, boleh dikata-

<sup>4</sup> Bapa Thongduang menyertai Golongan Chao Phitsanulok dan apabila Chao Phitsanulok mengisytiharkan dirinya sebagai raja, Thongdee pula dilantik sebagai Chakrinya. Lihat Chula Chakrabongse, *Lords of Life*. Bangkok: DD Books, 1982, m.s. 72-73.

kan bahawa golongan Chao Phra Fang menjadi kuasa yang terbesar di utara Siam.

Kuasa yang keempat berpusat di selatan Siam iaitu di Nakhon Si Thammarat. Di sini Palat Nakhon, seorang keturunan keluarga pembesar tempatan, memerintah Nakhon dan wilayah selatan atas nama raja di Ayudhya. Oleh yang demikian, beliau dapat mengawal semua kawasan itu semasa Ayudhya dimusnahkan. Chao Nakhon (Palat/Luang Nai Sith) juga mengisytiharkan Nakhon sebagai sebuah negeri bebas dan berdaulat, dan beliau menjadi rajanya. Kumpulan Chao Nakhon boleh dianggap sebagai kuasa yang kuat kerana mempunyai kawasan pengaruhnya yang luas dan bersatu padu.

Walaupun begitu, jelas di sini bahawa tiada sesiapa pun daripada keempat-empat kumpulan yang telah disebut di atas itu mencuba atau berkeinginan menyerang dan merampas kuasa di kawasan tengah-tengah lembah rendah Sungai Chao Phraya, yang dahulunya di bawah pemerintahan Ayudhya. Nakhon dan Chao Phra Fang merupakan kuasa terkuat tetapi mereka belum lagi menentukan kedudukan antara kedua-duanya yang mana lebih berkuasa. Hanya pemimpin yang dapat menguasai kawasan lembah rendah Sungai Chao Phraya yang mempunyai strategi yang baik itu sahaja yang akan muncul sebagai pemimpin kebangsaan.

Taksin telah cuba untuk menguasai kawasan lembah Sungai Chao Phraya. Sejak melarikan diri dari Ayudhya, Taksin berjaya merampas Chanthaburi daripada Gabenornya. Pada peringkat permulaan, keupayaan Taksin nampaknya lemah jika dibandingkan dengan ketua-ketua kumpulan yang lain. Namun demikian Taksin mempunyai beberapa keistimewaan, terutamanya beliau, merupakan seorang pemimpin yang berkarisma dan berkebolehan tinggi dalam bidang ketenteraan. Taksin dapat meyakinkan orang ramai tentang taraf moral tinggi dan jasa baik beliau yang agak luar biasa melalui kejayaan ketenteraan serta bersifat murah hati.<sup>5</sup> Dengan itu, Taksin menonjolkan dirinya bukan sahaja sebagai seorang calon yang telah direstui oleh agama Buddha, tetapi juga menjadi seorang calon yang akan menyelamatkan agama dan negara daripada penderitaan *Phongsawadan Krung Thonburi* melaporkan suatu peristiwa di Kampung Bang Dong, iaitu:

<sup>5</sup> Francis Henri Turpin, *History of the Kingdom of Siam and the Revolutions that Have Caused the Overthrow of the Empire up to A.D. 1770*, tr. Somsi Iamtham, Bangkok: Krom Silapakorn, B.E. 2522/1979, m.s. 209.

"< Taksin > memujuk ketua kampung keluar berunding dan mendengar penjelasannya. Tetapi ketua-ketua kampung itu tidak percaya yang Taksin mempunyai *bun-baramii* < jasa bai >. Mereka sebaliknya menyiapkan tentera dan senjata untuk menyerang Taksin dan penyokong-penyokong baginda. Walaupun begitu, Taksin masih melihat mereka itu sebagai rakyat baginda dan tidak sanggup menyerang balas. Baginda menghantar rombongan bagi memujuk mereka sampai tiga kali supaya mereka menerima cadangan baginda. Jelaslah bahawa Taksin melakukan tanggungjawab seorang *dharmaraja*. Malangnya, percubaan Taksin gagal, dan akhirnya, baginda bertitah bahawa apa-apa yang akan berlaku adalah akibat *karma* iaitu akibat tindakan-tindakan mereka yang berlaku terlebih dahulu. < Jadi hanya selepas kegagalan usaha pendamaian sahaja, Taksin menyerang kampung itu dan dengan mudah menewaskannya > .

Sebenarnya, sepanjang perjuangan Taksin sebelum dapat menyatupadukan Siam semula, Taksin sering memperlihatkan sikap baiknya. Cara itu telah dapat mempengaruhi penyokongnya bahawa Taksin adalah seorang pemimpin yang adil, alim, serta berbudi suci. Ringkasnya baginda ialah seorang pemimpin yang benar-benar mengikut ajaran agama Buddha.

Mungkin aspek yang lebih penting ialah kebijaksanaan Taksin dalam bidang strategi dan ketenteraan. Baginda menyedari betapa pentingnya kawasan lembah rendah Sungai Chao Phraya bagi kekuatan dan kejayaan kumpulan baginda. Oleh itu, baginda telah merampas kuasa di kawasan itu daripada pembesar-pembesar tempatan dan pasukan tentera Myanmar yang menduduki Thonburi dan wilayah-wilayah sekitarnya. Thonburi yang terletak di tebing barat Sungai Chao Phraya, dipilih menjadi pusat kerajaan Taksin. Oleh itu Taksin dapat menewaskan kumpulan-kumpulan lain dan dapat menyatupadukan semula Siam di bawah seorang raja yang berdaulat.

Dalam tempoh kira-kira tiga tahun Taksin berjaya mencapai cita-citanya dengan kemenangannya ke atas musuh-musuh politiknya. Selepas merampas semula kawasan Thonburi-Bangkok daripada Suki, ketua pasukan tentera Myanmar, Taksin menyerang, Phitsanulok iaitu kumpulan yang lebih dekat dengan pusat kekuasaan-

<sup>6</sup> *Phongsawadan Baharian* 65, Bangkok, B.E. 2480/1937, m.s. 4.



nya. Tetapi percubaannya dalam tahun 1768 ini telah gagal. Kegagalan Taksin memberikan semangat kepada musuh baginda. Chao Phitsanulok mengatakan bahawa kegagalan Taksin itu merupakan tanda kelayakannya menjadi raja Siam menggantikan raja-raja di Ayudhya. Walau bagaimanapun, Taksin terus menyerang kumpulan Chao Phimai pada penghujung tahun itu dan berjaya menewaskannya. Selepas berjaya di Phimai, Taksin terus melibatkan dirinya hampir sepanjang tahun 1769 dalam percubaan mengatasi masalah yang agak lebih mendadak di Kampuchea. Hanya pada akhir itu sahaja baginda boleh meneruskan rancangan menubuhkan semula kerajaan Thai dengan kemenangan ke atas golongan Chao Nakhon di selatan Siam. Pada tahun 1770 Taksin terus menentang Chao Phra Fang yang terlebih dahulu telah menewaskan golongan Chao Phitsanulok. Dengan kemenangan yang cemerlang ke atas Fang, Taksin berjaya menguasai semua kawasan di utara Siam. Jadi Taksin berjaya menghidupkan semula kerajaan Siam yang bersatu padu di bawah kepimpinan seorang raja yang berkebolehan. Baginda juga memindahkan ibu kota Siam dari Ayudhya ke Thonburi yang didapati lebih sesuai dari segi politik dan ekonomi.

Sebab-sebab kejayaan Taksin dalam jangka masa yang singkat berasaskan karisma dan kebolehan baginda, juga kerana adanya hubungan baik di antara Taksin dan masyarakat Cina Teochiu yang membantu Taksin dengan memberikan bekalan makanan dan senjata, serta kelemahan musuh-musuh baginda sendiri.<sup>7</sup>

Kebolehan Taksin telah disebutkan dan tidak perlu lagi dibincangkan secara panjang lebar. Apa yang patut ditekankan di sini ialah kebolehan baginda sebagai seorang jeneral yang memahami strategi dan taktik peperangan serta mempunyai semangat yang tinggi. Dengan kepintaran, belas kasihan, dan kejujurannya Taksin mendapat sokongan padu daripada tenteranya.<sup>8</sup> Mereka sanggup berkorban dengan penuh kerelaan untuk Taksin.

<sup>7</sup> Lorraine M. Gesick, "The Rise and Fall of King Taksin: A Drama of Buddhist Kingship", in L. Gesick, ed. *Centers, Symbols, and Hierarchies: Essays on the Classical States of Southeast Asia*, monograph no. 26, Yale University Southeast Asia Studies, New Haven, 1983, m.s. 87 - 105; D.K. Wyatt, *Thailand: A Short History*, New Haven and London: Yale University Press, 1984, m.s. 139 - 144.

<sup>8</sup> *Phongsawadan Bahagian 65*, op.cit., m.s. 17, apabila Taksin menyuruh askar-askarnya memecahkan semua alat memasak dan mencampakkan semua bekalan makanan mereka. Baginda bertitah,

Aspek yang penting sumbangannya tetapi kurang diberi perhatian ialah pertolongan masyarakat Cina Teochiu kepada perjuangan Taksin. Taksin mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat Cina yang juga keturunan bapanya. Raja Siam sendiri dilaporkannya fasih bertutur dalam bahasa Cina Teochiu. Semasa penduduk Thai menghadapi bencana kebuluran, Taksin meminta pertolongan daripada masyarakat Cina Teochiu yang menjadi ejen membekalkan bahan makanan. Sumbangan daripada masyarakat Cina Teochiu itu meletakkannya dalam suatu taraf yang istimewa dalam masyarakat Thai. Hingga sekarang Cina Teochiu dikenali sebagai golongan Cina diraja Siam. Selepas tahun 1770, hubungan antara Taksin dengan Cina Teochiu menentukan sejumlah besar pendapatan negeri yang membolehkan Taksin membentuk masyarakat Siam yang teratur, serta menolong baginda membayar beberapa perbelanjaan yang dikehendaki oleh istana dan kerajaan. Pertalian ini menjamin kedudukan Taksin yang kukuh dalam bidang ekonomi dan perniagaan kalau dibandingkan dengan musuh-musuhnya.

Faktor kelemahan kumpulan yang menentang Taksin juga memberi peluang kepada kejayaan baginda dalam usaha menyatupadukan Siam. Pada keseluruhannya, pemimpin keempat-empat kumpulan mewakili pembesar-pembesar di wilayah yang kurang pengalaman dalam hal-ehwal peringkat kebangsaan. Oleh itu, mereka lebih menumpukan rancangan mereka kepada masalah ke-wilayahan sahaja. Misalnya, Putera Thepphiphit, walaupun beliau seorang anak Raja Borommakot, tetapi tetap memberikan perhatian kepada pentadbiran wilayahnya dan tidak menunjukkan kesediaan untuk menguasai kawasan tengah Siam yang melambangkan kuasa peringkat kebangsaan itu. Tiada sesiapa pun di antara keempat-empat ketua kumpulan itu yang mempunyai perhatian mendalam seperti Taksin mengenai rancangan membangunkan semula empayar Ayudhya. Semuanya berpuas hati sekadar menjadi ketua kawasan-kawasan tertentu sahaja. Sikap *status quo* ini membuktikan kelemahan terbesar mereka kerana kalau sikap seperti itu diteruskan, Siam tidak dapat menghidupkan kembali

---

"Pada malam inilah kita akan menyerang Muang Chanthaburi dan menguasainya. Kita akan dapat sarapan pagi di bandar ini keesokan harinya. Jika tentera kita tidak berkebolehan menguasainya, biarlah kita semua bersama-sama berkorban nyawa di sini".

kedudukan dan pengaruhnya yang disegani di rantau Asia Tenggara. Pusat agama Buddha juga akan hancur. Taksin mempunyai cita-cita untuk membangunkan semula negara dan agama. Kebolehan baginda dalam hal ini memang menjadi ilham kepada penyokongnya. Tidak hairanlah yang Taksin dapat menarik orang-orang yang berkebolehan menyertai pentadbirannya.

Taksin memerintah dari tahun 1767 hingga tahun 1782. Pada tahun 1782, baginda digulingkan kerana tidak siuman.<sup>9</sup> Majlis *khunnang* dan sami bersetuju bahawa Chakri, seorang jeneral yang sangat berpengaruh, dipilih menjadi pengganti Taksin. Dengan persetujuan itu, bekas raja Siam yang berjaya menubuhkan semula empayar Siam, kemudiannya, dihukum mati kerana kesalahan melakukan kekejaman ke atas rakyat.<sup>10</sup> Jikalau baginda diizinkan hidup dalam kesamian seperti yang dimintanya, dikhua-tiri Taksin akan menjadi tumpuan golongan-golongan yang menentang pucuk pimpinan baru.<sup>11</sup> Taksin dihukum mati mengikut undang-undang Istana. Tangan dan kaki baginda diikat dan dimasukkan ke dalam guni yang diperbuat daripada kain baldi. Kemudian leher baginda dipukul dengan kayu cendang.<sup>12</sup> Tidak ada acara perkabungan rasmi atas kemangkatan Taksin, manakala

<sup>9</sup> Bukti yang selalu disebutkan bagi menjelaskan ketidaksiaman Taksin ialah "Memoirs of the French Missionary" dalam *Prachum Phongsawadan* bil. 23, Bangkok: Kurusabha, B.E.2511 1968, m.s. 158-174. Tetapi kita juga mesti ingat bahawa mubaligh-mubaligh itu tidak mempunyai kefahaman terhadap ajaran agama Buddha dan bersikap syak wasangka terhadap penganutnya. Oleh itu, mereka memang melihat percubaan Taksin untuk menambahkan *bunbaramii* baginda dan mencapai peringkat *arahat* itu suatu tindakan yang tidak waras. Kemungkinan besar Taksin mengekalkan kewarasan baginda sehingga saat-saat terakhir usianya. Lihat tajuk, *C. Kejawaan dan Kegagalan Taksin*.

<sup>10</sup> *Puteri Narinthaladewi, op. cit., m.s. 14-15*, membuktikan bahawa Raja Taksin menerima nasib baginda dengan tenang semasa baginda melarang penyokongnya menentang tentera pihak pemberontak.

"Taksin keluar dari Istana Dalam dan bertitah, < Ayah tiada lagi *bun-baramii*. Janganlah menyusahkan semua rakyat jelata. Phraya Thibet, Phraya Raman, Phraya Ammat < menjawab > jika tidak boleh berjuang untuk menyelamatkan Duli Yang Maha Mulia, patik semua tetap tinggal bersama Duli Yang Maha Mulia sampai mati".

<sup>11</sup> *Phongsawadan Krung Sri Ayudhya* versi Otograf diraja, Bangkok: Khlang-wittava, B.E. 2516/1973, bil. 2, m.s. 450-1.

<sup>12</sup> Wyatt, *Thailand, A Short History, op. cit., m.s. 145*.

upacara pembakaran mayat diraja itu hanya diadakan dalam tahun 1784.<sup>13</sup>

Chakri menaiki takhta pada 6 April 1782 dan tiga tahun kemudiannya memindahkan ibu kota Siam ke Bangkok. Thonburi menjadi tempat kediaman Putera Wang Lang, iaitu Putera yang ketiga mengikut susun pangkat diraja Thai, sesudah raja pemerintah dan Putera Wang Na/*Upparat* (bakal raja).

Chakri, pengasas dinasti Chakri, berasal daripada keluarga pegawai bertaraf rendah. Bapanya bernama Thongdee, memegang jawatan kerani di Istana Ayudhya. Yok, ibunya adalah seorang gadis berketurunan Cina yang jelita. Menurut riwayat rasmi keturunan dinasti Chakri, Thongdee berketurunan daripada Kosa Pan, Phra Khlang/Menteri Kewangan dan Perhubungan Luar Raja Narai (1656-1688).<sup>14</sup> Kosa Pan terkenal dalam sejarah Ayudhya sebagai ketua rombongan kedutaan Ayudhya ke Perancis. Secara tidak langsung keluarga Thongdee boleh juga menuntut hubungan darah dengan kerabat diraja Ayudhya, iaitu dinasti Prasat Thong dan Ban Phluu Luang.

Chakri, atau pada waktu itu Thongduang, dilahirkan pada bulan Mac 1736 di Ayudhya dan mempunyai tujuh orang adik-beradik. Di kalangan mereka, adik lelaki yang bernama Bunma, memainkan peranan penting dalam kejayaan Thongduang, dan akhirnya menjadi Wang Na/*Upparat* (bakal raja) kepada kekandanya. Terdapat banyak cerita mengenai hubungan persahabatan antara Thongduang dan Taksin semasa mereka berdua masih remaja. Mungkin cerita yang paling terkenal ialah mengenai hubungan baik mereka apabila kedua-duanya memasuki kenovisan di suatu kuil di Ayudhya.<sup>15</sup>

Seperti Taksin, Thongduang juga menjadi biduanda dalam perkhidmatan Putera Uthumphon, kemudiannya Raja Uthum-

<sup>13</sup> Sebenarnya, dilaporkan bahawa Rama I enggan menjalankan upacara pembakaran yang sewajarnya kepada seorang bekas raja seperti Taksin. Rama I dan Wang Nanya sangat marah apabila melihat beberapa orang wanita Istana Dalam menangis di upacara pembakaran Taksin, dan memerintahkan supaya mereka dikenakan hukuman sebat kerana tindakan yang sensitif itu. Draf asas Phongsawadan Pemerintahan I yang ditulis oleh Thiphakorawong, m.s. 49 dan dipetik dalam Nidhi Acusrivongse, "A Dialogue of Two Historians", tidak diterbitkan, 1983.

<sup>14</sup> Raja Mongkut, "Pathommawong" dalam *Prachum Phongsawadan*.

<sup>15</sup> Chow Kupathewin, *op.cit.*, m.s. 49-65.

phon (April 1758 – May 1758). Semasa Ayudhya dimusnahkan, Thongduang memegang jawatan *yokkrabat*/wakil raja di Ratburi dan tidak langsung terlibat dalam percubaan mempertahankan Ayudhya. Sebelum itu juga, Thongduang telah berkahwin dengan Nak, seorang gadis dari keluarga orang berada di Amphawa, iaitu sebuah kampung di daerah Samutsongkhram, yang berhampiran dengan Ratburi. Dari perkahwinan ini Thongduang mendapatkan talian penting dengan keluarga *khunnang* berketurunan Cina dan Thai zaman Ayudhya yang akan menolong beliau kemudiannya dalam persaingan hebat dengan Taksin pada tahun-tahun terakhir pemerintah Raja Taksin.

Semasa Taksin bertungkus-lumus mencari jalan untuk mengatasi kehuru-haraan zaman, Thongduang tetap tinggal di Ratburi bersama keluarganya. Bapa Thongdee, bapa Thongduang, menjadi Chakri kepada Chao Phitsanulok yang telah mengisytiharkan dirinya sebagai raja kawasan utara. Bunma, adik kepada Thongduang membuat keputusan berkhidmat dengan Taksin yang, mengikut kepercayaan Bunma, adalah pemimpin penuh dengan kebolehan dan keazaman yang diperlukan untuk menyelamatkan Siam.<sup>16</sup> Hanya di atas nasihat Bunma, Thongduang setuju berkhidmat dengan Taksin dalam tahun 1768. Pada permulaannya, Thongduang mempunyai pangkat lebih rendah daripada adiknya, tetapi kepintaran serta kejayaan beliau dalam beberapa kempen akhirnya mengesahkan kedudukannya sebagai jeneral utama Taksin. Dalam tahun 1771, ia dilantik menjadi Phraya Yommarat dan kematian Chakri (Khaek) empat tahun kemudian terlantiklah Yommarat (Thongduang) menggantikannya. Sebagai Chakri, Thongduang bertanggungjawab ke atas semua aspek pentadbiran dan tentera di kawasan utara Siam.

Walaupun jelas bahawa kedudukan dan pengaruh Chakri semakin bertambah kukuh, tetapi Taksin selalu menunjukkan keyakinan baginda terhadapnya. Baginda membenarkan Chakri berkempen tanpa penyeliaan diraja. Secara tidak langsung, Taksin memberi peluang keemasan kepada Chakri dan Bunma, yang telah dinaikkan pangkat menjadi Chao Phraya Surasi, mengembangkan pengaruh dan kuasa mereka di kalangan *khunnang*. Sebaliknya, baginda melemahkan kedudukannya dalam proses persaingan *bunbaramii* dengan Chakri. Tidak hairanlah bahawa kejayaan Chakri

<sup>16</sup> Chula Chakrabongse, *op.cit.*, m.s. 73.

dan penghargaan penuh daripada Taksin menentukan kedudukannya menjadi cukup berpengaruh. Sesungguhnya, Chakri dan adiknya menjadi pemimpin yang terbesar sesudah Taksin.

Kisah pertemuan di antara Chakri dan Asaewungi dalam tahun 1775 menjadi suatu peristiwa penting. Menurut kisahnya, Chakri diberikan suatu ramalan yang istimewa oleh jeneral Myanmar itu yang sangat disegani. <sup>17</sup> Selepas beberapa kali mereka berdua bertempur hebat di Phitsanulok, Asaewungi begitu hairan dengan kekuatan kubu pertahanan Phitsanulok menentang serangan-serangannya. Beliau terpegun melihat betapa mudanya umur musuhnya itu. Oleh itu, beliau meramalkan bahawa,

"Awak 'ni kacak. Kebolehan dalam hal peperangan pun sangat mengagumkan. Lagi pun, awak dapat berlawan dengan aku orang yang sudah masak dan berpengalaman. Jaga baik-baik diri awak ini, nanti memang dapat menjadi raja". <sup>18</sup>

Nampaknya, perasaan Taksin tidak terjejas terhadap Chakri. Pada tahun 1776, Taksin melantik Chakri menjadi Chao Phraya Mahakasatsuk selepas kemenangan tentera Thai di bawah pimpinan Chakri ke atas negeri-negeri Lao. Dengan gelaran unik itu bererti Raja Maha Besar Hal Peperangan, Chakri dilantik sebagai jeneral pertama Siam.

Tidak syak lagi kemudiannya Chakri dianggap sebagai calon yang paling layak untuk menaiki takhta semasa Taksin bersikap lalai terhadap hal-ehwal pentadbiran negeri dan cenderung dalam aspek keagamaan. Selain kelemahan kedudukan Raja Taksin, wujud juga pertalian kekeuargaan dan ekonomi yang kuat di kalangan *khunnangnya* yang diketuai oleh Chakri. <sup>19</sup> Kemungkinan besar mereka telah mengetahui bahawa dasar serta pendekatan yang dijalankan oleh Taksin pada tahun-tahun berakhir pemerintahannya mengancam kebaikan dan kemakmuran masyarakat amnya, dan kepentingan mereka khasnya. Dirasakan bahawa mungkin pada tahun 1781 kebanyakan pembesar di Thonburi telah mencapai suatu persetujuan hendak menggulingkan Taksin kerana

<sup>17</sup> Asaewungi ialah seorang jeneral Myanmar yang terkenal sebab beliau menewaskan tentera Cina yang menyerang negerinya dalam tahun 1775-76.

<sup>18</sup> *Phongsawadan versi Otograf diraja, op.cit., m.s. 398.*

<sup>19</sup> Wyatt, "Family Politics in Nineteenth Century Thailand", dalam *JSEAH* bil. 2:2, 1968, m.s. 208 - 228.

sebab-sebab kebaikan masyarakat, kelemahan institusi agama, dan masa depan Siam.<sup>20</sup> Satu bukti yang menunjukkan penglibatan Chakri dan Surasi dalam kegiatan menderhaka ini ialah cara kedua-dua beradik ini mengkwatken terntera mereka secara ber-lengah-lengah selepas disuruh menghapuskan penentangan kuasa Siam di Kampuchea pada tahun 1781. Sebaik sahaja mereka menerima maklumat mengenai keadaan kacau-bilau di Thonburi, Chakri dan Surasi cepat kembali ke ibu kota dan sempat menerima jemputan majlis pembesar menaiki takhta yang telah dikosongkan oleh Taksin.

Pada 6 April 1782, merupakan tarikh permulaan pemerintahan Chakri. Pada 6 April juga dirasmikan sebagai tarikh Hari Chakri yang masih kekal sebagai hari kelepasan am Negara Thai. Ketika menaiki takhta, Chakri berumur empat puluh lima tahun dan berpengalaman dalam hal-ehwal pentadbiran serta peperangan. Chakri membuat keputusan menangguhkan upacara pertabalannya sehingga tiga tahun kemudian. Dalam pada itu, Raja Chakri pertama menjalankan rancangan membina istana baru mengikut adat-istiadat dan struktur zaman Ayudhya yang terletak di tebing timur Sungai Chao Phraya. Dengan siapnya pembinaan istana baginda, Chakri memindahkan pusat kerajaan ke Bangkok dan menjalankan upacara *abhiseka*/pertabalan baginda pada tahun 1875.<sup>21</sup> Chakri memilih gelaran Ramathibodi. Selepas Chakri meninggal dunia, rakyat Thai telah memberikan dua gelaran bagi mengenang jasa-jasanya. Pertamanya, cucunda Chakri iaitu Rama III, mengistiharkan nama rasmi pengasas Bangkok Raja Phra Phuttayotfa Chulalok; kemudian Raja Vajiravudh, atau Rama VI, memilih Rama sebagai nama rasmi semua raja yang memerintah Bangkok. Oleh itu, Chakri disebut Rama I. Nama itulah yang sangat terkenal di kalangan sarjana asing.

Rama I memerintah Siam selama dua puluh tujuh tahun. Pada zamannya wujud perkembangan yang pesat daripada segi politik serantau dan juga daripada segi pembinaan semula masyarakat Siam yang masih merosot akibat kemusnahan Ayudhya dan keadaan huru-hara hampir sepanjang pemerintahan Taksin. Sebenar-

<sup>20</sup> Wyatt, *Thailand, A Short History, op.cit.*, m.s. 144; Thiphakorawong, *Phongsawadan Pemerintahan Rama I*, Bangkok: Khlang-wittava, B.E. 2505/1962, m.s. 311 – 313.

<sup>21</sup> Thiphakorawong, *Ibid.*, m.s. 83 – 94.

nya rancangan-rancangan politik dan pentadbiran Rama I bertujuan untuk melengkapkan atau membetulkan rancangan yang telah dilaksanakan oleh Taksin. Kejayaan rancangan-rancangan itu patutlah dipertimbangkan sebagai hasil percubaan bersama antara Taksin dan Rama I.<sup>22</sup>

## II. Taksin (1767-1782) dan Rancangan Menyelamatkan Siam

### (a) *Falsafah Politik dan Agama*

Sebelum perbincangan dilanjutkan, adalah penting untuk memahami kedudukan Taksin dan Chakri. Menurut syarat-syarat zaman tradisional, kedua-dua orang pemimpin itu ialah perampas takhta sahaja, walaupun tiada lagi raja yang sah memerintah Ayudhya. Kedua-dua pemimpin itu langsung tidak dapat membuat tuntutan hubungan darah dengan bekas raja-raja pemerintah Ayudhya. Oleh itu, sungguhpun Taksin berjaya menubuhkan semula pusat kerajaan Siam dan menyatupadukan negara dalam waktu yang singkat, namun kedudukan baginda belum lagi terselamat tanpa penjelasan mendalam yang dapat diterima oleh rakyat, terutamanya mengenai hak dan tuntutan baginda menduduki takhta Siam. Taksin memang menyedari sejak awal lagi bahawa baginda terpaksa memperlihatkan kelayakannya sebagai pengganti raja-raja Ayudhya yang sah dalam konteks adat resam dan nilai masyarakat yang dapat difahami oleh rakyat Siam terutamanya golongan bangsawan dan sami.

Taksin mengasaskan tuntutannya kepada ajaran agama Buddha Theravada, iaitu takrifan agama Buddha yang dianuti oleh rakyat Thai. Pada permulaannya, Taksin selalu digambarkan dalam penulisan semasa sebagai pemimpin yang berpegang kuat kepada ajaran agama dan yang sanggup menyelesaikan semua kesulitan supaya rakyat yang beragama Buddha menjadi selamat. Misalnya, "Perampas kuasa < Taksin > menonjolkan tuntutannya dengan menunjukkan sifat kemurahan hati dan kebaktiannya".<sup>23</sup> Jika ditinjau *phongsawadan-phongsawadan* yang ditulis atau diperbaiki pada zaman Taksin, terdapat banyak rujukan kepada prinsip agama-politik Taksin mengenai institusi diraja dan tang-

<sup>22</sup> Lihat penjelasan lanjut di bawah.

<sup>23</sup> Turpin, *op.cit.*, m.s. 209.



gungjawab seseorang raja. Prinsip agama-politik itu ialah syarat kelayakan seseorang untuk menjadi raja. Jika tiada atau hilangnya syarat-syarat tersebut, hilanglah juga pengesahan dan hak memerintah seseorang raja itu. Misalnya dalam *Prachum Phongsawadan* Bahagian 66 menyebutkan Taksin dengan menerangkan bahawa,

“Jikalau seseorang raja yang bertanggungjawab memelihara dan menjamin keselamatan negara tidak mentadbir mengikut undang-undang dan adat resam masyarakat dengan *ubekha*/ketenangan, iaitu tidak menjatuhkan hukuman yang patut kepada sesiapa yang melakukan kesalahan, atau tidak menghadihkan sesiapa yang layak, ini akan memusnahkan negara....

Aku bersumpah bahawa aku tidak ingin menjadi raja dengan sebab-musabab duniawi. Aku berhasrat hanya menentukan peluang kepada semua makhluk supaya mereka dapat hidup dalam suasana yang tenteram dan damai serta mengikut *dharma* yang akan membolehkan mereka mencapai *nirvana*. Kalau ada sesiapaupun yang lebih layak tuntutan daripada aku untuk menanggung beban diraja yang berat ini, aku bersedia serta sanggup menyerahkan kedudukan aku kepadanya. Aku akan mengikut cara hidup pertapaan”.<sup>24</sup>

*Phongsawadan Krung Thonburi*, Bahagian 65 juga menyebutkan Taksin sebagai bukan sahaja penyelamat negara dan masyarakat tetapi juga penyelamat agama dan kebahagiaan hidup rakyat di akhirat kelak.<sup>25</sup> Pendeknya, aspek yang ditekankan ialah moral tertinggi dan jasa baik Taksin yang tidak dapat dinilai. *Bun-baramii* inilah yang menaikkan Taksin menjadi raja yang sah.<sup>26</sup>

Falsafah politik Taksin yang “baru” ini sebenarnya merupakan suatu dasar yang berpengaruh dalam zaman awal Kerajaan Sukhothai pada abad ke-13 dan ke-14. Walau bagaimanapun kefahaman bahawa raja terpaksa memerintah mengikut ajaran agama untuk kepentingan masyarakat dan keselamatan agama telah merosot pengaruh dan peranan utamanya pada zaman Ayudhya. Kejatuhan Ayudhya pada tahun 1767 menimbulkan banyak persoalan mengenai hubungan antara raja, agama dan masyarakat

<sup>24</sup> “Catatan Harian Mengenai Gerakan Tentera Raja Krung Thonburi semasa Menguasai Buddhaimat dan Kampuchea” dalam *Prachum Phongsawadan* Bahagian 66, Bangkok: Kurusabha, B.E.2512/1969, m.s. 228 – 9.

<sup>25</sup> *Prachum Phongsawadan* Bahagian 65, *op.cit.*, m.s. 21, 23 – 4, 35 – 7.

<sup>26</sup> Puteri Narintharadewi, *op.cit.*, membuktikan Taksin dan generasinya berpegang kuat kepada konsep *bun-baramii* itu. Lihat m.s. 13 – 15.

yang perlu diterangkan jika Siam akan wujud semula sebagai sebuah negara yang kuat. Taksin mengemukakan falsafah politik sebagai jawapan yang menyeluruh kepada persoalan-persoalan tersebut.

Menurut falsafah Taksin, Ayudhya dimusnahkan oleh musuh tradisionalnya kerana raja-raja yang memerintah Ayudhya pada zaman itu mengabaikan ajaran agama. Oleh itu, mereka tidak lagi mempunyai moral atau jasa baik yang sangat diperlukan untuk melindungi masyarakat. Mereka telah kehilangan kedaulatan serta kedudukan raja yang sah. Akibatnya, Ayudhya tidak berkebolehan mempertahankan dirinya menentang ancaman dari luar dan dalam.<sup>27</sup> Kehilangan moral dan jasa baik raja-raja menjadi sebab utama kemusnahan Ayudhya. Oleh kerana moral dan jasa baik seseorang raja merupakan syarat utama menentukan kelayakannya memerintah negara, ini bererti bahawa pengesahan seseorang raja berdasarkan pada hubungan darah atau keluarga raja itu dengan raja-raja sebelumnya tidak lagi menjadi penting. Sebaliknya, kebolehan peribadi serta *bun-barami*nya dianggap sebagai faktor terpenting untuk mengesahkan tuntutannya ke atas takhta Siam.

Taksin telah berulang kali memperlihatkan ketinggian moral dan kebolehannya yang sangat memmeranjatkan melalui gerakan tentera serta kelakuannya yang alim dan adil. Dengan bukti-bukti yang berkesan ini, Taksin menentukan kelayakannya menaiki takhta Siam sebagai pengganti yang sah bagi raja-raja Ayudhya, walaupun baginda tidak ada hubungan darah dengan mereka. Dengan menduduki takhta, Taksin membuka suatu lembaran baru dalam proses perkembangan sistem perajaan Siam. Sejak kejatuhan Ayudhya, tiada seorang raja pun yang dapat menentukan kelayakannya berasaskan hanya pada hakikat bahawa dirinya adalah ahli kerabat diraja. Kelayakan seseorang pengganti bergantung kepada kebolehan peribadinya dan ini memberi kekuatan baru kepada institusi diraja Siam dan menolongnya menghadapi cabaran-cabaran secara positif dan bertanggungjawab.

*(b) Proses Menyatupadukan Siam Secara Fizikal dan Mental*

Di antara kedua-dua aspek pemulihan besar yang dihadapi oleh Taksin, kemungkinan pemulihan fizikal lebih memerlukan tindakan segera daripada Taksin. Seperti yang telah disebutkan di

<sup>27</sup> *Phongsawadan Krung Thonburi* versi Akademi diraja, Bangkok 1903, m.s. 1.

atas, semasa Ayudhya musnah, kerajaan Siam dipecahbelahkan kepada beberapa kawasan yang penting iaitu kelima-lima kawasan termasuk Chanthaburi, kemudiannya berpindah ke Thonburi selepas kemenangan ke atas Suki, tempat Taksin mendirikan kubu pertahanannya yang pertama. Sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh, Taksin menyedari betapa pentingnya penubuhan semula pusat kerajaan Siam yang akan mengesahkan peranan utamanya di rantau Asia Tenggara. Tidak kurang pentingnya ialah tindakan Taksin terhadap keperluan mempertahankan kedudukan agama yang telah merosot dan hilang pengaruhnya. Tanpa Siam yang kukuh dan bersatu padu, sukar untuk melihat keselamatan agama Buddha Theravada di Lembah Sungai Chao Phraya. Taksin telah melihat bagaimana agama hilang kesuciannya dengan kemunculan golongan Chao Phra Fang yang mencuba mencampuradukkan agama dengan politik, dan dalam percubaan mendirikan kerajaan *sangha/sami* telah memutarbelitkan ajaran agama demi kepentingan sosiopolitiknya.<sup>28</sup>

Tujuan utama Taksin ialah menubuhkan pusat kuasa kerajaan yang berstrategi bagi perjuangan baginda untuk menghapuskan musuh-musuh dalam negeri. Oleh itu, Raja Taksin memilih Thonburi, sebuah bandar kecil di tebing barat Sungai Chao Phraya, sebagai pusat kerajaan setelah baginda menewaskan pasukan tentera Myanmar di situ. Tidak lama kemudian, jelas bahasa Thonburi sangat sesuai bagi keperluan Taksin. Kubunya tidak begitu besar tetapi senang dikawal oleh tentera Taksin yang pada masa itu tidak begitu ramai. Kedudukan kubunya juga dapat mengawal semua kegiatan perniagaan atau tentera laut di sekitar sungai tersebut. Jadi Taksin boleh menghalang musuh-musuhnya daripada mendapatkan bekalan senjata atau makanan dari luar. Pada bulan Disember 1767, Taksin telah menjadi *tuan* bagi seluruh kawasan lembah sungai rendah. Dengan kemenangan ke atas golongan Chao Phimai pada penghujung tahun 1768, Taksin secara rasmi menggunakan gelaran raja. Pada tahun 1770, Siam telah dicantumkan kembali sebagai negeri di bawah kerajaan pusat di Thonburi. Kejayaan Taksin sangat mengkagumkan dan mengingatkan kembali perjuangannya menentang serangan-serangan Myanmar yang cuba memusnahkan Siam. Sebenarnya, sepanjang pemerintahan Taksin, Siam sering diserang oleh tentera Myanmar iaitu pada tahun 1768.

<sup>28</sup> *Ibid.*, m.s. 25 - 6, 60 - 1.

1770, 1772, 1773, 1774, 1775 dan 1777. Walaupun begitu, Taksin berjaya mematahkan serangan-serangan tersebut, dan malahan dapat meluaskan kuasa Siam ke atas negeri-negeri yang dahulu mengakui taraf negeri naungannya kepada Ayudhya.

Satu lagi pemulihan semula dilaksanakan oleh Taksin ialah proses menubuhkan kembali kuatkuasa dan mengukuhkan kedudukan Siam. Sungguhpun tentera Siam berjuang bersungguh-sungguh mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman luar dan dalam, namun Taksin berazam agar Siam mendapat penghormatan yang sewajarnya daripada negeri-negeri jirannya. Sejak tahun 1769, Taksin memperlihatkan keazamannya terhadap perkara ini. Baginda telah menyerang Kampuchea dan menduduki Battambang dan Siemreap pada tahun itu. Pada tahun 1770 beberapa buah negeri seperti Pattani dan Terengganu menghantar ufti ke Thonburi sebagai balasan perlindungan Taksin menentang ancaman dan Myanmar.<sup>29</sup> Keselamatan Siam bertambah kukuh apabila Taksin berjaya merampas Lanna (Chiangmai) yang sejak kejatuhan Ayudhya, di bawah pendudukan Myanmar. Pada tahun 1774, pembesar-pembesar tempatan Lanna mengangkat sumpah taat setia kepada Thonburi. Peristiwa ini diikuti pula oleh pertarungan hebat antara Siam dengan Myanmar yang berpanjangan selama dua puluh tahun. Akhirnya, Chao Kavila, salah seorang pembesar Lanna yang taat setia kepada Thonburi, dilantik sebagai Raja Lanna, negeri naungan Siam yang terletak di utara.

Taksin juga berjaya mengalahkan negeri-negeri Lao. Pada tahun 1778, Chakri dihantar bersama-sama dengan Surasi, adiknya, dengan misi meluaskan kuasa Siam di kawasan tersebut. Hasilnya, Champassak, Nakhon Phanom, Luang Prabang, dan Vientiane bersetuju mengakui taraf negeri naungannya kepada Thonburi. Satu lagi kesan yang penting dalam kempen ini ialah pembawaan dua buah patung Buddha yang terkenal dari Vientiane ke Siam iaitu Patung Buddha Zamrud dan Patung Prabang. Patung Buddha Zamrud kemudiannya dijadikan paradigma dinasti Chakri dan Siam zaman Bangkok.<sup>30</sup> Kejayaan Siam ke atas kawasan timur laut

<sup>29</sup> *Prachum Phongsawadan* Bahagian 65, *op.cit.*, m.s. 33-5.

<sup>30</sup> Pentingnya Patung itu semakin jelas apabila Rama V menolak permintaan pihak berkuasa Perancis bahawa Patung Buddha Zamrud itu dipulangkan ke Vientiane. Sebabnya, Siam memang akan kehilangan kedaulatannya dan tuntutan dinasti Chakri untuk memerintah Siam juga dapat dipersoalkan jika baginda bersetuju menghantar balik paradigma kebangsaan itu.

ini meningkatkan lagi maruah negara dan mengesahkan pencapaian yang bermakna Raja Taksin yang dapat mencegah munculnya hubungan rapat antara Myanmar dengan negeri-negeri Lao, yang jika berlaku, akan menjejaskan kedaulatan Siam secara besar-besaran. Thonburi telah membuktikan bahawa beliau adalah pengganti Ayudhya yang paling layak kerana keupayaannya dapat menubuhkan kembali kuasa dan pengaruh Thai di kawasan tersebut seperti yang wujud pada zaman Ayudhya.

### Pemulihan Mental

Taksin sentiasa insaf mengenai suasana yang sedang merosotkan kepercayaan dan kefahaman orang Siam terhadap agama hingga meruntuhkan cara hidup masyarakat yang berunsurkan adat resam dan ajaran agama Buddha. Pada amnya, rakyat tidak lagi memahami sebab-sebab kenapa zaman gelap yang dialami oleh mereka itu berlaku ke atas masyarakatnya. Keadaan yang terjadi sertamerta itu seolah-olah Ayudhya bukannya pusat ilmu dan pengetahuan agama yang dihormati dalam dunia agama Buddha.<sup>31</sup> Oleh itu, Taksin dan *khunnang* serta sami-sami telah sebulat suara ber-setuju memutuskan bahawa tugas pertama kerajaan pusat ialah memberi keterangan yang munasabah dan lengkap kepada masyarakat untuk menamatkan ketiadaan kefahaman dan kekhuatiran rakyat terhadap pengalaman pahit tahun 1767 itu. Keterangan itu menolong Taksin dan pembesar-pembesarnya untuk melakukan rancangan-rancangan memulihkan mental dengan berkesan.

Seperti yang diterangkan di atas, penjelasan terpenting ialah mengenai sebab-musabab kejatuhan Ayudhya.<sup>32</sup> Sebagai langkah mengelakkan berulangnya keadaan itu, raja dan rakyat mestilah mengikut ajaran agama yang suci. Raja dikehendaki memperlihatkan sikap yang adil, alim, dan bertanggungjawab terhadap kebajikan masyarakat. Golongan pembesar pula mestilah membantu raja dalam usaha-usaha memperbaiki masyarakat mengikut ajaran agama, manakala golongan sami terpaksa memegang kuat pada cara hidup mereka serta meningkatkan ilmu pengetahuan mereka

<sup>31</sup> Dokumen Zaman Ayudhya menunjukkan kedudukan utama Siam sebagai pusat agama Buddha Theravada. Contohnya, penghantaran misi sami ke Sri Lanka untuk menolongnya memulihkan agama yang merosot pada abad ke-18.

<sup>32</sup> Lihat tajuk b. **Pemulihan Fizikal**.

mengenai ajaran agama yang asal. Ternyata bahawa kejayaan pemulihan mental bergantung pada keberkesanan institusi agama yang di bawah perlindungan raja.

Taksin memperlihatkan sifat yang amat mematuhi ajaran agama dalam menerima beban dan tanggungjawabnya. Misalnya, Taksin mengatasi masalah kebuluran dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyatnya dengan menanggung keperluan seharian mereka sendiri.<sup>33</sup> Baginda juga menyampaikan syarahan kepada pembesar-pembesarnya supaya bersifat adil dan bertanggungjawab supaya kemakmuran dan kesejahteraan negara dapat dikekalkan. Tidak kurang pentingnya ialah penerimaan Taksin sebagai penaung agama. Sejak awal lagi baginda melaksanakan rancangan memulihkan semua institusi agama daripada segi fizikal mahupun mental. Pada tahun 1768, Taksin menjalankan pembaikan dan pembinaan dua ratus kuil dan tempat kediaman sami serta menyusun semula perantaraan ketua-ketua sami dan majlis sami yang mentadbir hal tata-tertib dan pelajaran mereka. Sebagai penaung agama, Taksin meyakinkan golongan sami bahawa baginda bersedia berkorban demi keselamatan agama dan melindungi *sangha*.<sup>34</sup>

Menurut kepercayaan Taksin dan generasinya, agama akan selamat dan berkembang jika dibantu dan dilindungi oleh pihak berkuasa yang beragama dan bertanggungjawab. Jadi pemulihan institusi agama oleh Taksin juga bertujuan untuk menghidupkan kembali kepercayaan serta penghormatan masyarakat terhadap institusi agama. Ini kerana dengan kepercayaan agama yang kuat terhadap ajaran agama sahaja yang akan mewujudkan suasana moral dan sosial yang diinginkan untuk kemakmuran, kesejahteraan, dan keadilan masyarakat. Sebaliknya suasana masyarakat ini akan mencerminkan betapa besarnya moral dan jasa baik Taksin serta mengesahkan kelayakan baginda menduduki takhta Siam.

Satu cara yang jelas untuk meninggikan semangat masyarakat ialah percubaan Taksin mengumpulkan teks Tripitaka iaitu kitab

<sup>33</sup> *Prachum Phongsawadan* Bahagian 65, *op.cit.*, m.s. 22. Taksin direkodkan bertitah,

"sesiapa pun ... yang mempunyai kuasa yang luar biasa untuk mengubah keadaan ini ke keadaan yang kaya dengan berjenis-jenis bahan makanan dan yang akan menghasilkan kebahagiaan kepada semua makhluk, jika dia inginkan bahu aku sekalipun, memang aku sedia mengorbankannya".

<sup>34</sup> *Ibid.*, m.s. 23-4.

suci agama Buddha yang sempurna. Teks Tripitaka telah hancur akibat angkara jahat tentera Myanmar pada tahun 1767. Taksin menasihatkan golongan sami yang berpengetahuan dalam hal ini supaya menulis semula kitab Tripitaka. Kemudiannya, Taksin menyuruh sami-sami menyalin teks kitab Tripitaka yang lengkap daripada edisi yang dijumpai di Nakhon selepas kemenangan Taksin ke atas golongan Chao Nakhon pada tahun 1770.

Boleh dikatakan bahawa pada suatu peringkat, usaha-usaha Raja Taksin dalam proses pemulihan mental masyarakat Siam adalah berjaya. Baginda dapat menubuhkan kembali kefahaman asas terhadap agama dan peranan setiap lapisan masyarakat dalam konteks ajaran agama Buddha yang diperlukan untuk kemakmuran dan kedamaian masyarakat. Taksin juga berjaya menetapkan agama sebagai pengukur kebaikan dan keselamatan masyarakat mahupun kedudukan raja pemerintah. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan dan segala usaha Taksin dalam pemulihan mental ini masih belum memuaskan tetapi, jika mengambil kira keadaan sosial pada awal pemerintahannya dan peranan Taksin mempertahankan kedaulatan dan keselamatan Siam daripada kedua-dua ancaman luar dan dalam, serta rancangan perluasan kuasa Siam yang dilancarkan sepanjang pemerintahan Taksin, kejayaan Taksin itu dapat memenuhi keperluan rakyat.

### (c) *Kejayaan dan Kegagalan Taksin*

Pada awal tahun-tahun 1780-an, menjadi semakin ketara yang Taksin lebih menumpukan perhatian baginda kepada hal-hal keagamaan, terutamanya aspek-aspek mistiknya.<sup>35</sup> Di antara tuntutan-tuntutan mengenai pencapaian ilmu keagamaan baginda, Taksin menekankan kedudukannya sebagai *sotapana*, iaitu seorang yang telah mencapai ilmunya ke peringkat pertama *nirvana*/makrifat. Oleh itu, Taksin mendakwa golongan sami berkedudukan lebih rendah daripada baginda dan terpaksa menyembah Taksin kerana walaupun baginda masih orang biasa dan bukan sami tetapi baginda telah mencapai ilmu peringkat *arahat*. Menurut ajaran

<sup>35</sup> *Ibid.*, m.s. 85 - 6. Taksin memperlihatkan kecenderungannya untuk bekerja bagi meningkatkan sumbangan jasa baik baginda melalui latihan dan pengetahuan agama. Misalnya, Taksin membandingkan ciri-ciri tubuh badannya dengan ciri-ciri seorang Buddha atau *arahat*, dan tidak jemu memaparkan pengetahuan agama baginda.

agama Buddha, seorang *arahat* memang berkedudukan lebih tinggi daripada sami-sami biasa. Sami-sami yang tidak menerima tuntutan Taksin ini akan dihalau keluar daripada kesamian dan dikenakan hukuman yang keras. Sikap yang melampau itu nampaknya tidak terhad pada hal-hal keagamaan sahaja tetapi dikatakan juga melibatkan aspek-aspek pentadbiran yang lain.<sup>36</sup> Menurut dokumen-dokumen rasmi yang ada, Taksin menjadi tidak siaman dan kekejaman baginda menyebabkan keadaan huru-hara di Thonburi dan kawasan sekitarnya. Oleh itu, tidak hairan apabila pegawai-pegawai yang dihantar untuk menghapuskan pemberontakan di Ayudhya pada tahun 1782, telah menyertai pemberontakan itu dan terus menuntut supaya Taksin turun daripada takhta. Di samping itu juga, pegawai-pegawai itu menyokong kuat pencalonan Chakri sebagai pengganti Taksin. Tentera pemberontak sampai ke Thonburi tanpa menghadapi banyak tentangan daripada pihak kerajaan. Akhirnya Taksin digulingkan dan Chakri telah dilantik menjadi raja.

Kegagalan Taksin yang paling nyata ialah kelemahan kedudukan baginda berdepan dengan golongan *khunnang* yang bersatu. Taksin diterima sebagai "yang dipertuan agung" oleh pembesar-pembesarnya kerana kebolehan dan kebijaksanaan baginda dalam bidang ketenteraan semasa kemusnahan Siam sangat memerlukan pemimpin yang berkarisma dan mempunyai daya usaha seperti Taksin. Sebahagian besar *khunnang* Taksin berasal dari kawasan Lembah Sungai Chao Phraya dan mempunyai hubungan keluarga antara satu dengan yang lain. Contoh yang jelas ialah Chakri dan Surasi yang boleh dikira sebagai satu keluarga besar iaitu semuanya sanak-saudara mereka.<sup>37</sup> Dalam suasana sosiopolitik ini Taksin merupakan seorang pemimpin yang tidak mempunyai asas kuasa yang kukuh, dan agaknya dilihat sebagai orang luar. Apabila Taksin berjaya dalam percubaannya memulihkan Siam, kelemahan sosiopolitiknya tidak menjejaskan kedudukan baginda. Suatu penjelasan yang menyokong sikap toleransi golongan bangsawan terhadap Taksin selain kedudukan militari Taksin masih kuat dalam tahun-tahun 1770-an ialah persetujuan yang wujud antara Taksin dan *khunnang*nya. Golongan

<sup>36</sup> *Prachum Phongsawadan* bil. 23, *op.cit.*, melaporkan perubahan sikap Taksin terhadap golongan mubaligh Kristian yang menjadi tidak adil dan kejam.

<sup>37</sup> Wyatt, "Family Politics", *op.cit.*



pembesar ini telah mempunyai persefahaman dengan Taksin mengenai falsafah politik dan agama yang diperkenalkan oleh Taksin. Jadi mereka menerima langkah-langkah yang dilakukan oleh Taksin sebagai cara yang sah dan tepat untuk mengembalikan kekuasaan, kemakmuran, dan kebaikan rakyat. Tetapi apabila mereka mempercayai bahawa Taksin telah menyeleweng daripada objektif-objektif yang membina itu dan akan menjadi ancaman kepada kepentingan golongan mereka khasnya, dan rakyat amnya, golongan *khunnang* yang dipimpin oleh Chakri membuat keputusan untuk menurunkan Taksin daripada takhta kerajaan. Mereka berjaya sebab sikap Taksin sendiri yang selalu menolong mereka meningkatkan kuasa dan pengaruh golongannya.

Sepanjang pemerintahannya, Taksin sering menekankan hasrat baginda untuk menyerahkan tanggungjawab pemerintahan kepada sesiapa sahaja yang layak supaya baginda dapat mengikut jalan agama yang lebih tinggi untuk kebahagiaan rohaninya.<sup>38</sup> Mungkin Taksin memilih pencapaian rohani baginda sebagai alat menentang cabaran politik daripada Chakri dan golongan *khunnang*. Ini juga menerangkan sebab-sebab mengapa Taksin selalu menaikkan pangkat Chakri dan Surasi tanpa memikirkan akibat daripada tindakannya itu. Semakin bertambah kuasa dan pengaruh Chakri, maka semakin bertambah pula penglibatan Taksin dalam usaha mencapai kemuncak ilmu agama yang dicita-citakannya. Jelaslah bahawa Taksin membuat keputusan menghadapi cabaran sosiopolitik menentang *bun-baramii* baginda dengan pencapaian keagamaannya. Malangnya, pemilihan Taksin itu tidak dapat diterima oleh rakyat terutamanya oleh golongan sami. Konsep raja yang mempunyai kedudukan keagamaan yang tertinggi dikemukakan oleh Taksin tidak dapat diterima sebab ajaran agama Buddha Theravada selalu mengasingkan hal duniawi daripada hal rohani. Raja terpaksa memberi perlindungan kepada institusi agama tetapi raja tidak mempunyai kuasa yang lebih daripada sami dalam hal-

<sup>38</sup> Taksin memperlihatkan sikap baginda yang cenderung kepada agama sejak awal lagi. Pada tahun 1768, Taksin memutuskan menolak tanggungjawab duniawi sebab jemu dengan kejahatan di sekelilingnya. Tetapi baginda tidak dapat berbuat demikian kerana dipujuk untuk menyelamatkan negara dan agama. Boleh dikatakan bahawa keinginan baginda hidup dalam kesamian adalah ikhlas.

hal *dharma* dan pengetahuan agama.<sup>39</sup> Jadi percubaan Taksin dilihat sebagai ancaman besar kepada keselamatan rakyat dan agama. Oleh kerana itu Taksin gagal mempertahankan kedudukannya. Kemungkinan besar tuduhan bahawa Taksin kurang siuman itu tidaklah tepat. Kesalahan Taksin, jika itu sebenar kesalahannya, ialah baginda terlalu berusaha untuk membuktikan kepercayaannya yang agak progresif dan yang tidak dapat dibuktikan dengan pasti. Memang rakyatnya melihat tindakan baginda sebagai sesuatu yang luar biasa.

Kegagalan Taksin dalam bidang pentadbiran juga menjejaskan kedudukannya. Sebagai seorang pahlawan yang bijaksana, Taksin kurang menyedari betapa pentingnya sistem pentadbiran yang tersusun. Pemulihan pentadbiran yang dapat dijalankan oleh baginda seolah-olah merupakan tindakan sementara untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Taksin menjadi pemerintah seperti seorang jeneral yang sentiasa memindahkan ibu pejabatnya mengikut kempen-kempennya. Kelemahan ini muncul apabila Taksin menghadapi penentangan pada tahun-tahun terakhir pemerintahan baginda. Sebaik sahaja timbulnya pemberontakan menentang Taksin, sistem pentadbiran di Thonburi telah musnah. Akibatnya, Taksin menjadi orang tawanan *khunnangnya* dan tidak dapat mempertahankan kedudukan baginda.

Sebaliknya, pencapaian atau kejayaan Taksin yang terbesar ialah kebolehan baginda menyelamatkan Siam semasa Siam mengalami kemusnahan. Tanpa keazaman dan kepimpinan Taksin yang luar biasa, adalah sukar Siam dapat dibangunkan kembali secara pantas. Taksin merupakan seorang pemimpin yang berkalibar menjadi cahaya harapan negara yang memberi semangat dan ilham kepada saudara senegeri baginda. Sesungguhnya, kepimpinan inilah yang menarik dan menjadi tumpuan pada orang yang berkebolehan seperti Surasi dan Chakri menyertai golongan baginda.

Taksin berjaya menyusun struktur asas rakyat Siam selepas tahun 1767 yang sangat diperlukan. Pemulihan sosiopolitik yang dijalankan oleh Taksin menjadi asas pada semua rancangan yang dilaksanakan oleh Rama I, terutamanya falsafah politik baginda yang memberi semangat baru pada institusi diraja sehingga seka-

<sup>39</sup> Lihat Wyatt, *Thailand, A Short History, op.cit.*, m.s. 143-5; Gesick, "The Rise and Fall of King Taksin", *op.cit.*, m.s. 99-102.

rang. Akhirnya, yang paling penting ialah kejayaan Taksin menyatupadukan Siam bebas, dan berdaulat sebagai warisan baginda kepada bangsa Thai.

### III. Chakri: Pembina Masyarakat Intelek (1782-1809)

#### (a) Rancangan Pemulihan Siam

Seperti Taksin, Chakri atau Rama I menyedari betapa pentingnya rancangan-rancangan pemulihan Siam yang akan menjamin keselamatanannya. Walau bagaimanapun Rama I melihat rancangan-rancangan memulihkan struktur dan semangat rakyat diperlukan secara mendadak. Mungkin ini disebabkan oleh keadaan yang wujud pada masa Rama I menaiki takhta. Pada masa itu, kepercayaan keagamaan bertambah merosot kerana perpecahan golongan sami mengikut kelompok pro atau kontra-Taksin. Maka wajarlah bagi Rama I melancarkan rancangan-rancangan memulihkan institusi agama.

Tujuan rancangan pemulihan institusi agama ialah untuk menamatkan krisis kemerosotan moral dan ilmu *sangha* yang dipercayai menjadi masalah pokok kemerosotan institusi agama dalam zaman pemerintahan Rama I.<sup>40</sup> Rama I menjalankan dua rancangan yang memang berkaitan dengan tujuan tersebut. Pertama, rancangan menyemak dan membetulkan semula kitab *Tripitaka*. Kedua, ialah rancangan pengisytiharan Kod Undang-undang Sami yang berlaku pada tahun 1782-1783. Rancangan menyemak semula kitab *Tripitaka* bertujuan menentukan ketepatan kitab suci agama yang dihormati sebagai sumber rujukan utama *dharma* Buddha. Dalam tahun 1788-1789, sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada sami-sami yang berpenge-

<sup>40</sup> Sebenarnya, percubaan untuk mengatur dan memperbaiki kemerosotan institusi agama telah dilaksanakan oleh Taksin, tetapi kerana kekurangan masa dan tenaga terpelajar tidak membolehkan Taksin melaksanakan rancangan-rancangan baginda dengan sempurna. Misalnya, pada tahun 1769 Taksin menyuruh pihak sami membuat satu salinan semula yang lengkap kitab *Tipitaka*, dan pada tahun 1776 terdapat percubaan menulis semula buku teks agama *Traiphum*. Lihat C.J. Reynolds, "Buddhist Cosmology in Thai History with Special Reference to 19th Century Culture Change" dalam *JAS*, 35: 2, Februari 1976, m.s. 203-220.



Rama I, Pengasas Dinasti Chakri (1782-1809)

tahuan tinggi dalam bidang *dharma* dilantik oleh Rama I untuk menentukan ketepatan isi kandungan kitab *Tripitaka*. Pengisytiharan Kod Undang-undang Sami bertujuan untuk mengawal tata-tertib dan tabiat golongan sami yang sangat merosot sejak kejatuhan Ayudhya, dan telah bertambah buruk sebab percubaan Taksin membuktikan yang kedudukan baginda adalah lebih tinggi daripada *sangha*. Kod itu juga menetapkan langkah-langkah menghukumkan seseorang sami yang melanggar peraturan-peraturan tersebut. Dengan rancangan-rancangan ini, Rama I berharap agama Buddha akan selamat dan moral serta pengetahuan golongan sami akan mencapai peringkat yang sewajarnya.

Satu lagi masalah besar yang wujud sejak tahun 1767 ialah sistem pentadbiran yang tidak berkesan akibat kekurangan teks-teks panduannya termasuk teks undang-undang. Rama I menyelesaikan masalah ini dengan menyemak semula undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu. Kesannya, Rama I mengisytiharkan Kod Undang-undang Tiga Tera. Kod itu menjadi undang-undang induk Siam tradisional sehingga kod undang-undang bercorak Barat diperkenalkan pada abad ke-20. Dengan pengisytiharan Kod Undang-undang Tiga Tera dan perlantikan pembesarpembesar mengikut susun-pangkat tradisional, Rama I dapat menyusun sistem pentadbiran yang teratur dan berkesan.

Sistem pentadbiran yang dikemaskinikan oleh Rama I sebenarnya merupakan sistem yang digunakan sejak zaman Raja Trilok di Ayudhya (1448 – 1488). Sistem pentadbiran yang terdiri daripada enam jabatan besar yang berfungsi sebagai majlis menteri kecil raja pemerintah. Empat *krom*/jabatan daripada enamnya dinamakan *jatusadom*, iaitu *Krom* Wieng, *Krom* Wang, *Krom* Khlang, dan *Krom* Na. Wieng atau *Krom* Muang, ialah jabatan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran ibu kota dan kawasan sekitarnya. Menteri *Krom* Wieng/Muang ialah Chao Phraya Yommarat. *Krom* Wang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal istana dan menterinya bergelar Chao Phraya Thammathikon. *Krom* Khlang adalah di bawah Chao Phraya Khlang yang menjalankan tugas sebagai menteri kewangan, perniagaan asing, dan hubungan luar. Selain itu, Chao Phraya Phra Khlang juga mentadbir wilayah-wilayah sekeliling Teluk Siam yang terlibat dalam perniagaan asing secara langsung. *Krom* Na atau Jabatan Tanah terletak di bawah Chao Phraya Pholathep dan mentadbir tanah, memungut cukai tanah dan hasilnya. Jabatan ini juga bertanggungjawab

mengumpul dan menyimpan bahan-bahan makanan, terutamanya beras, semasa berlaku sesuatu bencana, misalnya semasa perang.

Di atas *jatusadom* terdapat dua jabatan terbesar iaitu *Krom Phra Kalahom* dan *Krom Mahatthai*. Kedua-duanya dianggap sebagai jabatan perdana menteri Siam. Namun, *Krom Mahatthai*, mengikut tradisi, mempunyai pengaruh yang agaknya lebih tinggi daripada *Kalahom* sebab kuasanya ke atas kawasan yang lebih penting iaitu kawasan utara dan timur. Ketua *Krom Mahatthai*, *Samuha Nayok*, disandang oleh *Chao Phraya Akkramahasenabodi*. Pada zaman Rama I, *Chao Phraya Rattanaphiphit* dilantik menjadi *Samuha Nayok*. Ketua *Krom Phra Kalahom*, *Samuha Kalahom*, berkuasa ke atas wilayah-wilayah di selatan (dari *Phetburi*) termasuk semua negeri naungan Siam di utara Tanah Melayu. *Chao Phraya Mahasena* dilantik memegang jawatan *Samuha Kalahom*. *Krom Kalahom* dan *Krom Mahatthai* juga mempunyai tanggungjawab terhadap pentadbiran tertentu. *Mahatthai* mentadbir semua perkhidmatan awam di seluruh negeri manakala *Kalahom* bertanggungjawab ke atas semua hal-ehwal ketenteraan.

Satu aspek yang jelas memperlihatkan hasrat Rama I untuk membina pertalian politik dengan pentadbiran yang seimbang dan bersefahaman antara raja dan *khunnangnya* ialah hubungan keluarga di kalangan mereka. Semua *khunnang* yang menyandang jawatan menteri mempunyai pertalian keluarga antara satu dengan lain melalui ikatan perkahwinan atau persaudaraan. Rama I menerima ramai anak perempuan daripada keluarga pembesar baginda sebagai isteri gundiknya.<sup>41</sup> Dengan perhubungan kekeluargaan dan perkongsian kepentingan sosiopolitik dan ekonomi yang padu, Rama I dapat menentukan kerjasama dan taat setia yang penuh daripada *khunnang* baginda. Hubungan Rama I dengan *khunnangnya* rapat. Baginda tidak pernah mengalami cabaran daripada mereka seperti yang dihadapi oleh Taksin.

Usaha-usaha Rama I merangkumi juga bidang sosial. Tujuan utamanya ialah untuk menerangkan serta menyebarkan pemikiran

<sup>41</sup> Contohnya, salah seorang isteri gundik Rama I ialah anak perempuan *Chao Phraya Nakhon (Phat)*. Daripada perkahwinan ini lahirlah Putera *Sakdipholasap*, yang kemudiannya menjadi *Wang Na* kepada Rama III. Pertalian keluarga itu merupakan percubaan Rama I untuk mewujudkan perhubungan yang rapat dengan pembesar-pembesar di selatan Siam yang agaknya tidak begitu mesra dengan pemimpin-pemimpin baru di Bangkok.

dan kefahaman sosiopolitik generasi pemimpin sesudah kemusnahan Ayudhya supaya dapat diserapkan oleh rakyat Siam tanpa salah faham. Nilai-nilai yang berhubung dengan konsep baru diterangkan dengan tafsiran ajaran agama dan adat istiadat yang tertumpu pada agama.

Sastera dan sejarah menjadi aspek pemulihan sosial yang menggambarkan tujuan Rama I yang berkesan. Walaupun rakyat Siam tradisional masih buta huruf pada keseluruhannya, tetapi terdapat bukti yang mengesahkan peranan pengaruh sastera dan sejarah ke atas rakyat amnya, dan pembesar-pembesar khasnya. Contohnya, terdapat lukisan-lukisan menceritakan tentang sejarah riwayat Buddha, cara hidup rakyat jelata, sastera klasik seperti *Ramayana*, *Inao*, dan lain-lain yang dilukis di dinding bangunan-bangunan kuil di ibu kota mahupun di wilayah. Ini bererti bahawa pengertian dan tunjuk ajar daripada cerita-cerita itu dapat disampaikan kepada masyarakat secara menyeluruh. Pada zaman Rama I, terdapat percubaan kuat oleh raja dan *khunnang* untuk menggalakkan penulisan sastera dan sejarah yang disebarikan kepada golongan masyarakat yang berkenaan. Objektif asas percubaan dalam bidang ini ialah untuk mengemaskinikan dan menegaskan maklumat yang sesuai dan mempunyai nilai sosiopolitik yang diinginkan oleh pemimpin baru. Maklumat itu kemudiannya disampaikan kepada masyarakat supaya nilai-nilai sosiopolitik dan moral pemimpin baru dapat diserapkan oleh masyarakat. Hasilnya, semangat dan perasaan taat setia rakyat dan pembesar terhadap raja, agama, dan nilai-nilai masyarakat baru itu menjadi kukuh, dan masyarakat akan tenteram dan makmur. Di antara percubaan sastera yang terpenting ialah kejayaan Rama I menyempurnakan satu edisi *Ramayana* yang lengkap, dan terjemahan-terjemahan karya klasik antarabangsa seperti *Rachatirat* (daripada bahasa Mon), *Sam Kok* (bahasa Cina), *Danang* dan *Inao* (bahasa Jawa), *Jinakalamali* (bahasa Pali), dan sebahagian *Mahabharata* (bahasa Sanskrit). Ciri-ciri yang diutamakan oleh semua karya itu ialah pendekatan yang bermoral tinggi, keberanian, perasaan taat setia, kebenaran menurut agama, kebolehan, kesabaran dan keazaman menghadapi nasib yang kurang baik, kejujuran dan lain-lain. Sikap seperti itu diperlukan oleh masyarakat Siam untuk membina semula zaman keemasannya.

Usaha Rama I dalam bidang sejarah berkait rapat dengan falsafah sosiopolitik yang diwarisi oleh baginda daripada Taksin.

Edisi-edisi *phongsawadan* (babad, tawarikh) yang disemak semula atau ditulis dalam zaman Rama I mengandungi cerita (penjelasan) dan rujukan tentang tabiat raja-raja dinasti Ban Phlu Luang yang kejam, tidak berperikemanusiaan, tidak adil, dan tidak beragama.<sup>42</sup> Gambaran raja seperti itu dibandingkan dengan tindakan-tindakan Rama I yang sentiasa mengikut ajaran agama, bertanggungjawab, adil, dan menonjolkan moral baginda yang tertinggi.<sup>43</sup> Tujuan perbandingan itu adalah nyata. Tabiat diraja Ban Phlu Luang yang amat dihina adalah kerana kemusnahan Ayudhya dan penderitaan rakyat. Sebaliknya, Rama I dan dinasti Chakri berkelayakan memerintah Siam kerana Rama I telah membuktikan berkali-kali sikap bertanggungjawab baginda yang mencerminkan pemerintahan seorang *dharmaraja*.<sup>44</sup> Kesan yang paling ketara yang mengesahkan tuntutan Rama I dapat dilihat dengan kejayaan dan kemakmuran Siam di bawah kepimpinan baginda. Lantaran pentingnya *phongsawadan* sebagai sumber utama pentadbiran Siam, maka sejarah digunakan oleh Rama I sebagai bukti mengesahkan kebenaran falsafah sosiopolitik Taksin-Rama I yang mesti difahami dan dipatuhi oleh raja dan *khunnang* supaya keselamatan dan kemakmuran Siam dapat dijamin.

Begitu juga dengan upacara-upacara negara, Rama I melibatkan diri dalam rancangan menyemak semula keaslian upacara-upacara mengikut ajaran agama dan adat-istiadat Thai. Objektifnya ialah untuk menjamin kedudukan utama agama Buddha dalam semua aspek cara hidup masyarakat, iaitu menyelaraskannya dengan falsafah sosiopolitik baginda.<sup>45</sup> Rama I juga ingin menghapuskan beberapa unsur yang kurang membina yang dilakukan oleh

<sup>42</sup> *Phongsawadan Phanchanthanumat*, Bangkok: Khlang-wittaya, B.E. 2507/1964.

<sup>43</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Pemerintahan Rama I*, *op.cit.*, m.s. 28–32.

<sup>44</sup> Konsep *dharmaraja* menekankan peranan seseorang raja yang mesti mengikut ajaran agama dan menunjukkan moral dan jasa baik sebagai raja pemerintah. Pada praktiknya, ini bermakna bahawa seseorang raja mesti memerintah dengan adil, dan murah hati terhadap institusi agama di samping menunjukkan kebolehannya dalam bidang tentera dan politik.

<sup>45</sup> Rama I menetapkan dalam buku *Kod Undang-undang Tiga Tera* mengenai cara yang tepat untuk memberi penghormatan kepada Tiga Permata iaitu Buddha, Dharma, dan Sangha/Sami, yang berkedudukan lebih tinggi daripada semua objek penghormatan yang lain. Baginda juga menamatkan upacara menghormati patung pengasas Ayudhya yang sehingga masa itu dianggap sebagai penjaga kerajaan Siam.



Taksin. Antara percubaan Rama I dalam hal ini ialah pengu-  
muman hasrat diraja tahun 1782 yang merekodkan bahawa:

“Duli Yang Maha Mulia Raja berkeinginan yang semua per-  
kara <mengenai upacara-upacara negara> dilaksanakan  
seperti yang dibuat pada zaman pemerintahan Raja Borom-  
makot dan bukan seperti yang dijalankan oleh *Phraya*  
Taksin”.<sup>46</sup>

Yang paling penting ialah upacara *abhiseka*/pertabalan yang  
melambangkan pengesahan hak seseorang raja. Rama I mengambil  
perhatian serius terhadap ketepatan proses upacara tersebut. Ba-  
ginda menyiapkan semua yang dikehendaki mengikut adat-istiadat  
Ayudhya — istana (yang terdiri daripada Phra Maha Prasat dan  
Phra Maha Monthien), alat-alat kebesaran diraja, kuil diraja di  
dalam kawasan istana besar — sebelum baginda menjalankan upa-  
cara pertabalannya. Jelaslah bahawa Rama I bukan sahaja bertu-  
juan memperlihatkan pengesahan kedudukan diraja baginda dari  
segi adat-istiadat tetapi juga ingin menunjukkan ketepatan intisari  
upacara itu sebagai teladan kepada generasi-generasi akan datang.  
Menurut Rama I, tiada sebarang kuasa luar biasa pun yang lebih  
berkuasa daripada Buddha. Oleh kerana itu, walaupun terdapat  
sikap toleransi Rama I terhadap unsur-unsur kepercayaan lain  
yang telah terserap ke dalam agama Buddha, mereka hanya me-  
mainkan peranan tambahan kepada agama Buddha dan nilai moral  
masyarakat. Rama I sama sekali tidak menggalakkan aspek mistik  
agama yang telah menyebabkan kekacauan masyarakat pada  
tahun-tahun terakhir pemerintahan Taksin.

Tidak dapat dinafikan bahawa rancangan pemulihan masya-  
rakat yang dijalankan oleh Rama I menunjukkan kebijaksanaan-  
nya sebagai pembina kerajaan Siam yang baru. Dengan kesedaran  
yang mendalam terhadap keperluan negara dari segi mental dan  
fizikal, Rama I berjaya menubuhkan asas yang kukuh bagi mengu-  
kuhkan Siam zaman Thonburi-Bangkok sehingga sekarang.

#### (b) Proses Perluasan Kuasa Siam

Pada tahun 1782 serangan dari Myanmar semakin kurang. Ini kera-  
na dari tahun 1775 apabila kempen menentang kuasa Myanmar di

<sup>46</sup> Damrong-rajanubhab, “Mengenai upacara-upacara perjalanan diraja”, dalam  
*Adat Istiadat Diraja*, Bangkok: Khlang-wittaya, B.E. 2504/1961, m.s. 495.

Chiangmai (Lanna) berakhir dengan kemenangan Taksin ke atas pencerobohan Ava itu. Dengan kejayaan ini dan juga berlakunya keadaan kacau-bilau di Myanmar, telah melemahkan keupayaan Burma meneruskan dasar agresif terhadap Siam.<sup>47</sup> Kesannya, kira-kira sepuluh tahun berikutnya Siam dapat menjalankan dasar perluasan kuasa ke atas negeri-negeri jiran yang terlebih dahulu mengakui taraf negeri naungan kepada Siam. Dari tahun 1775-1782 Taksin dapat menyatakan bahawa:

"mana-mana negeri walaupun lebih berkuasa daripada Ava < Myanmar > . jika diingini oleh Yang Maha Mulia Raja Taksin, memang akan jatuh ke tangan baginda."<sup>48</sup>

Kenyataan ini secara rasmi melancarkan dasar perluasan kuasa Taksin. Pada akhir pemerintahan Taksin, Siam telah berjaya memperkuatkan semula kedudukannya sebagai negeri dipertuan ke atas negeri-negeri Lao, Kampuchea, dan Kedah. Pattani, walaupun lebih awal menjadi negeri naungan Siam, tetapi pada tahun-tahun akhir pemerintahan Taksin, negeri tersebut terkeluar daripada lingkungan pengaruh Thonburinya.<sup>49</sup> Kampuchea pula memberontak pada tahun 1781 dan Chakri dihantar bagi menewaskan dan mengatur semula pentadbiran di negeri itu. Jadi keseluruhannya, Rama I mewarisi sebuah kerajaan yang luas dan kuat kekuasaannya. Hanya beberapa aspek perluasan kuasa sahaja yang perlu diperbaiki.

Asas dasar perluasan kuasa yang dipegang kuat oleh Taksin dan Rama I berkait rapat dengan konsep pengesahan seseorang raja yang bergantung pada moral, jasa baik, dan kebolehan peribadi raja itu. Seperti yang telah disebutkan, aspek perluasan kuasa merupakan sebahagian daripada konsep pengesahan raja. Memang kita boleh menerima penjelasan bahawa tujuan dasar perluasan kuasa Siam ini bertujuan untuk menjaga keselamatan serta kedaulatan negara. Sungguhpun begitu, cara dasar tersebut dilancarkan oleh kedua-dua orang raja ini menunjukkan bahawa keselamatan negara bukanlah menjadi faktor terpenting. Taksin mencuba se-

<sup>47</sup> Tentang perkembangan politik di Burma pada waktu ini lihat J. Cady, *A History of Modern Burma*, Ithaca, 1958.

<sup>48</sup> Dokumen Thonburi, Surat Taksin kepada Raja Vientiane J.S. 1137/1775.

<sup>49</sup> *Prachuma Phongsawadan* Bahagian 65, *op.cit.*, m.s. 84.

daya upaya memperlihatkan dakwaan baginda sebagai *dharmaraja* yang baik dan kebolehannya disegani oleh negeri-negeri kecil sehingga mereka sanggup mengakui taraf mereka yang lebih rendah daripada Taksin. Jelas bahawa suatu bukti yang bermakna bagi dakwaan raja seperti Taksin dan Rama I yang berdasarkan hak memerintah mereka kepada pencapaian jasmani dan rohani-nya ialah jumlah negeri kecil yang menerima kuasa dipertuannya. Oleh itu, dasar peluasan kuasa mesti dijalankan dengan berkesan untuk mendapatkan bukti-bukti yang memperlihatkan kenyataan dakwaan raja itu.

Dapat diperhatikan bahawa raja-raja Siam sejak Taksin, terutamanya perampas kuasa seperti Taksin dan Rama I, atau yang hak dan kedudukannya selalu tercabar seperti Rama III, telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan tanda-tanda yang akan meyakinkan jumlah terbesar jasa baik mereka. Sebagai implikasinya, mereka dapat menjamin kedudukan tertingginya. Seorang raja dengan nilaitara (kriteria) itu tidak ada pilihan selain menjalankan dasar peluasan kuasa sebagai sebahagian ideologi *dharmarajanya*.<sup>50</sup> Jadi lebih besar keperluan raja menentukan kedudukannya, lebih aktif pula dasar peluasan kuasanya.

Rancangan peluasan kuasa Rama I dapat difahami dalam konteks di atas. Seperti Taksin, Rama I juga perlu menonjolkan dirinya sebagai *dharmaraja*, yang mana jasa baiknya menjamin kedudukan raja pemerintahnya mahupun jatuh bangun rakyat. Oleh kerana itu, Rama I selalu berada di bawah tekanan sosiopolitik apabila cuba memperlihatkan jasa baik baginda dengan bukti-bukti yang jelas. Kemenangan ke atas musuh dan negeri naungan menjadi bukti yang jelas bagi menunjukkan kebolehan politik dan moral Rama I. Dasar peluasan kuasa yang berjaya menjadi jaminan, bukan sahaja takhta Rama I tetapi juga kebaikan Siam di bawahnya.

Selain tiga peperangan dalam tahun-tahun 1785–1787, semasa itu Siam sedang mempertahankan kedaulatannya daripada serangan Myanmar, perang Siam Myanmar sepanjang pemerintahan Rama I mencerminkan persaingan yang hebat di antara dua orang raja yang ingin menonjolkan diri masing-masing sebagai *dharmaraja*

<sup>50</sup> Lihat Michael Aung-Thwin, "Divinity, Spirit, and Human: Conceptions of Classical Burmese Kingship", dalam Gesick (peny.) *Centers, Symbols, and Hierarchies*, *op.cit.*, m.s. 45–86.

yang paling dihormati rantau ini.<sup>51</sup> Terdapat tujuh perang Thai Myanmar dalam zaman Rama I. Sejak tahun 1787, persaingan bersenjata antara mereka melambangkan tujuan meluaskan kuasanya. Rama I melancarkan kempen menyerang Myanmar tahun 1787 di Tavoy. Walaupun percubaan pertama baginda gagal, namun Rama I berjaya empat tahun kemudian apabila Tavoy, Mergui, dan Tenasserim mengangkat sumpah menjadi negeri naungan Bangkok pada tahun 1791. Kemenangan ini menandakan kemenangan moral yang bererti ke atas raja Myanmar sebab ketiga-tiga buah negara itu sebelum ini berada di bawah lingkungan pengaruh Ava. Peristiwa pemindahan kawalan negeri naungan Myanmar memaksa Raja Bodawpaya menyerang semula Bangkok untuk mendapatkan semula negeri naungannya. Perang Tavoy, Mergui, dan Tennasserim berlaku pada tahun 1793. Myanmar mengalahkan tentera Thai di tiga buah negeri tersebut. Kesan perang tahun 1793 memberikan pengajaran kepada Rama I terhadap hakikat bahawa Siam tidak mampu mempertahankan negeri-negeri naungannya daripada serangan besar jika tiada sokongan kuat daripada golongan pembesar tempatan.

Perang Thai-Myanmar yang berlaku pada tahun 1797 dan 1802 itu juga mencerminkan persaingan yang hebat antara mereka bagi mendapatkan yang lebih berkuasa ke atas Lanna Thai. Sebelum ini, kawasan utara Thai yang berpusat di Chiangmai, Lampang, dan Lamphun, telah berada di bawah kuasa Taksin dan pembesar-pembesar tempatan penyokongnya. Walaupun begitu, Raja Bodawpaya memutuskan untuk menyerang Chiangmai untuk merebut semula Lanna Thai sebagai negeri yang berada dalam lingkungan pengaruh Myanmar. Malangnya, baginda tidak berjaya. Setelah gagal pada tahun 1802, Myanmar cuba menjalin hubungan diplomatik dengan Bangkok.<sup>52</sup> Tetapi pucuk pimpinan Thai mencurigai kejujuran Myanmar terhadap perkara tersebut dan tidak menerima tawaran persahabatan itu. Pada dasarnya, terdapat suasana toleransi di antara Myanmar dan Siam hingga tamatnya pemerintahan Rama I.

<sup>51</sup> Di antara ketiga-tiga perang itu, yang terpenting sekali ialah perang di Ladyaa pada tahun 1785.

<sup>52</sup> Missi utusan diplomatik pada tahun berikutnya ialah tahun 1793, 1802, 1807 dan 1809. *Phongsawadan Pemerintahan Rama I, op. cit.*

Kempen-kempen yang bertujuan untuk meluaskan kuasa Siam, dan, sebagai implikasinya, kelayakan Rama I menduduki takhta ialah kempen-kempen di negeri-negeri Lao dan Kampuchea di utara dan timur laut, dan kempen-kempen menduduki negeri-negeri Melayu di selatan.

Masalah Kampuchea bermula pada tahun 1781 dan Rama I (Chakri pada waktu itu) dihantar oleh Raja Taksin untuk menyelesaikannya. Tetapi sebelum Rama I sampai ke Kampuchea, baginda mendapat maklumat mengenai pemberontakan di Thonburi. Secara mendadak baginda kembali ke ibu kota dan terus menjadi ketua kumpulan pihak pembesar-pembesar yang menentang Taksin. Akhirnya, baginda menaiki takhta Siam menggantikan Taksin. Dalam pada itu, masalah Kampuchea yang baru berumur sembilan tahun, lari ke Siam dalam tahun 1783, dan diterima sebagai anak angkat Rama I. Dalam tempoh antara tahun 1783 – 1794 merupakan zaman kekacauan sosiopolitik yang terbesar di Kampuchea. Kekacauan ini timbul kerana berlaku perang saudara di Kampuchea dan pemberontakan Tayson di Vietnam, serta kemunculan kuasa tentera Cina di Ha-tian. Rama I membuat keputusan untuk mengatasi masalah Kampuchea itu dengan cara diplomasi dan dengan menggunakan kekuatan tentera. Baginda memberi pertolongan kepada Putera Nguyen Anh, pewaris takhta Vietnam. Nguyen Anh dibenarkan mendapat perlindungan politik (suaka) di istana di Bangkok pada tahun-tahun 1784 – 1787, dan apabila beliau pulang ke Vietnam untuk berjuang merebut kembali hak pusakanya, Rama I menghantar bantuan bahan makanan, senjata, dan pasukan tentera Thai untuk menolongnya.<sup>51</sup> Diharapkan dengan hubungan yang baik dan ikhlas ini Vietnam akan menghormati hak-hak dipertuan Bangkok ke atas Kampuchea. Pada umumnya, sepanjang pemerintahan Rama I, Nguyen Anh, atau Maharaja Gia Long selepas tahun 1802, sering menunjukkan penghormatan yang wajar kepada Siam mengenai Kampuchea dan negeri-negeri Lao. Rama I juga memilih seorang pembesar Khmer yang berkhaliber iaitu Chao Phraya Aphaiphubet (Baen) sebagai wakil raja Khmer dan pihak berkuasa Thai di Kampuchea. Chao Phraya Aphaiphubet berjaya menjaga kuasa Putera Eng dan Siam sehingga tahun 1794 apabila Eng diisytiharkan menjadi raja

<sup>51</sup> Nguyen Anh menghantar bunya emas dan perak ke Bangkok pada tahun 1787, 1788, 1793, 1799, *Ibid.*

pemerintah Kampuchea oleh Rama I dan dihantar pulang ke Kampuchea untuk memerintah negeri baginda yang diakui sebagai negeri naungan Siam. Rama I juga meminta persetujuan Eng untuk memisahkan Battambang dan Siemreap, dua wilayah di barat Kampuchea yang bersempadan dengan Siam, daripada Kampuchea dan memberikannya kepada Chao Phraya Aphaiphubet yang memerintah kedua-dua wilayah tersebut sebagai wilayah Siam. Namanya Rama I telah berjaya mengubah Kampuchea daripada sebuah negeri naungan Siam yang sering berlaku pemberontakan, menjadi sebuah negeri satelit Siam yang taat setia dan mempunyai hubungan istimewa dengan Bangkok. Namun begitu, selepas kemangkatan Raja Eng pada tahun 1797 telah mencetuskan semula keadaan yang agak merbahaya. Raja Chan, putera Eng yang ditabalkan pada tahun 1802 ketika berumur enam belas tahun, tidak mempunyai persefahaman atau pertalian yang mesra dengan istana Bangkok. Lazimnya, Chan tidak menerima dengan baik suruhan atau peranan Thai di Kampuchea. Untuk menambahkan kebebasan politik baginda dan Kampuchea, Chan menawarkan ufti kepada Gia Long bagi memperlagakan Siam dengan Vietnam. Chan menghantar ufti ke Hue setiap empat tahun sekali manakala baginda juga mengekalkan penghantaran ufti ke Siam tiap-tiap tahun seperti yang dibuat sebelumnya. Selepas itu masalah Kampuchea tidak muncul lagi dalam tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama I. Walaupun begitu, dapat dilihat bahawa persetujuan tidak rasmi Rama I itu memberikan peluang kepada Vietnam untuk mengukuhkan kuasa dan peranannya ke atas Kampuchea selepas Rama I. Sebenarnya keadaan ini berlaku dalam zaman Rama II apabila Siam kehilangan wilayahnya di Kampuchea kepada Vietnam.<sup>54</sup>

Kuasa dan pengaruh Siam ke atas negeri-negeri Lao iaitu Vientiane, Luang Prabang, dan Champasak, semakin kuat. Vientiane dan Champasak telah menerima taraf naungan mereka dalam tahun 1778. Dalam zaman pemerintahan Rama I, sungguhpun negeri-negeri itu masih kekal sebagai negeri satelit Siam, tetapi terdapat juga percubaan-percubaan daripada raja-raja mereka untuk membebaskan diri daripada lingkungan pengaruh Siam. Misalnya, Raja Nanthasen di Vientiane dipanggil balik ke Bangkok kerana

<sup>54</sup> Lihat butir-butir lanjut dalam Bab 3.

penglibatannya dalam komplot menentang Bangkok pada tahun 1794. Rama I juga telah berjaya menewaskan Luang Prabang pada tahun 1791. Semasa kemangkatan Rama I pada tahun 1809, Siam mempunyai kedudukan politik yang kukuh dengan kuatkuasa dan pengaruh ke atas negeri-negeri kecil di sebelah timur dan timur lautnya.

Di selatan, kuasa Siam tidak begitu jelas dalam tahun-tahun terakhir pemerintahan Raja Taksin. Menurut laporan Nakhon, pada tahun 1777 Pattani memberontak menentang Thonburi, dan sebelum tentera kerajaan dapat dihantar untuk menghapuskannya, berlaku pada keadaan huru-hara di ibu kota sendiri yang menghalang pihak berkuasa di Thonburi melancarkan serangan ke atas Pattani. Perang Thai-Myanmar yang berlaku pada tahun 1785 merupakan serangan Burma yang terbesar dan paling menyeluruh dalam sejarah peperangan tradisional mereka, dan memperlihatkan betapa pentingnya negeri-negeri Melayu yang terletak berdekatan dengan Siam bagi keselamatan dan kekuasaan Siam. Selepas kejayaan Rama I dan tenteranya dalam usaha mematahkan serangan Myanmar tersebut, tentera Putera Wang Na Surasi dihantar ke kawasan selatan Siam untuk menewaskan tentera Myanmar di situ. Putera Surasi juga dibebankan dengan arahan kekandanya untuk mengatur sistem pentadbiran di selatan yang telah merosot sejak kemangkatan Taksin. Akhirnya baginda juga bertanggungjawab menjalankan rancangan untuk menundukkan negeri-negeri Melayu yang dahulunya mengakui taraf naungan kepada Siam. Apabila menghadapi penentangan kuat dari Pattani, Surasi mengambil keputusan untuk bertindak tegas ke atas semua negeri Melayu yang berdekatan dengan Siam. Pattani diserang habis-habisan dan rajanya digulingkan, manakala calon yang bersikap sensitif terhadap kepentingan Bangkok dipilih menggantikannya. Paradigma-nya iaitu sebuah meriam yang diberi nama Nang Phraya Tani, dirampas dan dihantar ke Bangkok sebagai tanda Pattani tunduk kepada Bangkok. Selepas itu, Surasi tidak lagi menghadapi sebarang penentangan sama ada dari Kedah, Kelantan, atau Terengganu. Semua negeri itu bersetuju menghantar bunga emas dan perak ke Siam setiap tiga tahun sekali sebagai taraf negeri naungan.<sup>55</sup>

<sup>55</sup> Mengenai bunga emas dan perak serta konsep hubungan tributari lihat Bab 3, tajuk kecil III. Dasar Peluasan Kuasa Rama III.

Surasi juga mengatur sistem pentadbiran di kawasan selatan Siam supaya keselamatan dan kedudukan Siam dapat dipertahankan dengan berkesan. Serangan Myanmar dalam tahun 1785, mendedahkan kelemahan pentadbiran di kawasan tersebut, terutamanya kelemahan Nakhon, kubu tentera dan politik Siam. Sejak kejatuhan Taksin, Nakhon sentiasa dicurigai oleh pemimpin baru kerana ketaatannya kepada Taksin. Semasa berlaku perang tahun 1785, Chao Nakhon meninggalkan bandar Nakhon sebaik sahaja beliau mendengar ketibaan Myanmar. Untuk menseimbangkan pengaruh Nakhon ke atas kawasan selatan, Surasi menaikkan pangkat Gabe-nor Songkhla (Singgora) yang dahulu dikuasai oleh Nakhon. Beliau diberi gelaran Chao Phraya iaitu gelaran yang setaraf dengan Chao Nakhon dan diberi kuasa penuh ke atas semua negeri Melayu yang berada di dalam lingkungan pengaruh Bangkok. Perlantikan Songkhla sebagai seorang lagi wakil raja di selatan dapat dijelaskan sebagai percubaan Bangkok mengurangkan pengaruh Nakhon di kawasan itu semasa ketaatannya masih diragui oleh Bangkok. Tindakan itu juga menunjukkan percubaan Bangkok untuk menamatkan kelemahan Siam akibat persaingan politik di antara puak Taksin dengan puak Chakri.

Pada umumnya, rancangan-rancangan peluasan kuasa Rama I dapat mencapai matlamatnya. Bukti yang jelas menunjukkan pencapaian itu ialah kemunculan semula empayar Thai yang lebih luas berbanding dengan empayar Ayudhya. Walaupun asas empayar ini ditubuhkan oleh Taksin, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kebolehan Rama I dan jeneral-jeneralnya terutama Putera Surasi merupakan faktor utama yang membolehkan Siam mencapai semula kekuasaannya. Dalam jangka masa dua puluh tujuh tahun, Rama I membentuk untung nasib rakyat Thai yang dapat menolong Siam menghadapi ancaman-ancaman akan datang dengan kedudukan yang kuat dan kukuh.

### (c) *Warisan Rama I*

Putera Damrong menjelaskan bahawa warisan Rama I kepada Siam termasuklah ibu kota Bangkok, Patung Buddha Zamrud, kebebasan Siam daripada ancaman Burma selepas kemenangan baginda dalam tahun 1785, kesucian agama selepas zaman kemerosotan dan kesesatannya, kod undang-undang yang menjadi panduan rakyat sepanjang zaman tradisional Bangkok, dan yang



terpenting sekali ialah dinasti Chakri yang memerintah dengan penuh keadilan, bertanggungjawab, dan menjamin ketenteraman rakyat.<sup>56</sup> Sesungguhnya, tidak munasabah jika menolak kenyataan di atas. Tetapi mungkin kita boleh menjelaskannya lagi. Selain warisan fizikal yang disebut Damrong, Rama I patutlah juga dikenang sebagai pemimpin yang berjaya memperkenalkan rasional atau yang boleh diterima akal. Pemikiran rasional merupakan aspek terbaru dalam konsep kefahaman orang Siam yang selalu diajar agar mengikut tanpa mempersoalkan ajaran generasi yang lebih tua dan suruhan pembesar negara. Tambahan lagi, rakyat Thai selalu menerima ajaran agama sebagai hakikat yang sebenar walaupun agama itu menekankan perlunya mempersoalkan semua perkara, termasuk juga ajaran agama, sebelum menerimanya. Rama I melakukan revolusi mental semasa baginda sendiri mempersoalkan pengesahan raja-raja yang terakhir, dan mengemukakan hak baginda yang layak menduduki takhta. Kejatuhan Ayudhya diterangkan secara rasional. Manusia ditunjukkan sebagai penentu untung nasibnya sendiri, dan bertindak menurut kebolehan membentuk masyarakatnya. Semua aspek baru ini ditegaskan dalam konteks agama Buddha yang dapat difahami oleh rakyat baginda. Pemikiran baru ini memang mendedahkan raja, pembesar, *sangha* kepada kritikan dan penilaian rakyat. Tidak ada sesiapa lagi yang boleh yakin sepenuhnya, terhadap kedudukannya. Kalau prestasinya tidak mencapai tahap yang sewajarnya dengan kedudukan masing-masing, dia akan kehilangan kedudukan tersebut termasuk juga raja sendiri. Revolusi mental inilah yang menjadi sumber tenaga dan semangat kepada pemimpin Siam selepas Rama I yang selalu berusaha memperbaiki prestasinya. Mereka menyedari bahawa mereka sentiasa dinilai oleh sahabat, pengikut, ataupun pesaingnya. Oleh itu, mereka akan cuba mengelakkan bersikap cuai atau lalai.

Mungkin sumbangan warisan mental inilah yang meningkatkan tuntutan agar Rama I diberikan gelaran "Maharaja" dalam tahun 1985 bersempena dengan perayaan ulang tahun ke-200 Bangkok, iaitu 176 tahun selepas kemangkatan baginda.

<sup>56</sup> Damrong-rajanubhab, *Koleksi Penulisan Rampai*, Bangkok: Kurusabha, B.E. 2504/1961, m.s. 168 - 182.

# Bab II

## LEOTLA, RAJA ANTARA ZAMAN 1809 – 1924

### I. Latar Belakang

Rama II atau Raja Loetla, atau nama penuhnya ialah Somdet Phra Phuttaloetla Naphalai, adalah putera sulung Rama I dengan permaisurinya yang bernama Nak.<sup>1</sup> Baginda dilahirkan pada bulan April, tahun 1767, iaitu selepas Ayudhya dimusnahkan, di tempat kediaman ibundanya, Kampung Amphawa, Samutsongkram. Pada masa itu, Rama I masih memegang jawatan Luang Yokkrabat Ratburi. Baginda dinamakan Chim. Semasa ayahandanya menaiki takhta, Chim yang berumur enam belas tahun, dianugerahkan taraf putera dengan gelaran Putera Itsarasunthon. Baginda dinaikkan pangkat setelah kematian Putera Wang Na Surasi pada tahun 1803. Rama I melantik Putera Itsarasunthon sebagai Putera Wang Na, menggantikan bapa saudaranya, dan dengan itu, menentukan hak Putera Itsarasunthon untuk menjadi pengganti baginda. Sebelum menaiki takhta pada tahun 1809, Putera Itsarasunthon berkahwin dengan sepupunya, Puteri Bunrod, kemudiannya permaisuri Si Suriyen, anak kekanda Rama I sendiri. Daripada perkahwinan ini, Raja Loetla mendapat dua orang putera, iaitu

---

Nama penuh Raja Loetla ini diberikan selepas kemangkatannya oleh Rama III. Menurut tradisi Siam, rakyat tidak dibenarkan menyebut nama raja mereka. Oleh itu, Rama I dikenali di kalangan mereka dengan nama Pemerintahan Sulung; Rama II Pemerintahan Tengah. Rama III mengkhawatiri yang zaman baginda akan disebutkan dengan nama Pemerintahan Akhir atau Bongsu yang memberi implikasi bahawa dinasti Chakri akan tamat dengan pemerintahan baginda sahaja. Jadi, Rama III mengisytiharkan nama rasmi raja-raja Chakri sebelumnya dengan nama-nama penuh masing-masing.



Rama II (1809-1824)

Chao Fa Mongkut, kemudiannya Raja Mongkut atau Rama IV, dan Chao Fa Juthamani, kemudiannya Wang Na kepada Mongkut.

Semasa Rama II menaiki takhta Kerajaan Siam, baginda berumur empat puluh dua tahun, dan telah berpengalaman dalam hal-hwal negara. Namun begitu, persetujuan pembesar-pembesar yang menerima Loetla sebagai pengganti yang sah kepada Rama I, patut dipertimbangkan. Pada umumnya Loetla diterima sebagai pewaris takhta yang sah, kerana baginda memegang jawatan Putera Wang Na, iaitu jawatan pewaris raja (heir-presumptive) mengikut adat istiadat raja Siam; kemudian, baginda dinamakan sebagai pengganti ayahandanya oleh Rama I semasa Rama I hampir mangkat; juga tiada calon lain yang dapat menyaingi kedudukan Putera Itsarasunthon yang kuat itu.<sup>2</sup> Pada hakikatnya, proses pemulihan Siam dan penubuhan pusat kerajaan yang berkesan oleh Rama I telah menentukan kerukunan di kalangan ahli kerabat diraja. Proses itu juga meningkatkan kedudukan dan pengaruh golongan pembesar kerana perlantikan pembesar-pembesar sebagai pegawai tinggi kerajaan membolehkan mereka menambahkan pengaruh dan kuasa ekonomi dan politik. Jelas bahawa calon-calon yang bersaing hebat untuk menjadi raja terpaksa menerima pertolongan daripada sebahagian besar golongan bangsawan itu. Rama II ialah seorang calon tunggal yang mendapat pertolongan daripada kebanyakan pembesar Thai sewaktu itu.

Melalui ibundanya, Raja Loetla mempunyai hubungan darah yang rapat dengan keluarga Bunnag, iaitu salah satu daripada empat keluarga terpenting pada zaman Rama I.<sup>3</sup> Melalui permaisurinya, baginda juga mempunyai pertalian kekeluargaan dengan dua keluarga *khunnang* yang sangat berpengaruh iaitu "keluarga keturunan Cina yang kaya", dan keluarga Brahman Singhaseni. Daripada pertalian keluarga permaisurinya juga, Raja Loetla mendapat pertolongan kuat daripada adik-beradik Puteri Bunrod termasuk dua orang putera yang berkebolehan.<sup>4</sup> Dengan asas kuasa

<sup>2</sup> Walaupun terjadinya komplot menentang Rama II tetapi percubaan itu tidak disokong oleh kebanyakan bangsawan atau pemimpin-pemimpin kanannya. Lihat Damrong-rajanubhab, *Phongsawadan Pemerintahan Ke-2*, Bangkok: Khlung-wittaya, B.E. 2505/1962, m.s. 339-40.

<sup>3</sup> Lihat D.K. Wyatt, "Family Politics in Nineteenth Century Thailand", dalam *JSEAH* bil 2:2, 1968, m.s. 208-228.

<sup>4</sup> Mereka ialah Kromluang Phitakmontri dan Kromkhun Itsranurak.

politik yang kukuh, pencalonan Loetla memang diterima dengan sebulat suara.

Sepanjang masa pemerintahan Raja Loetla, Siam mengalami suasana politik yang tenang walaupun timbul persaingan perkuncuan di kalangan *khunnang* dan *chao*/ahli kerabat diraja, terutamanya selepas kematian Putera Wang Na Maha Senanurak pada tahun 1817. Ancaman dari Myanmar tidak begitu membimbangkan jika dibandingkan dengan keadaan dalam zaman menguji kekuatan Siam Rama I. Sesungguhnya, Myanmar sekadar pada tahun 1809-10 dengan menyerang kawasan selatan Siam. Namun begitu, Loetla masih menganggap Myanmar sebagai musuh Siam yang utama. Mungkin dengan kefahaman yang agak kurang tepat ini, baginda tidak sanggup membantah dasar peluasan kuasa Vietnam ke atas negeri-negeri Laos dan Kampuchea. Tambahan pula, Raja Loetla bebas daripada tekanan politik atau tekanan agama mengenai kedudukannya yang sah sebagai raja pemerintah Siam. Baginda tidak perlu bersungguh-sungguh membuktikan kelayakannya seperti yang mesti dilakukan oleh ayahandanya dan Raja Taksin. Jadi suasana politik yang harmoni serta minat Loetla dalam bidang seni dan sastera menjadikan masa pemerintahan baginda sebagai waktu rehat atau *intermission* antara zaman pembinaan negara oleh Rama I dengan zaman memperkukuhkan empayar Thai yang dilaksanakan oleh Rama III, anakanda baginda.

Loetla memerintah Siam selama lima belas tahun. Sejak kematian Wang Na Maha Senanurak, Rama II tidak ingin melantik sesiapaupun menyandang jawatan tertinggi itu. Baginda juga tidak berkeupayaan menamakan penggantinya sebelum kemangkatan baginda. Oleh yang demikian, Majlis Negara memilih seorang putera sulung baginda tetapi bukan dengan permaisurinya menaiki takhta sebagai pengganti baginda. Putera Chetsadabodin yang berumur tiga puluh tujuh tahun menjadi raja pemerintah Siam pada tahun 1824 dan dikenali dengan nama Rama III.

## II. Beberapa Perkembangan Semasa Pemerintahan Raja Loetla: Seni dan Sastera

Rama II terkenal sebagai seorang pujangga dan seniman yang berbakat. Kemahiran baginda dalam bidang seni dan sastera merangkumi penulisan bercorak puisi, sajak, dan prosa, seni tari klasik, lukisan, dan seni ukiran. Minat Raja Loetla dalam bidang-bidang

tersebut mewujudkan ungkapan sezaman yang berbunyi sesiapa yang ingin menjadi pegawai yang digemari oleh Rama II mestilah berkebolehan di dalam salah satu aspek kesenian atau kesusasteraan". Penyair-penyair yang terkenal pada zaman Bangkok terdiri daripada pegawai di bawah naungan Loetla. Misalnya, Sunthon Phuu (1787 – 1855) yang dihormati oleh masyarakat Siam sebagai penyair rakyat, dan Putera Paramanuchit Chinorot yang dikenali sebagai penyair klasik Thai.

Raja Loetla bukan sahaja hanya memberi naungan dan pertolongan kepada penyair yang berbakat, tetapi juga melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan penulisan, mengukir, dan mencipta karya seni dan sastera. Sebagai contoh, baginda menulis *Inao*, iaitu sebuah roman klasik dari Jawa yang menjadi popular sejak zaman Ayudhya. *Inao* versi Rama II panjangnya sehingga empat puluh lima jilid. Rama II menulisnya dengan tujuan menyelaraskan puisi dengan tarian-tarian klasik yang dicipta atau dibaiki oleh baginda sendiri. Kesannya, *Inao* versi Rama II dianggap sebagai kejayaan kemuncak daripada kedua-dua aspek, iaitu keindahan puisi dan keberkesanan tarian-tarian yang mentafsirkannya. Tidak hairanlah bahawa zaman Rama II selalu disebut sebagai zaman kegemilangan sastera dan seni Bangkok.

### Keselamatan Dalam Negeri

Walaupun terdapat khabar-khabar angin mengatakan serangan dari Myanmar hampir di sepanjang masa pemerintahan Loetla, tetapi yang berlakunya hanya satu sahaja peperangan antara Siam dan Myanmar, iaitu perang tahun 1809 – 1810. Pada tahun tersebut, Myanmar menyerang kawasan selatan Siam, terutamanya serangan ke atas Salang. Akhirnya, tentera Thai yang dihantar dari Bangkok dapat mematahkan serangan itu. Selepas perang di Salang, Myanmar tidak lagi mengancam keselamatan Siam kerana keadaan yang kurang stabil dalam negerinya sendiri serta ancaman daripada British yang akhirnya tercetus perang Anglo-Myanmar pada tahun 1821. Namun begitu, kerajaan Raja Loetla masih melihat Myanmar sebagai pengancam utama kepada keselamatan dan kedaulatan Siam. Kepercayaan ini menghalang pemimpin-pemimpin Thai menggunakan tenaga dan peluang untuk mengukuhkan kedudukan Siam di tanah besar Asia Tenggara, terutama-

nya di kawasan timur Siam sehingga wujudnya cabaran hebat dari Vietnam menentang kedudukan Siam.

Punca cabaran terhadap Siam ini timbul selepas kejayaan Vietnam di bawah Maharaja Gia Long yang dapat menyatukan Vietnam setelah beberapa dekad berlaku perpecahan negara. Walaupun Gia Long mengekalkan hubungan yang erat dengan Bangkok semasa pemerintahan Rama I, dan mengelakkan sebarang perselisihan dengan Siam mengenai Kampuchea dan Negeri-negeri Lao, tetapi kepentingan Vietnam dari segi ekonomi dan politik di kawasan tersebut menjadi suatu peristiwa yang bersejarah. Vietnam memerlukan tanah baru untuk penduduknya yang bertambah dengan pesat.<sup>5</sup> Ini bermakna Vietnam mempunyai kepentingan ke atas Indo-Cina dan bertentangan pula dengan keperluan Siam. Siam memerlukan Kampuchea dan Negeri-negeri Lao sebagai negeri pendinding antara Siam dan Vietnam untuk menjamin keselamatannya. Oleh itu, Bangkok cuba mengembangkan pengaruh Thai di Kampuchea dan Negeri-negeri Lao. Taksin dan Rama I berjaya mengukuhkan kedudukannya di kawasan tersebut. Pertolongan yang diberikan oleh Rama I kepada Nguyen Anh semasa beliau membantunya menentang musuh-musuh di dalam negeri, menjadi faktor yang menghalang Hue menjalankan dasar peluasan kuasanya ke atas Kampuchea dan Negeri-negeri Lao. Selepas kemangkatan Rama I, Gia Long secara perlahan-lahan meluaskan pengaruh dan kuasa Vietnam di Kampuchea dan mencabar kedudukan dan tuntutan Bangkok ke atas kawasan itu. Seperti yang telah diketahui, pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama I, Raja Chan telah menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Istana Thai dan memilih dasar memperlagakan Vietnam menentang Siam dengan tujuan untuk menyelamatkan Kampuchea daripada tekanan politik Siam. Oleh itu, apabila Rama II melantik seorang anak saudara Chao Phraya Aphaiphubet (Baen) sebagai Gabenor Battambang Siemreap menggantikan Baen, dan kesannya, baginda tidak ingin menyerahkan semula wilayah Khmer barat itu kepada Kampuchea. Chan tidak lagi taat dengan perintah dan arahan dari Bangkok. Raja Kampuchea juga meminta pertolongan dan perlindungan dari Hue untuk menentang Siam. Pada

<sup>5</sup> D.P. Chandler, "Cambodia Before the French: Politics in a Tributary Kingdom 1794 - 1848", tesis Ph.D yang tidak diterbitkan Universiti Cornell, 1973, bab 3.

tahun 1811–1812 kapal perang Vietnam tiba di Udong, ibu kota Khmer, dan kemudiannya, pasukan tentera Thai tiba di situ. Selepas itu, Vietnam berundur dan Chan terpaksa melarikan diri ke Saigon, manakala adiknya, iaitu Putera Im, Sangan, dan Duang, menyertai tentera Thai di Udong. Sungguhpun Siam menang dalam pusingan pertama persaingan kuasa ke atas Kampuchea, tetapi pihak berkuasa di Bangkok tidak dapat memperkuatkan kedudukan Siam di negeri itu kerana kekhuatirannya mengenai ancaman dari Myanmar dan tidak sanggup mencabar Hue. Pada tahun 1813 Siam berundur dari Kampuchea, selepas tentera Thai memusnahkan kubu-kubu di Udong dan di Phnom Penh. Bangkok merancang menubuhkan zon pertahanan Vietnam di wilayah Battambang-Siemreap.<sup>6</sup> Dengan dasar tersebut, Bangkok hanya menyerahkan sebahagian besar negeri Kampuchea sahaja kepada Raja Chan dan penaungnya iaitu Vietnam. Perkembangan persaingan di Kampuchea pada masa itu mencerminkan kelemahan tentera Siam berdepan dengan Vietnam dan Raja Cha. Bukti jelas tentang kelemahan ini dapat dilihat pada tahun 1816 semasa Chan menyerang Battambang. Walaupun usaha Raja Kampuchea itu gagal, tetapi dapat dijadikan kayu ukur kekuasaan tentera dan politik Siam zaman Rama II.

Satu lagi perkembangan yang penting ialah hubungan Siam dengan Kedah. Dari tahun 1809 hingga tahun 1818 hubungan tributari/pusat berkuasa dengan satelitnya iaitu Thai-Kedah sangat baik. Menjelang tahun 1809, Sultan Ahmad Tajuddin I menghantar tentera Kedah ke selatan Siam untuk menolong Siam menentang serangan Myanmar ke atas Salang. Pertolongan tersebut amat dihargai oleh Bangkok, dan Sultan Ahmad Tajuddin dianugerahkan gelaran tertinggi bangsawan Thai iaitu gelaran *Chao Phraya*. Nampaknya, hubungan Thai dengan Kedah mencapai kemuncaknya pada tahun itu. Sultan Ahmad Tajuddin terus memperlihatkan taat setia Kedah kepada Siam apabila Kedah mengalahkan Perak pada tahun 1818 dan memaksanya menerima taraf negeri naungan Siam. Walaupun begitu, ikatan politik dan diplomatik antara Siam dengan Kedah mengalami kesulitan dan kemerosotan

<sup>6</sup> Kawasan Battambang-Siemreap ini diperluaskan dengan termasuknya bandar Pursat, Stung Treng, Kompong Suai. Lihat Chao Phraya Thiphakorawong, *Phongsawadan Pemerintahan II*, Bangkok: Khlung-wittaya, B.E. 2505/1962 m.s. 31 – 35.



selepas tahun 1818. Menjelang tahun 1820, jelas bahawa Kedah telah cuba menjauhkan diri dari Bangkok. Sultan Ahmad Tajuddin memindahkan pusat kerajaannya dari Alor Setar ke "Pulo Tiga" yang berhampiran dengan Pulau Pinang. Ini menunjukkan suatu tindakan yang negatif dalam hubungan tributari Thai dengan Kedah.<sup>7</sup> Dalam pada itu, pegawai Thai, secara kebetulan, menjumpai sepucuk surat daripada pihak berkuasa Myanmar kepada Sultan Ahmad Tajuddin, yang meminta Kedah memberontak menentang Bangkok semasa Myanmar menyerang Siam. Kejadian ini berlaku tidak berapa lama kemudian.<sup>8</sup> Akhirnya, satu rombongan menentang Sultan Ahmad Tajuddin dari Kedah tiba di Bangkok. Menurut mereka, baginda tidak memerintah negeri Kedah dengan adil atau demi kepentingan rakyat, dan berpaling tadah menentang Siam.<sup>9</sup>

Semasa pemerintahan Loetla, Bangkok terlalu khuatir terhadap ancaman-ancaman Myanmar. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa Bangkok melihat langkah-langkah dan pendekatan Kedah itu dengan penuh kecurigaan dan kekhuatiran, terutamanya Kedah menjadi pintu masuk ke Siam dari belakang. Kesedaran yang Kedah pada 1820 tidak lagi diasaskan sebagai zon pertama untuk mempertahankan keselamatan Siam, memaksa Loetla dan pembesar-pembesarnya berusaha mencegah Kedah jatuh ke tangan musuh tradisi Siam. Langkah utama untuk menentukan keselamatan Siam ini menyebabkan Bangkok menggunakan dasar agresif terhadap Kedah. Gabenor Nakhon disuruh menyerang dan menguasai Kedah kerana dapat memainkan peranan barunya sebagai tapak kuasa tentera bagi negeri ketiga untuk menggempur Siam dari selatan. Pada tahun 1821, Kedah dimusnahkan, Sultan dan sebahagian pembesarnya lari meminta perlindungan politik di Pulau Pinang, dan Bangkok menubuhkan sistem pentadbiran Siam di Kedah yang ditadbir sebagai satu wilayah Thai di bawah Nakhon.

<sup>7</sup> *The Burneys Papers* ii (iv), versi terjemahan, Bangkok: Krom Silapakon, B.E. 2525/1982, m.s. 181.

<sup>8</sup> Damrong-rajanubhab, *Phongsawadan Pemerintahan Ke-2 op. cit.*, m.s. 645 - 651.

<sup>9</sup> *Ibid.* bagi penjelasan dari sudut pandangan Kedah lihat Muhammad Hassan bin Dato Kerani Muhamad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. K1 : DBP, 1968, m.s. 145 - 147, walau bagaimanapun ini sangat lemah kerana tiada bukti-bukti yang menyokongnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya perbezaan antara dasar-dasar yang dilakukan oleh Bangkok terhadap Kedah dan Kampuchea. Kedua-duanya dianggap sebagai negeri naungan dan zon pendinding untuk mencegah serangan dari luar ke atas Siam. Loetla memilih dasar agresif terhadap Kedah kerana baginda menganggap Myanmar merupakan ancaman terbesar terhadap keselamatan dan kedaulatan Siam. Oleh itu, Kedah terpaksa diletakkan dalam lingkungan politik dan pengaruh Thai dan mesti dicegah daripada dikuasai oleh Myanmar. Kampuchea, walaupun mempunyai strategi yang baik bagi keselamatan dan maruah Siam, tetapi boleh dilepaskan buat sementara kepada Vietnam sebab Hue masih dianggap sebagai sahabat, dan menurut sejarah, ancaman dari Vietnam tidak begitu merbahaya seperti ancaman dari Myanmar. Tambahan pula, Siam dapat mengelakkan keadaan yang Bangkok akan menghadapi perang dari dua arah dengan mengekalkan hubungan persahabatan dengan Vietnam. Hakikat yang Loetla dan *khunnang*nya tidak sedar terhadap perkembangan politik di tanah besar Asia Tenggara amnya, dan di Myanmar selepas tahun 1824 khasnya, menjadi bukti bahawa Loetla kurang cekap dalam hal politik semasanya. Akibatnya, Siam kehilangan pengaruhnya di Kampuchea.

### Pentadbiran

Loetla menaiki takhta dengan persetujuan kebanyakan daripada bangsawan Thai. Namun begitu, tiga hari selepas peristiwa itu telah terbongkar komplot yang bertujuan untuk menggulingkan baginda dan merampas kuasa bagi pihak Putera Kastranuchit, seorang putera Taksin dengan anak perempuan Rama I, dan anak saudara Loetla sendiri. Putera Chetsadabodin, putera sulung Rama II, dilantik sebagai ketua jawatankuasa yang menyiasat perkara tersebut. Menurut penyiasatannya, terdapat tiga orang anak Raja Taksin termasuk Putera Kasatranuchit, sepuluh orang *khunnang*, dan tiga puluh orang pengikut mereka yang terlibat dalam komplot untuk merampas kuasa itu. Semua yang tertuduh itu dikenakan hukuman mati.<sup>10</sup> Walaupun Loetla berjaya menyekat percubaan menentang baginda, tetapi jelas bahawa baginda

<sup>10</sup> Damrong-rajanubhab, *Phongsawadan Pemerintahan Ke-2*, *op.cit.*, m.s. 339-40.

amat dipengaruhi oleh kejadian tersebut. Satu bukti yang menunjukkan akibat komplot itu ialah kecenderungan Rama II yang lebih suka bergantung pada *khunnang* khususnya yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan baginda. Daripada senarai kenaikan pangkat pembesar-pembesar Rama II setelah upacara pertabalan diraja, kita dapat melihat yang di antara empat belas pemegang jawatan ketua *Jatusadom* dan Samuha Nayok dan Samuha Kalahom, hanya empat orang sahaja yang tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Loetla.<sup>11</sup>

Perang Myanmar tahun 1809–1810 membuka kelemahan pemimpin-pemimpin di Bangkok yang kurang cekap menghadapi ancaman itu. Loetla menyedari keperluan satu rancangan untuk memperbaiki sistem pentadbiran di kerajaan pusat. Loetla juga mungkin berhasrat hendak mengseimbangkan kedudukan golongan bangsawan yang semakin bertambah kuat dan berpengaruh dengan cadangan baginda yang memperkenalkan sistem penyeliaan putera ke atas setiap jabatan pentadbiran yang pada tradisinya diketuai oleh seorang *Khunnang* pada tahun 1811–1812.<sup>12</sup> Langkah baru ini diharap akan menguatkan kedudukan kerabat diraja yang pada masa itu, runtuhnya pengaruhnya bukan sahaja dalam bidang pentadbiran tetapi juga dalam bidang ekonomi sejak tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama I. Menjelang masa pemerintahan Rama II, terdapat beberapa orang putera yang telah menjadi dewasa dan berkebolehan untuk membantu rajanya.<sup>13</sup> Menurut sistem penyeliaan itu, Putera Phitakmontri, adik ipar Rama II, dilantik menjadi wakil raja atau penasihat besar yang menyelia hal-hwal kerajaan.<sup>14</sup> Putera Itsaranurak menjadi penyelia *krom* Mahatthai; Putera Saktipholeph penyelia *krom* Kalahom; dan Putera Chetsadabodin penyelia *krom* Khlang.<sup>15</sup> Sistem penyeliaan putera ke atas pelaksanaan pentadbiran jabatan yang diketuai oleh *khunnang* ini bertujuan untuk menghadkan pengaruh *khun-*

<sup>11</sup> *Ibid.*, m.s. 376–381.

<sup>12</sup> *Ibid.*, menyatakan ianya berlaku dalam tahun 1812, m.s. 432; Thiphakorawong, *op.cit.*, melaporkan kejadian itu pada tahun 1811.

<sup>13</sup> Damrong-rajanubhab, *Ibid.*, m.s. 433–4.

<sup>14</sup> Kemungkinan besar pengaturan ini berlaku selepas kematian Putera Wang Na dalam tahun 1819, *Ibid.*, m.s. 435.

<sup>15</sup> Putera Kromkhun Itsaranurak adalah adik ipar Rama II; Putera Saktipholeph adalah adik baginda tetapi berlainan ibu; Putera Chetasadabodin, putera sulung Rama II dengan isteri mudanya.

*nang* di samping menambahkan kuasa dan pengaruh golongan putera juga memberi peluang untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan mereka dalam hal-ehwal pentadbiran negeri. Tetapi malangnya, sistem baru itu sebaliknya mewujudkan perkongsian politik dan ekonomi antara *khunnang* dan penyelia mereka. Sebenarnya yang berlaku ialah bukan golongan putera bekerjasama untuk mengurangkan pengaruh *khunnang*, tetapi munculnya perkuncuan *khunnang* dan putera yang menentang antara satu dengan lain. Gambaran ini menjadi nyata pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Loetla, apabila munculnya dua perkuncuan besar iaitu perkuncuan Putera Chetsadabodin-Putera Saktipholsoph-Phraya Phra Khlang (Dit) yang bersaing hebat dengan satu lagi perkuncuan Putera Phitakmontri-Putera Itsaranurak-Chao Phraya Aphaiphuben. Perkuncuan pertama menyokong pencalonan Putera Chetsadabodin sebagai pengganti Loetla, sementara perkuncuan kedua pula menyokong tuntutan Putera Mongkut sebagai pewaris yang sah ayahandanya.<sup>16</sup>

Jelas di sini bahawa sistem penyeliaan pentadbiran jabatan oleh putera-putera itu tidak menghasilkan matlamat yang diinginkan oleh Rama II. Mungkin faktor utama kegagalannya ialah sikap Rama II sendiri yang kurang berminat dalam hal-chwal pentadbiran. Jika dibandingkan dengan Rama I, Loetla mengagihkan sebahagian besar tanggungjawabnya kepada putera-putera yang dipercayainya. Misalnya, Putera Chetsadabodin, selain diberi tanggungjawab ke atas penyeliaan *krom* Khlang, disuruh juga mewakili ayahandanya dalam hal membicarakan rayuan rakyat, serta menguruskan pentadbiran kepolisan istana. Rama I selalu memberi perhatian penuh kepada hal-hal itu, oleh itu baginda dapat memperbaiki keadaan yang kurang memuaskan dengan berkesan.<sup>17</sup> Dapat juga kita membuat rumusan bahawa dengan sistem penyeliaan pentadbiran oleh golongan putera, kemungkinan besar Rama II melepaskan beban kerja baginda kepada ahli-ahli kerabat diraja yang berkenaan. Kebanyakan masa baginda dihabiskan dengan kegiatan sastera dan seni. Tanpa kepimpinan yang dinamik daripada raja pemerintah, persaingan antara satu perkuncuan dengan yang lain semakin sengit. Suasana politik ini memang melemahkan kekuatan Siam bukan sahaja di dalam bahkan juga di luar negeri. Tidak

<sup>16</sup> Lihat penjelasan lanjut dalam Bab 3.

<sup>17</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Pemerintahan II, op.cit.*, m.s. 301-2.

hairanlah bahawa pembaharuan Rama II dalam bidang pentadbiran gagal.

### III. Beberapa Tinjauan Terhadap Pemerintahan Rama II

#### (a) Hubungan Raja dengan Bangsawan/*Khunnang*

Pada akhir pemerintahan Raja Loetla, perkembangan politik di ibu kota merupakan suatu *trend* arahan yang agak penting. Hubungan raja-*khunnang* sepanjang masa pemerintahan Rama II mencerminkan kerjasama yang rapat dan ikhlas. Walau bagaimanapun, sistem penyeliaan pentadbiran, seperti yang dibincang di atas, memberi kesan yang kurang membina. Kesan utamanya ialah sistem itu menguatkan kedudukan golongan *khunnang* dan beberapa orang putera sahaja dan tidak meningkatkan kedudukan atau pengaruh kerabat diraja bagi berdepan dengan *khunnang*. Golongan *khunnang* boleh meninggikan pengaruhnya lagi apabila Rama II gagal menamakan pengganti baginda dan memberi peluang kepada *khunnang* untuk memainkan peranan melantik raja dengan memberi sokongan kuat kepada seorang calon diraja yang mempunyai hubungan rapat dengannya. Putera Chetsadabodin dipilih sebagai pengganti Rama II kerana mendapat sokongan yang kuat daripada keluarga *khunnang* iaitu keluarga Bunnag yang sangat berpengaruh dalam bidang politik dan ekonomi ketika itu. Tiada sesiapa pun yang berani mencabar kedudukan perkuncuan Chao Phraya Khlung (Dit Bunnag).

Proses peningkatan kuasa dan pengaruh *khunnang* sebenarnya dapat diselidiki daripada asalnya iaitu sejak zaman Rama I. Patut diingat bahawa Rama I boleh merebut takhta daripada Raja Taksin kerana baginda menerima persetujuan golongan *khunnang*. Sepanjang pemerintahan baginda, Rama I selalu bertimbang rasa terhadap pembesar-pembesarnya dengan memberikan kenaikan pangkat yang adil dan saksama, dan diberi anugerah yang tinggi. Golongan *khunnang* juga diberi peluang menolong rajanya menguruskan pentadbiran kenegaraan. Biasanya, Rama I meminta nasihat dan persetujuan pembesar-pembesar terlebih dahulu sebelum baginda melaksanakan rancangan-rancangan pentadbirannya. Semua ini memang menunjukkan pentingnya golongan *khunnang*. Walau bagaimanapun, patut diingat juga bahawa Rama I selalu memperlihatkan kekuasaan baginda. Baginda sendiri menentukan dasar-dasar yang dijalankan semasa pemerintahannya. Dengan me-

nunjukkan sifat kepimpinan yang berkuasa dan dinamik ini, golongan bangsawan dapat dikawal dengan berkesan. Malangnya, keadaan ini tidak wujud pada masa pemerintahan Rama II.

Menurut John Crawford, seorang utusan Syarikat Hindia Timur Inggeris yang dihantar ke Siam pada tahun 1821, menyatakan bahawa Rama II adalah seorang raja yang lemah lembut dan murah hati.<sup>18</sup> Kemungkinan besar pendekatan baginda itu dipergunakan oleh *khunnang*nya untuk kepentingan mereka sendiri. Contoh yang nyata ialah keadaan yang menunjukkan dalam pengurusan perniagaan ke China dan negeri-negeri yang lain merekodkan banyak kerugian. Ini disebabkan oleh amalan *khunnang* yang biasanya memindahkan akaun kerugian perniagaan mereka kepada akaun diraja tanpa disedari oleh Loetla.<sup>19</sup> Rama II juga lebih suka melibatkan diri dalam bidang seni dan sastera. Oleh itu, baginda mengabaikan pentadbirannya. Selain itu, sejak awal pemerintahan Loetla iaitu selepas komplot Putera Kasatranuchit, kecenderungan Rama II yang bergantung pada saudara-saudara sebelah ibunda baginda untuk menolong baginda dalam hal-ehwal negara, terutamanya keluarga Bunnag. Keluarga Bunnag adalah keluarga adik perempuan permaisuri Rama I yang berkahwin dengan Bunnag, seorang penyokong kuat Rama I. Daripada perkahwinan itu diperolehi dua orang anak lelaki iaitu Dit dan Tat yang menjadi pegawai kanan kerajaan Rama II. Kedua-dua beradik ini dapat memperkuatkan kedudukan keluarga mereka sehingga mereka menjadi pemimpin golongan *khunnang*. Dit menyandang Phra Khlang iaitu Menteri Luar dan Kewangan, manakala Tat menjadi ketua Jabatan Perniagaan dan Pengurusan di kawasan Laut China Selatan. Keluarga Bunnag menerima manfaat politik dan ekonomi terbesar hasil daripada hubungan darahnya dengan dinasti Chakri dan sistem penyeliaan pentadbiran. Akhirnya, pada awal masa pemerintahan Rama IV, mereka muncul sebagai keluarga *khunnang* pertama di Siam yang mempunyai pengaruh, yang kadang kala melebihi rajanya.

Jadi tidak dapat dinafikan bahawa kepimpinan Rama II yang kurang berkesan ini menjadi faktor utama meningkatnya pengaruh dan kedudukan *khunnang* yang bersaing hebat dengan kuasa dan

<sup>18</sup> *The Crawford Papers*, Bangkok: Perpustakaan Vajirayana, 1915.

<sup>19</sup> Damrong-rajanubhab, *Phongsawadan Pemerintahan II*, op.cit., m.s. 669.

pengaruh raja. Golongan *khunnang* memainkan peranan menyokong atau menurunkan raja dari masa ini hinggalah awal pemerintahan Rama V atau Raja Chulalongkorn. Chuang Bunnag, anak kepada Dit, berjaya mendapat gelaran Somdet Chao Phraya Si Suriyawong dan pemangku raja sepanjang minoriti Chulalongkorn. Sebenarnya, kedudukan beliau rendah sedikit daripada raja pemerintah.<sup>20</sup> Jadi secara tidak langsung, Rama II menggalakkan pembesar-pembesar baginda bersaing hebat dengan ahli-ahli kerabat diraja untuk menentukan kedudukan mereka yang berpengaruh dan melemahkan kedudukan golongan istana.

### (b) Keruntuhan Pengaruh Siam

Zaman pemerintah Raja Loetla bukan sahaja memperlihatkan kelemahan institusi diraja berdepan dengan *khunnang*, bahkan juga keruntuhan kuasa dan pengaruh Siam ke atas negeri satelit Siam. Keruntuhan itu berlaku di Kampuchea semasa Vietnam muncul sebagai sebuah negeri yang berkuasa di tanah besar Asia Tenggara. Dapat dirumuskan bahawa kepentingan Loetla yang kurang penglihatannya dan suasana politik dalam negeri yang memperlihatkan golongan bangsawan Thai yang melakukan kegiatan menambahkan kuasa politik, ekonomi dan sosial mereka, menyebabkan Siam kehilangan peluang untuk mempertahankan kedudukannya di sebelah timur. Juga kehilangan peluang Siam untuk mempergunakan keadaan di Myanmar demi kepentingan Siam. Sebaliknya, yang berlaku dalam rancangan hubungan luar Siam pada masa itu ialah perlaksanaan dasar-dasar yang tidak mempunyai objektif jangka panjang tetapi sekadar untuk mengatasi masalah semasa sahaja. Dasar terhadap Hue merupakan contoh yang baik bagi menyokong kenyataan di atas. Rama II dan pembesarnya tidak mempunyai kecenderungan yang dinamik untuk menentang cabaran Vietnam di Kampuchea. Walaupun, kedudukan Siam pada masa itu lebih kuat daripada Vietnam, kebimbangan

<sup>20</sup> Terdapat cerita mengenai kenapa Somdet Chao Phraya tidak berminat merampas kuasa dan menjadi raja Thai secara praktis mahupun teori. Kononnya, Somdet Chao Phraya sendiri yang menerangkan kepada seorang cucunya bahawa beliau tidak mahu merampas kuasa sebab semua kuasa yang ada di dalam negeri telah berada dalam tangannya. Lihat Nathwudhi Suthisongkram, *Somdet Chao Phraya Si Suriyawong*, Bangkok: Khlang-wittaya, B.E. 2516/1973.

mereka terhadap serangan dari Myanmar yang melampau itu menghalang Bangkok daripada membalas pencerobohan politik Hue di Kampuchea. Dengan dasar kompromi terhadap Vietnam, Bangkok secara tidak rasmi bersetuju dengan langkah-langkah yang dijalankan oleh Vietnam. Pengaruh Thai memang runtuh sehingga Raja Chan berani menyerang kedudukan kuasa Thai di kawasan Khmer barat. Serangan ini merupakan satu-satunya serangan Khmer ke atas Siam sepanjang zaman Thonburi-Bangkok.

Mungkin penghinaan luar terhadap Siam dan keruntuhan pengaruh Siam dapat diterima andainya langkah yang diperlukan telah dibuat untuk menyelamatkan negara daripada ancaman yang akan memusnahkan Siam. Tetapi kalau pemimpin-pemimpinnya hanya leka dan asyik membuat apa sahaja yang boleh menambahkan kepentingan peribadi atau golongannya yakni Loetla dengan kesukaan seni dan sastera, *khunnang* dengan kegiatan aktiviti politik dan ekonomi mereka, mereka memang menyedari keadaan politik serantau yang menunjukkan Myanmar sedang ditarik ke dalam suatu pergaduhan besar dengan Inggeris. Perkembangan di Myanmar antara tahun 1810–1821 sehingga tercetusnya perang Anglo-Myanmar Pertama, menghalang Myanmar daripada menjadi punca ancaman kedaulatan Siam. Ketidaksedaran kerajaan Bangkok terhadap suasana politik yang penting itu bukan sahaja menunjukkan rendahnya kebolehan pemimpin Thai, tetapi juga menunjukkan betapa pentingnya kebijaksanaan seorang raja berkuasa mutlak kepada kuasa dan pengaruh sesebuah negeri. Tanpa panduan yang cekap dan kebijaksanaan diraja, Siam dengan mudah menyerahkan kedudukan dan pengaruh Thai di Kampuchea. Keadaan seperti ini tidak pernah berlaku sepanjang zaman Thonburi-Bangkok.

Semasa Pemerintahan Rama II merupakan contoh jelas yang menekankan kelemahan sistem politik tradisional Siam. Sistem itu telah diberi nafas dan tenaga baru apabila Taksin dan Chakri menumpukan pada konsep *dharma-raja* sebagai aspek terpenting seorang raja. Konsep tersebut menekankan yang kebolehan peribadi dan karisma seorang raja perlu untuk kejayaan sesebuah kerajaan. Tanpa kepimpinan yang dinamik dan berinisiatif, raja akan menjadi kurang berkesan dalam percubaannya untuk memperkukuhkan kuasanya. Rama II mempunyai beberapa kelebihan yang menarik dan dapat dihargai tetapi aspek-aspek itu kurang sesuai kepada seorang raja yang dikehendaki mempertahankan dan meluas-



kan kuasa dan kedudukan negerinya supaya Siam terus selamat dan berkuasa. Pendekatan yang kurang dinamik Rama II mungkin boleh diterangkan sebagai kesan kedudukan baginda yang sangat kukuh dan tanpa persaingan daripada mana-mana pihak dalam negeri. Apabila Loetla menaiki takhta pada tahun 1809 dan menghapuskan semua cabaran atau tekanan politik yang berlaku dengan komplot Putera Kasatranuchit telah mengesahkan kelayakan Raja itu. Seperti yang telah dibincang di atas, tekanan politik itu memerlukan Taksin dan Rama I terus mencuba sedaya usaha untuk membuktikan kelayakannya menduduki takhta Siam. Keadaan ini tidak wujud kepada Rama II. Meskipun, Loetla gagal mempertahankan pengaruh Siam di Kampuchea, namun baginda tidak menghadapi sebarang cabaran yang mempersoalkan kelayakan baginda. Dinastinya diterima oleh golongan pembesar sebagai dinasti yang layak memerintah Siam.

# Bab III

## NANGKLAO DAN EMPAYAR BESAR SIAM, 1824 – 1851

### I. Latar belakang Raja Nangklaio/Rama III

Putera Chetsadabodin, nama timang-timangannya Putera Tab, menaiki takhta sebagai pengganti ayahandanya dengan persetujuan Majlis Negara pada tahun 1824. Walaupun pemerintahan baginda yang agak panjang itu penuh dengan beberapa kejayaan yang cemerlang dalam bidang politik dan pengaruh Siam mahupun dalam bidang sosioekonomi, tetapi Raja Nangklaio tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh sejarawan sehinggalah terbitnya sebuah buku bertajuk *Siam Di Bawah Rama III* yang ditulis oleh Walter F. Vella pada tahun 1957.<sup>1</sup> Sejak tahun itu, sumbangan Raja Nangklaio atau Rama III dalam perkembangan Siam diselidiki dan dihuraikan dengan teliti. Sepanjang jangka masa dua puluh tujuh tahun, Rama III berjaya bukan sahaja mempertahankan ancaman baru dari Inggeris dan Vietnam yang amat membimbangkan tetapi juga menyempurnakan cita-cita pemimpin Thai tradisional, terutamanya Rama I dan Taksin, yang berhasrat menubuhkan empayar Thai yang kukuh di tanah besar Asia Tenggara. Rama III mewarisi Siam yang lemah kedudukannya dari segi politik mahupun ekonomi daripada ayahandanya. Semasa kemangkatan baginda, Siam telah memastikan kedudukannya sebagai negara yang paling berkuasa dan terbesar di rantau tersebut, manakala

---

<sup>1</sup> Lihat W.F. Vella, *Siam Under Rama III*, Monograph of the Association for Asian Studies, N.Y., 1957.



Rama III (1824–1851)

khazanah diraja mempunyai tabungan yang banyak, diperolehi daripada kegiatan perniagaan Rama III.<sup>2</sup>

Rama III adalah putera sulung Rama II dengan isterinya yang bernama Riam. Baginda dilahirkan dalam bulan April tahun 1787, semasa pemerintahan Rama I. Sejak berumur dua puluh satu tahun, Putera Tab menunjukkan kebolehan dan kerajinannya membantu mengurangkan beban kerja ayahandanya. Pada tahun 1813, Rama II menganugerahkan gelaran Putera Chetsadabodin kepadanya, dan mengesahkan kepercayaan baginda terhadap kebolehan anak sulung ini dengan melantik Putera Chetsadabodin sebagai penyelia Jabatan Perniagaan Luar, Jabatan Krom Khlang, dan Jabatan Polis di Istana. Selain itu, Putera Chetsadabodin juga bertanggungjawab terhadap rayuan rakyat kepada raja dan lain-lain. Selepas kematian Putera Wang Na pada tahun 1817, kebanyakan penyeliaan pentadbiran diamanahkan kepada Putera Chetsadabodin dan Putera Phitakmontri. Kedudukan Putera Chetsadabodin yang cukup berpengaruh menjadi jelas selepas tahun 1822 iaitu dengan kematian Putera Phitakmontri. Putera itu memainkan peranan sebagai penasihat dan penolong utama kepada ayahandanya. Dengan pengalaman yang luas serta pengaruh yang bermakna itu, tidak hairanlah yang Putera Chetsadabodin telah dipilih oleh Majlis Negara sebagai pengganti yang sah kepada Rama II. Tambahan pula, pemimpin-pemimpin golongan *khunnang* iaitu Phraya Phra Khlang dengan adiknya, Phraya Siphiphath — iaitu Dit dan Tat Bunnag, merupakan penyokong kuat pencalonan Putera Chetsadabodin. Dalam pada itu Putera Paramanuchitchinorot, Putera Mongkut menyedari yang beliau tidak mendapat sokongan kuat untuk mencabar pencalonan kekandanya itu. Jadi Mongkut memutuskan untuk menjadi sami dan dengan keputusan itu, mengelakkan suatu tindakan politik yang akan membahayakan nyawanya.

Sering dikatakan bahawa Rama III merampas takhta pada tahun 1824 daripada Putera Mongkut kerana Putera Mongkut adalah pewaris takhta yang sah kerana beliau adalah putera sulung Loetla dengan permaisurinya, manakala Putera Chetsadabodin/Rama III walaupun lebih tua hanya putera Rama II dengan

<sup>2</sup> Putera Damrong-rajanubhab, *Phonewadlan Masa Pemerintahan Kedua*, Bangkok: *Khalang-wittaya*, B.E. 2502/1962, m.s. 720 - 722.

gundiknya sahaja.<sup>3</sup> Salah faham ini timbul daripada kepercayaan bahawa sistem penggantian raja Thai adalah mengikut prinsip primojini seperti yang diamalkan di Barat. Tetapi sistem penggantian Thai mempunyai syarat-syarat tersendiri. Menurut sistem penggantian itu, tiada syarat tetap seperti prinsip primojini yang mengakui hak mutlak seorang anak lelaki sulung sebagai bakal raja. Menjelang zaman Bangkok, terdapat dua institusi yang bertanggungjawab terhadap hal penggantian takhta, iaitu Majlis Negara dan raja yang memerintah pada masa itu. Raja berhak menamakan sesiapa saja daripada kerabat diraja bagi menggantikannya. Biasanya, keinginan diraja dipersetujui oleh Majlis Negara yang ahli-ahlinya terdiri daripada anggota-anggota tertua kerabat diraja dan menteri-menteri kanan/*senabodi* yang dilantik oleh raja.

Walau bagaimanapun, terdapat bukti-bukti yang merekodkan kes-kes pertentangan antara raja dan Majlisnya dalam zaman Bangkok seperti kes yang berlaku semasa pemerintahan Rama III. Biasanya, hasrat raja yang memerintah dihormati dan dipatuhi. Pertentangan yang timbul semasa pemerintahan Rama III berasaskan keinginan Rama III yang memilih seorang daripada putera-putera baginda untuk menggantikannya. Rama III bersedia turun takhta untuk diambil alih oleh puteranya. Tetapi hasrat baginda ditentang oleh Majlis Negara yang di bawah kepimpinan Chao Phraya Phra Khlang (Dit). Pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama III, keluarga Bunnag memilih menyokong tuntutan Putera Mongkut untuk menjadi pengganti Rama III. Dengan tekanan politik yang kuat daripada golongan *khunnang*, Rama III menarik pencalonan putera baginda, dan mengabaikan haknya untuk menamakan pengganti baginda semasa baginda hampir mangkat.<sup>4</sup> Akibatnya, Putera Mongkut dipilih oleh Majlis Negara selepas kemangkatan Rama III sebagai pengganti kekandanya pada tahun 1851.

Sekurang-kurangnya, jelas bahawa persoalan penggantian raja zaman Thonburi-Bangkok bergantung pada persetujuan antara raja dan Majlisnya. Peranan Majlis Negara menjadi penting dan

<sup>3</sup> *Vella, op.cit.*, merupakan contoh yang baik tentang kekeliruan mengenai syarat-syarat penggantian takhta Siam.

<sup>4</sup> Chao Phra Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga*, Bangkok; Kurusabha, B.E. 2504/1961, jil. 2, m.s. 184 - 189

berpengaruh semasa kedudukannya lebih kuat daripada raja. Se- siapa yang dilantik oleh raja dengan persetujuan Majlis, atau di- pilih oleh Majlis sebab raja tidak menamakan penggantinya se- belum baginda mangkat, ialah pengganti takhta yang sah menurut amalan tradisional Thai.

Antara ketiga-tiga orang raja pertama dinasti Chakri, hanya Rama I yang menamakan penggantinya sebelum baginda mangkat. Pilihan Rama I, iaitu Putera Itsaranurak/Rama II, mempunyai kelayakan yang diperlukan. Oleh itu tiada bantahan terhadapnya untuk menaiki takhta kerajaan. Namun, pada masa akhir pemerin- tahan Rama II, baginda tidak secara rasmi memilih sesiapa di kalangan putera untuk menjadi pewaris baginda. Putera Wang Na (anak kandung Rama II) telah meninggal dunia beberapa tahun ter- lebih dahulu, iaitu pada tahun 1817, dan Rama II tidak sanggup melantik sesiapaupun untuk menyandang jawatan itu. Pada tahun 1824, semasa Rama II mangkat, Putera Mongkut baru berumur dua puluh tahun dan masih dalam hidup kesamian. Sebaliknya, kekan- danya, Putera Chetsadabodin, sudah berumur tiga puluh tujuh tahun, dan lebih penting, mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran dan hal-ehwal negara yang luas. Beliau juga mendapat sokongan penuh daripada *khunnang*. Tanpa pilihan Rama II, Majlis Negara memilih Putera Chetsadabodin dan menolak tun- tutan Mongkut yang berasaskan hanya pada hak kelahirannya.<sup>5</sup>

Oleh yang demikian, hak Rama III untuk menduduki takhta ialah suatu kelayakan yang sah menurut adat istiadat pilihan raja di negara Thai. Tidaklah boleh dikatakan yang Rama III merupa- kan perampas takhta.

Kekurangan syarat penggantian mengenai persoalan penggan- tian takhta Siam kekal hingga ke zaman Chulalongkorn. Pada masa itu, berlaku pertelingkahan antara Chulalongkorn dan Putera Wang Na menyebabkan Chulalongkorn membuat keputus- an untuk menamatkan jawatan Wang Na selepas kematian Putera Wang Na Wichaichan. Baginda memperkenalkan jawatan Putera Mahkota untuk menggantikan jawatan Wang Na. Bagi mengelak- kan persaingan antara raja dan bakal raja, Putera Mahkota mesti- lah putera sulung raja dengan permaisurinya. Walau bagaimana-

<sup>5</sup> Chulalongkorn juga mengatakan Rama IV mempercayai bahawa jikalau Rama II berkebolehan menamakan penggantinya, kemungkinan besar baginda akan menamakan Putera Chetsadabodin menjadi raja Siam.

pun, kalaulah tiada Putera Mahkota, dan pada masa itu pun raja pemerintah tidak juga menamakan pengganti raja mengikut undang-undang istana Majlis Negara berhak memilih pengganti Raja.

Raja Nangklaio/Rama III memerintah Siam selama dua puluh tujuh tahun. Pada masa pemerintahannya, baginda banyak merekodkan cabaran luar mahupun dalam Myanmar tidak lagi menjadi musuh utama Siam dari luar kerana Myanmar telah terlibat dalam persengketaan besar dengan Inggeris yang melemahkan kuasa serta kedudukan Myanmar di rantau ini. Perang Inggeris-Myanmar dan penyerahan sebahagian wilayah Myanmar selatan kepada Inggeris melemahkan Myanmar untuk menyerang Siam. Namun begitu, musuh Siam yang utama ialah Vietnam yang telah disatupadukan oleh Maharaja Gia Long. Menjelang masa pemerintahan Maharaja Minh Mang (1820 – 1838), Vietnam menjalankan dasar peluasan kuasa di Kampuchea yang menyebabkan tindakan balas daripada Rama III. Dalam persaingan dengan Vietnam di Kampuchea ini, Rama III bertindak sebagai pelindung bangsa Khmer dan agama Buddha Theravada di negeri itu.<sup>6</sup> Selain Vietnam, Siam juga menghadapi persaingan politik yang hebat daripada ejen Inggeris iaitu Syarikat Hindia Timur Inggeris di kawasan selatan. Kejayaan Rama III mempertahankan pengaruh politik tradisional Thai di Tanah Melayu menentang pencerobohan Inggeris, serta mengembalikan menubuhkan semua kuasa pertuanan Siam ke atas Kampuchea dan Negeri-negeri Lao, mengesahkan kepimpinan dinamik dan kebolehan baginda. Zaman Rama III memperlihatkan Siam muncul semula sebagai empayar terbesar di tanah besar Asia Tenggara. Secara fizikal, Siam bersedia menghadapi ancaman-ancaman baru yang timbul dengan kedatangan penjajah Inggeris dan kemudiannya, Perancis. Kedua-dua kuasa Barat itu menggantikan tempat Myanmar dan Vietnam, yang merupakan musuh tradisional Thai. Rama III menyedari betapa merbahayanya kemunculan penjajahan Barat itu. Baginda menasihati pemimpin-pemimpin Thai bahawa,

“Tiadalah lagi peperangan dengan Myanmar atau Vietnam pada masa akan datang. Ancaman yang besar ialah ancaman-

<sup>6</sup> Lihat penjelasan yang teliti di bawah.

ancaman daripada kuasa Barat. Oleh itu, berhati-hatilah supaya tidak tertipu oleh mereka....”<sup>7</sup>

Rama III bukan sahaja berjaya meluaskan kuasa Siam sehingga Siam menjadi empayar terbesar, tetapi baginda juga berjaya menguatkan kedudukan ekonomi dan perniagaan Siam yang telah runtuh dan lemah pada zaman ayahanda baginda. *Phongsawadan* Rama III melaporkan bahawa pada masa akhir pemerintahan Nangklae, perbendaharaan diraja adalah penuh, kesan kepintaran raja dalam bidang perniagaan.<sup>8</sup> Dipercayai bahawa Chulalongkorn dapat membayar wang pampasan kepada Perancis pada tahun 1893 dengan wang tunai kerana baginda menggunakan wang simpanan yang dikumpulkan oleh Rama III. Sebenarnya, kebijaksanaan dan minat Rama III dalam bidang perniagaan telah menyebabkan Rama II pernah menyebut nama timang-timangannya sebagai “chao sua” (Tauke).<sup>9</sup>

Rama III sangat berminat dalam bidang agama. Baginda memainkan peranan sebagai pelindung agama dengan bergiat secara ikhlas. Selain menderma banyak wang, harta benda, dan bantuan-bantuan lain untuk memperbaiki kuil dan tempat-tempat agama, Rama III juga menyedari pentingnya daya usaha baginda untuk menyelamatkan agama Buddha Theravada di Kampuchea ketika agama itu terancam akibat pendudukan Vietnam yang menjalankan dasar Vietnamisasi masyarakat Khmer. Sebenarnya, Rama III menerima beban politik dan agama di Kampuchea sebagai sebahagian tanggungjawab seorang *dharma-raja* yang mesti memberi perlindungan dan menjamin keselamatan masyarakat beragama Buddha di Asia Tenggara. Kejayaan Siam di Kampuchea mengesahkan taraf *dharma-raja* Rama III sambil memperlihatkan kuasa Siam yang disegani oleh negeri-negeri jirannya.

Sepanjang hayatnya, Rama III tidak melantik sesiapa daripada kalangan isteri gundik baginda untuk menjadi permaisuri. Oleh itu, baginda tidak mempunyai seorang anak bertaraf “Chao Fa” (putera kelas pertama). Putera Wang Na Rama III, iaitu Putera Saktipholseph, pun telah meninggal dunia sembilan belas

<sup>7</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga* op.cit., jil. 2, m.s. 188.

<sup>8</sup> *Ibid.*, pada masa itu jumlah wang yang ada dalam khazanah diraja ialah 40,000 chang. (Satu chang = 80 baht).

<sup>9</sup> Bagi maklumat lanjut, lihat Bab IV.



tahun terdahulu.<sup>10</sup> Ini bermakna bahawa semasa baginda mangkat pada tahun 1851, tiada pewaris raja yang rasmi. Majlis Negara menjemput Putera Mongkut yang merupakan seorang putera yang berkebolehan, untuk menaiki takhta menggantikan kakanda baginda.

## II. Suasana Politik di Tanah Besar Asia Tenggara

Faktor utama yang menyebabkan banyak perubahan dalam suasana politik serantau pada abad ke-19 ialah kedatangan penjajah British dan Perancis. Menjelang pertengahan kedua abad ke-19, British dan Perancis berjaya menubuhkan empayar masing-masing di Asia. Hanya Jepun dan Siam dapat menyelamatkan dirinya daripada penjajahan Barat. Namun, kedua-duanya, terutamanya Siam, terpaksa menjalankan dasar bertolak-ansur terhadap kuasa-kuasa penjajah itu, kadangkala dapat dikatakan bahawa dasar-dasar tersebut menjejaskan kedaulatannya. Dalam pemerintahan Rama III telah memaksa Siam membuka pintu negerinya kepada kuasa-kuasa Barat yang ingin berniaga dan bersahabat dengan Bangkok. Sebenarnya, kegiatan perniagaan kuasa-kuasa Barat itu telah wujud sejak zaman Ayudhya, tetapi penglibatan mereka di zaman Thonburi-Bangkok sangat kecil dan tidak menimbulkan tekanan-tekanan politik atau sosio-ekonomi ke atas kerajaan Siam. Kebanyakan kegiatan perniagaan Thai pada masa itu tertumpu kepada perniagaan dengan Barat yang wujud sebelum kedatangan penjajahan Barat ke Asia Tenggara ialah hubungan Thai-Portugis yang bermula sejak pemerintahan Rama I. Pada zaman pemerintahan Raja Loetla, Portugis dibenarkan mendirikan pejabat konsul dengan seorang Konsul Residen di Bangkok, iaitu pada tahun 1820. Sungguhpun begitu, Portugis tidak berminat mengembangkan perniagaannya dan akhirnya memberikan peluang ekonomi dan perniagaan kepada pedagang-pedagang per-sendirian dari England, terutamanya kepada Kapten Hunter yang menjadi pedagang asing yang disukai oleh pihak Istana. Kemun-

<sup>10</sup> Putera Sakkipholeph ialah putera kepada Rama I dengan seorang isteri gundik baginda. Sebenarnya, ibu putera Sakkipholeph adalah seorang anak Gabenor Nakhon, Chao Phraya Nakhon (Phat), dan kakak kepada Chao Phraya Nakhon (Noi). Oleh itu, baginda adalah anak saudara kepada pemimpin Nakhon yang terkenal dalam zaman Rama III.

culan England dan Perancis di Asia Tenggara pada abad ke-19, walaupun tujuan asalnya untuk berniaga tetapi akhirnya, meluaskan kegiatan ekonominya dengan menubuhkan tapak kuasa politik dan strategi. Dasar kuasa penjajah terhadap negeri-negeri di rantau ini menjadi sebab utama perubahan keadaan sosiopolitik dan ekonomi yang berlaku dalam abad ke-19.

Perubahan suasana politik di tanah besar Asia Tenggara yang berlaku dalam pemerintahan Rama III dan ada kaitan dengan kedudukan serta keselamatan Siam, melibatkan dua buah negeri iaitu England dan Vietnam. Percubaan Rama III untuk mengaturkan hubungan Siam dengan dua buah negeri itu membuktikan kebijaksanaan raja yang berjaya menguatkan kuasa dan pengaruh Siam di Asia Tenggara, meskipun Siam menghadapi ancaman dari arah timur dan selatan.

#### (a) Hubungan dengan Inggeris

Sebenarnya Inggeris cuba untuk mengadakan hubungan diplomatik dan perniagaan dengan Siam sejak pemerintahan Raja Loetla. Pada tahun 1822, Marquis Hastings, Gabenor Jeneral India, telah menghantar John Crawfurd untuk membuat perjanjian persahabatan dan perniagaan dengan Bangkok. Sebab-sebab keperluan Inggeris bersahabat dengan Siam adalah berkait rapat dengan konsep keselamatan empayar British di India dan perjalanan kapal-kapal dagang Inggeris ke Cina. Untuk menjamin keselamatan empayar British di India dan perjalanan pergi balik dari India ke China, Inggeris terpaksa menguasai tempat-tempat yang strategik di Teluk Bengala dan di kawasan Selat Melaka yang boleh digunakan sebagai pangkalan tentera serta pelabuhan perniagaan, dan yang dapat mempertahankan kepentingan British. Pada asasnya, Syarikat Hindia Timur Inggeris dan kerajaan British di England tidak berminat terhadap negeri-negeri di tanah besar Asia Tenggara kerana tujuan asalnya ialah ekonomi dan strategi. Oleh itu, ia memerlukan hubungan muhibah dan persahabatan dengan negeri-negeri yang berkuasa di daratan supaya keadaan damai dan saling memahami dapat dikekalkan dengan negeri-negeri itu. Hasil hubungan yang baik itu akan membolehkan Inggeris menjalankan perniagaannya dengan licin. Menjelang tahun 1822 keperluan itu menjadi begitu mendadak kerana kegagalan Crawfurd untuk membuat perjanjian dengan Bangkok, dan keadaan yang membimbangkan

di Kedah akibat pendudukan Siam di negeri itu. Sultan Kedah pada masa itu menjangkakan Kedah akan mendapat pertolongan Inggeris untuk menentang Siam, tetapi Siam tidak mampu melancarkan tindak balas sebab Siam sedang menghadapi ancaman besar dari Myanmar. Serangan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 adalah kerana Siam bimbang Kedah akan menjadi tapak kuasa musuh Siam untuk menyerang Siam dari arah selatan. Pendudukan Siam di Kedah menimbulkan masalah kepada Inggeris di Pulau Pinang yang selalu bergantung pada Kedah untuk mendapat bahan-bahan makanan. Tambahan pula, Inggeris di Pulau Pinang pun menyokong bekas Sultan Kedah yang lari ke Pulau Pinang.<sup>11</sup> Oleh itu, kerajaan Inggeris di Pulau Pinang menggesa ibu pejabat Syarikat Hindia Timur di India supaya berunding dengan Bangkok untuk menentukan bahawa Siam akan membenarkan kegiatan perniagaan di Kedah seperti yang telah dipersetujui antara Sultan Kedah dan kerajaan Inggeris di Pulau Pinang, dan juga untuk merayu bagi pihak Sultan Kedah supaya Sultan Ahmad Tajuddin dibenarkan pulang ke Kedah dan mengambil semula kedudukannya sebagai Sultan Kedah.

Pada masa yang sama, Syarikat Hindia Timur Inggeris terlibat dalam perselisihan dengan Myanmar yang akhirnya menyebabkan meletusnya perang Myanmar-Inggeris pada tahun 1824. Pihak berkuasa British menyedari pentingnya Siam sebagai sahabat yang boleh menolong Inggeris dalam perang menentang Myanmar itu. Jadi bagi pihak Inggeris di Pulau Pinang dan India, terdapat beberapa peluang untuk membuka hubungan persahabatan dengan Siam.

Pada tahun 1822 apabila John Crawfurd dihantar sebagai Ketua rombongan perwakilan Inggeris ke Bangkok dan Hue dengan tujuan untuk mengadakan hubungan diplomatik dan persahabatan dengan Siam dan Vietnam, timbul pula tentangan terhadap Siam yang hebat di Pulau Pinang, kerana kekejaman Thai semasa menyerang Negeri Kedah. Tentulah timbul kebimbangan di kalangan pemimpin-pemimpin Inggeris di Pulau Pinang mengenai tujuan dan dasar Thai terhadap Kedah dan Pulau Pinang. Keadaan ini juga sudah tentulah mempengaruhi fikiran dan pendekatan Crawfurd semasa beliau sampai ke Bangkok pada bulan Februari

<sup>11</sup> Lihat Bahagian Negeri-Negeri Melayu di bawah tajuk Perhubungan Thai dengan Kedah.

tahun 1822. Crawford menegaskan permintaan Inggeris supaya Siam memulangkan Kedah kepada bekas Sultannya. Permintaan itu tidak disambut baik oleh pihak berkuasa Siam yang melihat percubaan wakil British itu sebagai tindakan campur tangan dalam hal-hwal dalam negerinya. Jadi percubaan Crawford untuk menolong Sultan Ahmad Tajuddin itu telah menimbulkan kemarahan Rama II dan *khunnangnya*. Bangkok tidak bersetuju dengan perundingan Crawford bagi pertukaran beberapa syarat mengenai kutipan cukai import-eksport barang-barang perniagaan dan sistem monopoli diraja. Oleh yang demikian telah menghalang kedua-dua pihak menerima secara ikhlas permintaan atau pandangan daripada pihak yang lain. Tambahan lagi, Bangkok juga mencurigai tujuan sebenar kedatangan Crawford kerana didapati ada ahli rombongannya yang membuat kajian dan tinjauan mengenai keadaan geografi Siam. Rama II dilaporkan berkata:

"Mereka tidak datang untuk mengadakan hubungan persahabatan dengan jujur. Kenapa mereka selalu bercakap yang bukan-bukan terhadap kita dan kenapa mereka mesti memeriksa dalamnya sungai-sungai dan membuat peta? Kalau begini caranya tidak dapatlah kita membuat perjanjian dengan mereka.<sup>12</sup>

Crawford pula memandang rendah Istana Siam dan kebolehan Siam sebagai kuasa besar di rantau Asia Tenggara.

Tidak hairanlah bahawa percubaan Inggeris untuk bersahabat dengan Siam semasa pemerintahan Rama II gagal. Tetapi kegagalan Crawford tidak melemahkan hasrat Inggeris di India untuk mencuba lagi hingga tercapainya tujuan diplomatik dan perniagaan Inggeris di Siam.

Kalau dibandingkan dengan tujuan Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu yang tertumpu pada aspek-aspek ekonomi dan strategi, tujuan Siam di Kedah pula menekankan aspek-aspek politik dan strategi. Oleh itu, tidak timbullah pertelagahan antara negeri-negeri itu. Pihak Inggeris sanggup bertolak-ansur terhadap kepentingan strategi dan politik Siam sebagai balasan kerana pembukaan negeri Thai kepada kepentingan ekonomi British. Kesedaran itu akhirnya menyebabkan pihak Inggeris mencuba lebih giat lagi untuk mendapatkan satu perjanjian persahabatan dan perniagaan

<sup>12</sup> Dokumen Pemerintahan Rama II, Perpustakaan Kebangsaan Thai, Bangkok.

dengan Siam. Menjelang tahun 1825, Lord Amhurst, Gabenor Jeneral India, menghantar Kapten Henry Burney sebagai wakil pihak berkuasa di India untuk berunding dengan kerajaan Siam mengenai syarat-syarat perjanjian yang diharap akan ditandatangani oleh kerajaan Siam dan kerajaan British di India. Untuk menjamin kejayaan misi Burney itu, pihak berkuasa Inggeris tidak lagi mementingkan masalah Kedah, tetapi mementingkan objektifnya kepada hal-hal perniagaan dan persahabatan antara Inggeris dan Siam. Henry Burney adalah seorang duta yang bijaksana dan pandai memikat hati pemimpin Thai dengan kebijaksanaannya memahami kebudayaan dan cara hidup orang Siam. Hasilnya, Perjanjian Burney atau Perjanjian Bangkok tahun 1826 ditandatangani antara kerajaan British di India dan Siam.

Perjanjian Burney merupakan bukti yang menunjukkan sikap hormat-menghormati kepentingan kedua-dua pihak yang terlibat di Semenanjung Tanah Melayu. Perjanjian ini juga mencegah sebarang pergaduhan yang akan berlaku antara Inggeris dan Siam di kawasan tersebut. Dapat dikatakan bahawa dengan termetrinya perjanjian Burney, Siam dan Inggeris menjadi penjaga undang-undang dan ketenteraman Semenanjung Tanah Melayu. Menurut perjanjian tersebut, kuasa Siam merangkumi Kedah, Kelantan, dan Terengganu, manakala kuasa dan pengaruh British adalah ke atas wilayah-wilayah yang lain daripada negeri-negeri itu.

Mengikut fasal utama dalam Perjanjian Burney itu, Siam bersetuju tidak akan campur tangan dalam kegiatan perniagaan Inggeris di negeri-negeri Melayu di bawah kuasa Siam dan Inggeris mengakui kuasa Siam di negeri Kedah, Kelantan, dan Terengganu. Siam juga mengakui pemajakan Inggeris ke atas Pulau Pinang dan Seberang Prai. Sebaliknya, pihak Inggeris mengakui Kedah sebagai kawasan kekuasaan Thai, dan berjanji akan menghalang bekas Sultan Kedah dan pengikutnya menyerang Kedah atau sebarang wilayah Siam dari Pulau Pinang. Kedua-dua pihak bersetuju secara tidak langsung bahawa negeri Kelantan dan Terengganu adalah di bawah kuasa Thai. Pihak Inggeris berjanji tidak akan "mengganggu, menyerang, atau mengacau <Kelantan dan Terengganu> dengan apa jua alasan pun".<sup>13</sup> Siam juga mengiktiraf kemerdekaan negeri Perak dan Selangor. Walau bagaimanapun, Sultan Perak di-

<sup>13</sup> Untuk Artikel 12 Perjanjian Burney, lihat *Treatise and Engagements of the Native States of the Malay Peninsula, pt. I., Singapore, 1877.*

benarkan menghantar ufti bunga mas dan perak ke Siam jika rajanya ingin berbuat begitu. Terdapat juga enam fasal lagi mengenai syarat-syarat perniagaan. Antaranya termasuklah satu syarat mengenai cukai import-eksport yang kadarnya ditetapkan bernilai 1,700 baht untuk setiap ukuran bendul kapal. Kadar cukai baru ini menggantikan semua jenis cukai perniagaan yang terdahulu. Perubahan ini dilihat sebagai membalas permintaan Inggeris yang mengenakan cukai perniagaan yang seragam. Satu lagi kompromi yang dibuat oleh kerajaan Siam ialah penghapusan syarat melarang eksport beras pada waktu aman dan damai. Dengan Perjanjian Burney, beras menjadi bahan eksport yang berharga.

Persetujuan Rama III membuka Siam bagi kegiatan perniagaan negeri-negeri Barat secara meluas pada tahun 1826 ini berdasarkan pada keselamatan Siam dan kedudukannya yang kuat ke atas negeri-negeri naungan Siam di utara Tanah Melayu. Kemungkinan Inggeris boleh menjadi musuh Siam yang berkuasa di sebelah barat Thai setelah kemenangan British ke atas Myanmar pada tahun 1824 juga diambil kira oleh Rama III, terutamanya Bangkok tiada berupaya menentang tentera British. Faktor yang lebih penting ialah bagi Rama III menganggap Britain lebih berguna sebagai sahabat daripada sebagai musuh Siam. Selain itu, permintaan British yang dikemukakan oleh Burney juga tidak keterlaluan dan tidak memalukan kedudukan serta kemuliaan Siam sebagai negeri yang berkuasa di rantau ini. Oleh yang demikian, Rama III sanggup berunding dengan pihak British, dan akhirnya, menerima syarat syarat Perjanjian Burney. Perjanjian Burney juga merupakan perjanjian timbal-balik antara dua pihak yang setaraf. Suatu yang tidak mungkin berlaku lagi dalam abad ke sembilan belas ini ialah Siam dianggap sebagai anggota masyarakat antarabangsa yang berkedudukan setaraf dengan kuasa-kuasa Barat. Rama III menggunakan peluang ini untuk menjamin bukan sahaja kepentingan Siam dari segi keselamatan dan ekonomi tetapi juga dari aspek kemuliaan dan maruah negara.

Hubungan persahabatan Thai-Inggeris yang dijalin secara rasmi pada tahun 1826 memang memberi kesan yang penting terhadap suasana politik di rantau Asia Tenggara. Pertama, persahabatan Anglo-Thai ini menjamin keselamatan Siam daripada ancaman Myanmar dan memberi kebebasan kepada Bangkok untuk menghalang ancaman dari arah-arrah lain, terutamanya dari timur. Kedua, hubungan itu juga memberi kebebasan kepada Bangkok

bagi menyelesaikan masalah Kedah dan keadaan kacau bilau di utara Tanah Melayu dan menguatkan kedudukan Siam di situ. Tanpa persfahaman dengan Britain, mustahil Siam boleh berjaya dalam percubaan untuk meningkatkan pengaruh dan kuasanya di tanah besar Asia Tenggara.

Perjanjian Burney terus dipatuhi sehingga tahun 1855. Pada tahun itu Bangkok bersetuju menandatangani satu perjanjian baru dengan England yang menggantikan Perjanjian Burney. Tidak dapat dinafikan bahawa Perjanjian Burney mempunyai kesan yang mendalam terhadap keadaan ekonomi dan perniagaan Siam. Bangkok bukan sahaja membuka pintunya kepada England tetapi juga menggalakkan negeri-negeri Barat yang lain, misalnya Perancis dan Amerika Syarikat, untuk berniaga dan mengadakan hubungan diplomatik dan perniagaan dengan Siam. Amerika Syarikat menghantar wakilnya, Edmund Roberts, ke Bangkok dan kesannya, satu perjanjian Amerika-Thai ditandatangani pada bulan Mac 1832. Syarat-syaratnya adalah sama dengan Perjanjian Burney. Walaupun ada usaha-usaha dijalankan untuk membuat perjanjian dengan Perancis pada tahun 1840, tetapi tidak berhasil kerana Perancis kurang berminat dan masih sibuk dengan hal dalam negerinya.<sup>14</sup> Jelaslah bahawa Rama III menjalankan dasar luar terbaik-baik dengan kuasa Barat untuk menjamin keselamatan Siam. Nampaknya, tujuan Rama III yang ingin membuka pintu kepada negeri-negeri Barat ialah untuk mengimbangkan kuasa pengaruh Inggeris dengan kuasa dan pengaruh negeri Barat yang lain di Siam. Persediaan Siam membuat perjanjian dengan Amerika Syarikat, misalnya, mencerminkan kebimbangan pemimpin Thai terhadap kekuatan Inggeris di Myanmar. Jadi dasar luar Siam yang sangat terkenal yang sentiasa menggunakan beberapa kuasa luar untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan Thai memang wujud pada zaman Rama III, dan bukan suatu aspek yang baru dicipta dalam zaman moden.

Perkembangan hubungan Anglo-Thai selepas tahun 1826 telah direncanakan oleh Perjanjian Burney. Walaupun begitu, terdapat juga tafsiran yang berlainan antara kedua-dua kuasa itu. Misalnya, untuk menggantikan kekurangan pendapatan negeri akibat tamatnya berbagai-bagai cukai tradisional, Rama III berfikir yang baginda berhak secara mutlak untuk memperkenalkan cukai baru ter-

<sup>14</sup> Vella, *op.cit.*, m.s. 124

hadap barang-barang perniagaan dalam negeri. Rama III tidak berfikir yang baginda tidak dapat membuat demikian sebab adanya syarat-syarat perjanjian yang ditandatangani oleh Siam dengan negeri-negeri Barat. Sebaliknya, pihak Barat melihat semua tindakan Rama III itu sebagai melanggar peraturan yang telah diperseujui oleh Bangkok. Oleh itu, mereka meminta supaya Bangkok berunding dan menjelaskan perkara ini kepada mereka. Pada tahun 1850, England dan Amerika Syarikat menghantar wakil masing-masing ke Bangkok untuk berunding dengan Siam dan meminda syarat-syarat perniagaan yang kurang jelas itu. Joseph Balestier, konsul Amerika Syarikat di Singapura, dihantar ke Bangkok sebagai duta khas daripada Presiden Zachary Taylor, manakala Sir James Brooke, wakil Permaisuri Victoria, dihantar untuk tujuan yang sama. Pihak Thai enggan menerima permohonan itu. Rama III pula jatuh gering dan keadaan ini dipergunakan oleh *senabodinya* sebagai alasan kenapa Siam tidak dapat berunding dengan Inggeris dan Amerika Syarikat mengenai cadangan-cadangan baru mereka.

Sebenarnya, golongan pemimpin progresif di Siam menyedari bahawa penafian Siam untuk membuat Perjanjian baru dengan negeri-negeri Barat terutamanya Britain merupakan suatu langkah yang amat merbahaya. Pada masa itu Britain telah menunjukkan kuasanya dengan kemenangan ke atas China, sebuah negara di Asia yang terbesar dan paling berkuasa. Kemenangan Inggeris pada tahun 1840 memaksa China membuat perjanjian yang amat merugikan kedudukan dan maruahnyanya. Ringkasnya, China terpaksa mengakui kedudukannya yang lebih rendah daripada England dan negeri-negeri Barat yang lain. Tidak hairanlah yang England menganggap negara-negara Asia yang lain patut bersetuju juga dengan tuntutan-tuntutan Inggeris seperti yang diterimanya dari China, iaitu hak wilayah asing dan hak-hak istimewa dalam bidang perniagaan. Penafian Siam pada tahun 1850 bererti bahawa Siam tidak memandang tinggi kedudukan Inggeris di Asia. Sebelum meninggalkan Siam, Sir James Brooke memberi amaran bahawa China menolak dan menghalang kegiatan perniagaan British dan hal itu menyebabkan tercetusnya perang antara dua buah negeri tersebut. Akibatnya, China menanggung kerugian. Golongan pemimpin progresif yang termasuk juga Putera Mongkut, dan Si Suriyawong, menyedari ancaman besar dari England. Mereka menulis kepada sahabat-sahabat di luar negeri meminta



England bersabar dan menunggu masa yang sesuai bagi mengadakan rundingan dengan Bangkok.

Walaupun Rama III tidak bersedia berunding semula dengan England dan Amerika Syarikat bagi membuat perubahan fasal-fasal perjanjian dengan mereka, kemungkinan besar bahawa kuasa yang membantah permintaan Brooke dan Balestier ialah Chao Phraya Khlang (Dit) dan adiknya, Phraya Siphiphat, dua orang *senabodi* kanan yang bertanggungjawab terhadap hal perniagaan asing dan perhubungan luar. Jelas bahawa kuasa politik dan ekonomi mereka akan terjejas jika syarat-syarat baru itu diterima oleh Bangkok. Lazimnya, Chao Phraya Phra Khlang dan Phraya Siphiphat, yang juga mewakili kerajaan Siam dalam proses perundingan dengan Brooke dan Balestier, enggan bertolak ansur terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Britain dan Amerika Syarikat. Tambahan pula, suasana politik di Siam pada tahun 1850 menjadi kurang stabil disebabkan oleh masalah penggantian Rama III. Raja Nangkloa jatuh gering hampir sepanjang tahun itu. Selepas sepuluh bulan gering, timbul masalah tentang penggantian baginda. Chao Phraya Phra Khlang dan Phraya Siphiphat mengumumkan mereka menyokong pencalonan Putera Mongkut sebagai pengganti yang sah kepada kakandanya pada bulan Mac, tahun 1851 dalam majlis *khunnang* dan putera-putera.<sup>15</sup> Dalam keadaan ini, Bangkok memang tidak bersedia untuk berunding dengan kuasa barat kerana ada perkara yang lebih penting yang perlu diuruskan.

Ringkasnya, perhubungan Thai dengan Inggeris yang telah bermula secara rasmi dengan termetrinya Perjanjian Burney, memainkan peranan yang berpengaruh ke atas suasana politik dan ekonomi Siam sepanjang masa pemerintahan Rama III. Walaupun perjanjian itu memberikan persefahaman baik antara Siam dan Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu, tetapi kemudiannya menjadi punca ketidakpuasan hati pihak Inggeris sebab perubahan suasana politik di Asia yang menyaksikan peningkatan kuasa Inggeris. Akhirnya, Britain memohon perundingan semula dengan Bangkok untuk meminda syarat-syarat perniagaan. Secara umumnya, penafian Thai dalam hal ini adalah selaras dengan sikap Rama

<sup>15</sup> William Bradley, "The Accession of King Mongkut, *JSS, jil., 57 bht. 1, Januari 1969, m.s. 156.*

III yang tidak mahu bertolak ansur dengan sebarang permintaan yang akan merugikan pengaruh dan kedudukan Siam. Walaupun begitu, keadaan kesihatan Rama III perlu diambil kira, dan baginda menyerahkan tanggungjawab perundingan itu kepada dua orang *senabodi* yang malangnya mereka ini bersikap negatif terhadap perkara tersebut.<sup>16</sup> Oleh itu, perhubungan Thai dengan Inggeris menjadi tegang dan terdapat perasaan bimbang di kalangan pemimpin generasi muda terhadap kemungkinan perang yang akan dilancarkan oleh British kepada Siam.

### (b) Hubungan dengan Vietnam

Untuk memahami betapa pentingnya perkembangan hubungan Thai dengan Vietnam pada masa pemerintahan Rama III, perlulah dilihat latar belakang sejak zaman Raja Taksin yang sebenarnya menjadi titik-tolak perkembangan hubungan Thai dengan Vietnam yang baru.

Pada masa pemerintahan Taksin, berlaku pemberontakan Tay-Son di Vietnam tahun 1773 yang berjaya merampas kuasa daripada dinasti Nguyen dan berkuasa di selatan Vietnam. Beberapa orang putera dinasti Nguyen melarikan diri ke Siam dan meminta pertolongan Raja Taksin, dan kemudiannya, daripada Rama I. Putera Nguyen Anh yang tinggal sementara di Bangkok akhirnya dapat merebut kembali takhta kerajaan Vietnam di Hue daripada pemberontak Tay-Son itu pada tahun 1800. Sepanjang peninggalan Nguyen Anh di Bangkok, Rama I telah menghantar pasukan tentera Thai ke Vietnam untuk menolong Nguyen Anh menghapuskan musuh-musuhnya, iaitu pada tahun 1782 dan 1784. Tetapi percubaan itu gagal. Pada tahun 1787, Nguyen Anh membuat keputusan untuk pulang ke Vietnam dan mengasaskan pasukan tenteranya di Vietnam bagi melancarkan serangan menen-

<sup>16</sup> Surat *senabodi* Thai yang dihantar kepada Brooke mencerminkan perasaan kecewa perwakilan Thai terhadap Brooke:

"kami semua ini... tidak pernah berjumpa sesiapa pun yang mewakili negerinya untuk berunding tentang hal-ehwal negeri yang bersikap seperti guru yang selalu ingin mengajar dengan berbagai-bagai contoh dan tunjuk ajar mengenai hal perniagaan. Itu pun hanya dilihat dari sudut kepentingan pembeli tanpa mengira sedikit pun terhadap kami semua yang mewakili pihak tuan rumah dan negeri penjual".

*Prachum Phongsawadan*, Bahagian 62.

tang golongan Tay-Son.<sup>17</sup> Untuk membantu percubaan tentera Nguyen Anh dari tahun 1787 hingga tahun 1800, Rama I menghantar bekalan senjata, makanan, dan keperluan yang lain kepada putera itu. Dengan mendapat bantuan kewangan dari Perancis, dapatlah Nguyen Anh membeli peralatan senjata bagi pasukan tentera sukarela dari Perancis, Inggeris, dan Ireland untuk menolongnya menewaskan golongan pemberontak Tay-Son di Hue. Pada tahun 1788, iaitu setahun selepas Nguyen Anh balik ke Vietnam, dan pada tahun 1802 apabila Nguyen Anh mengisytiharkan dirinya sebagai Maharaja Gia Long, beliau selalu menghantar bunga mas dan perak ke Bangkok.<sup>18</sup> Walau bagaimanapun, sejak upacara pertabalannya pada tahun 1802, Nguyen Anh dengan cara lemah-lembut telah menolak pemberian topi yang dihadiahkan kepadanya oleh Rama I mungkin disebabkan oleh kebimbangan baginda terhadap implikasi yang baginda mendapat mahkota Vietnam daripada Rama I. Sejak itu Gia Long memberhentikan adat menghantar ufti ke Siam. Sebaliknya, Maharaja Gia Long berusaha secara senyap-senyap memulihkan kuasa dan pengaruh Vietnam di kawasan Indo-Cina, iaitu ke atas negeri-negeri Laos, dan Kampuchea. Misalnya, setelah kemenangannya di Hue pada tahun 1800, Gia Long berselisih faham dengan Chao Phraya Aphai-phubet (Baen), seorang pentadbir kanan Thai di Kampuchea kerana Gabenor Kampuchea itu tidak menghormati Vietnam. Walaupun Gia Long berhasrat mengasaskan semula pengaruh Vietnam di Kampuchea, baginda masih bersikap memandang berat kepada Rama I, dan tidak melaksanakan suatu tindakan yang secara terbuka kerana bimbang boleh menjejaskan kedudukan Siam sebagai negeri dipertuan Kampuchea.

Sungguhpun begitu, sebaik sahaja Rama I mangkat, Gia Long menghantar rombongan diplomatik yang membawa surat baginda ke Bangkok. Dalam surat tersebut, Gia Long meminta *muang* Ban-

<sup>17</sup> Menurut *Phongsawadan Masa Pemerintahan Satu*, Nguyen Anh pulang ke Vietnam tanpa memohon kebenaran daripada Rama I, dan menyebabkan Putera Wang Na baginda menyuruh kakandanya menangkap Nguyen Anh. Lihat Chao Phraya Thiphajorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Satu*, Bangkok: Khlung-wittaya, B.E. 2504/1961, m.s. 129 - 133.

<sup>18</sup> Nguyen Anh menghantar bunga mas dan perak ke Bangkok enam kali sepanjang masa baginda sedang berjuang merebut takhta Vietnam daripada pemberontak Tay-Son iaitu dalam tahun 1788, 1790, 1793, 1795, 1797, dan 1801. *Ibid.*

theimas atau Ha-tien pulang ke Vietnam. Dalam pada itu, satu pasukan tentera Vietnam telah dihantar untuk menduduki Ha-tien, sebuah bandar di pantai selatan Vietnam yang dianggap sebagai pintu masuk ke Kampuchea dari Vietnam. Bandar itu ditawan oleh Siam semasa berlakunya pemberontakan Tay-Son dan perang saudara di Vietnam semasa pemerintahan Rama I. Jelas bahawa Gia Long hanya mempersembahkan keadaan *fait accompli*<sup>19</sup> kepada Rama II sahaja apabila perwakilan diplomatiknya menyembahkan permintaan baginda di Bangkok. Pihak berkuasa Thai di Bangkok juga memahami betapa pentingnya bandar Ha-tien kepada Siam dan kedudukannya di Kampuchea. Penyerahannya kepada Vietnam bererti Bangkok mengakui secara tidak langsung kuasa dan pengaruh Vietnam ke atas Kampuchea. Tetapi Bangkok tidak ingin menolak permintaan tersebut.

Kemunculan Vietnam sejak tahun 1802 sebagai sebuah negeri yang bersatu dan yang nampaknya berkuasa setaraf dengan Siam mengubah suasana politik di kawasan timur tanah besar Asia Tenggara. Bangkok tidak lagi boleh melihat keadaan politik di Indo-Cina sebagai kawasan di belakang rumahnya sahaja. Oleh itu, Rama II enggan menolak permintaan Maharaja Gia Long dan tidak ada pilihan lain kecuali menerima tindakan *fait accompli* raja Vietnam itu. Ini disebabkan oleh kekhuatiran Rama II dan *khun-nangnya* bahawa sekiranya mereka mengecewakan permintaan Vietnam di Kampuchea, kemungkinan besar Bangkok akan menghadapi perang dari dua arah kemudiannya. Dipercayai bahawa apabila tercetusnya Perang Thai dengan Myanmar, Maharaja Gia Long akan menggunakan peluang itu untuk bekerjasama dengan Myanmar dan cuba membawa pertempuran itu ke arah timur dan timur laut Siam. Jika tercetusnya perang dari kedua-dua arah itu, Siam akan musnah. Jadi kemunculan Vietnam yang bersatu ini menghadkan peranan Bangkok di Indo-Cina dan menghadkan, pengaruh dan kuasa Thai ke atas kawasan lingkungan pengaruh Thai.<sup>20</sup> Pendekatan dan sikap Rama II semasa Myanmar tidak lagi mampu mengancam Siam sebab pergaduhan hebatnya dengan pihak Inggeris tidak dapat difahami oleh para pengkaji sejarah.

Jadi, seperti yang telah dibincang di atas, sepanjang masa pemerintahan Rama II, Siam telah berundur dari Kampuchea dan

<sup>19</sup> Dokumen Zaman Rama I.

<sup>20</sup> Lihat maklumat lanjut di bawah.

bersedia bertukar-tukar surat dengan Gia Long dan Minh Mang merupakan suatu tindakan pihak berkuasa Thai yang tidak berpuas hati terhadap keadaan yang wujud di Kampuchea. Sebaliknya Rama III memperlihatkan pendekatan baginda terhadap Vietnam dan dasar-dasar Thai di Indo-Cina dengan jelas pada awal pemerintahannya. Kedatangan Burney ke Bangkok untuk menguruskan perundingan diplomatik dan perniagaan dengan Siam telah disalah anggap oleh Chao Anu, raja Vientiane dan seorang vassal Siam, sebagai permulaan serangan Inggeris ke atas Bangkok.<sup>21</sup> Chao Anuj memberontak menentang Bangkok dan meminta pertolongan dari Vietnam. Rama III bertindak balas dengan menghantar pasukan tentera Thai ke Vientiane untuk menghapuskan pemberontakan itu. Apabila Maharaja Minh Mang membuat rayuan bagi pihak Chao Anu melalui surat baginda ke Bangkok, Rama III mengesahkan yang baginda tidak lagi memegang dasar bertolak-ansur dan berlembut dengan Hue. Baginda menolak permohonan Minh Mang itu dan terus memusnahkan badar Vientiane dan Champasak sebagai hukuman berat kepada penderhakaan Chao Anu dan keluarganya. Sejak pemberontakan Chao Anu, perhubungan Thai dengan Vietnam menjadi tegang, dan kedua-dua buah negeri mencari peluang untuk menunjukkan kuasa masing-masing ke atas Laos dan Kampuchea.

Penting juga diperhatikan bahawa Rama III bukan sahaja melihat Vietnam sebagai kuasa yang bertentangan dengan Siam, tetapi baginda juga memandang rendah pemimpin-pemimpin Vietnam yang, mengikut fikiran baginda, kurang bermoral.<sup>22</sup> Rama III percaya yang persaingan antara Vietnam dan Siam juga merupakan persaingan ideologi. Sebagai seorang raja yang mempunyai

<sup>21</sup> Lihat Bahagian Negeri-negeri Lao di bawah.

<sup>22</sup> Rama III pernah bertitah,

“Sikap pemimpin Vietnam tidak jujur dan selalu mencari keuntungan diri tanpa malu. Sejak masa pemerintahan Phra Phutta Yodfa, Vietnam memohon *muang* Bantheimas < mereka mendapat bandar itu pada zaman Rama II >; apabila sampai zaman Phra Phutta Loetla, Vietnam merampas Kampuchea; dan pada masa ini pun, Vietnam berkehendak untuk menduduki Vientiane. Beta tiada lagi mempunyai kesabaran. Kenapa sekarang Vietnam ingin berunding dengan kita mengenai hubungan persahabatan? Kemungkinannya Vietnam tidak lagi mampu berjuang menentang kita. Oleh itu, terpaksa bersikap bersahabat”.

*Titah Rama III kepada Chao Phraya Bodindecha, Prachum Phongsawadan.* Bahagian 56, Bangkok: Sophonphiphatanakon, B. E. 2475/1932, m.s.28.

kelebihan yang tinggi, maka Rama III tidak ada pilihan lain kecuali menunjukkan kelebihan baginda, terutamanya di Indo-Cina kerana di sinilah berlakunya persaingan ideologi agama Buddha dengan yang berdasarkan fahaman Confucius. Dasar peluasan kuasa Thai di timur, atau lebih tepat dasar pemulihan semula kedudukan Thai di kawasan tersebut, menjadi bukti kelebihan Rama III sebagai *dharma-raj*a dan raja Thai yang sah.<sup>23</sup> Rama III juga berasa bertanggungjawab terhadap perkara tersebut, dan baginda juga adalah seorang penaung agama Buddha di Asia Tenggara, untuk menjamin kewujudan dan keselamatan agama Buddha Theravada daripada ancaman Vietnam yang bertujuan memusnahkan agama itu di Kampuchea. Tidak hairanlah, jika kita menemui banyak bukti yang menerangkan tujuan Rama III itu. Misalnya.

“Duli Yang Maha Mulia Raja tidak mahu sebarang faedah pun dari Kampuchea, hanya baginda berharap dapat menerima nama dan penghargaan kerana bagindalah yang dapat melindungi agama Buddha di Kampuchea daripada kemusnahan”.<sup>24</sup>

### III. Dasar Peluasan Kuasa Rama III

#### (a) Konsep Hubungan Tributari

Hubungan tributari atau hubungan antara negeri yang lebih berkuasa dengan negeri naungannya yang wujud antara Siam dan negeri-negeri Melayu utara di Semenanjung Tanah Melayu, telah disambung semula pada awal pemerintahan Rama I. Dengan kejayaan pihak berkuasa Thai pada tahun 1785, hubungan Thai dan Tanah Melayu seolah-olah tidak menghadapi masalah. Sungguhpun begitu, perebutan kuasa antara Sultan Ahmad Tajuddin (1802-1842) dengan adiknya, Tengku Bisnu, pada tahun-tahun 1800-an menyebabkan hubungan tributari Thai dengan Kedah renggang, dan kemudian terputus langsung. Perkembangan politik itu menjejaskan bukan sahaja kedudukan Bangkok berdepan dengan Kedah, tetapi juga hubungan Siam dengan negeri Melayu yang lain serta menimbulkan masalah keselamatan Siam di wilayah selatannya. Mungkin patut juga kita meninjau secara menyeluruh perkembangan hubungan tributari yang telah diterima sepanjang

<sup>23</sup> Lihat Bab I untuk penjelasan lanjut tentang ideologi Taksin dan Rama I.

<sup>24</sup> *Prachum Phongsawadan* Bahagian 56, *op.cit.*, m.s. 9.

zaman tradisional Asia Tenggara sebagai corak hubungan diplomatik.

Perkembangan politik Asia Tenggara sejak abad ke-14 menekankan kefahaman asas bahawa wujudnya susun pangkat sosio-politik yang tidak setaraf kedudukannya. Terdapat beberapa buah negeri yang berkuasa dan yang diperintah oleh raja yang kuat. Negeri-negeri tersebut patut diberikan penghormatan oleh semua yang berkedudukan lebih rendah daripadanya. Terdapat juga beberapa buah negeri kecil dan lemah yang memerlukan perlindungan fizikal dan moral daripada raja-raja yang kuat supaya kemakmuran dan kebaikan rakyat dapat dicapai. Lagipun, wujudnya kefahaman di antara negeri-negeri di Asia Tenggara mengenai sistem tributari yang diamalkan oleh China di bawah dinasti Ching (1368 – 1644) sebagai dasar pokok hubungan luar China.<sup>25</sup> Boleh dikatakan bahawa sistem tributari yang digunakan oleh Siam atau negeri-negeri di Asia Tenggara yang lain seperti Myanmar dan Majapahit, adalah berasaskan kedua-dua fahaman di atas, iaitu kefahaman serantau mengenai susunan pangkat kedudukan negeri dalam kontek masyarakat antarabangsa, dan kefahaman mengenai sistem tributari yang disyaratkan oleh Cina untuk semua negeri Asia yang ingin berniaga dengan Peking. Kedua-dua kefahaman itu menegaskan prinsip kedudukan yang tidak setanding antara negeri. Walaupun begitu, kita juga harus meneliti bahawa sistem tributari yang diamalkan di rantau ini menerangkan kedudukan yang tidak sama dalam kontek kebolehan fizikal dan moral seseorang raja pemerintah. Pada asasnya, sistem tributari merupakan sistem politik antarabangsa yang bertujuan untuk menubuhkan dan mengekalkan hubungan yang rapat di antara dua buah negeri yang tidak setaraf kekuatan tentera dan politiknya. Ia tidak mementingkan aspek ekonomi dalam perhubungan tersebut. Aspek yang ditekankan ialah perhubungan politik dan keselamatan di antara pihak-pihak yang terlibat.

Sistem tributari Thai merupakan salah satu sistem tributari yang wujud di Asia Tenggara. Sistem ini sesuai bagi suasana politik dan keperluan Siam dan negeri naungannya. Untuk Siam, sistem tributari telah menyerapkan konsep sosiopolitik yang berdasarkan

<sup>25</sup> J.K. Fairbank & S.Y. Teng, "On the Ching Tributary System" dalam Fairbank & Teng, *Ching Administration: Three Studies*, Harvard Yenching Institut Studies XIX, Cambridge: Harvard University Press, 1961.

ajaran agama Buddha Theravada yang memfokuskan sifat *dharma-raja*, iaitu raja yang memerintah menurut ajaran-ajaran agama dan yang dihormati kerana moralnya yang tinggi. Oleh itu, terdapat satu kod adab tertib diraja yang mesti diikuti oleh semua termasuk juga raja-raja negeri naungan Siam. Kod tersebut merupakan satu cara mencerminkan kebesaran raja serta memperlihatkan betapa tingginya penghormatannya yang dipersembahkan kepada baginda. Ayudhya dan Bangkok menentukan syarat-syarat untuk pelaksanaan sistem tributarinya. Syarat-syarat itu tidak memberi peluang timbulnya persoalan mengenai taraf yang lebih berkuasa daripada Siam untuk berdepan dengan negeri-negeri yang berada dalam lingkungan pengaruh politiknya. Hubungan biasa antara Siam dengan negeri naungannya merupakan pertukaran hadiah, surat-menyurat, dan yang terpenting sekali, penghantaran bunga mas dan perak serta beberapa jenis ufti. Pada umumnya, jangka masa yang ditetapkan untuk penghantaran bunga mas dan perak berlainan bagi sebuah negeri ke negeri yang lain, iaitu mengikut pentingnya negeri naungan itu kepada Siam. Misalnya, semua negeri naungan Siam di Utara Semenanjung Tanah Melayu dikehendaki menghantar bunga mas dan perak setiap tiga tahun sekali, manakala Kampuchea pada masa pemerintahan Rama I dikehendaki menghantar bunga mas dan perak setiap tahun. Sebagai tanda penghargaan yang memperlihatkan kejujuran dan taat setia negeri naungannya, raja Siam akan menganugerahkan kepada negeri naungannya berbagai-bagai jenis hadiah yang biasanya menunjukkan kegemilangan dan kemewahan Istana Bangkok serta kekayaan Siam.<sup>26</sup>

Perlu diingatkan bahawa meskipun sistem tributari Siam sebenarnya merupakan suatu cara bagi menunjukkan kekuasaan Siam yang dapat disahkan oleh kuasa tenteranya, sekiranya perlu, tetapi kita mesti juga faham bahawa Siam tidak menggunakan hanya kuasa tenteranya untuk menundukkan negeri-negeri kecil yang berhampiran dengannya. Memang tepat bahawa akhirnya peng-

<sup>26</sup> Dokumen berbentuk Buku, Krom Phra Kalahom, Masa Pemerintahan Rama V, J.S. 1231 – 2, bil. 3, melaporkan yang hadiah balasan tradisional Thai termasuk sepasang seluar dan baju untuk Sultan, Raja Muda, serta ahli-ahli tertua kerabat diraja Melayu: sejumlah besar beras, setinggi, dan wang tunai. Lihat surat Chao Phraya. Akkra-mahasenabodi kepada Phraya Terengganu, bertarikh bulan September, J.S. 1232.



gunaan ataupun persediaan untuk menggunakan kuasa tentera menjadi faktor penting yang menjamin kejayaan dan keberkesanan sistem tributari Thai. Sungguhpun begitu, Ayudhya dan Thonburi-Bangkok lebih bersikap diplomasi sebagai cara memujuk negeri-negeri yang lebih kecil untuk menerima hubungan tributari dengannya. Misalnya, Taksin berjaya memujuk Kedah untuk bernaung semula di bawah pengaruh Thai, manakala Rama II dapat meluaskan kuasa Siam ke Kelantan dan Terengganu melalui cara diplomatik juga. Bagi pemimpin-pemimpin Thai, adalah lebih bermaruah jika Siam mendapatkan negeri naungan secara aman dan sukarela daripada secara berperang, kerana cara itu menunjukkan kedudukan moral raja yang tinggi. Sistem tributari Siam melambangkan kegemilangan dan kemuliaan raja dan negara mengikut ajaran sosiopolitik agama Buddha. Dengan kefahaman mengenai kedudukan dan peranan masing-masing dalam konteks hubungan antarabangsa yang tidak seimbang ini, Siam memilih sistem tributari untuk menentukan "Keamanan dan kestabilan di suatu kawasan yang seluas mungkin".<sup>27</sup> Kewujudan negeri naungan bererti Siam dapat menubuhkan zon negeri penampungan yang akan menguatkan keselamatan Siam; kedua, jelas yang kedudukan dan taraf moral tinggi raja dan negara dapat disahkan secara terbukti. Dengan kesedaran itu, raja Siam sejak Taksin tidak dapat bersikap bertolakansur mengenai persoalan negeri naungan kerana khatir kalau baginda kehilangan kelayakannya sebagai raja Siam yang sah. Muncullah konsep "setelah menjadi negeri naungan, mesti kekal sebagai negeri naungan" yang menyebabkan raja Siam Thonburi-Bangkok mencuba bersungguh-sungguh meluaskan pengaruh Siam atau mengekalkan kuasanya ke atas negeri satelitnya. Raja Siam yang mewarisi ideologi politik Taksin iaitu Rama I yang tidak ada pilihan lain kecuali menggunakan sistem tributari yang bersifat agresif kerana mempunyai negeri naungan telah menjadi aspek yang dapat menambah ataupun mengurangkan kuasa dan kedudukannya.<sup>28</sup>

Dari sudut pandangan negeri naungan, sistem tributari Siam diterima mengikut keperluan politik negeri yang berkenaan. Pada umumnya, negeri naungan Thai menerima sistem tributari kerana

<sup>27</sup> Constance M. Wilson, "State and Society in the Reign of Mongkut, 1851 - 1868: Thailand on the Eve of Modernisation", tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Cornell University, 1970, m.s. 51, dan Bab II.

<sup>28</sup> Lihat Bab I untuk falsafah Taksin.

terpaksa hidup bersama secara aman dan damai dengan Siam yang lebih berkuasa. Di peringkat permulaan, hubungan tributari Thai dengan negeri-negeri Melayu di utara dan timur Semenanjung Tanah Melayu adalah sukarela, iaitu negeri-negeri Melayu yang berhampiran dengan Siam sanggup memasuki lingkungan pengaruh Thai kerana ia menghormati kuasa Siam yang tidak ada tandingannya. Dengan penelitian yang mendalam, hubungan tributari Thai dengan negeri-negeri Melayu menjadi suatu beban politik yang berat bagi negeri-negeri Melayu terutamanya dalam waktu aman. Raja-raja Melayu di bawah pengaruh politik Siam terpaksa membayar ufti kepada Bangkok sebagai balasan kepada autonomi negerinya masing-masing. Ramai di kalangan mereka menunggu masa yang sesuai sahaja bagi membolehkan mereka menamatkan perhubungan itu. Sebagai contoh, Sultan Ahmad Tajuddin, sultan negeri Kedah (1802 - 1842) yang dapat menduduki takhta Kedah dengan pertolongan Rama I, berkata,

“Negeri Kedah bukan anugerah daripada Raja Siam, dan beta pun tidak dapat menjadi Raja Kedah disebabkan kekuasaan Siam. Negeri Kedah beta warisi sebab beta adalah keturunan raja-raja yang telah memerintah negeri ini sejak turun-temurun”.<sup>29</sup>

Jelas bahawa pandangan raja-raja Melayu bertentangan dengan sikap Siam yang memegang kuat pada prinsip “setelah menjadi negeri naungan, mesti kekal sebagai negeri naungan”. Kebanyakan negeri naungan Siam mencuba, apabila mendapat peluang untuk membebaskan diri daripada beban tributari dengan Bangkok. Mereka sebenarnya menganggap pertalian diplomasi ini sebagai pertalian politik sementara sahaja, dan sering mencari peluang untuk menamatkannya secepat mungkin. Contoh yang paling nyata ialah kedatangan British ke Pulau Pinang. Peristiwa itu memberi peluang baik kepada pemimpin Melayu untuk menggunakan kuasa British bagi mengurangkan kuasa dan pengaruh Siam ke atas mereka. Walau bagaimanapun, sistem tributari Siam juga dijalankan untuk keuntungan dan faedah kepada golongan pemimpin negeri naungan. Ramai raja negeri satelit di Tanah Melayu sanggup mengakui taraf negeri naungannya kepada Bangkok

<sup>29</sup> *The Burney Papers*, Bangkok: the Vajiranna National Library, 1910 - 1914; jil. 3. m.s. 477.

kerana mereka berpendapat perlindungan politik Siam sebagai jawapan yang terbaik bagi menghapuskan ancaman dalam negeri yang menentang mereka. Lagipun, perhubungan dengan Bangkok dapat menjamin keselamatan dan kedudukan golongan pemimpin. Kepercayaan tersebut menjadi jelas dalam abad ke-18 dan ke-19 semasa wujud keadaan yang menjejaskan kedudukan dan kuasa raja pemerintah di Tanah Melayu secara keseluruhan. Banyak bukti yang mengesahkan calon-calon yang merebut takhta kerajaan di Tanah Melayu kerap kali meminta pertolongan Siam untuk menyokong pencalonan mereka, atau menolong mengalahkan penentang-penantang mereka. Sebagai balasannya mereka bersedia bersumpah taat setia dan menerima kedudukan negeri naungan kepada Siam. Sultan Ahmad Tajuddin, Kedah; Sultan Mohamad Mulut Merah, Kelantan; dan Sultan Baginda Omar, Terengganu; adalah raja-raja yang menerima kuasa Siam dengan sukarela kerana mereka memerlukan pertolongan Siam untuk menewaskan musuh-musuh politik dalam negeri mereka.<sup>30</sup> Dengan itu, boleh dikatakan bahawa beban tributari Siam diterima oleh pemimpin-pemimpin tempatan Melayu sebab sistem itu dianggap sebagai pertukaran yang saksama kepada pertolongan tersebut.

Terdapat kefahaman di kalangan orang Melayu bahawa bunga mas dan perak yang digunakan sebagai lambang perhubungan tributari di Asia Tenggara sebenarnya bermakna hanya sebagai "tanda sepakat dan persahabatan". Tafsiran ini bererti bahawa bunga mas dan perak, selain dianugerahkan secara sukarela, juga menekankan kedudukan setaraf antara kedua-dua pihak yang terlibat. Walaupun begitu, terdapat bukti bahawa negeri-negeri Melayu tidak sahaja menghantar bunga mas dan perak kepada Siam, tetapi pada beberapa waktu mereka dikehendaki menghantarnya kepada negeri lain yang menguasainya. Misalnya, Perak dipaksa menghantar bunga mas dan perak ke Aceh.<sup>31</sup> Kapten Henry Burney pernah merekodkan tentang penghantaran bunga mas dan perak oleh negeri-negeri Shan kepada Raja Myanmar,<sup>32</sup> Nguyen

<sup>30</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations: A Study of Traditional Intra-Regional Relations From the 17th Century to Early 20th Century*, tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia, 1986.

<sup>31</sup> Barbara Watson Andaya, *Perak, The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, KL: OUP, 1979, Bab II.

<sup>32</sup> CO237/1 Surat Burney kepada James C. Melvill, Julai 1841.

Anh, yang kemudian bergelar Maharaja Gia Long di Vietnam, menghantar bunga mas dan perak kepada Rama I sepanjang masa baginda masih berjuang hebat untuk merebut semula takhta Vietnam daripada pemberontak Tay-Son, dan menerima bantuan tentera dan bekalan makanan dan senjata daripada Siam. Apabila Nguyen Anh berjaya mendapatkan semula takhtanya, baginda menghentikan penghantaran bunga mas, dan dengan itu, baginda menonjolkan dirinya sebagai raja yang berkedudukan setaraf dengan yang dipertuannya.<sup>33</sup> Semua bukti ini mengesahkan bahawa adat penghantaran bunga mas dan perak oleh negeri kecil dan lemah kepada negeri yang besar dan berkuasa hanyalah merupakan amalan politik serantau di Asia Tenggara. Adat itu kurang melambangkan pertalian politik dan diplomasi di antara negeri-negeri yang setaraf.

Pada umumnya, selain penghantaran bunga mas dan perak, negeri naungan juga dikehendaki menghantar bantuan tentera kepada negeri dipertuan apabila diminta berbuat demikian. Beban ini hanya berlaku semasa peperangan di wilayah yang berhampiran dengan negeri satelit sahaja. Maksudnya, negeri naungan Siam di utara Tanah Melayu dikehendaki memberikan pertolongan kepada Bangkok apabila berlakunya perang di selatan Thai ataupun di kawasan negeri naungan Melayu sahaja. Sebagai balasan, negeri naungan boleh meminta apa saja pertolongan yang diperlukannya, seperti pertolongan politik, tentera dan ekonomi. Pemimpinnya juga boleh mengukuhkan kedudukannya selagi pemimpin itu terus taat kepada syarat-syarat tributari.

### *(b) Negeri-negeri Melayu*

Semasa pemerintahan Rama III, terlihat perluasan kuasa dan penguatkuasaan Siam ke atas beberapa buah negeri Melayu yang terlebih dahulu telah menerima kedudukan negeri naungan Siam. Kebolehan Bangkok membuat perjanjian dengan pihak Inggeris pada tahun 1826 menentukan bahawa pengaruh dan peranan Bangkok di utara Tanah Melayu dapat dijalankan tanpa campur tangan atau penentangan British.

<sup>33</sup> Lihat Bab I Hubungan Dengan Vietnam.

## KEDAH

Seperti yang telah dijelaskan, hubungan tributari Thai dengan Kedah diwujudkan semula pada masa pemerintahan raja Taksin dan Rama I. Pada masa pemerintahan Rama I, berlaku suatu peristiwa yang sangat penting dalam perhubungan itu. Pada tahun 1802, Tengku Pangeran, putera sulong Sultan Abdullah, membuat keputusan meminta bantuan tentera daripada Rama I untuk membantu baginda merebut takhta daripada Sultan Dhiauddin, bapa saudaranya. Tengku Pangeran pergi ke Istana Bangkok dan mengaku yang Rama I adalah yang dipertuannya. Kemudiannya, Rama I menghantar pasukan tentera yang membawa balik Tengku Pangeran ke Kedah sebagai raja Kedah yang sah. Tindakan itu memaksa Sultan Dhiauddin menyerahkan kedudukan dan takhta baginda kepada Tengku Pangeran. Nyatalah bahawa Tengku Pangeran atau Sultan Ahmad Tajuddin menaiki takhta Kedah kerana bantuan daripada Rama I. Jadi kelayakan Sultan Ahmad Tajuddin sebagai pemimpin utama Kedah berkait rapat dengan ketaatannya kepada yang dipertuannya iaitu Raja Siam. Peristiwa ini menunjukkan kuasa dan tekanan tentera bagi mendapatkan sebuah negeri naungan yang kemudiannya dianugerahkan kepada seorang pemimpin tempatan yang telah mengangkat sumpah sebagai anak buah Bangkok. Kedudukan Sultan Ahmad Tajuddin adalah terbalik daripada raja-raja Melayu yang lain. Biasanya, raja negeri Melayu menerima kedudukan negeri naungan kepada Bangkok sebab beliau berkeinginan untuk mengelakkan kemusnahan di tangan Siam yang lebih berkuasa. Sultan Ahmad Tajuddin tidak mempunyai hadiah istimewa untuk dipersembahkan kepada Rama I, tetapi Rama I pula yang menyerahkan sebuah negeri satelit kepada Ahmad Tajuddin untuk memerintahnya bagi pihak baginda. Oleh itu, Kedah menjadi tanah pegangan Siam ke atasnya dan raja Siam mempunyai hak yang penuh. Perubahan yang penting ini menerangkan kemudiannya sebab-sebab mengapa pihak berkuasa Siam sangat marah kepada Sultan Ahmad Tajuddin pada tahun 1821 apabila mereka menyedari bahawa Sultan Kedah itu telah mungkir janji kepada Bangkok.<sup>34</sup>

<sup>34</sup> Jawapan Menteri-menteri kepada Kapten Burney, 19 April 1826 dalam CO273/1 Surat Burney kepada Melvil, *op. cit.*. "Siam memberi bantuan < kepada Tuanku Pangeran > menganugerahkannya gelaran, dan melantiknya menjadi Gabenor

Masalah Kedah yang dihadapi oleh Rama III sebenarnya merupakan warisan politik daripada zaman ayahandanya. Kecurigaan Bangkok terhadap Sultan Ahmad Tajuddin dan peranannya dalam pelaksanaan komplot bersama-sama dengan Myanmar menentang Siam pada tahun 1819-1821, akhirnya menjadi faktor penting yang menyebabkan serangan ke atas Kedah pada tahun 1821. Dengan kejayaan itu, pertalian tradisional Thai dengan Kedah telah tamat. Kemudiannya satu sistem baru yang bertujuan untuk mengawal Kedah secara langsung supaya tidak mampu lagi menjadi pusat kegiatan menentang Siam di selatan. Sistem yang digunakan dalam jangka masa lebih daripada dua puluh tahun (1821-1841) merupakan sistem pentadbiran Thai di Kedah. Kedah ditadbir oleh seorang gabenor Thai dengan pertolongan majlis pegawai-pegawainya. Sepasukan tentera Thai ditempatkan di Kedah untuk membantu gabenor menjaga ketenteraman di negeri tersebut. Dengan sistem pentadbiran Thai, diharap bahawa Kedah, yang telah dijadikan wilayah Thai, akan terus taat kepada Bangkok. Nakhon diberikan kuasa penyeliaan ke atas Kedah. Malangnya, harapan pemimpin Thai itu telah musnah apabila Nakhon telah membuka rahsia tentang kelemahannya semasa beliau menghadapi reaksi politik tempatan yang berazam menentang kuasa asing.

Akibat kelemahan pentadbiran gabenor Thai di Kedah dan pertolongan masyarakat Melayu Kedah kepada golongan bekas sultan, maka pentadbiran Thai di Kedah mengalami tiga pemberontakan pada tahun 1821-1838, iaitu pemberontakan tahun 1828-1829 yang tidak begitu mencabar kuasa Siam, pemberontakan tahun 1831 dan 1838-1839 yang diketuai oleh ahli-ahli kerabat diraja Kedah, menunjukkan kebolehan pihak bekas sultan untuk

---

Kedah, atas kepercayaan yang Tengku Pangeran akan memerintah negeri Kedah dengan adil sambil mengekalkan adat resam masyarakat dan kebaikan rakyat. Tetapi beliau telah mengabaikan < tanggungjawabnya >. Lagipun Tuanku Pangeran merancang komplot dengan pihak Myanmar, musuh Siam, dengan membuat surat menyurat ke Myanmar. Pihak berkuasa Siam yang telah tahu tentang perkara tersebut, menyuruh Tuanku Pangeran datang ke Siam supaya dapat menerima nasihat yang betul. Gabenor Kedah hanya mengemukakan alasan-alasan yang berdusta kerana tidak hadir ke Bangkok. Jadi jelas bahawa Tuanku Pangeran menjalankan rancangan yang bukan-bukan terhadap Siam. Jikalau Tuanku Pangeran dibenarkan terus memegang jawatannya, ia akan menjadi musuh Siam yang berbahaya.

melemahkan dan mengancam kuasa dan kedudukan Siam di Kedah. Mereka juga berjaya membuka mata pihak berkuasa di Bangkok terhadap betapa besarnya ancaman daripada golongan Melayu Kedah dan kegagalan sistem pentadbiran Thai itu.

Pemberontakan Tengku Den pada tahun 1831 memperlihatkan tentera pemberontak menduduki Kedah walaupun buat sementara sahaja, manakala gabenornya terpaksa melarikan diri balik ke Nakhon. Hanya dengan kedatangan pasukan tentera yang lebih besar dari Nakhon, Siam dapat merampas semula Kedah daripada pemberontak-pemberontak itu. Dalam pada itu juga, pihak pemberontak menghadapi kesusahan akibat sekatan British di perairan antara Pulau Pinang dan daratan Kedah yang menghalang golongan pemberontak mendapat bantuan tentera dan bekalan makanan tambahan daripada penyokong-penyokongnya. Kejayaan pemberontakan Tengku Den yang tidak lama itu telah menentukan hakikat yang tanpa satu pasukan tentera yang besar di Kedah, kerajaan gabenor Thai tidak mampu mempertahankan kuasanya di Kedah dan kegagalan ini meruntuhkan maruah dan pengaruh Siam di Semenanjung Tanah Melayu. Selepas tahun 1831, Nakhon menggunakan dasar yang bertujuan mengajar Kedah supaya tidak lagi berani memberontak menentang kuasa Thai. Dikatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh Nakhon telah memberi kesan yang buruk kepada masyarakat tempatan hingga tiada lagi pemimpin Melayu yang mempunyai nama baik di Kedah. Lagipun, berlakunya penghijrahan orang Melayu Kedah beramai-ramai ke tanah jajahan British, iaitu Pulau Pinang dan Wilayah Seberang Perai.<sup>35</sup>

Pemberontakan tahun 1838-9 yang diketuai oleh Tengku Mohamad Saad, telah lebih menghancurkan nama dan maruah Siam daripada pemberontakan-pemberontakan sebelumnya. Tengku Mohamad Saad dan penyokongnya bukan sahaja mampu merebut semula Negeri Kedah tetapi juga dapat menyerang Siam hingga ke Songkhla. Gabenor Nakhon terpaksa meminta pertolongan tentera dari Bangkok kerana beliau tidak yakin tentera Nakhon mencukupi untuk menamatkan cabaran Tengku Mohamad Saad dan golongan Melayu Kedah. Walaupun Nakhon dapat menewaskan pasukan tentera pemberontak sebelum ketibaan tentera dari Bangkok, namun jelas bahawa kejayaan pemberontakan di peringkat awal itu mengesahkan lagi kelemahan pihak berkuasa

<sup>35</sup> Lihat Kobkua Suwannathat-Pian, *op.cit.*, Bab III.

Thai di sebelah selatan yang tidak mampu mengawal dan menyelesaikan masalah di Kedah. Rama III menyedari bahawa kekacauan yang berlaku di Kedah itu sangat merbahaya terhadap keselamatan dan kestabilan empayar baginda. Ini bukan sahaja memberi peluang keemasan kepada pihak Inggeris di Pulau Pinang untuk campur tangan dalam perselisihan faham antara bekas Sultan dengan Bangkok, tetapi juga menjadikan Kedah sebagai asas bagi menambahkan lagi keadaan kucar-kacir negeri-negeri Melayu di bawah naungan Siam. Misalnya, pemberontakan yang berlaku pada tahun 1831 menimbulkan juga kekacauan di Tujuh Negeri Kecil di Pattani. Rama III terpaksa menghantar pasukan tentera yang diketuai oleh Chao Phraya Khlung (Dit) untuk menyelesaikan kekacauan itu.<sup>36</sup> Pemberontakan yang berlaku pada tahun 1838 – 1839 pula mendahului perselisihan faham di kalangan pemimpin Kelantan dan keadaan yang tegang dan tidak tenteram di Tujuh Negeri Kecil di Pattani. Sekali lagi Bangkok terpaksa menghantar tenteranya untuk menyelesaikan masalah di Kelantan, Pattani dan Terengganu.<sup>37</sup>

Pada tahun 1838, Rama III cuba mencari jalan penyelesaian yang dapat diterima untuk menyelesaikan masalah Kedah. Baginda berbincang dengan *senabodinya* mengenai kemungkinan mengembalikkan Kedah kepada bekas Sultan atau pemimpin-pemimpin Melayu di Kedah dengan syarat-syarat yang dapat menjamin kedudukan yang dipertuan Siam di negeri tersebut. Rama III menyedari bahawa rancangan baginda untuk menubuhkan semula sistem tributari dengan Kedah seperti yang wujud sebelum tahun 1821 itu sebenarnya terpaksa menghadapi banyak risiko. Kesan utama kegagalan penubuhan semula hubungan tributari Thai dengan Kedah ialah tamatnya kuasa dan pengaruh Siam di negeri itu jika pemimpin Melayu yang dipilih oleh baginda tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui. Walaupun begitu, Rama III tetap ingin menghentikan sistem pentadbiran Thai di Kedah dan memulangkan Kedah kepada pemimpin Melayu Kedah yang layak. Keazaman Rama III ini berpunca daripada kefahaman baginda bahawa

<sup>36</sup> Putera Damrong-rajanubhab, "Draf Mengenai Hal-Ehwal Negeri-negeri Melayu di Bawah Naungan Siam. J.S. 1184", manuskrip yang tidak diterbitkan, Bahagian Manuskrip, Perpustakaan Kebangsaan Thai.

<sup>37</sup> Chao Phraya Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga*, *op.cit.*, jil. 1.



langkah-langkah seperti itu sahaja yang dapat menyelesaikan kesulitan politik di Kedah dan cuba berkompromi supaya dapat memberikan kesan yang membina dan memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak. Cadangan Rama III hendak memulihkan hubungan tradisional Thai dengan Kedah, ialah hubungan tributari. Menurut Rama III, dasar yang memandang jauh ini akan disambut baik oleh pemimpin Melayu Kedah. Tanpa kerjasama rakyat Melayu Kedah, Siam tidak boleh memainkan peranan yang dipertuannya dengan berkesan. Baginda menolak cadangan jeneral dan pemimpin-pemimpin tempatan Thai yang bertentangan dengan dasar kompromi yang dikemukakan oleh baginda.<sup>38</sup>

Dasar kompromi itu telah dilancarkan pada akhir tahun 1839. Menurut persetujuan asas antara Rama III dengan jeneralnya, Tengku Anum, seorang ahli kerabat diraja Kedah yang sejak lama dikenali di Istana Bangkok sebagai pemimpin Melayu yang jujur dan boleh dipercayai, telah dilantik sebagai Gabenor Kedah. Kedah dibahagikan kepada dua negeri kecil ataupun *muang* iaitu Kedah dan Setul-Lingu. Setul-Lingu menjadi sebuah negeri naungan Siam yang mesti menghantar bunga mas dan perak ke Bangkok setiap tiga tahun sekali. Tengku Bisnu/Dewa, adik kepada bekas Sultan Ahmad Tajuddin, dilantik sebagai raja Setul. Perlis masih kekal menjadi sebahagian daripada negeri Kedah tetapi pihak berkuasa Thai melantik Raja Long Krok/Paduka Seri Maharaja Lela, seorang pembesar Kedah yang taat kepada Bangkok sepanjang tahun 1821 – 1838, menjadi ketua wilayah Perlis. Selepas perlantikan itu, Tengku Hassan, seorang pemimpin Kedah yang bersikap berkecuali semasa berlaku kekacauan antara Tengku Den dan Tengku Mohamad Saad, dan Syed Hussein, seorang ahli keluarga penghulu Arau, telah memohon untuk berkhidmat dengan kerajaan Melayu yang ditubuhkan oleh Bangkok itu. Chao Phraya Yommarat dan Phraya Siphiphat, dua orang jeneral tentera dihantar oleh Rama III untuk menyelesaikan rusuhan di Kedah, telah melantik Tengku Hassan sebagai penolong kepada Tengku Anum, manakala Syed Hussein dilantik ke jawatan penolong kepada Raja Long Krok. Empat bulan kemudiannya, Raja Long Krok meninggal dunia dan Syed Hussein dipilih menggantikannya. Tengku Hassan dan Syed

<sup>38</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, "The 1839–41 Settlements of Kedah: the Siamese Compromise", *JMBRAS*, vol. 11X: 1, 1986, m.s. 33–48.

Hussein pergi mengadap raja Siam pada tahun 1840 dan telah dianugerahkan alat kebesaran oleh Rama III.<sup>39</sup>

Walaupun demikian, dalam jangka masa setahun, bekas Sultan Ahmad Tajuddin menghantar surat meminta ampun kepada Rama III mengikut keputusan Bangkok mengampunkan sesiapa sahaja di Kedah yang menyesal di atas kesalahannya yang lalu dan merayu supaya diampunkan. Pihak Bangkok menjawab yang Sultan Ahmad Tajuddin terpaksa menunjukkan dengan ikhlasnya hasrat pemimpin Kedah terhadap Bangkok. Sultan Kedah dikehendaki menghantar wakil atau pergi sendiri ke Istana Bangkok untuk membuat rayuan tersebut. Sekiranya tidak, bekas Sultan Kedah tidak berkelayakan menerima ampun daripada Rama III.<sup>40</sup> Oleh kerana itu, golongan Sultan Ahmad Tajuddin memutuskan menghantar Tengku Daie, iaitu putera Sultan Ahmad Tajuddin, dan Tengku Mohamed Akib, anak Tengku Bisnu, sebagai wakil Sultan Ahmad Tajuddin ke Bangkok pada bulan Mac 1841, dan Rama II menjalankan upacara pengurniaan gelaran dan kemuliaan kepada bekas Sultan.<sup>41</sup> Sultan Ahmad Tajuddin mendapat semula negeri Kedah daripada Siam tetapi Bangkok memisahkan dua puluh empat mukim dari Kedah iaitu, kawasan Kubang Pasu dan menganugerahkannya kepada Tengku Anum. Kubang Pasu menjadi sebuah lagi negeri naungan Siam dengan syarat menghantar bunga mas dan perak ke Bangkok berasingan daripada Kedah dan Setul-Lingu. Pada masa yang sama, Bangkok juga menukar kedudukan Perlis sebagai negeri naungan Siam.<sup>42</sup>

Jadi sebagai rumusan, pada tahun 1841 apabila Sultan Ahmad Tajuddin dilantik semula menjadi Gabenor/Sultan Kedah, negeri Kedah dibahagikan kepada empat negeri iaitu Kedah, Setul-Lingu, Kubang Pasu dan Perlis. Kedudukan keempat-empat negeri tersebut adalah sama bagi Siam. Perlis sahaja yang diperintah oleh pembesar yang bukan daripada kerabat diraja Kedah. Nakhon dilantik sebagai penyelia hal-ehwal di Kedah, Kubang Pasu dan Perlis, manakala Setul-Lingu diletakkan di bawah kuasa Songkhla.

<sup>39</sup> Warkah rasmi (Despatch) Samuha Kalahom kepada Yommarat dan Siphiphat, bulan Ogos, J.S. 1201; Warkah rasmi Phraya Siphiphat kepada Phra Saneha-montri, bulan April, J.S. 1201.

<sup>40</sup> Dokumen Masa Pemerintahan Ketiga, Phra Saneha-montri kepada Phraya Khlung, bulan Mei, J.S. 1201/1839/40.

<sup>41</sup> *Ibid.* Warkah rasmi kepada Zaiburi, bulan April, J.S. 1204/1842.

<sup>42</sup> *Ibid.*

Dasar kompromi Rama III yang diperkenalkan sejak tahun 1839 ini dapat mencapai tujuannya. Sejak dasar ini dilaksanakan, tidak berlaku lagi rusuhan atau pemberontakan di Kedah menentang kuasa Thai. Seperti yang diharap oleh Rama III, penyelesaian masalah di Kedah juga menamatkan keadaan yang kurang tenteram di negeri-negeri Melayu yang lain yang di bawah kuasa Siam. Dasar kompromi ini dapat dilihat sebagai bukti menunjukkan bahawa Rama III adalah seorang raja dinasti Chakri yang paling berkebolehan. Kejayaan baginda menyelesaikan masalah Kedah mencerminkan kefahaman baginda terhadap betapa pentingnya hubungan Thai dengan Kedah kepada kedua-dua negeri. Rama III memaparkan kefahaman baginda terhadap dasar dan peranan Inggeris di Tanah Melayu. Kefahaman itu membantu Siam dalam perundingan dengan British untuk mengekalkan kedudukan dan pengaruh Thai dalam suasana politik serantau yang berubah-ubah. Perjanjian Burney dan dasar kompromi Rama III merupakan langkah yang berkesan untuk menjamin masa depan Siam sebagai kuasa besar di Tanah Melayu.

Perlu ditegaskan bahawa dasar pecah belah Kedah selepas tahun 1839 merupakan dasar sementara sahaja. Rama III memerlukan satu jaminan kepada dasar baru baginda. Jikalau dasar kompromi gagal dan Kedah berlindung dengan Inggeris di Pulau Pinang atau memberontak menentang Siam lagi, bermakna Kedah hanya membawa sebahagian kecil daripada negeri Kedah keluar daripada lingkungan pengaruh Siam. Akan tetapi apabila Rama III yakin tentang ketaatan Sultan Kedah, baginda bersedia mengembalikan wilayah-wilayah yang telah diasingkan itu kepada Kedah. Misalnya, Rama III membenarkan Sultan Zainal Rashid (Tengku Daie) untuk melantik Tengku Mohamed Akib sebagai pengganti Tengku Bisnu di Setul selepas kemangkatannya, walaupun Tengku Mohamed Akib adalah salah seorang pemberontak pada tahun 1838 – 1839. Dasar bertolak-ansur dan sensitif terhadap hasrat pemimpin Kedah yang telah membuktikan ketaatannya kepada Bangkok ini terus dijalankan oleh Rama IV. Pada masa pemerintahan baginda, Rama IV bersetuju memulangkan Kubang Pasu kepada Kedah setelah kemangkatan Tengku Anum. Rama III telah membantu pemimpin Kedah dalam percubaan mereka memulihkan negeri itu. Jelaslah bahawa Rama III berhasrat menunjukkan sikap murah hati terhadap *vassal* Thai yang boleh dipercayai.

## KELANTAN

Sejak Kelantan menerima kuasa dipertuan Thai pada masa pemerintahan Rama I, boleh dikatakan bahawa Kelantan tidak mahu mengekalkan kedudukannya yang lebih rendah. Misalnya, pada tahun 1822, Raja Kelantan iaitu Tengku Muhamad I, telah menulis surat kepada pihak berkuasa Inggeris di Pulau Pinang menawarkan Kelantan kepada Inggeris dengan syarat yang pihak berkuasa di Pulau Pinang membayarnya separuh pendapatan negeri Kelantan.<sup>43</sup> Pada tahun 1831, Tengku Muhamad I menyertai pemberontakan di Kedah menentang kuasa Bangkok dan terpaksa membayar denda yang banyak kepada pihak berkuasa Thai untuk melepaskan dirinya daripada hukuman yang agaknya lebih terus. Bangkok melihat kegiatan Kelantan dalam pemberontakan itu merbahaya. Kelantan memberikan bantuan kepada Raja Tani yang menderhaka menentang Siam. Lagipun Kelantan juga menawarkan suaka kepada Raja Tani apabila ia lari menyelamatkan diri daripada serangan Tentera Thai. Tentera Thai telah memberi amaran kepada Kelantan jika Sultannya tidak menyerahkan Raja Tani itu kepada pihak berkuasa Thai, negeri Kelantan akan dimusnahkan maka, Sultan Muhamad I terpaksa patuh kepada kuasa Siam itu. Oleh itu Kelantan dikenakan membayar denda berjumlah \$30,000 perak kepada kerajaan di Bangkok dan \$20,000 perak kepada pemimpin-pemimpin tentara Thai di Nakhon.<sup>44</sup> Semua itu menunjukkan ketidakpuasan hati pemimpin di Kelantan terhadap kedudukannya sebagai negeri naungan Siam. Walaupun demikian, kemangkatan Sultan Muhamad I pada tahun 1837 telah mengubah bentuk hubungan Thai dengan Kelantan. Selepas tahun 1837 tercetus perang saudara di negeri Kelantan dan dapat diselesaikan hanya pada tahun 1841. Persaingan merebut kuasa di Kelantan itu melibatkan dua golongan besar iaitu puak Long Zainal/Raja Banggul dan Tuan Besar, dan puak Sultan Senik Mulut Merah dan adik-beradiknya.<sup>45</sup> Sultan Senik Mulut Merah adalah anak angkat

<sup>43</sup> CO 273/1: *A Retrospect of British policy in the Straits of Malacca written by James Low*.

<sup>44</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga*, *op.cit.*, jil. 1, m.s. 124-5.

<sup>45</sup> Untuk maklumat lanjut, sila lihat Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1776-1841*, 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad I dan dipersetujui oleh Bangkok sebagai pengganti bapa saudaranya. Kedua-dua pihak membuat rayuan ke Bangkok supaya dapat mengatasi musuh masing-masing.

Rama III melihat Kelantan sebagai sebuah negeri naungan Thai yang mempunyai kedudukan strategi yang baik kepada Bangkok kerana Kelantan terletak berhampiran dengan Pattani Tujuh Buah Negeri Kecil. Oleh yang demikian Bangkok perlu menerima kerjasama raja Kelantan untuk menjamin ketenteraman dan kedamaian di kawasan Tujuh Buah Negeri Kecil. Lagipun Siam memerlukan persefahaman dan kerjasama Kelantan dalam masa berlaku kekacauan di Kedah atau di Pattani supaya dapat menamatkan keadaan huru-hara di kedua-dua buah kawasan itu. Tidak hairanlah jika kita melihat Rama III membuat keputusan menyokong puak Sultan Senik Mulut Merah dan mengesahkan sekali lagi kedudukannya di Kelantan pada tahun 1838. Dengan perantaraan Siam, Sultan Senik Mulut Merah, atau Sultan Muhammad II, bersetuju menyerahkan lima mukim kepada Tuan Besar. Penyelesaian ini tidak lama. Apabila teretusnya pemberontakan di Kedah, puak yang menentang sultan telah mengambil peluang tersebut untuk meneruskan penentangan mereka terhadap Raja Kelantan. Pada kali ini Tuan Senik/Sultan Dewa, iaitu kekanda Sultan Muhammad II juga menyebelahi golongan Tuan Besar menentang adiknya.

Rama III kemudiannya memahami yang kedudukan dan kuasa Sultan Senik Mulut Merah hanya terjamin dan suasana politik di Kelantan boleh stabil, jika Bangkok memindahkan penentang-penentang Sultan Muhamad II keluar dari Kelantan. Jelas bahawa puak penentang Sultan Muhamad II tidak ingin menerima kedudukan dan kuasa yang lebih tinggi Sultan Muhamad II, walaupun mereka terpaksa menerima penyelesaian pada tahun 1838 itu. Kemangkatan Raja Tani, iaitu Gabenor *muang* Tani, memberi peluang kepada Rama III untuk menyelesaikan persaingan politik di Kelantan. Baginda melantik Gabenor *muang* Nongchik, sebuah kawasan di Tujuh Buah Negeri Kecil, Gabenor Tani yang baru, dan melantik Tuan Besar Gabenor Nongchik. Long Zainal bersetuju mengikut Tuan Besar ke Nongchik. Dalam pada itu Bangkok pun menghantar Tuan Senik/Sultan Dewa Ke Nakhon buat sementara. Sultan Muhammad II menjadi pemimpin tunggal di Kelantan dan sejak itu dapat memerintah

negeri Kelantan dengan aman.<sup>46</sup> Pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama III kematian Phraya Tani-Nongchik memberi peluang kepada Bangkok untuk mengatur semula kedudukan pemimpin-pemimpin Kelantan yang menentang Sultan Muhammad II. Pada kali ini, Tuan Besar dinaikkan pangkat menjadi Gabenor Tani dan Tuan Senik dilantik sebagai Gabenor *muang* Jaring. Dengan rombakan itu, masalah perselisihan di Kelantan dapat diselesaikan.

Rama III menggunakan kawasan Tujuh Buah Negeri Kecil sebagai jalan keluar bagi mengatasi masalah politik di Kelantan kerana baginda percaya bahawa Sultan Senik Mulut Merah, calon yang dipilih oleh Siam, berkebolehan dalam bidang pentadbiran negeri dan mempunyai sikap bertimbang rasa terhadap kepentingan politik Thai di Kelantan khususnya, dan wilayah selatan Thai amnya. Kepercayaan baginda menjadi kenyataan. Sultan Senik Mulut Merah membuktikan dirinya sebagai pemerintah negeri naungan yang bertanggungjawab dan bertimbang rasa terhadap Siam. Sebenarnya, Sultan Muhammad II mengasaskan suatu tradisi politik Kelantan yang diteruskan oleh pengganti-penggantinya sehingga tahun 1899, iaitu tradisi politik yang berkecenderungan kepada Siam. Boleh dikatakan bahawa raja Kelantan sejak tahun 1838 menjadi teladan *vassal* baik Siam pada abad ke-19. Sebab-sebab kejayaan Rama III dalam hal-ehwal di Kelantan yang menguatkuasakan Siam ialah tanggungjawab pemimpin Kelantan kepada pengesahan dan kebenaran Bangkok yang menjadi faktor utama kebolehan mereka untuk menentang persaingan dalam negeri mereka.<sup>47</sup> Perselisihan dan persaingan antara kerabat diraja yang hebat di Kelantan sejak zaman Sultan Muhammad II disebabkan oleh ketidakstabilan politik Kelantan yang memang mewujudkan peluang kepada kuasa asing untuk campur tangan dalam hal-ehwal negeri itu. Kedudukan Siam yang berdepan dengan Kelantan menjadi bertambah kuat dan berkuasa sebab Siam dapat menolong golongan "pro-Siam" yang berusaha mengekalkan pertalian tributari di Kelantan. Jelaslah bahawa Rama III memulakan suatu

<sup>46</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga*, *op.cit.*, jil. 2, m.s. 4 - 5, 33; *The Memoirs of Luang Udom Sombat*, Bangkok B.E. 2515/1972, surat nombor 12, m.s. 25 - 60.

<sup>47</sup> Nik Mohamed Salleh, *Satu Catatan Mengenai Masalah Sangketa atas Takhta Kelantan Dalam Abad-Abad 18 - 20 Masehi*, tidak bertarikh.

fasa baru dalam hubungan Thai dengan Kelantan yang bukan sahaja memenuhi keperluan politik Siam tetapi juga keperluan politik Kelantan. Sebenarnya, Kelantan, seperti Kedah, menjadi tapak kuasa dan pengaruh Siam yang kukuh di Tanah Melayu sehingga akhir abad ke-19.

### KAWASAN TUJUH BUAH NEGERI KECIL MELAYU/PATTANI

Secara ringkas, masalah yang timbul di kawasan Tujuh Buah Negeri Kecil Melayu atau, dalam bahasa Thai, *Khaek Jet Hua-muang* dalam masa pemerintahan Rama III adalah berkaitan dengan keadaan yang tidak tenteram di Kedah dan sikap pemimpin Melayu di Pattani. Pattani telah tewas di tangan pasukan tentera Thai di bawah pimpinan Wang Na Surasi pada tahun 1785 dan dipaksa menerima kedudukan negeri naungan Siam. Walau bagaimanapun pemimpin-pemimpin Pattani tidak berhenti-henti berusaha untuk melemahkan atau menghapuskan kuasa dan pengaruh Thai ke atas Pattani dan negeri-negeri Melayu yang lain. Misalnya, pada tahun 1789, Raja Pattani menghantar surat kepada Nguyen Anh di Annam, memujuknya supaya menyertai komplot dengan Pattani untuk menyerang Siam.<sup>48</sup> Dalam pemberontakan yang berlaku pada tahun 1808 – 1809 Pattani menerima semangat dan ajaran agama daripada seorang syed untuk menentang Siam. Dalam percubaan itu Pattani sanggup bekerjasama dengan golongan Lanun Melayu dari Siak dan menyerang Songkhla.<sup>49</sup> Memandangkan besarnya ancaman dari Pattani, pada tahun 1808 – 1809 Rama I telah membahagikan Pattani kepada tujuh buah negeri/*muang* kecil, bertujuan melemahkan sumber tenaga dan kemampuan Pattani supaya tidak lagi mengancam keselamatan Siam. Sejak itu, Pattani dikenali sebagai kawasan Tujuh Buah Negeri Kecil Melayu, iaitu Tani, Jaring/Yaring, Saiburi, Legeh/Ra-ngae, Raman, Yala, dan Nongchik.<sup>50</sup> Kesemua *muang* ini ditadbir di bawah sistem pentadbiran Thai, walaupun setiap gabenor/rajanya masih dilantik

<sup>48</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Satu*, *op.cit.*, m.s. 174 – 6.

<sup>49</sup> Putera Damrong-rajanubhad, *Phongsawadan I*, *op.cit.*, m.s. 447 – 459.

<sup>50</sup> KR 5 MI-51 Monthon Pattani, R.S. 101 – 125, Luang Raksapholsayam kepada Luang Chin-kananurak, tidak bertarih.

daripada ahli-ahli keluarga Melayu tempatan. Boleh dikatakan bahawa pada tahun 1809 merupakan tahun yang penting kepada keadaan politik di Pattani. Selain dibahagikan kepada tujuh buah negeri dan lenyapnya kerajaan Pattani lama, Pattani juga diturunkan taraf negeri naungan ke taraf wilayah sempadan Siam. Ini bermakna bahawa gebenor Tujuh Buah Negeri itu tidak berhak menentang pilihan Bangkok mengenai urusan penggantinya ataupun mengenai tempoh pekerjaannya masing-masing. Menurut dokumen Thai, selepas Pattani dipecah-pecahkan, seorang pegawai Thai dilantik menjadi Gabenor Jaring, dan enam orang pemimpin Melayu tempatan yang taat kepada Bangkok dipilih memegang jawatan gabenor enam *huamuang* Melayu yang lain. Semua Negeri Kecil itu diletakkan di bawah kuasa penyeliaan Songkhla.

Akan tetapi pembahagian Pattani ini tidak dapat mencegahnya daripada memberi bantuan kepada golongan Melayu Kedah apabila berlakunya pemberontakan di negeri tersebut pada tahun 1831 dan 1838 - 1839. Tani, Nongchik, Yala, Raman dan Legeh membantu pemberontakan Tengku Den secara aktif.<sup>51</sup> Oleh itu, Rama III terpaksa mengambil tindakan tegas terhadap mereka. Gabenor-gabenor yang menentang kuasa Siam pada tahun 1831 dipecat daripada jawatannya dan pegawai Thai dilantik sebagai gabenor di *huamuang* itu menggantikan mereka. Kesannya, Bangkok dapat mengawal Tujuh Negeri dan mengurangkan peranan pemimpin Melayu tempatan. Walaupun demikian, apabila Rama III cuba mencari penyelesaian kepada kekacauan yang berlaku di Kelantan, baginda terpaksa mengembalikan dasar "memelayukan" semula kerajaan Tujuh *huamuang*.<sup>52</sup>

Selepas tahun 1841 hingga ke akhir pemerintahan Rama III, nampaknya dasar Bangkok terhadap Tujuh Negeri berjaya mengawal keadaan politik di kawasan tersebut. Mungkin juga ini disebabkan oleh kebolehan Bangkok untuk memilih sesiapa saja menjadi raja/gabenor negeri-negeri kecil itu.

<sup>51</sup> Vella, *op.cit.*, m.s. 71 - 2; *Shair Musoh Kelantan*, dalam C. Skinner, *The Civil War in Kelantan in 1839*, Singapore: MBRAS, 1965, M.S. 22.

<sup>52</sup> KR 5 M 1 - 51, *op.cit.*; *Kenang-Kenangan Luang Udom Sombat*, Bangkok, B.E. 2515/1972; lihat juga bahagian *KELANTAN* di atas.



## TERENGGANU

Terengganu menerima kedudukan negeri naungan Siam pada masa pemerintahan Rama I, iaitu pada masa yang sama dengan Kedah dan Pattani. Kedudukan Terengganu dalam konteks kepentingan politik Siam di Semenanjung Tanah Melayu berlainan daripada Kedah, Pattani, ataupun Kelantan. Ini disebabkan oleh kedudukan geografinya yang tidak mempunyai sempadan bersama dengan Siam. Oleh yang demikian, Terengganu tidak mempunyai nilai strategi atau ekonomi yang bermakna kepada Bangkok jika dibandingkan dengan Kedah dan Pattani. Kepentingan Siam di Terengganu ialah kepentingan politik dan maruah negeri besar sahaja. Pengakuan Terengganu sebagai negeri naungan Siam menekankan lagi kedudukan dan pengaruh Thai di rantau ini. Siam memang ingin mengekalkan kejayaan politiknya di Terengganu, sambil menjalankan dasar yang sederhana terhadap Terengganu. Jadi Terengganu sejak pemerintah Rama I hanya dikehendaki menghantar bunga mas dan perak kepada Bangkok setiap tiga tahun sekali dan menjalankan dasar yang tidak menentang atau mencabar kedudukan Siam. Terengganu tidak menghadapi tekanan politik Thai yang selalu campur tangan dalam hal-ehwal negeri naungannya jika Bangkok mengesyaki ketaatan negeri naungan tersebut. Sebagai balasan, Siam sanggup membantu Terengganu dalam hal-ehwal keselamatannya atau apabila Terengganu menghadapi kesusahan yang lain.

Walau bagaimanapun, Terengganu, seperti negeri Melayu yang lain di bawah kuasa Siam, tidak menerima hubungan tributari dengan Siam secara kerelaannya. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa percubaan Terengganu untuk melemahkan kuasa Siam. Misalnya, Terengganu memberikan bantuan kepada pihak pemberontak Kedah pada tahun 1831. Pemimpin-pemimpin Terengganu pada masa itu menghantar satu pasukan tenteranya yang dipimpin oleh beberapa orang pahlawan yang terkenal ke Pattani untuk menyertai pemberontakan itu. Setelah kemenangan Siam ke atas pemberontak Tengku Den di Kedah, Terengganu memberikan perlindungan kepada pemimpin-pemimpin Pattani yang lari ke negerinya. Oleh itu, Terengganu juga dihukum supaya membayar denda kepada Siam, tetapi pemimpinnya dibenarkan terus memegang jawatannya. Mungkin sikap bertolak-ansur Siam ini disalah tafsir oleh pucuk pimpinan Terengganu. Jadi mereka

melibatkan diri lagi dalam hal perselisihan di negeri Kelantan dan menyokong golongan yang menentang kuasa Sultan Muhamad II pada tahun 1838 - 1839. Tindakan tersebut memang mengecewakan usaha kerajaan Thai untuk menyelesaikan perang saudara itu. Rama III telah menyingkirkan Sultan Muhamad di Terengganu dan menggantikannya dengan calon yang lebih sensitif kepada kepentingan politik Thai.<sup>53</sup> Bangkok menghantar utusan kepada Tengku Omar, yang dalam buangan di Lingga, dan menawarkan pertolongan Siam kepadanya untuk merebut takhta Terengganu daripada saudaranya. Sebenarnya, Tengku Omar telah terlebih dahulu memberitahu Bangkok bahawa beliau bersedia menerima syarat-syarat *vassal* kepada Siam sebagai balasan kepada bantuan Siam untuk merebut semula takhta. Pada tahun 1839, Tengku Omar dijemput pulang ke Terengganu dan menjadi raja pemerintah Terengganu.<sup>54</sup>

Tengku Omar telah menjadi raja Terengganu dengan gelaran Baginda Omar. Bangkok memberi jaminan untuk bekerjasama antara kedua-dua negeri tersebut. Sekali lagi Rama III dapat mencapai tujuan politik baginda di Tanah Melayu iaitu menguatkuasakan kedudukan Siam untuk keselamatan dan kestabilan Thai sambil menentukan kefahaman dan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin tempatan supaya dapat melindungi kepentingan kedua-dua pihak yang terlibat. Selepas tahun 1841, Siam tidak lagi menghadapi kesulitan atau penentangan dari negeri naungannya di Tanah Melayu. Hubungan tributari yang licin ini berterusan sehingga tamatnya pemerintahan Rama III.

### (c) *Kampuchea*

Pada permulaan pemerintahan Rama III, dipercayai bahawa Kampuchea adalah negeri naungan Siam hanya pada namanya sahaja. Kampuchea ditadbir dan diduduki oleh tentera Vietnam, akibat dasar yang dijalankan oleh Raja Chan dan sikap bertolak-ansur Raja Loetla pada tahun-tahun 1810-an. Tetapi bagi pihak berkuasa Thai, Kampuchea selalunya mempunyai nilai strategi yang tinggi bagi keselamatan Thai dan keadaan di Kampuchea itu tidak dapat

<sup>53</sup> Dokumen Rama III, Warkah rasmi kepada Chao Phraya Yommarat di Songkhla, bulan Oktober, J.S 1201/1829.

<sup>54</sup> Thipakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga*, op.cit., jil. 1.

diterima selama-lamanya. Oleh itu, tidak hairanlah jika Kampuchea menjadi rebutan antara Siam dengan Vietnam hampir sepanjang pemerintahan Rama III. Seperti yang dibincang di atas, Bangkok menganggap Kampuchea sebagai zon penampungan di arah timur Siam dan berperanan sebagai dinding menentang pencerobohan Vietnam ke atas Siam. Tambahan pula, terdapat pertalian kebudayaan antara bangsa Thai dengan bangsa Khmer, iaitu kebudayaan yang berasaskan agama Buddha Theravada. Bangkok yang menganggap dirinya sebagai jaguh yang mempertahankan agama Buddha di rantau Asia Tenggara, melihat perjuangan menentang Vietnam di Kampuchea sebagai perjuangan suci untuk mengekalkan agama Buddha di negeri tersebut daripada ancaman kebudayaan Confucius yang diamalkan oleh Vietnam. Seperti yang diterangkan oleh Rama III kepada Putera Duang, seorang calon untuk menduduki takhta Kampuchea dengan pertolongan Thai;

"Duli Yang Maha Mulia Raja Nangklaow merasa sedih dan khawatir terhadap kedudukan agama Buddha, dan Baginda berazam untuk berjuang bagi mengekalkan kedudukan agama Buddha di Kampuchea.... Duli Yang Maha Mulia Raja Nangklaow tidak berhasrat mendapatkan balasan mana-mana faedah dari Kampuchea kecuali nama dan kemuliaan baginda dihormati pada masa depan sebagai orang yang mempertahankan dan berjaya menyelamatkan agama Buddha di Kampuchea"<sup>55</sup>

Kebimbangan akan peperangan dari dua arah dalam masa pemerintahan Rama II menyebabkan Bangkok menjalankan dasar bertolak-ansur terhadap Vietnam, walaupun dasar itu hanya menambahkan sikap agresif Vietnam sahaja. Akibatnya, pengaruh Siam di Kampuchea hilang dan Vietnam dapat menggantikannya sebagai negeri berpengaruh utama di negeri itu. Rama III melihat sikap Vietnam itu boleh menjejaskan dan mencabar kedudukan Siam yang tidak sepatutnya dihadapi. Baginda mencari peluang yang baik untuk melaksanakan tindak balas menentang cabaran Vietnam itu. Pada tahun-tahun 1920-an Bangkok masih mengatur hubungan Siam dengan Inggeris di Myanmar dan di Tanah Melayu serta menghadapi kesusahan di Kedah dan di negeri-negeri Lao yang memberontak menentang Bangkok. Rama III tidak

<sup>55</sup> Prachum Phongsawadan, *Bahagian 56 op.cit.*, m.s. 6-9

berpeluang memulakan rancangan melemahkan Vietnam di Kampuchea. Walaupun demikian, pada tahun 1833 baginda telah melancarkan serangan mengusir Vietnam dari Kampuchea. Faktor faktor penting yang menunjukkan bahawa tahun itu merupakan peluang yang ditunggu-tunggu oleh baginda, ialah;

Pertama, Bangkok tidak mengkhawatiri lagi terhadap kemungkinan berperang dari dua arah sebab Myanmar telah tewas di tangan pihak Inggeris sejak tahun 1826 dan terpaksa menyerahkan kawasan Myanmar kepada Inggeris. Jadi Myanmar tidak lagi berupaya menyerang Siam ataupun menjadi ancaman besar kepada keselamatan Siam. Lagipun, Bangkok berpendapat bahawa masalah pemberontakan di Kedah telah dikawal selepas kemenangannya ke atas pemberontakan Tengku Den pada tahun 1831 apabila Chao Phraya Phra Khlang menyelesaikan hal-chwal negeri Melayu di bawah kuasa Siam, terutamanya di kawasan Tujuh Negeri Kecil Melayu.<sup>56</sup> Nampaknya, Bangkok tidak lagi menghadapi sebarang masalah besar dari luar ataupun dalam. Oleh itu, Siam berkemampuan untuk menyelamatkan masalah di Kampuchea.

Kedua, terdapat perubahan sikap Raja Chan, iaitu Raja Kampuchea pada tahun 1829, yang amat menggalakkan. Pada tahun tersebut, Raja Chan menghantar surat kepada dua orang adiknya, Putera Duang dan Im, di Bangkok meminta bantuan tentera dari pihak berkuasa Thai untuk membantu Kampuchea menghalau tentera Vietnam di sana.<sup>57</sup> Perubahan sikap Chan yang selalu pro-Hue dan anti-Bangkok ini menunjukkan kepada Bangkok bahawa tentera Siam akan dapat kerjasama dari rakyat Khmer jika tercesusnya perang antara Siam dan Vietnam di Kampuchea.

Ketiga, berlakunya pemberontakan di Cocin Cina pada tahun 1833 yang memperlihatkan kelemahan kerajaan Vietnam di bawah pemerintahan Maharaja Minh Mang, pengganti Gia Long. Pihak pemberontakan Vietnam juga menghantar utusan ke Bangkok meminta pertolongan tentera Thai supaya dapat mempertahankan Saigon menentang tentera Maharaja Minh Mang. Sebagai balasan terhadap jasa baik Siam itu, pihak pemberontakan sanggup menerima taraf negeri naungan kepada Siam.

Rama III mengambil keputusan menghantar tentera Thai ke Kampuchea dengan tujuan merampas semula negeri itu daripada

<sup>56</sup> Lihat Bahagian Negeri-Negeri Melayu di atas.

<sup>57</sup> *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga, op.cit.*, jil. 1, m.s. 99.

lingkungan pengaruh Vietnam. Satu lagi faktor yang penting yang mempengaruhi Rama III ialah kekecewaan Rama III terhadap sikap yang kurang jujur pemerintah Maharaja Minh Mang terhadap Bangkok. Pendekatan itu menjadi jelas apabila berlakunya pemberontakan Vientiane menentang kuasa Bangkok pada tahun 1826. Walaupun Minh Mang menunjukkan sikap persahabatan dengan Siam, tetapi Hue selalu memberi pertolongan dan galakan kepada pihak Chao Anu, Raja Vientiane yang memberontak itu. Memang Rama III menunggu masa sahaja untuk membalas dendam.<sup>54</sup>

Perang antara Thai dan Vietnam bermula pada tahun 1833 dan berlanjutan sehingga tahun 1848. Serangan pertama dilancarkan oleh tentera Siam yang seramai kira-kira 40,000 orang askar di bawah jeneral Chao Phraya Bodindecha, Samuha Nayok, yang telah terkenal sejak menewaskan Chao Anu. Satu angkatan tentera laut di bawah kepimpinan Chao Phraya Phra Khlung juga dihantar ke Muang Bentheimas untuk membantu tentera darat dalam usaha mempertahankan Saigon. Serangan yang pertama ini memperlihatkan kelemahan tentera darat dan laut Thai yang tidak boleh bekerjasama dengan berkesan. Akibatnya, Chao Phraya Bodin dan Chao Phraya Phra Khlung bersetuju berundur ke Chantaburi selepas tenteranya berjaya merampas semua kawasan Khmer di tebing kiri Sungai Mekong, termasuk juga kawasan Huaphan Ha Tang Hok yang sebelumnya di bawah naungan Vietnam. Walaupun demikian, Vietnam masih mengekalkan kedudukannya di Kampuchea.

Pada tahun 1835, Raja Chan meninggal dunia dan pihak Vietnam melantik anak perempuannya, iaitu Puteri Mei, menjadi permaisuri pemerintah Kampuchea, walaupun perlantikan itu bertentangan dengan adat penggantian raja Khmer. Menurut tradisi Khmer, perempuan tidak berhak ke atas takhta Kampuchea. Dalam masa pemerintahan Permaisuri Mei, terdapat dasar "memvietnamkan" Kampuchea secara besar-besaran. Pembesar-pembesar dan bangsawan Khmer dikehendaki memakai baju bercorak Vietnam sebagai pakaian seragam mereka. Mereka juga terpaksa menerima undang-undang mengikut kebudayaan Vietnam, dan menggunakan bahasa Vietnam sebagai bahasa rasminya. Semasa

<sup>54</sup> D.P. Chandler, "Cambodia Before The French: Politics in a Tributary Kingdom 1794 - 1848", tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Universiti Michigan, 1973, Bab 3 - 5.

berlakunya rusuhan di Kampuchea, Putera Im yang dilantik oleh Bangkok sebagai Gabenor Battambang lari ke Phnom Penh dengan harapan yang beliau akan dipilih oleh pihak berkuasa Vietnam menjadi raja Kampuchea menggantikan Permaisuri Mei. Peristiwa itu menyebabkan Chao Phraya Bodin memulakan serangan kedua terhadap Vietnam di Kampuchea, iaitu pada tahun 1840-1841. Pada kali ini, Rama III bersetuju menghantar Putera Duang ke Udongmichai supaya putera itu dapat menonjolkan dirinya sebagai tumpuan usaha orang Khmer menentang Vietnam. Dengan bantuan pembesar-pembesar dan rakyat Khmer yang memberontak menentang kuasa Vietnam selepas pembunuhan Putera Baen, iaitu kekanda Permaisuri Mei pada tahun 1841, tentera Siam berjaya menduduki kawasan utara Kampuchea. Pada tahun yang sama pihak berkuasa Thai juga merampas semula Phnom Penh, dan akibat kejadian itu, Kampuchea dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu kawasan utara dan barat yang berpusat di Phnom Penh dan di bawah kekuasaan Raja Duang dengan sokongan tentera Thai, dan kawasan utara dan barat yang berpusat di Phnom Penh dan di bawah kuasa tentera Vietnam. Pesuruhjaya Vietnam di Kampuchea, Truong Minh Giang, mengakui hilangnya pengaruh Vietnam di Kampuchea adalah kerana kesalahannya sendiri, dan beliau telah membunuh diri di Chandoc. Kemudiannya, Im dipilih menjadi Raja di kawasan tersebut. Dalam tempoh antara tahun 1841-1845 dapat diterangkan sebagai masa menghadapi jalan buntu, kerana kedua-dua kuasa saling tidak dapat menewaskan antara satu sama lain.

Peringkat akhir perang antara Thai dan Vietnam di Kampuchea bermula pada tahun 1845 apabila Chao Phraya Bodin melawat Bangkok untuk mengadakan perundingan dengan Rama III. Tentera Vietnam menyerang Phnom Penh dan Udongmichai, pusat kuasa Siam di utara. Akan tetapi kegagalan Vietnam menembusi pertahanan Siam dan masalah serangan yang dihadapi daripada golongan gerila Khmer, memaksa pihak berkuasa Vietnam untuk mengubah sikapnya. Jelas bahawa penyelesaian antara Thai dan Vietnam itu hanya akan tercapai jika pihak Thai dan Vietnam bersetuju menerima suatu kompromi. Dengan keizinan Maharaja Thien Tri yang menaiki takhta Vietnam menggantikan ayahandanya pada tahun 1841, surat dihantar kepada Putera/Raja Duang di Udongmichai dengan cadangan yang Vietnam dan Duang berunding bagi mewujudkan gencatan senjata dan, setelah itu, syarat-syarat per-

damaian antara Vietnam, Siam dan Kampuchea. Walaupun suasana politik pada tahun 1846 adalah lebih menguntungkan Siam, tetapi Chao Phraya Bodin memberi cadangan kepada Rama III untuk menerima suatu kompromi dengan Vietnam kerana;

“Patik telah berunding dengan Putera Duang dan kami berdua bersetuju bahawa jika kita tidak menerima tawaran persahabatan ini, maka Vietnam akan meneruskan usaha peperangannya dengan kejam. Kalau kita kalah, akan menjejaskan kemuliaan dan maruah Duli Yang Maha Mulia. Lagipun, pihak pembesar Khmer tentu akan memandang rendah kedudukan kita itu. Sebaliknya, kalau Putera Duang menghantar jawapan menerima tawaran tersebut, dan Vietnam tidak melaksanakan janjinya, iaitu menghantar puteri-puteri Khmer < ke Udongmichai > sebagai bukti keikhlasan pihak Vietnam, merekalah yang mungkir janji. Pembesar Khmer tentu akan marah ... dan semangat mereka untuk berjuang menentang Vietnam secara habis-habisan semakin bertambah”.<sup>59</sup>

Rama III sanggup menerima cadangan jeneral baginda yang bijaksana itu. Putera Duang dibenarkan menghantar utusan ke Hue dan menerima perlantikan daripada Thien Tri sebagai ketua masyarakat Kampuchea. Sebaliknya, Duang dikehendaki menghantar ufti ke Hue setiap tiga tahun sekali. Selepas itu, Vietnam mengundurkan tenteranya dari Kampuchea.

Putera Duang menjalankan upacara pertabalannya dengan kebenaran Siam pada tahun 1848, yang penuh dengan adat istiadat. Rama III menganugerahkan *vassal* baginda dan semua alat kebesaran Raja Khmer dan memilih nama pemerintah kepada Duang iaitu Somdet Phra Harirak Ramathibodi. Kampuchea dikehendaki menghantar ufti kepada Siam setiap tahun. Jelas di sini bahawa selain penghantaran ufti setiap tiga tahun ke Vietnam, Kampuchea tidak lagi mempunyai hubungan politik yang lain dengan Hue. Dibandingkan dengan Siam kompromi pada tahun 1848 itu mengesahkan kedudukan Siam kuasa yang paling berpengaruh di Kampuchea kerana raja Siam berhak memilih dan melantik raja Kampuchea serta memainkan peranannya dalam hal negeri itu jika perlu. Kampuchea juga dibangunkan semula sebagai negeri pen-

<sup>59</sup> *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga, op.cit.*, jil. 1, m.s. 118.

dinding antara Siam dan Vietnam. Tujuan Rama III untuk mengecewakan dasar 'menvietnamkan' Kampuchea pun tercapai. Siam mendapat pertolongan yang kuat dan bermakna daripada pembesar-pembesar dan rakyat Khmer. Mereka memilih Siam untuk mempertahankan kebudayaan dan keselamatan negerinya. Selain menyelamatkan Kampuchea dan agama Buddha di situ daripada dimusnahkan oleh Vietnam, Rama III juga dapat meluaskan kuasa dan pengaruh Siam, tanpa persoalan, menduduki tempat yang paling berkuasa di kalangan masyarakat Asia Tenggara sejak penubuhan Thonburi Bangkok.

#### (d) *Negeri-negeri Lao*

Seperti juga Kampuchea, Negeri-negeri Lao, iaitu Luang Phrabang, Vientiane, dan Champasak/Pasak, mendapat semula kebebasan politik setelah kemusnahan Ayudhya. Walaupun demikian, Raja Taksin berjaya mewujudkan kembali kuasa dan pengaruh Siam ke atas Vientiane dan Luang Phrabang. Pada masa pemerintahan Rama I, Bangkok cuba mengatur sistem pentadbiran di Vientiane untuk mengukuhkan kedudukan Siam. Chao Inthawong, seorang anak bekas raja Vientiane, dilantik oleh Rama I sebagai raja Vientiane menggantikan abangnya yang kurang berkebolehan. Adik kepada Inthawong, Chao Anuwong, juga dilantik sebagai *upparat*/bakal raja kepadanya. Chao Anuwong menunjukkan kebolehan dan ketaatan kepada Bangkok, dan akhirnya dinaikkan pangkat menjadi raja Vientiane selepas kematian Inthawong. Pada masa pemerintahan Loetla, Putera Chetsadabodin sanggup membantu Chao Anu meluaskan lagi pengaruhnya kerana baginda percaya kepada kejujuran dan kesetiaan Chao Anu. Peranan yang dimainkan oleh Chao Anu dalam usaha menolong tentera Siam menewaskan pemberontakan di Champasak menyakinkan Chetsadabodin yang *vassal* Siam itu tetap jujur kepada Bangkok. Oleh itu, baginda menasihati ayahandanya supaya melantik Chao Ratchabut (Yo), anak Anu, raja Champasak. Dengan perlantikan itu, Siam berharap Chao Anu dan anaknya akan mengawal negeri-negeri Lao dan mempertahankan pengaruh dan kuasa Siam di situ dengan berkesan. Sunguhpun, perlantikan itu dibantah oleh seorang penasihat Rama II, tetapi Chetsadabodin dapat menunjukkan bahawa Chao Anu itu adalah *vassal* yang setia kepada Bangkok dan berkebolehan menentang dasar agresif Vietnam.



Masalah negeri-negeri Lao semasa dalam pemerintahan Rama III adalah berkait rapat dengan Chao Anu yang menjadi terlampau yakin terhadap kuasa dan kebolehannya. Apabila berlaku beberapa kejadian yang tidak disukainya, Chao Anu memutuskan untuk memberontak menentang Bangkok. Menurut sumber Thai, ketidakpuasan hati Chao Anu terhadap Bangkok bermula pada masa awal pemerintahan Rama III. Di antaranya, Rama III tidak membenarkan permintaan Chao Anu hendak memulangkan rakyat Lao yang dibawa oleh tentera Thai sejak pemerintahan Taksin, balik ke Vientiane.<sup>60</sup> Lagipun, permohonan Chao Anu untuk menghantar guru-guru tarian klasik Thai ke Vientiane juga ditolak oleh Istana Bangkok. Nampaknya, sikap Rama III yang tidak bertolak-ansur terhadap hasrat Chao Anu itu tidak disambut baik olehnya. Mungkin juga sebab yang sebenar berlakunya pemberontakan Chao Anu ialah keinginan *vassal* Siam itu untuk bebas daripada kuasa dan pengaruh Bangkok, terutamanya apabila Chao Anu berasa yakin terhadap kuasa dan kemampuannya sendiri untuk berjuang menentang Bangkok. Chao Anu menunggu masa yang sesuai untuk membebaskan Laos daripada kuasa Siam. Pada tahun 1826, terdapat berita di Vientiane bahawa England telah menghantar kapal perangnya ke Bangkok dengan tujuan menguasai-nya. Berita ini sama dengan ramalan Anu sendiri mengenai kegagalan rombongan John Crawford yang mewakili pihak berkuasa Inggeris di India untuk membuat perjanjian persahabatan dan perniagaan dengan Siam. Oleh itu, tindakan Inggeris seperti yang dilaporkan itu tentu dapat diterima. Anu berfikir yang serangan Inggeris ke atas Siam ini merupakan peluang yang ditunggu-tunggu, dan membuat keputusan membebaskan negeri-negeri Lao di bawah kuasanya daripada lingkungan pengaruh Thai. Beliau menerangkan kepada pembesar-pembesarnya bahawa:

"Bangkok sekarang hanya ditadbirkan oleh Raja dan putera yang kurang berpengalaman. Di kalangan pembesar Thai pun, terdapat beberapa orang sahaja yang matang fikiran dan pengalamannya. Kebijaksanaan pemimpin Thai dalam bidang tentera juga telah runtuh dan lemah. Lagipun, Chao Phraya Nakhon Ratchasima <i>iaitu Gabenor wilayah tersebut> tidak ada di wilayahnya; dapat kita membuat rumusan yang serangan kita akan menghadapi hanya sedikit tentangannya

<sup>60</sup> *Ibid.*

ja. Kita tak patut lagi mengekalkan kedudukan sebagai negeri naungan Siam. < Bangkok > sedang diserang oleh pihak Inggeris. Jika kita ingin menyerang Bangkok sekarang pun, nampaknya, kita akan berjaya dengan mudah".<sup>61</sup>

Pasukan tentera Chao Anu dan Chao Ratchabut (Yo) dapat menguasai wilayah Thai hingga ke Saraburi sebelum Bangkok boleh melengkapkan satu pasukan tentera untuk menentanginya. Selepas itu, tentera Thai mengejar Chao Anu dan penyokong-penyokongnya sampai ke Vientiane. Apabila jelas yang Anu tidak mampu mempertahankan negeri-negerinya, Anu mengambil keputusan melarikan diri ke Hue dan memohon pertolongan daripada Maharaja Vietnam. Pada awalnya, Putera Wang Na Saktipholsoph, jeneral pasukan Thai itu, dan timbalan baginda iaitu Phraya Ratchasuphawadi, yang kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Chao Phraya Bóindecha, tidak bertujuan memusnahkan Vientiane. Tetapi apabila dua orang jeneral itu melaporkan langkah-langkah yang dilaksanakan mereka kepada Rama III, baginda menyuruh Ratchasuphawadi pulang ke Vientiane untuk memusnahkan ibu kota Anu.

Sebab-sebab Rama III berazam menjalankan dasar tegas dan kejam terhadap Vientiane dan Chao Anu ialah kerana penderhakaan yang dilakukan oleh Anu menentang baginda walaupun bagindalah yang selalu menolong dan membantu meluaskan kuasa dan mengukuhkan kedudukan Anu. Tambahan lagi, Anu pergi menjemput Vietnam, musuh ketat Bangkok di Indo-Cina untuk membantunya dalam perselisihan Vientiane dengan Bangkok. Rama III melihat kegiatan Anu ini sebagai ancaman terbesar kepada keselamatan Siam, kerana Chao Anu membuka pintu negeri penanaman Siam kepada campur tangan Hue. Tindakan itu juga menambahkan pengaruh dan meluaskan kuasa Vietnam di kawasan yang dianggap sebagai lingkungan pengaruh tradisional Siam. Maka Rama III berazam tidak lagi membenarkan Vietnam menubuhkan satu lagi tapak kuasanya di negeri Lao seperti yang dibuat di Kampuchea. Vientiane mestilah dimusnahkan dan penduduknya dibawa ke kawasan pedalaman Siam supaya tidak dapat menjadi tapak kuasa bagi sesiapaupun.

<sup>61</sup> *Ibid.*

Walau bagaimanapun, apabila Chao Phraya Ratchasuphawadi tiba di Vientiane, Vietnam telah menghantar seorang pesuruhjaya menemani Chao Anu balik ke negeri Lao itu. Nampaknya Hue berhasrat berunding dengan pihak berkuasa Thai supaya tercapai kompromi bagi masalah pemberontakan di Vientiane. Malangnya, sebelum perundingan itu dapat diadakan, Chao Anu dan penyokongnya telah menyerang wakil-wakil Siam di situ dan akibatnya, berlakulah pertempuran baru. Tentera Chao Phraya Ratchasuphawadi berjaya mengalahkan golongan pemberontak dan memusnahkan Vientiane pada penghujung tahun 1827. Akan tetapi Chao Anu dapat melarikan diri ke Vietnam sekali lagi. Pada masa itu, Bangkok pun memutuskan menolak permohonan Vietnam supaya Siam mencari penyelesaian bagi krisis itu secara damai dan bertolak-ansur. Akhirnya, Chao Anu dan keluarganya ditangkap dan dihantar ke Bangkok pada bulan Disember 1827. Dengan kejayaan di Vientiane dan Champasak, Siam dapat menghalang Vietnam dengan berkesan daripada meluaskan pengaruh dan kuasanya ke kawasan tersebut serta mencabar kedudukan utama Siam di situ.

Sepanjang kejadian pemberontakan Chao Anu, Luang Phrabang terus taat kepada Bangkok, dan dapat menghalang rancangan Anu untuk menyatukan negeri-negeri Lao. Selepas tahun 1827, kuasa dan pengaruh Thai ke atas Laos menjadi kukuh dan bermakna. Rama III dengan dasarnya yang tegas telah melemahkan cita-cita politik Hue di kawasan tersebut. Empayar Thai meliputi semua negeri yang dianggap sebagai kawasan tradisional pengaruh Thai. Sebenarnya Rama III memerintah satu empayar yang paling luas sejak zaman Thonburi-Bangkok. Gambaran kuasa dan pengaruh Thai pada akhir masa pemerintahan Rama III yang amat berbeza daripada keadaan yang wujud semasa raja itu menaiki takhta Siam pada tahun 1824 hanya membuktikan betapa besarnya kebijaksanaan dan kebolehan raja dinasti Chakri ini.

#### IV. Penilaian Rama III

##### (a) *Pengukuh Empayar dan Penaung Agama*

Dengan tinjauan sepintas lalu terhadap dasar luar dan dalam negeri Rama III, jelas bahawa Rama III mencapai objektifnya yang bertujuan mengukuhkan empayar Thai dan mengekalkan kedudukan agama Buddha, bukan sahaja di Siam tetapi juga di negeri-negeri

naungannya yang telah menerima agama tersebut. Dengan kejayaan dalam kedua-dua objektif itu, Rama III menjamin nama dan kedudukan baginda sebagai pengukuh dan penaung empayar Thai dan agama Buddha di dalam sejarah Thai. Dasar peluasan kuasa Siam yang dijalankan oleh baginda sebenarnya melambangkan ideologi dan tujuan politik Rama III. Seperti yang telah dibincangkan di atas, ideologi politik yang diwarisi oleh Rama III daripada pengasas dinasti Chakri, memerlukan baginda sentiasa membuktikan kelayakannya dengan mencapai kejayaan ke atas sebarang penentangan, manakala konsep *dharma-raja/cakravartin* menekankan pentingnya mempunyai negeri-negeri naungan bagi seseorang raja Thai. Kewujudan negeri naungan ditafsirkan oleh rakyat Thai sesudah kejatuhan Ayudhya sebagai kenyataan taraf kesusilaan yang tinggi atau sebaliknya seorang raja pemerintah. Rama III yang menerima ideologi politik itu tidak ada pilihan lain untuk membuktikan kelayakan baginda kecuali menjalankan dasar luar secara agresif. Sepanjang masa pemerintahan Rama III, Siam bergiat mempertahankan dan mengukuhkan empayarnya. Pada tahun 1828, hak negeri dipertuan Thai ke atas Laos dapat dicapai. Kedudukan dan pengaruh Bangkok di kawasan selatan dan wilayah Tanah Melayu juga terjamin selepas tahun 1841. Akhirnya, perang Thai dengan Vietnam di Kampuchea yang berlaku pada tahun 1845, bagi mengesahkan tuntutan tributari Thai ke atas negeri itu. Vietnam terpaksa menerima kedudukan yang lebih rendah daripada Siam dalam hubungan tiga segi iaitu Thai, Vietnam dan Kampuchea. Proses mengukuhkan empayar Thai dilaksanakan sepanjang pemerintahan Rama III. Walaupun Rama III menyedari tentang suasana politik yang semakin berubah dengan kemunculan kuasa penjajah Barat di Asia Tenggara, namun baginda masih tetap dengan taktik tradisional Thai untuk mengatasi ancaman luar.

Namun, ini tidak bermakna bahawa Rama III menutup matanya terhadap cabaran yang berbahaya dari kuasa Barat. Sebenarnya Rama III menyedari bahawa Inggeris dan Perancis akan menggantikan peranan yang dimainkan oleh musuh-musuh tradisional Thai, terutamanya Myanmar dan Vietnam. Kedua-dua buah negeri itu dianggap sebagai kuasa yang sangat berbahaya kepada keselamatan dan kedaulatan Siam. Dengan kesedaran itu nampaknya telah meningkatkan lagi keazaman baginda untuk memperkuatkan empayarnya supaya bersedia menghadapi ancaman-ancaman

luar. Walaupun Rama III tidak salah memahami kebolehan tentera Inggeris berhubung dengan kebolehan tentera Thai, khasnya selepas kemenangan Inggeris ke atas Myanmar, tetapi Raja Siam itu lebih sanggup berunding dengan Inggeris dari kedudukan yang kuat dan setanding dengan kuasa Barat itu. Perjanjian Burney tahun 1826 menjadi bukti yang memperlihatkan kefahaman Rama III terhadap suasana politik serantau yang memaksa Siam mengubahsuaikan taktik dan pendekatannya. Oleh itu, Rama III memilih jalan damai dan bersahabat dengan kuasa-kuasa Barat sebagai langkah mencegah pencerobohan mereka ke atas kedaulatan Thai.

Dari segi politik dan ketenteraan, dasar Rama III nampaknya berkesan untuk meluas dan mengukuhkan empayar Siam yang muncul pada pertengahan abad ke-19 sebagai empayar terbesar di Asia Tenggara. Oleh itu baginda layak digelar sebagai pengukuh empayar Thai zaman Bangkok.

Dari segi agama, meskipun semua raja dinasti Chakri sentiasa sedar akan peranan mereka sebagai penaung agama, tetapi Rama III merupakan raja yang berusaha bersungguh-sungguh untuk keselamatan agama Buddha Theravada dalam aspek fizikal dan mentalnya. Seperti yang telah dibincangkan, Rama III berjuang hebat menentang Vietnam di Kampuchea, kerana baginda berasa bertanggungjawab terhadap kebaikan dan keselamatan agama Buddha di situ. Tiada raja Siam sebelum baginda yang meluaskan skop peranan penaung agama hingga meliputi untung nasib agama itu di negara lain. Tafsiran peranan penaung agama Buddha Rama III ini merupakan kayu ukur terhadap ketaatan baginda kepada agama itu. Pada umumnya, zaman Rama III dilihat sebagai zaman kekuasaan agama. Banyak peruntukan telah dibuat oleh baginda bagi perbelanjaan rancangan membina atau memperbaiki kuil-kuil atau bangunan agama yang lain. Misalnya, semasa baginda sedang gering tenat pun, baginda masih mengkhawatiri rancangan-rancangannya membina dan memperbaiki kuil-kuil yang belum siap. Baginda meminta sebahagian wang pendapatan negeri diperuntukkan untuk menyiapkan rancangan-rancangan tersebut.<sup>62</sup> Sebenarnya, boleh dikatakan bahawa di samping bertanggungjawab dalam hal pentadbiran, Rama III juga berminat dalam bidang agama. Menurut catatan riwayat hidup Rama III;

<sup>62</sup> *Prachum Phongsawadan Bahuguan* 33, Bangkok: Kurusabha, B.E. 2510/1967, m.s. 123 - 4.

"kuil-kuil yang diperbaiki dan dibina oleh Rama III diperbuat dengan taraf kesenian yang istimewa dan lebih bermutu daripada kuil-kuil yang ada sebelum zaman pemerintahan baginda. Sesungguhnya, kecantikan dan keistimewaan kuil-kuil itu tiada tandingannya".<sup>61</sup>

Memang tidak menghairankan yang Rama III diingati sebagai pejuang agama zaman Bangkok tradisional.

(b) *Seorang Raja Reaksioner?*

Ramai sarjana asing melihat Rama III sebagai seorang raja reaksioner kerana baginda bersikap menentang dasar buka pintu kepada perniagaan dan persahabatan dengan Barat. Lagipun, baginda juga dilihat sebagai kuasa yang menolak ilmu pengetahuan serta teknik-teknik Barat yang menurutnya akan merosakkan cara hidup dan nilai tradisional masyarakat Siam. Hakikat bahawa pada tahun-tahun terakhir zaman itu, Rama III tidak sanggup menerima permintaan kuasa Barat untuk berunding serta menyemak semula syarat-syarat perjanjian persahabatan dan perniagaan dengannya, juga dirujukkan untuk menyokong pandangan yang kurang membina itu.

Tidak dapat dinafikan bahawa Rama III memegang kuat kepada nilai-nilai tradisional masyarakat Siam dalam usaha baginda mengekalkan dan mempertahankan kedaulatan dan kedudukan Siam. Kecenderungan Rama III dalam hal keagamaan dan ilmu tradisional menekankan pendekatan baginda sebagai pemimpin Siam yang bersikap konservatif. Akan tetapi, ini tidak bermakna bahawa Rama III kurang peka terhadap perubahan politik dan sosial yang sedang berlaku pada zaman baginda. Sebaliknya dengan kesedaran itulah baginda berusaha sedaya upaya untuk menyelamat dan mengekalkan aspek-aspek masyarakat yang dihargai tinggi oleh baginda supaya difahami oleh generasi-generasi yang akan datang. Contoh yang paling jelas tentang usaha Rama III itu ialah pembinaan "perpustakaan" ilmu tradisional Thai di Kuil Phra Chetuphon (Wat Phoh). "Perpustakaan" itu terdiri daripada patung-patung yang menunjukkan pelbagai ilmu perubatan tradisional secara bertulis dan dengan ilustrasinya. Pembinaan Kuil Yannawa yang berbentuk kapal/tongkang Cina yang

<sup>61</sup> *Ibid.*, m.s. 120.

digunakan untuk perniagaan Thai dengan negara lain, juga mencerminkan percubaan Rama III untuk mengabadikan aspek hidup tradisional masyarakat Thai yang akan cepat lenyap. Tujuan Rama III adalah ketara. Raja konservatif itu sedar bahawa dengan perhubungan yang semakin bertambah rapat dengan kuasa-kuasa Barat, masyarakat Thai juga akan berubah. Dalam keadaan ini, Rama III hanya berhasrat menentukan yang ilmu dan nilai-nilai tradisional yang patut dihargai oleh orang Siam dapat dikekalkan. Walaupun jelas juga yang Rama III tidak suka kepada akibat daripada tindakan Siam membuka pintunya kepada perniagaan dengan orang Barat selepas Perjanjian Burney, tetapi baginda tidak menghalang proses itu. Sebaliknya, baginda menerimanya sebagai suatu perkembangan yang tidak dapat dielakkan. Walaupun demikian, Rama III masih mempercayai nilai tradisional Thai dan baginda hanya menjalankan langkah-langkah yang akan memberi peluang kepada sesiapaupun yang berminat terhadap nilai-nilai tersebut untuk mempelajarinya. Tindakan Rama III itu bukanlah tindakan seorang reaksioner tetapi tindakan seorang konservatif yang bersikap liberal. Baginda memberi peluang kepada semua yang berminat dalam ilmu dan nilai sosial moden supaya dapat membaharui sesuatu kepada kebaikan masyarakat, manakala baginda sendiri berhasrat mengekalkan aspek-aspek tradisionalnya.

Sebagai contoh, Rama III memberitahu pembesar-pembesarnya tentang kebimbangan baginda dalam hal itu sebab jika Putera Mongkut dipilih sebagai penggantinya, Rama III khawatir yang Mongkut akan memaksa semua sami mengikut peraturan Gerakan Thammayutika Nigaya.<sup>64</sup> Hakikat yang Rama III dapat mengawal tindakan adiknya sepanjang dua puluh tujuh tahun ini memperlihatkan bahawa Rama III bukan seorang reaksioner. Jika baginda adalah seorang reaksioner, dengan kuasa penuhnya, Rama III dapat menghalang Putera Mongkut menjalankan rancangan yang mengecewakannya itu.

Pendekatan Rama III yang mengelakkan permintaan orang Barat pada akhir masa pemerintahan baginda boleh ditafsirkan sebagai percubaan baginda untuk melambatkan proses perubahan sosial Thai. Tambahan lagi, permintaan orang Barat itu, terutama-

<sup>64</sup> *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ketiga, op.cit.*, jil. 2, m.s. 187.

nya pihak Inggeris, merendahkan maruah dan kedudukan Siam. Tentulah Rama III tidak dapat melayan permintaan tersebut walaupun baginda sedar bahawa dengan penolakan tersebut Siam akan memberi alasan kepada kuasa Barat untuk menyerang Siam seperti yang dilakukan oleh Inggeris di Myanmar. Rama III menggunakan taktik diplomasi untuk mengecewakan hasrat orang Barat. Jika Rama III adalah seorang reaksioner, tentu baginda tidak mahu bersusah payah mengekalkan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa Barat dan sebaliknya akan menggunakan dasar keras terhadap mereka seperti yang dijalankan oleh raja-raja Myanmar.

Kalau dasar dan kegiatan Rama III diteliti dengan mendalam jelas menunjukkan bahawa Rama III adalah seorang raja yang bersikap konservatif dan bukan seorang reaksioner. Ini kerana Rama III tidak menentang apa juga perkembangan ataupun pembaharuan yang memberi keuntungan kepada Siam, walaupun secara peribadi baginda tidak bersetuju dengan aspek-aspek baru itu. Dengan sikap konservatifnya, Rama III berjaya menjadikan Siam sebagai sebuah negeri yang paling berkuasa di Asia Tenggara. Kejayaan ini amat memeranjatkan kerana kejayaan ini dapat dicapai semasa kuasa-kuasa Barat telah memulakan dasar penjajahan mereka di rantau itu.



[Faint, illegible text covering the top half of the page, possibly bleed-through from the reverse side.]

[Faint, illegible text covering the middle section of the page.]

[Faint, illegible text covering the bottom section of the page.]

# Bab IV

## PERKEMBANGAN SOSIOPOLITIK DAN PENTADBIRAN TRADISIONAL 1767-1851

### I. Gambaran Umum

Jika dibandingkan dengan pencapaian politik sepanjang masa yang sama, perkembangan sosioekonomi dan pentadbiran nampaknya tidak begitu berubah. Siam masih tetap sebagai sebuah negeri feodal yang berpegang kuat terhadap nilai-nilai tradisional masyarakat yang berdasarkan ajaran agama Buddha dan adat resam Thai sejak turun-temurun. Misalnya, sistem pentadbiran Thai zaman Bangkok awal adalah tidak banyak berbeza dengan sistem yang diatur oleh Raja Trailok pada abad ke 15, manakala susun pangkat sosial masyarakat juga kekal dengan sistem *phrai-nai* dan *sakdina* seperti zaman Ayudhya. Dari segi ekonomi pula, Siam nampaknya masih mempunyai sistem ekonomi pertanian dan sistem perniagaan bercorak monopoli diraja.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh Bangkok juga tidak begitu berbeza daripada yang telah dialami oleh Ayudhya. Di antaranya ialah masalah kekurangan tenaga manusia yang menjadi puncanya isu-isu mengenai keselamatan negeri, sosiopolitik dalam negeri, ekonomi, dan hubungan Siam dengan negeri-negeri jirannya. Seperti yang dikatakan Chao Phraya Si Suriyawong, *khunnang* kanan Thai kepada Sir John Bowring pada tahun 1855, yang menekankan perbezaan antara kekayaan tanah dengan kekayaan tenaga buruh.

"Tanah tanpa rakyat <untuk mengerjakannya> adalah hutan rimba sahaja; yang lebih mengecewakan kami ialah kebanyakan rakyat Thai bersikap malas juga..."<sup>1</sup>

Oleh itu, masyarakat Thai sepanjang zaman tradisional, termasuk juga zaman Bangkok awal, mencerminkan percubaan pemimpin untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh serta mencari cara yang cekap dan berkesan untuk guna mengawal sepenuhnya tenaga buruh yang ada.

Secara sepintas lalu, masyarakat Thai setelah kejatuhan Ayudhya pada tahun 1767, terdiri daripada institusi raja yang menduduki tempat teratas dalam susun lapis masyarakat. Di bawahnya, ialah golongan bangsawan dan putera-putera yang dikenali sebagai golongan *nai* atau tuan masyarakat. Di bawah *nai*, ialah golongan orang kebanyakan yang dapat dibahagikan lagi kepada dua kumpulan iaitu *phrai* ataupun rakyat yang bebas, dan *that* atau hamba. Ketiga-tiga golongan ini iaitu raja, *nai*, dan *phrai/that* merupakan batu asas masyarakat tradisional Thai. Merekalah yang membentuk sistem sosioekonomi Thai. Selagi hubungan sosio-politik dan ekonomi mereka terus kekal, selagi itulah berkesannya sistem feodal di Siam.<sup>2</sup>

Walaupun begitu, sebenarnya, berlaku banyak perubahan yang berkesan dari segi praktisnya sosioekonomi masyarakat. Tetapi perubahan-perubahan tersebut berlaku dalam konteks masyarakat feodal dan juga dilihat sebagai perkembangan masyarakat yang mesti diatasi dan juga cuba menyesuaikan dirinya dengan suatu masalah ataupun situasi supaya dapat mengukuhkan cara hidup tradisionalnya. Siam sebelum tahun 1767 dan Siam pada tahun-tahun akhir pemerintahan Rama III amat berbeza dari aspek pemikiran sosial, sistem ekonomi dan perniagaan, serta nilai-nilai masyarakat. Namun, perubahan itu hanya timbul disebabkan oleh percubaan pemimpin Siam yang mempunyai tujuan untuk menyelaraskan nilai tradisional Thai dengan keadaan sebenar atau realitinya tanpa mengubah struktur sosioekonomi ataupun pentadbiran masyarakat.

<sup>1</sup> Sir John Bowring, *The Kingdom and People of Siam*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1962.

<sup>2</sup> Akan Rabibhadana, *The Organisation of Thai Society in the Early Bangkok Period 1782-1873*. Kertas Data No. 7, Southeast Asia Program, Cornell University, Ithaca: Cornell Univ. Press, 1969 memberi penjelasan lanjut tentang struktur dan organisasi masyarakat Thai tradisional.

## II. Institusi Politik dan Pentadbiran

Semasa melancarkan rancangan-rancangan pemulihan masyarakat selepas berlakunya krisis-krisis sosiopolitik sejak tahun 1767 Rama I menekankan bahawa segala upacara dan pelaksanaan hal-hal istana adalah mengikut peraturan yang diamalkan pada zaman Raja Borommakot.<sup>3</sup> Pada hakikatnya, percubaan Rama I hendak memulihkan keadaan sosiopolitik Siam nampaknya bertujuan untuk mengekalkan adat istiadat dan cara hidup masyarakat tradisional sejak zaman Ayudhya sahaja. Walaupun begitu, jika ditinjau lebih mendalam, rancangan-rancangan Rama I itu, jelas membuktikan keazaman yang ingin membina masyarakat Thai yang selaras dengan keadaan sosiopolitik serta ekonomi yang wujud pada masa itu. Misalnya, Rama I memulakan proses "membuddhakan" sistem pentadbiran yang dipengaruhi oleh amalan agama Hindu dan Brahmanisme. Pada tahun 1782, baginda mengeluarkan perintah yang melarang rakyat memberi hormat tertinggi kepada kuasa ghaib; sebaliknya, mereka mesti menghormati agama Buddha dengan penuh kepercayaan.<sup>4</sup> Penerangan baginda mengenai betapa perlunya masyarakat Thai mempunyai satu kod undang-undang yang lengkap. Ini merupakan satu lagi bukti yang menunjukkan usaha Rama I untuk melakukan perubahan sosial dan kehakiman dalam konteks Siam yang tradisional.

Pada umumnya, struktur pentadbiran zaman Bangkok awal dapat diterangkan dalam dua peringkat, iaitu peringkat pentadbiran di pusat, dan pentadbiran di wilayah. Kedua-dua mempunyai tujuan yang sama iaitu bagi mengawal tenaga manusia dengan berkesan. Ini disebabkan oleh kefahaman bahawa tenaga manusia merupakan faktor utama yang menjamin kuasa sosiopolitik dan ekonomi golongan pemimpin masyarakat, kestabilan dan keselamatan negeri daripada ancaman luar ataupun dalam. Oleh itu, masyarakat tradisional Siam dikendalikan sepertimana satu pasukan tentera yang mempunyai susun-pangkat dan berdisiplin. Dengan

<sup>3</sup> *Penjelasan Mengenai Perjalanan dan Pertunjukan Diraja Sejak Zaman Lampau / Ruang Tamnan Krabuan Sadet lae Krabuan Hae Tae Boran*, Bangkok: Khlang - wittaya, 1961, m.s. 495 - 6.

<sup>4</sup> D.K. Wyatt, "Subtle Revolution" dalam Wyatt and A. Woodside, *Moral Order and the Question of Change: Essays on Southeast Asian Thought*, Monograf No. 24, Yale University Southeast Asian Studies, New Haven: Yale Univ. Press, 1982, m.s. 28 - 9.

sistem pentadbiran masyarakat yang tersusun baik sahaja, golongan pemimpin Thai dapat menjamin keberkesanan kuasanya ke atas tenaga manusia di bawahnya. Mereka juga dapat menjamin ketaatan rakyat, penggunaan buruh, ketenteraman dalam negeri, serta persediaan rakyat untuk mempertahankan kedaulatan negeri pada masa perang.

(a) *Pentadbiran Pusat*

Sistem pentadbiran Siam ialah sistem raja berkuasa mutlak. Tetapi, kuasa raja, terutamanya, pada zaman Thonburi-Bangkok) selalunya dihadkan secara praktis oleh beberapa faktor.) Antaranya ialah (konsep *dharma-raja*, dan sistem pentadbiran yang menseimbangkan kuasa raja dengan persetujuan golongan *khunnang* di ibu kota.) Sistem pentadbiran di pusat ataupun ibu kota di bahagikan kepada *krom* (jabatan).) *Krom* yang paling penting ialah *Krom Mahatthai* (Jabatan Hal-Ehwal Pentadbiran Awam). *Krom Kalahon* (Jabatan Pertahanan), dan *Krom Khlang* (Jabatan Kewangan, Perniagaan Luar, dan Hubungan Luar).) Menteri yang mengetuai ketiga-tiga *krom* itu dianggap sebagai menteri kanan kerajaan.) Ketua *krom* Kalahon dikenali dengan gelaran Samuha Phra Kalahon, atau Ketua Menteri hal pentadbiran wilayah selatan di samping mengendalikan urusan pertahanan, manakala ketua *krom* Mahatthai dengan gelarannya Samuha Nayok juga bertanggungjawab mengenai pentadbiran wilayah-wilayah utara Siam selain menguruskan pentadbiran awam negeri.) Ketua *krom* Khlang ialah Chao Phraya Phra Khlang yang mempunyai tugas tambahan iaitu mentadbir beberapa wilayah di persiaran pantai, terutamanya pelabuhan-pelabuhan sekitar Teluk Siam.)

Ketiga-tiga *krom* itu mempunyai kuasa dalam dua aspek pentadbiran, iaitu kuasa kewilayahan dan kuasa mengikut fungsi individunya. *Krom* Kalahon berfungsi dalam bidang pentadbiran hal-ehwal pertahanan di seluruh Negara Thai, iaitu kuasa fungsinya; dalam masa yang sama *krom* itu juga bertanggungjawab terhadap wilayah selatan Thai dalam segala aspek pentadbiran iaitu kuasa kewilayahannya ke atas keamanan, kewangan, pentadbiran awam, perniagaan, kehakiman, dan lain-lain. *Krom* Mahatthai berfungsi dalam bidang pentadbiran awam di seluruh negara iaitu kuasa

<sup>1</sup> Putera Damrong-rajanubhab, *Mengenai Hal Pentadbiran Thai Sejak Zaman Lampau*, Bangkok, 1959, m.s. 18.

fungsinya, dan bertanggungjawab ke atas wilayah utara Siam dalam segala aspek pentadbirannya termasuk juga pertahanan, kewangan, perniagaan dan lain-lain, iaitu kuasa kewilayahannya. *Krom* Phra Khlung berfungsi dalam hal-ehwal kewangan dan perniagaan di seluruh negara iaitu fungsinya, dan mempunyai kuasa pentadbiran dalam semua aspek pentadbiran di wilayah pantai Siam, terutamanya ke atas beberapa pelabuhan di Teluk Siam, iaitu kuasa kewilayahannya. Walaupun begitu, ketua *krom* Mahatthai dan Kalahon bersetuju bahawa tugas terpenting mereka ialah mengawal tenaga rakyat dan keselamatan wilayah-wilayah di bawah kuasa masing-masing. Ini disebabkan oleh kesedaran bahawa kecekapan serta keberkesanan kerajaan Siam bergantung pada kebolehan mereka untuk mengawal serta mempergunakan tenaga buruhnya supaya keselamatan dan kestabilan sosioekonomi negara terjamin. Tanggungjawab utama Phra Khlung ialah menguruskan hal-ehwal kewangan dan perniagaan diraja. Sebenarnya, kuasa kewilayahannya Phra Khlung berkait rapat dengan fungsinya sebagai ejen perniagaan diraja.<sup>6</sup>

Selain kuasa kewilayahannya dan fungsinya *Krom* Kalahon, Mahatthai, Phra Khlung mempunyai mahkamah sendiri. Mahkamah *krom* itu mempunyai kuasa untuk mendengar rayuan kes-kes dari mahkamah bandar yang berada di bawah kuasa pentadbirannya. Lagipun, mereka juga berkuasa penuh dalam wilayah-wilayahnya dan dapat menjalankan pentadbirannya seperti mengutip cukai, mendaftar *phrai* dan lain-lain tanpa perundingan dengan *krom-krom* yang berkenaan. Sebenarnya, ke atas *krom* Mahatthai yang biasanya bergelar Chakri serta menyandang jawatan Samuha Nayok, dan ketua *krom* Kalahon yang biasanya juga bergelar Mahasena dan menyandang jawatan Samuha Kalahon dianggap perdana menteri Siam sepanjang zaman tradisional.<sup>7</sup>

Di bawah ketua Kalahon dan Mahatthai terdapat empat *krom* yang merupakan kabinet kerajaan Siam tradisional. Mereka terdiri daripada *krom-krom* seperti berikut:

*Krom* Muang/Nakhonban atau jabatan Ibu kota yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran ibu kota dan kawasan sekeli-

<sup>6</sup> Akin *op.cit.* m.s. 66-7.

<sup>7</sup> Bagi gelaran *senahodi* kanan, lihat Thiphakorawong, *Phongsawatlan Masa Pemerintahan I*, Bangkok: Khlung-wittaya, 2505/1962, m.s. 3116-6 dan 376-382.

lingnya. Lazimnya, Menteri *krom* Muang bergelar Phraya Yommarat. Di bawahnya terdapat dua bahagian yang penting iaitu bahagian polis ataupun *kong trawen*, dan bahagian mahkamah yang mempunyai kuasa ke atas kes-kes yang berlaku di ibu kota dan kawasan sekitarnya.

*Krom* Na atau Jabatan Tanah yang diketuai oleh seorang menteri yang bergelar (Chao) Phraya Pholatheph. Tugas utamanya ialah pentadbiran tanah sawah dan kebun-kebun di seluruh negeri, serta pengurusan tanah diraja yang dikerjakan oleh *phrai luang*/ orang bebas di bawah perlindungan raja atau *that*/hamba diraja. *Krom* Na juga bertanggungjawab terhadap pengutipan cukai tanah dan kebun yang dianggap sebagai sumber pendapatan kerajaan yang penting. Oleh itu, *krom* Na mesti menggalakkan rakyat membuka tanah baru untuk pertanian supaya pendapatan kerajaan boleh bertambah. Selain itu, *krom* Na juga bertanggungjawab terhadap bekalan padi dan beras dalam jelapang diraja untuk masa perang.

*Krom* Wang atau Jabatan Istana diketuai oleh Chao Phraya Thammathikon. Tanggungjawab *krom* Wang ialah mengenai segala hal istana dan keperluan seharian diraja.

*Krom* Khlang atau Jabatan Kewangan, Perniagaan dan Hubungan Luar, berada di bawah tanggungjawab Chao Phraya Phra Khlang. Pentingnya perniagaan dan hubungan luar dalam zaman Thonburi-Bangkok menyebabkan pangkat ke atas *krom* ini dinaikkan ke taraf menteri kanan, dan, pada praktisnya setaraf dengan ke atas *krom* Kalahon dan *krom* Mahatthai.

Keempat-empat *krom*-Muang, Wang, Khlang, dan Na bersama-sama dikenali sebagai *Jatusadom* atau empat Jabatan kanan yang menjalankan tugasnya untuk menjamin ketenteraman dan undang-undang di seluruh negara.

Selain enam *krom* kanan yang semua ketuanya mempunyai pangkat sebagai *senabodi*/menteri kerajaan Siam, terdapat juga *krom* yang lebih rendah tarafnya. *Krom-krom* ini juga mempunyai tugas sebagai ejen kerajaan pusat. Antaranya, beberapa *krom* itu ialah sebahagian kecil di bawah *Jatusadom* atau *krom* Kalahom dan Mahatthai, manakala sebahagiannya adalah jabatan-jabatan di bawah raja pemerintah secara langsung. *Krom-krom* kecil yang penting termasuk juga *krom* Phra Suratsawadi atau Jabatan Pendaftaran Negeri, *krom* Lukkhun atau Jabatan Kehakiman, dan *krom* Mahatlek atau Jabatan Biduanda Diraja. *Krom* Phra Surat-

sawadi mempunyai tugas yang terpenting sekali bagi sebuah negeri yang selalu menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh seperti Siam iaitu mengemaskinikan banci *phrai* atau rakyat lelaki Thai yang bebas dan berumur di antara 18 – 60 tahun di seluruh negara. *Krom* ini juga diberi kuasa untuk menyelesaikan pergaduhan atau perselisihan antara *krom-krom* mengenai masalah *phrainya*.

*Krom* Lukkhun ialah jabatan pakar undang-undang negeri yang berasaskan konsep *Thammasat*, iaitu undang-undang Hindu-Brahmin dari India Purba. Oleh kerana itu, pegawai-pegawai *krom* Lukkhun terdiri daripada Brahmin iaitu golongan kasta pendita Hindu tertinggi yang terpelajar mengenai Phra Thammasat. Mereka-lah yang memberi tafsiran kepada semua undang-undang yang kurang jelas pengertiannya. *Krom* Mahatlek mempunyai hubungan yang rapat dengan raja pemerintah kerana Jabatan inilah yang memilih dan mentadbir pembantu-pembantu peribadi ataupun anak buah diraja. Sebenarnya, *krom* Mahatlek menawarkan peluang kepada semua pemuda daripada keluarga *khunnang* atau ahli-ahli istana dan pentadbiran negeri melalui perkhidmatan peribadi kepada rajanya. Daripada jawatan yang rendah itu, mereka mendapat peluang untuk memperbaiki kedudukan masing-masing. Contoh yang baik ialah riwayat hidup Somdet Chao Phraya Si Suriyawong yang mula berkhidmat sebagai biduanda raja.<sup>8</sup>

#### (b) Pentadbiran Wilayah

Siam dibahagikan kepada beberapa kelas wilayah untuk melicinkan pentadbiran, kecuali ibu kotanya. Dalam zaman Thonburi-Bangkok, pembahagian wilayah masih mengikut sistem yang digunakan oleh Ayudhya, iaitu sistem empat kelas wilayah.

Wilayah bertaraf kelas satu meliputi kawasan strategi keselamatan kerajaan Siam, seperti bandar-bandar besar yang terletak di kawasan berhampiran dengan negeri-negeri yang mampu mengancam kedaulatan dan kedudukan Siam. Pada zaman Bangkok awal, wilayah kelas satu hanya termasuk Nakhon Si Thammarat atau Nakhon atau Ligor di selatan, Phitsanulok di utara, dan Korat atau Nakhon Ratchasima di timur laut. Wilayah-wilayah yang mempunyai kedudukan kelas satu ini diberikan kuasa pen-

<sup>8</sup> H.G. Quaritch-Wales, *Ancient Siamese Government and Administration*, New York: Paragon Books, 1965; dan Damrong, *op.cit.*, untuk pengetahuan lanjut mengenai pentadbiran tradisional Thai.



tadbiran ke atas semua kawasan di bawahnya hampir sama seperti sebuah negeri bebas dan berdaulat. Walaupun begitu, wilayah ini dikehendaki patuh kepada perintah dan suruhan dari ibu kota dalam hal-hal tertentu, terutamanya dalam bidang hubungan luar. Wilayah kelas satu seperti Nakhon juga dibebankan dengan penyeliaan negeri-negeri naungan Siam di Tanah Melayu.

Wilayah kelas dua dan tiga, adalah mewakili kawasan atau bandar yang agak besar dan cukup maju tetapi termasuk di bawah penyeliaan ibu kota dan bertanggungjawab kepada ketua menteri Kalahom, atau Mahatthai, atau Phra Khlang. Terdapat juga wilayah kelas dua yang diletakkan di bawah penyeliaan wilayah kelas satu. Wilayah kelas dua dan tiga tidak mempunyai kuasa pentadbiran bebas tetapi mesti mengikut perintah dan suruhan penyeliaan dalam segala aspek.

Wilayah kelas empat adalah bandar-bandar kecil sekitar ibu kota dan terletak di bawah kuasa kerajaan pusat secara langsung. Kadangkala terdapat juga wilayah kelas empat yang diletakkan di bawah wilayah-wilayah yang mempunyai taraf lebih tinggi daripadanya disebabkan oleh kedekatannya kepada wilayah-wilayah itu. Wilayah kelas empat tidak mempunyai pentadbir yang berkedudukan gabenor, tetapi ditadbir oleh seorang pegawai yang bergelar *phu rang* atau pemangku pentadbir. Sebenarnya, wilayah kelas empat dianggap sebagai kawasan penampakan untuk mempertahankan ibu kota semasa berlakunya perang atau pemberontakan menyerang pusat kerajaan.

Pentadbiran wilayah diserahkan kepada seorang gabenor, yang biasanya bergelar *phraya* atau *chao phraya*, yang mempunyai *sakdina* berjumlah 800 – 1,600 rai. Gabenor dibantu oleh seorang *palat* iaitu timbalan gabenor, seorang *yok-krabat* iaitu wakil diraja yang dihantar dari ibu kota, dan sebuah majlis pegawai tempatan ataupun *krommakan muang*. Pada teorinya, semua *khunnang* dan pegawai yang mentadbir sebuah wilayah dipilih dan dilantik oleh raja di Bangkok. Tetapi, pada praktisnya, untuk menjamin keberkesanan dan ketenteraman pentadbiran wilayah, raja melantik pemimpin daripada keluarga *khunnang* tempatan yang berpengaruh menjadi gabenor, timbalan gabenor dan pegawai-pegawai yang lain. Ini disebabkan oleh kesedaran bahawa tanpa kerjasama dan pertolongan daripada pemimpin-pemimpin tempatan, Bangkok sukar menentukan suasana sosiopolitik yang tenteram dan harmoni. Pemimpin-pemimpin tempatan seperti keluarga Chao

Phraya Nakhon di Nakhon dibenarkan memilih cara dan dasar yang sesuai untuk melaksanakan suruhan ibu kota. Dari masa ke masa, Bangkok akan menghantar pegawai bertaraf kanan sebagai pesuruhjaya diraja untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah yang wujud di wilayah-wilayah itu.

Selain wilayah-wilayah kelas satu hingga empat, Siam juga menganggap tanah jajahan atau *prathetsarat* sebagai tanah kepunyaannya. *Prathetsarat* adalah negeri-negeri kecil yang berhampiran dengan Siam dan yang mengakui kedudukannya lebih rendah dalam hubungan dengan Bangkok. Sebagai negeri naungan empayar Siam, negeri-negeri tersebut terpaksa menerima beberapa syarat yang ditetapkan oleh Bangkok untuk menentukan kerjasama serta ketaatan negeri-negeri itu kepadanya.<sup>9</sup> Sungguhpun, *prathetsarat* tidak terletak di bawah pentadbiran Thai secara langsung kerana Bangkok membenarkan mereka mengekalkan sistem pentadbiran dan cara hidup mengikut kebudayaan tempatan masing-masing, tetapi tanah jajahan itu dianggap sebagai zon pertama untuk mempertahankan keselamatan dan kedudukan Siam. Oleh itu, wilayah kelas satu dibebankan dengan tugas penyeliaan tanah jajahan yang terletak berdekatan dengannya. Biarpun begitu, kuasa penyeliaannya terbatas hanya memberi amaran tentang penghantaran bunga mas dan perak ke Bangkok, menerima rayuan pada masa aman, atau menyelesaikan perselisihan di antara pihak yang saling hebat menentang satu dengan yang lain. Siam tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri satelitnya. Meskipun, *prathetsarat* dianggap sebagai zon pertama empayar Thai, Bangkok tidak melibatkan dirinya dalam hal pentadbiran negeri itu sekiranya suasana politik di situ berada dalam aman dan damai. Bangkok meletakkan tanggungjawab itu kepada pemimpin-pemimpin tempatannya masing-masing. Sekadar keadaan luar biasa iaitu semasa peperangan, atau pemberontakan, ataupun rusuhan, baharulah Bangkok memperlihatkan kuasanya dalam urusan hal-ehwal dalam negeri *prathetsarat*. Hubungan Bangkok dengan negeri naungannya bergantung pada berapa pentingnya kawasan itu kepada keselamatan dan kestabilan Siam. Hubungan itu menjadi ketat dan lebih perlu jika negeri naungan itu mempunyai nilai strategi yang tinggi kepada Siam; sebaliknya, hubungan

<sup>9</sup> Lihat Bab III. Bahagian Konsep Hubungan Tributari.

itu menjadi longgar dan kurang perlu jika negeri naungan itu tidak mempunyai atau kurang nilai strateginya.

(c) *Institusi Politik Kebangsaan*

Institusi politik tradisional Thai mewakili tiga kumpulan pemimpin masyarakat yang mempunyai peranan langsung dalam hal-ehwal negeri dan terlibat dalam proses menggubal dan melaksanakan dasar kerajaan. Institusi tersebut ialah institusi perajaan atau mahkota, golongan *chao* putera dan ahli-ahli kerabat diraja, dan golongan *khunnang*/bangsawan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai *sakdina* berjumlah 400 rai dan ke atas.

**Institusi Perajaan/Mahkota**

Secara sepintas lalu, dengan mengkaji nama raja Siam sahaja kita akan mengetahui betapa meluasnya kuasa dan kedudukan raja yang tidak dapat dibandingkan. Biasanya Raja Siam bergelar *Chao Phaendin*/Yam Tuan Tanah, dan *Chao Chiwit*/Yam Tuan Nyawa. Menurut Undang-undang Tiga Tera, kedudukan raja dijelaskan bahawa:

"Semua tanah di seluruh negeri Krung Thep Phra Mahanak-hon Sri Ayudhya <iaitu Siam> adalah hak kepunyaan Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah. Walaupun rakyat jelata dibenarkan mendiami tanah-tanah itu, tetapi tanah-tanah yang berkenaan bukan kepunyaan mereka."<sup>10</sup>

Oleh kerana tanah merupakan sumber penting keperluan ekonomi masyarakat, rang undang-undang ini menegaskan kuasa raja ke atas nyawa dan harta rakyat baginda. Walau bagaimanapun, kuasa mutlak dilembutkan oleh ajaran agama Buddha. Konsep politik itu melarang raja melakukan sesuatu yang tidak adil atau kejam terhadap rakyat dan golongan bangsawannya. Pada asasnya, ajaran agama Buddha memainkan peranan yang membina kepada institusi perajaan kerana agama Buddha dapat membantu raja memerintah dengan adil dan bertanggungjawab. Misalnya, Rama I menge-sahkan tanggungjawab baginda dalam upacara pertabalannya.

<sup>10</sup> Krom Silapakon, *Kod Undang-undang Tiga Tera*, Buku III, Bangkok: Kurusabha, 2506/1963, m.s. 115.

"Wahai Brahim, dengan tanggungjawab beta kepada pentadbiran kerajaan Siam, beta akan memerintah negeri ini supaya rakyat dapat hidup dalam suasana tenteram dan makmur. Beta akan melindungi rakyat dan harta benda mereka. Sebagai raja pemerintah, beta memberikan pertahanan, perlindungan, serta pertolongan yang sewajar kepada engkau semua. Percayalah kepada beta, hidup akan jadi selesa."<sup>11</sup>

Ternyata bahawa walaupun institusi diraja mempunyai kuasa mutlak ke atas masyarakat dan rakyatnya, tetapi dengan kemunculan ideologi politik Taksin dan Rama I, kuasa mutlak raja diluakkan dengan konsep *dharma-raja*.<sup>12</sup> Institusi perajaan zaman Bangkok awal mempunyai kuasa tertinggi kerana rajanya merupakan pemimpin yang berkebolehan dan bermoral tinggi. Implikasinya, jikalau raja tidak mempunyai sifat-sifat itu, kedudukan peribadi baginda akan terjejas, dan keadaan ini akan memberi peluang kepada calon-calon yang lebih layak daripada baginda. Dilihat dari suatu penjuru, konsep itu menguatkuasakan kedudukan seseorang raja, tetapi dari suatu penjuru lagi konsep ini melemahkan kedudukannya iaitu apabila raja tidak mempunyai kebolehan peribadi yang sewajarnya ataupun kurang karismanya. Kestabilan dan keselamatan negeri sangat bergantung pada kebolehan peribadi seseorang raja pemerintah. Dalam suasana politik yang sedemikian, terdapat cabaran sulit dan terbuka, yang nampaknya diterima kerana itu adalah suatu aspek semulajadi ideologi politik Bangkok menentang institusi perajaan. Meskipun pada sepanjang zaman tradisional itu, Siam diperintah oleh raja-raja yang berkebolehan, tetapi institusi perajaan selalu menghadapi ancaman hebat daripada pesaing-pesaing dalam negeri. Misalnya, persaingan *bun haramii* yang berlaku antara Rama I dan adiknya, Wang Na. Persaingan ini menyebabkan keadaan politik mengancam kestabilan negeri.<sup>13</sup> Sebenarnya, persaingan politik antara raja pemerintah dan Wang Na merupakan aspek politik biasa dari zaman Rama I

<sup>11</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan I*, *op.cit.*, dipetik daripada Putera Dhani, "The Reconstruction of Rama I of the Chakri Dynasty" *JSS*, Selected Articles, vol. 4, 1959, m.s. 138 - 265.

<sup>12</sup> Lihat Bab I.

<sup>13</sup> Nidhi Aepsvivongse, *A Dialogue of Two Thai Historians*, tidak diterbitkan 1984; Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan I*, yang belum diselenggarakan, Bangkok, tiada tarikh.

hingga semasa pemerintahan Chulalongkorn. Hanya Rama II dan Wang Na Senanurak sahaja yang dapat mengekalkan keharmonian dalam hubungan politik mereka.

Ringkasnya, institusi perajaan Siam zaman tradisional mempunyai kuasa dalam segala aspek kehidupan rakyatnya. Pada teorinya, punca kuasa mutlak itu ialah kebolehan dan akhlak peribadi seseorang raja pemerintah. Pada praktiknya, raja perlu berunding dengan pembesar-pembesarnya untuk menjamin kuasa dan kedudukan baginda. Konsep *dharmaraja* pun melembutkan kekejaman yang boleh muncul akibat salah guna kuasa mutlak raja. Dengan itu, institusi diraja merupakan institusi politik yang kuat dan berkesan.

#### Anggota Keluarga Diraja/Golongan *Chao*

Susun pangkat ahli-ahli kerabat diraja boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *Chao Fa*, *Phra Ong Chao*, dan *Mom Chao*. Walau bagaimanapun, kita patut ingat bahawa sebenarnya terdapat lima gelaran untuk keturunan raja iaitu *Chao Fa*, *Phra Ong Chao*, *Mom Chao*, *Mom Ratchawong*, dan *Mom Luang*. Dua gelaran yang terakhir itu tidak bertaraf *chao*. Biasanya, *Chao Fa* adalah putera raja pemerintah dengan permaisurinya, manakala *Phra Ong Chao* adalah putera raja dengan gundiknya, atau putera kepada Wang Na, ataupun putera kepada *Chao Fa* dengan isterinya yang berkedudukan *Chao*. *Mom Chao* adalah anak *Chao Fa* dengan isteri yang tidak berkedudukan *chao*, atau anak kepada *Phra Ong Chao*. Suatu aspek yang patut difahami ialah susun pangkat kerabat diraja ini sentiasa menurun pangkatnya. Dalam lima generasi keturunan raja akan hilang taraf bergelarnya dan menjadi orang biasa. Selain itu, hubungan peribadi seorang putera dengan raja pemerintah juga selalu disebutkan dalam nama penuhnya. Misalnya, seorang anak raja disebutkan namanya < Somdet > *Phra Chao Luk-thoe*; seorang kekanda raja < Somdet > *Phra Chetthathirat/Anuchathirat*; cucunda raja < Somdet > *Phra Chao Lan-thoe*. Jadi nama penuh Rama III semasa pemerintahan ayahanda baginda ialah *Phra Chao Luk-thoe Krommuen Chetsadabodin*.

Selain gelaran *chao* iaitu *yot* yang berpunca daripada kelahiran ataupun talian darahnya seperti yang telah diterangkan di atas, seorang putera dapat meninggalkan kedudukannya lagi dengan

berkhidmat kepada rajanya. Gelaran yang diberikan kepada seorang putera mengikut jawatan yang disandangnya yang dikenali sebagai *sak* atau *bandasak*. Untuk *Chao* gelaran jawatan yang terpenting ialah Phra Maha Upparat atau Putera Wang Na yang gelaran penuh ialah Krom Phra Ratcha Wang Bowon Sathan Mongkon. Jawatan Putera Wang Na ialah jawatan pewaris takhta Siam dalam zaman tradisional. Mengikut adat, adik atau anak lelaki raja pemerintah sahaja yang akan dilantik memegang jawatan tertinggi itu.<sup>14</sup> Satu lagi jawatan *chao* penting ialah jawatan Putera Wang Lang atau Krom Phra Ratcha Wang Bowon Sathan Phimuk. Putera Wang Lang, ialah pangkat yang ketiga dalam susun-pangkat diraja, selepas raja dan Wang Na. Biasanya, jawatan ini dianugerahkan kepada seorang putera yang berkebolehan dalam sesuatu perkara. Misalnya, Rama I melantik seorang anak saudara baginda menjadi Wang Lang disebabkan oleh peranan putera itu dalam perjuangan merebut takhta bagi Rama I.

Putera-putera yang dilantik memegang *krom* dianggap sebagai ahli-ahli tertinggi kerabat diraja dan mempunyai pangkat lebih tinggi daripada *chao* yang tidak memegang *krom*. Susun pangkat *krom bandasak* golongan putera adalah seperti berikut: krom phraya, krom phra, krom luang, krom khun, dan krom muen. Walau bagaimanapun, sepanjang zaman Bangkok awal, biasanya pangkat krom luang, krom khun, dan krom muen dianugerahkan kepada seseorang. Krom Phra dihadkan kepada kedua-dua Krom Phra Ratcha Wang Bowon dan dua orang kakanda Rama I sahaja. Contoh nama penuh seorang putera yang memegang *krom* ialah Somdet Phra Anuchathirat Chao Fa Krom-khun Itsaretrangsarn.

Bagi penjelasan lanjut mengenai susun pangkat golongan *chao* senarai *yot* serta *sakdina* diberikan seperti berikut:

Yot	Sakdina
Raja	tidak dapat dikira
Upparat/Wang Na	100,000
Chao Fa (adik atau putera raja yang memegang <i>krom</i> )	40,000 – 50,000

<sup>14</sup> Kecuali Rama III yang melantik bapa saudaranya, iaitu Putera Sakdipholasaph, seorang anak Rama I, menjadi Wang Na baginda, mungkin disebabkan oleh Rama III tidak mempunyai adik kandungnya sendiri dan juga baginda dan Putera itu adalah sekutu politik dan ekonominya sejak zaman Rama II.

Chao Fa (tanpa <i>krom</i> )	15,000 – 20,000
Phra Ong Chao (adik raja, ibu berlainan, dan putera raja yang memegang <i>krom</i> )	15,000
Phra Ong Chao (anak Chao Fa) yang memegang <i>krom</i>	11,000
Phra Ong Chao (adik raja, tanpa <i>krom</i> )	7,000
Phra Ong Chao (anak raja, tanpa <i>krom</i> )	6,000
Phra Ong Chao (anak Chao Fa tanpa <i>krom</i> )	4,000
Mom Chao	1,500 <sup>15</sup> .

Semasa pemerintahan Rama II, golongan *chao* diberi peluang besar dalam bidang pentadbiran negeri. Beberapa orang putera dilantik menjadi pengawas *krom-krom* pentadbiran. Langkah baru ini meningkatkan lagi kuasa dan pengaruh seorang putera yang mendapat perlantikan tersebut. Mereka boleh membuat hubungan politik dengan *khunnang* untuk kepentingan dirinya sendiri. Contoh yang baik ialah perlantikan Putera Tab atau Krommuen Chetsadabodin sebagai pengawas Krom Tha/Bahagian Pelabuhan dan Perniagaan. Dengan sokongan kuat daripada ketua Krom Tha, iaitu Phraya Phra Khlang (Dit) dan keluarganya Putera Tab telah dipilih oleh Majlis Negara sebagai pengganti Rama II pada tahun 1824. Sebenarnya, golongan *khunnang*lah yang mendapat keuntungan besar daripada pembaharuan pentadbiran Rama II. Mereka dapat memainkan peranan sebagai pelatih atau pemecah raja. Dengan kejayaan calon yang disokongnya, *khunnang* dapat meluaskan lagi kuasa dan pengaruhnya.

Sepanjang zaman Bangkok awal, golongan *chao* yang dilihat oleh Rama II sebagai penyokong institusi perajaan untuk mengawal golongan *khunnang*, secara perlahan-lahan kuasa dan pengaruhnya berpindah kepada *khunnang* disebabkan tiada kerjasama sebagai satu golongan yang bersatu. Mungkin hakikat bahawa

<sup>15</sup> Akin *op.cit.*, m.s. 113.

sebahagian besar zaman Rama II dan Rama III, tiada Putera Wang Na, iaitu ketua rasmi golongan putera, untuk memimpin golongan *chao* merupakan suatu sebab asas kegagalan golongan *chao* dalam hubungannya dengan *khunnang*. Kesannya, setiap orang putera terpaksa berusaha mempertahankan kedudukannya sendiri ataupun kekuatan kuncunya dengan apa cara sekalipun untuk mengatasi kuncu-kuncu putera yang lain. Contoh yang baik bagi menggambarkan keadaan ini ialah penentangan pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama II antara kuncu Putera Chetsadabodin dan kuncu Putera Mongkut yang diketuai oleh Putera Phitakmontri menang dengan pertolongan golongan *khunnang* di bawah kepimpinan keluarga Bunnag. Sebenarnya, boleh dikatakan bahawa selepas kemangkatan Rama III tahun 1851, golongan *chao* tidak mampu menentang golongan *khunnang*. Dilaporkan bahawa Mongkut tidak ingin menentang hasrat Chao Phraya Si Suriyawong (Chuang Bunnag), yang pada masa itu adalah pemimpin utama golongan *khunnang* apabila Si Suriyawong kononnya menasihatkan baginda melantik putera sulung kepada Wang Na sebagai Wang Na kepada anak baginda kemudiannya.<sup>16</sup> Ternyata bahawa pada tahun 1868, *khunnang* menjadi golongan yang mempunyai kuasa politik paling besar di antara ketiga-tiga institusi politik Siam. Sebaliknya, golongan *chao* telah hilang kemunasabahan-nya di gelanggang politik kebangsaan Thai.

### Golongan *Khunnang*/Bangsawan

Mengikut senarai susun pangkat *sakdina* yang ditetapkan dalam Kod Undang-undang Tiga Tera, seorang *khunnang*/bangsawan ialah pegawai kerajaan yang mempunyai *sakdina* (atau jumlah tanah yang dibenarkan dipunyai oleh seseorang)/tanda taraf sosialnya berjumlah 400 rai dan ke atas.<sup>17</sup> Pada teorinya, golongan *khunnang* merupakan kelas terbuka kepada semua rakyat yang telah membuktikan kebolehan ataupun kemahirannya dalam sesuatu bidang. Mereka akan diserapkan ke dalam perkhidmatan diraja. Pada praktisnya, golongan *khunnang* menerima "pendatang baru" hanya dalam keadaan luar biasa seperti masa peperang-

<sup>16</sup> Putera Damrong-rajanubhab, *Phongsawadan Masa Pemerintahan V*, Bangkok: Kurusabha, 2504/1961, m.s. 111 - 2.

<sup>17</sup> Lihat di bawah untuk penjelasan mengenai *sakdina*; satu rai = 2.2 acre.



an, atau penubuhan dinasti baru. Pada masa yang lain, *khunnang* menggalakkan ahli-ahli muda keluarga *khunnang* sahaja memasuki kelasnya. Mereka juga menjalankan langkah-langkah yang menguatkan kedudukan serta kerjasama di antara mereka seperti perkahwinan dan ahli kerabat diraja ataupun dengan ahli keluarga *khunnang* sama *khunnang*, menapis sistem memilih calon-calon bi-duanda diraja untuk menentukan yang ahli-ahlinya sahaja yang layak, dan sebagainya.

Boleh dikatakan bahawa sejak penubuhan Thonburi-Bangkok, golongan *khunnang* telah memainkan peranan yang semakin berpengaruh dalam bidang politik dan ekonomi. Perkembangan ini tidaklah memeranjatkan pesara dengan sokongan yang kuat daripada golongan *khunnang* membolehkan Chakri menewaskan Taksin dan menggantikannya sebagai raja pemerintah Siam pada tahun 1782. Walaupun Rama I dapat mengawal peranan dan pengaruh *khunnang* sepanjang waktu pemerintahan baginda, tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa dasar Rama I untuk mengeratkan hubungan peribadi antara raja dan *khunnang* kanannya, iaitu dasar penggalakan perkahwinan antara raja atau putera-putera dengan ahli-ahli keluarga *khunnang* sebaliknya meningkatkan kedudukan *khunnang* dalam hubungannya dengan golongan *chao* dan raja sendiri. Misalnya, apabila Rama I menerima seorang gadis daripada keluarga Gabenor Nakhon akhirnya menolong keluarga *khunnang* itu mencapai kemuncak kedudukan politik wilayahnya apabila ketua keluarganya itu, Chao Phraya Nakhon (Noi), dapat mentadbir wilayah selatan Siam dan negeri-negeri Melayu di bawah tanggungjawabnya tanpa sebarang campur tangan dari Bangkok. Seperti yang telah dibincangkan, zaman Rama II merupakan masa di mana *khunnang* boleh mengeksploitasikan keadaan politik untuk mengukuhkan peranan dan kuasa golongannya.

Dit dan Tat Bunnag, iaitu dua orang adik beradik, muncul sebagai pemimpin golongan *khunnang* kerana mempunyai hubungan darah dengan dinasti Chakri. Mereka adalah anak kepada Chao Phraya Maha Sena (Bunnag), Samuha Kalahom kepada Rama I, dengan isterinya, Nuan, adik kandung permaisuri Rama I. Dit dan Tat adalah sepupu Rama II, rajanya. Oleh itu Rama II percaya dengan ketaatan mereka dan meletakkan mereka di jabatan-jabatan yang penting. Adik beradik Bunnag juga pandai melayan raja dan putera-putera kanan. Dengan sikap yang bijaksana itu

mereka berjaya meningkatkan kedudukan keluarga Bunnag yang muncul menjadi keluarga utama golongan *khunnang* pada akhir masa pemerintahan Rama III. Kedua-duanya dianugerahkan gelaran baru yang tertinggi oleh Mongkut sebagai penghargaan baginda kepada perkhidmatan Dit dan Tat. Dit dinaikkan pangkat menjadi Somdet Chao Phraya Borom Maha Prayurawong, dan adiknya, Tat, juga dinaikkan pangkat menjadi Somdet Chao Phraya Borom Maha Phichaiyat. Kedua-dua gelaran sama taraf dengan saudaramara kanan kepada raja. Gelaran *bandasak* Somdet Chao Phraya tidak pernah wujud dalam zaman Bangkok awal sebelum pemerintahan Raja Mongkut. Ini mencerminkan betapa mulia dan tingginya kedudukan *khunnang* itu.

Di bawah kepimpinan keluarga Bunnag sejak masa pemerintahan Rama II, *khunnang* semakin menambahkan kuasa dan pengaruhnya, terutamanya dalam bidang politik dan ekonomi. Menurut Burney, Phraya Phra Khlung (Dit) adalah seorang yang paling kaya di Siam. Pada masa awal pemerintahan Rama III, Si Suriyawong (Chuang), anak sulung Dit, dilantik menjadi pemangku raja kepada Chulalongkorn yang masih muda umurnya pada tahun 1868. Si Suriyawong telah memarahi Putera Worachak, anak Rama II dan pada masa itu putera kanan golongan *chao*, kerana putera itu cukup berani menentang hasratnya.<sup>18</sup>

Seperti golongan *chao*, *khunnang* juga mempunyai susun pangkatnya yang ditetapkan oleh Kod Undang-undang sejak zaman Ayudhya. Susun pangkat *khunnang* boleh dijelaskan daripada dua aspeknya iaitu aspek pangkat/*yot*, dan aspek *ratchathinnanam* ataupun nama/gelaran yang diberikan oleh raja.

Pangkat/*yot* ialah hierarki *khunnang* mengikut kekananan dan pencapaiannya dalam perkhidmatan untuk kerajaan. *Yot khunnang* adalah berbeza dengan *yot* golongan putera yang berkait dengan kelahiran masing-masing. Terdapat tujuh peringkat *yot khunnang* dalam zaman Bangkok awal, iaitu Chao Phraya, Phraya, Phra, Luang, Khun, Muen dan Phan.

Gelaran/*ratchathinnanam* ialah nama yang dianugerahkan oleh raja kepada seorang bangsawan. Biasanya, gelaran yang diberikan itu selaras dengan tugas atau jawatan yang diuruskan oleh seseorang bangsawan tersebut. Misalnya, *senabodi/menteri* krom Muang, diberi nama Yommarat, ketua *krom* Tha ialah Kosatho-

<sup>18</sup> M.R. Kukrit Pramoj. *Tulang Rangka Dalam Almari*, Bangkok, 1974, 43-47.

bodi, ketua *krom* Na ialah Pholthep, dan sebagainya. Jika ketua *krom* Tha berpangkat phraya, nama penuhnya ialah Phraya Kosathibodi; jika beliau dinaikkan pangkat menjadi chao phraya, nama penuhnya ialah Chao Phraya Kosathibodi.

Sepertimana yang kita akan lihat kemudiannya, semua rakyat Siam mempunyai *sakdina*, iaitu tanda taraf sosial seseorang mengikut undang-undang Hierarki Awam dan Hierarki Tentera dan Kewilayahan dalam Kod Undang-undang Tiga Tera. *Sakdina* golongan *khunnang* ditentukan oleh *yotnya*, semakin tinggi *yot* seseorang *khunnang*, semakin besar *sakdinanya*.

<i>Yot</i>	<i>Sakdina</i>
Somdet Chao Phraya	30,000
Chao Phraya	10,000
Phraya	1,000 – 10,000
Phra	1,000 – 5,000
Luang	800 – 3,000
Khun	200 – 1,000
Muen	200 – 800
Phan	100 – 400 <sup>19</sup>

Bagi golongan bangsawan, jawatan yang tertinggi sekali ialah jawatan *akkra-maha-senabodi* atau ketua *senabodi* kanan. Chao Phraya Mahasenabodi Samuha Kalahom dan Chao Phraya Chakri Samuha Nayok adalah pegawai kanan kerajaan Thai yang memegang jawatan *akkra-maha-senabodi* tersebut.

### III. Struktur Sosial Masyarakat

Pada asasnya, masyarakat tradisional terdiri daripada empat golongan sosial iaitu *nai*, *phrai*, *that* dan *sangha*. Tetapi sejak zaman Taksin yang membuktikan perkembangan pesat perniagaan sebagai cara memulihkan ekonomi dan kuasa Siam, muncullah juga masyarakat orang Cina di Thonburi-Bangkok. Jumlah penduduk Cina semakin bertambah apabila wujudnya keperluan tenaga mahir dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, perkapalan,

<sup>19</sup> *Kod Undang-undang Tiga Tera, op.cit.*, buku 1.

kewangan, dan perindustrian. Pada akhir masa pemerintahan Rama III, masyarakat Cina memainkan peranan penting dalam ekonomi Siam.

#### (a) *Phrai*

Sebelum kita membincangkan tentang *nai-phrai-that*, perlu kita memahami dahulu sistem *sakdina* yang digunakan di Siam untuk menentukan kedudukan sosial rakyatnya masing-masing. *Sakdina* bererti kedudukan seseorang yang ditunjukkan dengan jumlah tanah yang dimilikinya. Tetapi pada praktiknya, *sakdina* hanya merupakan tanda kebesaran seseorang dan tidak bermakna bahawa seseorang mesti mempunyai tanah mengikut *sakdinanya*. Ia juga merupakan kayu ukur sosial yang tepat dan jelas. Boleh dikatakan bahawa *sakdina* sebagai "buku panduan" kepada perhubungan sosial di kalangan rakyat dan di antara dua orang yang berlainan *sakdinanya*.

*Phrai* ialah golongan rakyat lelaki yang bebas dan mempunyai *sakdina* tidak kurang daripada 10 rai dan tidak melebihi 25 rai, manakala *nai* ialah golongan pemimpin masyarakat yang mempunyai *sakdina* tidak kurang daripada 400 rai. Mereka terdiri daripada golongan *khunnang* dan *chao*.

Ternyata bahawa kewujudan *sakdina* dan sistem *nai-phrai-that* mengesahkan keadaan sosial yang tidak mempunyai persamaan. *Phrai* dikehendaki mendaftarkan diri dengan seorang *nai* atau pegawai *krom* Suratsawadi. Biasanya, *phrai* bertugas dengan *nainya*, mengikut suruhan *nai* masing-masing. Nampaknya, sistem *phrai-nai* ini berasaskan keperluan masyarakat dalam masa peperangan yang terpaksa melengkapkan pasukan tentera untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negeri secara mendadak dan dengan cekap. Dengan meletakkan *phrai* di bawah *nai* yang secara automatik menjadi ketua bahagian tentera pada masa berlaku peperangan, juga bermakna bahawa *nai-nai* tersebut mesti mengumpulkan *phrainya* untuk menjadi tentera. Sememangnya *nai* merupakan pihak yang sesuai menjalankan tugas itu kerana mereka tahu tentang semua gerakan *phrainya*. Jadi Siam dapat menubuhkan satu pasukan tentera dalam waktu yang singkat untuk mempertahankan kepentingan negerinya. Selain keperluan waktu peperangan ataupun waktu huru-hara yang memberi kuasa kepada *nai* ke atas *phrai*, terdapat juga keperluan masa aman

apabila pihak berkuasa terpaksa mengawal tenaga buruh negeri untuk pelbagai perkhidmatan, terutamanya dalam bidang ekonomi. Jelas bahawa golongan *nai* memerlukan tenaga buruh *phrai* mereka untuk mengerjakan tanah dan melayan keperluan sosiopolitik yang lain. Tanpa sistem kawalan *phrai* yang ketat dan berkesan Siam mungkin tidak boleh memainkan peranan sebagai kuasa besar di rantau ini, bahkan tidak boleh mengekalkan sistem ekonomi cukup untuk kepentingan sendiri. Pentingnya *phrai* kepada *nai* dapat dilihat dengan meneliti beberapa undang-undang zaman Thonburi-Bangkok. Misalnya, Taksin, cuba menyelesaikan masalah culik-menculik *phrai* yang telah menjadi masalah besar di kalangan *nai* dengan menggubal satu rang undang-undang pada tahun 1774 yang mensyaratkan bahawa:

“ pegawai pendaftar yang berkenaan >diarahkan mencacah <tattoo> nama *muang*/bandar dan nama *munnai*nya di pergelangan tangan semua *phrai* dan askar supaya mereka dapat berkhidmat untuk negara....<sesiapa> yang berani membuat cap palsu atau mencuri cap kerajaan untuk mencacah <*phrai*> mengikut suka hatinya...akan dihukum mengikut rang undang-undang mengenai penipuan *phrai* iaitu dikenakan hukuman mati seluruh keluarganya...”<sup>20</sup>

Pada zaman Thonburi-Bangkok, *phrai* boleh dikelaskan kepada tiga kumpulan iaitu *phrai luang*, *phrai som* dan *phrai suai*.

*Phrai luang* ialah *phrai* di bawah raja secara rasmi. Maksudnya, raja pemerintah menjadi *nai* mereka. Walau bagaimanapun, pada praktiknya, raja menyerahkan *phrai luang* kepada seseorang *chao* atau *khunnang* yang menguruskan hal pentadbiran *krom-krom*. Oleh itu, secara tidak rasmi, *chao* dan *khunnang* tersebut menjadi *nai phrai luang* juga. *Phrai luang* dikehendaki berkhidmat kepada rajanya walaupun mereka di bawah *nai* yang lain. Khidmat itu dikenali sebagai *ratchakan* ataupun *corvee* yang tempohnya selama enam bulan dalam setahun pada masa pemerintahan Taksin. Pada zaman Rama I, khidmat ini dikurangkan menjadi empat bulan sahaja, dan Rama II mengisytiharkan yang *phrai luang* hanya perlu berkhidmat sebagai *ratchakan/corvee* selama tiga bulan sahaja.<sup>21</sup> Jadi sejak pemerintahan Rama II, *phrai luang* tetap

<sup>20</sup> *Ibid.*, buku V, m.s. 95 – 6.

<sup>21</sup> Kachorn Sukhbanij. “Kedudukan Phrai”, dalam *Butir-butir Zaman Lampau*, Bangkok: khledthai, 2518/1975, m.s. 45 – 77.

berkhidmat untuk rajanya selama tiga bulan dalam setahun. Dengan penukaran tempoh *ratchakan* itu, *phrai luang* dapat bekerja untuk *nai* satu bulan dan balik ke tempat kediamannya untuk menguruskan hal-hal peribadinya selama tiga bulan; selepas itu, mereka balik bekerja untuk *nai* sebulan lagi sebelum dapat pulang bekerja untuk keluarganya. Bentuk perkhidmatan *phrai luang* ini dijalankan bergilir-gilir sehingga tamatnya tempoh setahun. Oleh itu, perkhidmatan *ratchakan phrai luang* disebut oleh rakyat sebagai "masuk sebulan, keluar tiga bulan".

Selain membuat *ratchakan* untuk raja, *phrai luang* juga dikehendaki bekerja untuk *chao* atau *khunnang* yang bertanggungjawab terhadap kebajikan mereka. Jelaslah bahawa beban kerja *phrai luang* sangat berat. Ini dapat dilihat daripada perbandingan kadar pembayaran yang diperlukan oleh mereka untuk menggantikan *ratchakan* kepada raja dengan kadar bayaran *phrai som* atau *that*:

<i>phrai luang</i>	18 bath setahun (atau 6 bath sebulan)
<i>phrai som</i>	6 bath setahun
<i>that</i>	1.50 bath setahun.

*Phrai som* ialah *phrai* yang berdaftar dengan putera atau *khunnang* secara rasmi. Pada asasnya, semua rakyat lelaki adalah *phrai luang*, tetapi mereka dianugerahkan oleh raja untuk menjadi "orang"/*lek* seseorang *chao* atau *khunnang*. Biasanya, keadaan ini berlaku apabila terdapat penubuhan *krom* yang baru untuk seorang putera atau puteri, atau apabila raja ingin menghadiahkan kepada *khunnang* atau putera kerana perkhidmatan cemerlang mereka. *Phrai luang* menjadi *phrai som* atau *lek* kepada *nainya*.

*Phrai som* juga dikehendaki membuat *ratchakan/corvee* untuk raja, tetapi tempoh perkhidmatannya hanya sebulan sahaja dalam setahun. Tugas pentingnya ialah bekerja kepada *nainya*. Yang membezakan antara *phrai som* daripada *phrai luang* yang juga menjadi tanggungan seorang *nai* ialah selagi *nai* itu memegang jawatan tertentu dalam sistem pentadbiran, *phrai luang* kekal di bawah kuasanya. Tetapi jika *nai* itu bersara ataupun tidak lagi berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan, *phrai luang* di bawahnya berhenti jadi *leknya*. Bagi *phrai som*, mereka selalu kekal sebagai *lek nainya* sepanjang umur *nai* dan kadang-kadang diwarisi oleh keluarga *nai* itu. Sebenarnya, *phrai som* dianggap sebagai sebah-

gian daripada harta milik seseorang *nai* yang akan diwarisi oleh anak cucunya. Walaupun begitu, terdapat juga perubahan kedudukan *phrai som* yang dapat kembali menjadi *phrai luang*. Contohnya, *phrai som* Putera Wang Na biasanya dimasukkan semula dalam perkhidmatan raja selepas kemangkatan putera itu. *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama IV* mencatatkan yang semua *phrai som* Putera Pinklao iaitu Wang Na kepada Mongkut, ditukar tarafnya dan menjadi *phrai luang* semula selepas kemangkatan putera tersebut. Dasar ini menjadi kebiasaan pada masa pemerintahan Chulalongkorn. Selepas kematian Si Suriyawong, Putera Wang Na Wichaichan, dan Putera Bamrabparapak pada tahun 1882 – 86, semua *phrai som* mereka dimasukkan semula dalam perkhidmatan istana dan menjadi *phrai luang*.

*Phrai suai* ialah *phrai luang* yang didaftarkan di wilayah yang jauh dari ibu kota. Oleh itu, sukarlah bagi mereka jika raja meminta perkhidmatan *phrai* itu di ibu kota setiap kali tibanya masa membuat *ratchakan*. Untuk menolong *phrai luang* yang tempat kediamannya jauh dari ibu kota dan kawasan sekelilingnya, mereka diberi tugas mencari bahan-bahan, biasanya bahan mentah penghasilan kerja *phrai* dan hasil dari hutan untuk dijual dan menghantarnya ke ibu kota. Bahan-bahan, yang diperlukan itu dinamakan *suai* dan dianggap sebagai ganti kepada perkhidmatan *ratchakan/corvee* seseorang *phrai*.

### (b) *Nai/Munnai*

Pada umumnya, *nai/munnai* adalah golongan *chao* dan *khunnang* yang mempunyai *sakdina* 400 rai dan ke atas. Quaritch Wells telah menerangkan mengenai hubungan antara besarnya *sakdina* seseorang *nai* dengan bilangan *phrai* di bawahnya. Seorang *nai* boleh mendaftar *phrai* dengannya mengikut *sakdina nai* itu. *Nai* yang mempunyai *sakdina* paling rendah iaitu 400 rai dibenarkan mendaftar *phrai* seramai 16 orang. Quaritch Wells menjelaskan bahawa bilangan *phrai* itu dikira daripada *sakdina phrai* iaitu 25 rai dan jumlah *sakdina* seseorang *nai* yang terlibat. Jadi  $400/25 = 16$ . *Nai* yang mempunyai *sakdina* 400 rai boleh mendaftar 16 orang *phrai* sebagai tanggungannya.<sup>22</sup> Ini bererti bahawa semakin tinggi *sakdina* seseorang *nai* semakin ramai pula bilangan *phrai* yang dikawalinya. Ingat bahawa selalu wujud keperluan tenaga buruh di

<sup>22</sup> Quaritch-Wales, *op.cit.*

Siam disebabkan oleh kekurangan tenaga manusia untuk mengerjakan tanah *nai* dan untuk mempertahankan kedaulatan negeri, nilai *nai* yang mempunyai ramai orang *phrai* di bawahnya mestilah tinggi dari segi politik, tentera dan ekonomi. Sebenarnya, kekuatan politik dan kekayaan ekonomi *nai* berkait rapat dengan jumlah *phrainya*. Oleh kerana itu, setiap orang *nai* selalu berusaha untuk mengukuhkan kedudukan rasminya supaya pangkat dan *sakdina*-nya dapat meningkat. Dengan penambahan *sakdina*, *nai* dapat menambahkan *phrai* yang dikawalinya. Dengan *phrai* itu, ia dapat meluaskan kuasa ekonomi dan politiknya. Tidak hairanlah jika terdapat persaingan hebat di kalangan *nai* untuk menambahkan *phrai* mereka masing-masing sambil mencegah "kebocoran" tenaga buruh di bawah kawalannya.

Tanggungjawab *nai* yang perlu dilakukan terhadap *phrainya* dapat dilihat melalui undang-undang yang menerangkan tentang nasib seseorang rakyat yang tiada mempunyai *nai* untuk melindunginya. *Phrai* tanpa *nai* dianggap oleh undang-undang sebagai penjenayah atau orang buangan masyarakat. Dia tidak mempunyai apa-apa hak dan harta. Dia juga boleh dibunuh sewenang-wenangnya tanpa dilindungi oleh undang-undang. Ini disebabkan oleh kegagalan rakyat itu mendapatkan seorang *nai* bagi melindunginya untuk menentang segala kejahatan yang dilakukan ke atas diri ataupun harta bendanya. *Nai* merupakan satu-satunya tempat bagi rakyat memperoleh pertolongan, perlindungan masyarakat serta hak-hak peribadinya mengikut undang-undang. Satu cara untuk membetulkan keadaan *phrai* tanpa *nai* adalah seperti berikut:

"Apabila seseorang *phrai* mengambil tindakan undang-undang menentang sesiapa pun; jikalau dia belum lagi mendaftar dengan seorang *munnai*, janganlah membicarakan kesnya ataupun memberi pendapat <terhadap kes itu>. Hantar *phrai* itu kepada *Satsadi*/Pendaftar supaya dia dapat mendaftar dirinya sebagai orang kepunyaan raja <*phrai luang*> dahulu."<sup>23</sup>

Oleh kerana *nai* bertanggungjawab terhadap *phrainya* dalam semua aspek kehidupan *phrai* itu dalam masyarakat, terutamanya terhadap tugas-tugas *phrai* kepada negeri dan raja. Selain itu *nai* juga dikehendaki mengawal kegiatan *phrai* dengan berkesan.

<sup>23</sup> *Kod Undang-undang Tiga Tera*, op.cit., buku II, m.s. 27-67.



Apabila berlakunya sesuatu peristiwa untuk menggunakan khidmat *phrai*, *nai* mestilah mempersembahkan *phrai-phrainya* ke pihak berkuasa yang berkenaan secepat mungkin. Misalnya, kehadiran *phrai* semasa berlaku peperangan. Jika *nai* gagal berbuat demikian, beliau akan dikenakan salah satu daripada lapan hukuman berat yang ditetapkan dalam Kod Undang-undang Tiga Tera.<sup>24</sup> *Nai* juga bertanggungjawab terhadap kebajikan *phrai* dan keluarganya. Sebenarnya, *nai* dikehendaki membantu *phrai* menyelesaikan segala masalah yang timbul daripada hubungan *phrai* dengan orang lain atau dengan institusi dalam masyarakat. Contohnya, *nai* terpaksa menentukan kehadiran *phrainya* di mahkamah jika perlu. Kegagalan *nai* dalam hal seperti ini akan menyebabkannya dikenakan hukuman berat.

"Kalau terjadinya pergaduhan di antara dua orang *Phrai*, pegawai kehakiman dikehendaki menghantar surat kepada *nai-nai* yang terlibat supaya mereka membawa *phrai* yang berkenaan ke mahkamah....*Munnai* yang menyedari bahawa *phrainya* dikenakan saman tetapi membuat alasan bagi pihak *phrainya* bahawa *phrai* itu adalah dalam waktu membuat *rat-chakan* untuk Duli Yang Maha Mulia...jikalau selepas penyiasatan didapati bahawa alasan itu tidak betul, mengikut undang-undang, kegiatan *nai* itu melanggar perintah diraja dan bertujuan untuk melambatkan kes itu sahaja. Keputusan akan dibuat yang *phrai* itu adalah salah dari sisi undang-undang; *nai* yang menolongnya dikenakan denda. Jumlahnya adalah mengikut *sakdinanya*."<sup>25</sup>

Hubungan antara *nai* dan *phrai* berdasarkan pada pertalian peribadi dan tugas rasmi kedua-dua pihak. Oleh kerana *nai* bertanggungjawab terhadap keperluan *phrai* dan keluarganya, manakala *phrai* merupakan sumber kekayaan dan kekuasaan *nai* maka menunjukkan hubungan mereka saling membantu. *Nai* dianggap sebagai penaung dan pelindung *phrai*, sebaliknya, *phrai* dianggap sebagai harta yang bernilai kepada *nainya*. Akin Rabibhadana mengatakan bahawa bentuk hubungan antara *nai* dan *phrai* merupakan hubungan antara penaung dan pelanggan/anak buahnya.

"*Clientship* diberi penjelasan sebagai perhubungan di antara dua orang yang tidak mempunyai pertalian kaum kerabat,

<sup>24</sup> *Ibid.*, buku I, "Laksana Aiyakan Luang"

<sup>25</sup> *Ibid.*, buku II, "Laksana Rabfong".

tetapi berkedudukan *superior-inferior* antara satu dengan yang lain. Mungkin pengertian yang tepat sekali ialah per-sahabatan yang rendah sebelah."<sup>26</sup>

### (c) *That/Hamba*

*That* merupakan golongan masyarakat Siam yang tidak bebas. Mereka menjadi hamba kepada golongan *nai* atau *phrai* yang kaya. Walau bagaimanapun, *that* di negara Thai berbeza dengan taraf hamba yang difahami oleh masyarakat Barat. Pertama, *that* bukan hamba yang diletakkan dengan tanah tuannya, dan oleh itu, tidak mempunyai peluang untuk menukar kediaman ataupun memilih tuannya. Jika tanah itu dijual kepada orang lain, mereka juga dijual sebab mereka adalah sebahagian daripada tanah tersebut. Tiada hamba jenis itu di negeri Siam. Kedua, *that* berhak memiliki tanah dan harta. Menurut Undang-undang Susun Pangkat Awam, *that* mempunyai *sakdina* sebanyak 5 rai. Ketiga, tuan punya *that* tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas kehidupan *that*. Sebaliknya, terdapat undang-undang yang menjamin bahawa tuan tidak boleh melakukan tindakan kejam terhadap *that*nya, walaupun *that* bertaraf sebagai harta tuan punya.

"Mana-mana tuan empunya *that* yang marah terhadap hambanya mempunyai kuasa <mengikut undang-undang> untuk memukulnya supaya hamba itu memandang berat <kesalahannya>, tetapi tuan itu tidak boleh manjatuhi hukuman mati ke atas hamba. Jikalau hamba itu nampaknya bersifat betul-betul jahat dan tidak menerima suatu ajaran atau suruhan tuannya dicadangkan yang hamba itu dijual. Jikalau tuan punya memukulnya sampai mati, tuan itu dikenakan denda mengikut *sakdinanya*."

Pada umumnya terdapat tujuh "kelas" *that* yang wujud sejak zaman Ayudhya, iaitu kelas hamba belunggu hutang; kelas anak-anak hamba yang dilahirkan di kediaman tuan empunya; kelas hamba yang dihadaiahkan oleh ibu bapa kepada anak-anak; kelas hamba yang dihadaiahkan orang; kelas hamba yang dibantu dalam masa kesusahannya; kelas hamba yang dibantu dalam musim kemarau; dan kelas hamba tawanan perang. Sungguhpun begitu,

<sup>26</sup> *Akin, op.cit.*, m.s. 85.

<sup>27</sup> *Kod Undang-undang Tiga Tera, op.cit.*, buku II, "Laksana Phra Aiyakan That", m.s. 291.

kelas-kelas *that* yang diterangkan ini sebenarnya hanya sekadar menunjukkan bagaimana *that* itu dijadikan hamba kepada tuannya. Pada keseluruhannya, tidak ada perbezaan besar di antara ketujuh-tujuh kelas tersebut. Tugas dan beban kerja, serta syarat-syarat untuk pelepasan *that* bergantung pada tuannya.

Pada awal zaman Bangkok, terdapat dua kelas *that* yang penting iaitu hamba belunggu hutang dan hamba tawanan perang. Misalnya, dikatakan bahawa lebih kurang satu pertiga penduduknya yang seramai enam juta orang itu adalah hamba belunggu hutang. Walaupun begitu, menurut Sir John Bowring, hambahamba tersebut tidak mahu membebaskan diri mereka daripada beban perhambaan sekalipun mereka mampu membayar harga dirinya.<sup>28</sup> Kononnya, *that* rela mengekalkan kedudukan sosialnya kerana hidup seorang hamba *that* lebih senang jika dibandingkan dengan hidup *phrai* biasa. La Loubere, seorang ahli perwakilan Perancis yang melawat Siam pada abad ke-17, kemungkinan membesar-besarkan sedikit mengenai kesenangan hidup seorang *that* apabila beliau menceritakan bahawa:

"orang Siam rela menjadi *that* hanya sebagai bayaran untuk makan sebiji buah yang dinamakan buah durian sahaja."<sup>29</sup>

Lagipun, tiada stigma sosial menentang perhambaan.

Terdapat beberapa jalan bagi hamba untuk membebaskan dirinya jika mereka ingin berbuat demikian. Selain membayar harga yang tetap sama dengan harga semasa menjual dirinya, (ini bermakna bahawa tuan punya tidak dapat menghalang percubaan *that* untuk membayar bagi kebebasannya dengan mengubah harga diri *that* mengikut sesuka hati tuan sahaja), *that* diizinkan mendapatkan kebebasannya dengan menjadi askar kerajaan semasa berlaku peperangan. Selepas perang, *that* itu akan menerima taraf orang bebas secara automatik. Satu lagi langkah yang membantu *that* untuk memperbaiki kedudukannya ialah hak hamba untuk menukar tuan punyanya. Memandangkan hakikat wujudnya kekurangan tenaga buruh di Siam dan nilai *that* sebagai tanda kekayaan seseorang, maka tidak sukar bagi seorang *that* yang mempunyai nama baik untuk memperolehi tuan baru yang sanggup mendahu-

<sup>28</sup> Sir John Bowring, *op.cit.*, buku 1, m.s. 112.

<sup>29</sup> Simon de La Loubere, Sant T. Komolbutr, terjemahan, *Periwayat la Loubere*, Bangkok: Kao Na Press, 2510/1976, m.s. 346.

lukan bayaran hutang kepada tuannya yang asal. Tambahan pula, seorang *that* akan menjadi bebas sebaik sahaja dia mempunyai seorang anak dengan tuan ataupun seorang ahli keluarganya. Hamba lelaki juga akan mendapat kebebasan selepas kesamiannya jikalau dia mendapat keizinan tuannya terlebih dahulu untuk menyertai hidup kesamian.

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga kes-kes yang menunjukkan bahawa *that* ditindas dengan kejam oleh tuan punyanya. Ini bermakna bahawa sistem undang-undang Siam tradisional masih menjamin kuasa dan kedudukan golongan atasan iaitu *nai*. Oleh kerana itu, undang-undang yang menghadkan kuasa *nai* ke atas *phrai* atau *that*, ataupun yang menjamin hak individu golongan bawahan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan jika tidak mendapat kerjasama daripada golongan *nai*.

Secara keseluruhannya, tinjauan terhadap keadaan masyarakat tradisional Thai menentukan bahawa Siam tidak mempunyai masyarakat yang sama kedudukan rakyatnya, walaupun struktur sosialnya agak anjal dan tidak tetap. Tiada seorang pun rakyat Siam yang terpaksa kekal dalam kedudukan sosialnya yang rendah. Sebenarnya, sememangnya wujud peluang besar untuk mobiliti sosial antara golongan *nai*, *phrai*, dan *that*. Perbezaan besar di antara seorang *nai* dan *phrai* adalah perlantikan diraja sahaja. Pada teorinya, dengan mempunyai kebolehan yang layak dan mungkin nasibnya baik, maka seseorang itu dapat dilantik menjadi pegawai kerajaan dan memasuki golongan *nai* tanpa halangan. Perbezaan di antara seorang *phrai* dengan *that* bergantung pada taraf bebas dan belenggunya. Seorang *nai*, *phrai* dan *that* dapat bertukar taraf sosialnya bergantung pada nasib dan kebolehannya. Mobiliti sosial rakyat Thai berjalan dengan lancar, terutamanya semasa berlaku peperangan. Lagipun, hakikat yang golongan kerabat diraja juga mempunyai sistem mobiliti sosial ke arah bawahan juga melembutkan kekerasan sistem sosial Thai. Akhirnya keturunan raja pun akan menjadi *phrai*.

#### (d) Golongan Sangha/Sami

*Sangha/sami* ialah golongan sosial masyarakat Thai yang mempunyai kedudukan yang dikecualikan daripada sistem *nai-phrai-that*. Sebenarnya, kehidupan kesamian dapat dilihat sebagai suatu jalan keluar untuk rakyat mengelakkan beban sosial dan ekonomi. *Phrai* dan *that* dianggap mempunyai kedudukan yang lebih tinggi

daripada semua ahli masyarakat sebaik sahaja mereka memasuki kesamian. Ini disebabkan oleh ajaran agama Buddha yang mementingkan kehidupan rohani dan mengabaikan beban hidup duniawi. Sesiapa yang dapat mengikut ajaran agama dan memasuki kesamian merupakan penganut agama yang lebih alim kerana mereka berupaya meninggalkan kemewahan serta keselesaan duniawi yang tidak ada nilai, dan memilih keselamatan hidup rohaninya.

Boleh dikatakan bahawa menurut ajaran agama Buddha, dunia manusia ini diasingkan kepada kerajaan duniawi atau *phra ratcha anachak*, dan dunia agama atau *phra satsana*. Di antara dua dunia itu, dunia *phra satsana* mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada kerajaan duniawi. Oleh itu, rakyat Thai, tanpa mengira kedudukan sosial atau *sakdinanya*, dikehendaki menyembah seorang sami dengan *kraab* sebagai tanda hormat, walaupun sami itu hanya berkedudukan *that* sebelum memasuki kesamian.<sup>30</sup>

Kedudukan tertinggi golongan *sangha* berasaskan kepercayaan dan konsep orang Siam terhadap agama Buddha dan falsafah agama tersebut. Kewajipan sami ialah mengajar ajaran agama kepada masyarakat supaya memperolehi kemakmuran dan ketenteraman. Oleh itu, *sangha* mesti mengaji kitab suci agama Buddha serta mengikut syarat-syarat yang ditetapkan untuk kehidupan kesamian yang dianggap sebagai hidup yang terbaik bagi dunia ini. Sami juga dikehendaki memberi khutbah dan menunjukkan teladan yang baik melalui cara hidupnya yang suci dan berakhlak tinggi. Dengan tugas-tugas seperti itu, sami tidak mampu menguruskan beban kerja seharian seperti orang biasa. Untuk mencapai tujuan agama dan tujuan sosialnya, golongan *sangha* memerlukan bantuan daripada masyarakat dan dikecualikan daripada tanggungan duniawi. Jadi masyarakat bertanggungjawab terhadap keperluan duniawi *sangha*. Sebenarnya, tanggungjawab masyarakat terhadap kebajikan sami ini dilihat oleh penganut agama Buddha sebagai peluang yang besar untuk melakukan kebaktian dan mengumpul *bun* atau jasa baik perseorangan.

Kekuatan agama Buddha di Siam berasaskan pada falsafahnya yang menawarkan ajaran dan penjelasan yang pragmatik ataupun realistik terhadap pengertian hidup dan peranan seseorang

<sup>30</sup> Kecuali raja pemerintah yang menegur sami dengan mengangkat satu tangan sahaja.

dalam masyarakat, serta memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang ingin memperbaiki beban hidupnya. Ajaran agama Buddha menekankan kepercayaan bahawa kegiatan atau tindakan tertentu seseorang mewujudkan tindakan balasnya untuk pembuat. Dengan itu, kegiatan yang baik membina atau melahirkan hasil yang baik atau *bun*, manakala kegiatan yang kurang baik atau jahat melahirkan hasil yang negatif atau *bap*. *Bun* dan *bap* ini merupakan faktor utama yang menentukan keadaan penjelmaan semula <reincarnation> seseorang, serta kelayakannya untuk mencapai *nirvana* /makrifat <the Enlightenment>. Menurut penjelasan agama Buddha, penjelmaan semula terjadi disebabkan oleh tindakan/*kamma* perseorangan seseorang yang mempunyai *bun* atau *bap*. Untuk meyakinkan peluang memperolehi kehidupan yang selesa dan sempurna pada masa depan iaitu semasa penjelmaan semula, maka penganut agama Buddha dikehendaki mengumpul sebanyak mungkin *bun* sambil menjauhan diri daripada *bap* dalam semua tindakannya. Mendapatkan *bun* semasa menghindarkan *bap* bukan sahaja jalan yang menjamin kehidupan yang lebih baik semasa penjelmaan semula, tetapi juga membawa keselesaan kehidupan masa kini.

Daripada penjelasan mengenai *bun* dan *bap*, ternyata bahawa agama Buddha yang bersifat liberal itu menerima keadaan sosial masyarakat yang tiada mempunyai persamaan sebagai petunjuk kadar perkembangan hidup rohani seseorang. Oleh kerana tidak ada persamaan sosial yang disebabkan oleh tindakan individu, keadaan tersebut tidak dapat dielakkan selagi manusia masih bersikap mementingkan dirinya sendiri dan melakukan *bap*. Selain memberikan kesempurnaan kepada keadaan masyarakat yang kebanyakannya berada di bawah kesusahan, ajaran agama Buddha juga memberikan pengesahan kepada kuasa, pengaruh, dan kedudukan golongan atasan iaitu *nai*. Mengikut pembahasannya, raja terpaksa dipatuhi dan dihormati kerana baginda mempunyai *bun* yang terbanyak sekali. Hasilnya, raja juga berkemampuan untuk menjamin kemakmuran serta keselamatan negeri. Sebaliknya, rakyat mesti juga berpuas hati dengan keadaan kehidupannya yang mencerminkan *bun* atau *bap* perseorangan mereka. Biarpun begitu, ajaran agama Buddha menjelaskan cara seseorang boleh meringankan beban kehidupannya, iaitu melalui tindakan baiknya serta kepatuhannya kepada pihak berkuasa. Orang bawahan diberi harapan bahawa mereka juga boleh dihormati dan disegani oleh masya-

rakat seperti pemimpin mereka apabila mereka mengumpul secukup *bun*. Agama Buddha menerangkan keadaan di dunia ini dengan lojik dan munasabah. Ia mengajar penganutnya bersabar dan bertolak ansur terhadap kesusahan dan kekejaman kehidupannya dengan maruah dan kepatuhan semasa ia memperkuatkan kedudukan pihak berkuasa berdepan dengan rakyatnya. Tidak hairanlah bahawa golongan sami memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Thai tradisional.

Ringkasnya, peranan *sangha*, selain mengajar dan memberi tunjuk ajar kepada masyarakat mengenai ajaran agama, termasuk jugalah menawarkan perkhidmatan sosial kepada semua lapisan masyarakat. Di antara perkhidmatan itu, *sangha* dan kuil/*wat* merupakan pusat kehidupan sosial masyarakat. Aktiviti orang ramai bergerak di sekeliling kuil dan sami semenjak kelahiran sehinggalah kematiannya. Upacara penting dalam kehidupan seseorang seperti perkahwinan, pengesahan taraf dewasa seseorang dan pembakaran mayat, berkehendakkan restu daripada institusi agama dan wakilnya. Sami dan kuil juga merupakan pusat intelektual masyarakat bawahan kerana di kuil terdapat sistem persekolahan dan pendidikan vokasional. Sami mewakili kumpulan terpelajar masyarakat. Bekas sami selalu dipandang tinggi sebagai orang yang mempunyai pengetahuan dan ilmu. Sebenarnya, mereka senang mendapat kerja dengan golongan *nai* sebagai kerani, atau setiausaha. Mungkin yang paling bermakna sekali ialah peranan sami dan kuil sebagai jurucakap pihak berkuasa yang amat berpengaruh. Mereka menyebarkan prinsip taat setia kepada raja dan pemimpin-pemimpin masyarakat melalui khutbah dan falsafah agama.

Daripada aspek pentadbiran, dunia *phra satsana* diketuai oleh seorang sami yang dilantik oleh raja dengan gelaran *sangharat* atau "raja golongan *shangha*" Dialah yang mempunyai kuasa pentadbiran paling tinggi dalam hal-hal keagamaan. Tugas *sangharat* dibantu oleh sebuah majlis sami yang mempunyai cukup pengalaman dalam kesamian serta terpelajar dalam aspek ilmu agama dan disiplin. Majlis itu terdiri daripada tiga orang sami yang bertaraf timbalan kepada *sangharat* iaitu *chao khana yai*/ketua kanan peringkat wilayah, wilayah-wilayah yang berkenaan ialah wilayah utara, selatan, dan tengah. Di bawah pentadbiran di peringkat pusat, terdapat pula pentadbiran wilayah yang meliputi kuil-kuil dalam suatu wilayah. Tiap-tiap kuil ditadbir oleh ketua sami/*chao*

*awat*. Pada umumnya, setiap orang sami mempunyai penaung atau sami yang berpengalaman untuk membantunya dalam bidang pelajaran agama dan tabiatnya. Sami yang bercita-cita untuk mencapai peringkat tertinggi dalam sistem pentadbiran *sangha* terpaksa mahir dalam aspek *dharma* kitab suci agama dengan mempunyai kelulusan dalam setiap peringkat peperiksaannya.

Adat resam masyarakat yang menetapkan bahawa lelaki Thai apabila berumur genap dua puluh tahun dikehendaki memasuki kehidupan kesamian selama tiga bulan atau satu *phansa* sebelum diterima sebagai orang dewasa yang matang, telah mewujudkan hubungan peribadi yang baik di antara golongan sami dengan masyarakatnya. Contohnya, biasanya raja akan memilih sami untuk memegang jawatan pentadbiran golongan *sangha* daripada sami-sami yang dikenali oleh baginda sahaja. Sebaliknya, sami-sami yang mempunyai hubungan peribadi dengan pemimpin masyarakat akan menolong menguatkan kedudukan penaung-penaung mereka melalui khutbah serta kegiatan keagamaan.

Jadi institusi keagamaan dan institusi politik dan pentadbiran Siam berkait rapat dalam usaha mereka menentukan kuasa dan pengaruh golongan atasan ke atas orang bawahan.

#### (e) Masyarakat Orang Cina

Semasa pemerintahan Rama III, ternyata wujudnya komuniti orang Cina yang semakin besar di Siam. Mereka berada di luar struktur sosial masyarakat tradisional Thai. Jelas juga bahawa kewujudan masyarakat orang Cina itu merupakan akibat perkembangan perniagaan dan ekonomi yang hebat sejak zaman Taksin dan menjadi lebih kurang sepuluh kali ganda pada zaman Rama III. Seperti yang telah diterangkan pada awal lagi, Taksin menggunakan perniagaan, khususnya dengan negara Cina, sebagai penyelesaian kepada kerumitan ekonomi Siam setelah kejatuhan Ayudhya pada tahun 1767, serta sebagai alat memulihkan keadaan sosial dalam negeri.<sup>31</sup> Dalam pada itu, Taksin juga menggalakkan penyertaan orang Cina yang mahir dalam perniagaan dan kewangan untuk menjamin keberkesanan rancangan sosioekonomi. Semenjak itu, kedatangan orang Cina yang mempunyai dalam bidang-bidang tersebut di Siam semakin bertambah. Rama I, Rama

<sup>31</sup> Lihat Bab I.



II dan Rama' III telah melanjutkan dasar perniagaan Taksin. Boleh dikatakan bahawa perniagaan dengan negara China menjadi sumber pendapatan kerajaan yang paling besar. Raja dinasti menjadi pedagang utama negeri, dengan bantuan golongan pendatang Cina.<sup>32</sup>

Sebaliknya, orang Cina di Siam diberi peluang memperbaiki kedudukan mereka. Ini disebabkan oleh keperluan besar terhadap tenaga mahir dalam bidang perniagaan dan kewangan, dan kemudiannya bidang perindustrian seperti kilang gula, perlombongan, dan ladang cukai. Pengusaha Cina yang berjaya dan bijaksana diserapkan terus ke dalam susun lapis sosial peringkat pegawai kerajaan. Biasanya, mereka akan dilantik menjadi *khunnang* bertaraf rendah seperti *khun*, *luang*, atau *phra* dalam urusan pentadbiran yang berkenaan dengan tenaga mahirnya. Misalnya dalam bidang percukaian, ramai pendatang Cina dilantik menjadi pengutip cukai kerajaan/*chao phasi* atau pegawai perniagaan diraja. Jawatan tertinggi yang disandang oleh *khunnang* berbangsa Cina pada awal zaman Bangkok ialah ketua krom Tha Sai, iaitu jabatan kecil di bawah Chao Phraya Phra Khlung. Gelarannya ialah Phraya Chodukratchasethi. Selain dari itu, pendatang Cina juga dapat meningkatkan kedudukannya dengan mempersembahkan anak perempuannya kepada raja atau putera-putera sebagai gundik diraja atau isteri *chao* atau *khunnang* yang berpengaruh. Cerita hidup pengasas keluarga Kraikrish yang salah seorang ahli perempuannya menjadi gundik kepada Rama II dan ibunda kepada Kromkhun Worachak adalah contoh yang baik tentang untung nasib pendatang Cina di Siam.<sup>33</sup> Jadi tidak wujud perbezaan sosial antara *khunnang* Thai dan *khunnang* berketurunan Cina.

Bagi golongan orang Cina yang tidak dapat diserapkan ke dalam susun lapis masyarakat Thai melalui perlantikan diraja, mereka selalu dianggap sebagai orang Cina. Tetapi keturunannya dapat diasimilisasikan ke dalam masyarakat Thai melalui beberapa cara seperti perkahwinan dengan orang tempatan, atau penghapusan praktisnya kebudayaan Cina dan mengamalkan cara kehidupan orang Siam seperti mengubah bentuk pakaian, bahasa dan agama.

<sup>32</sup> Hong Lysa, *Thailand in the Nineteenth Century: Evaluation of the Economy and Society*, Singapore: JSEAS, 1984, bab 3 - 4.

<sup>33</sup> Kukrit, *op.cit.*

Sungguhpun begitu, sebelum mereka diasimilasikan, orang Cina berada di luar susun lapis masyarakat Thai. Mereka tidak mempunyai *sakdina* dan berada di bawah perlindungan dan pertolongan daripada *khunnang* dan *chao* yang menjadi penaung-rakan perniagaan mereka. Hubungan yang wujud di antara *khunnang/chao* dengan golongan orang Cina menjadi faktor yang amat penting untuk orang Cina mencapai matlamat sosioekonominya, dan untuk golongan *nai* memperolehi sebahagian kekayaan negeri dan menguatkan kedudukannya berdepan dengan institusi raja. Sebab asas bagi kejayaan hubungan penaung-pelanggan di antara *khunnang* dan orang Cina ialah nilai ekonomi orang Cina yang menjadi lebih bermakna daripada perkhidmatan yang didapati oleh *nai* daripada *phrainya*. Orang Cina sebenarnya bergantung pada raja dan golongan *nai* bagi mencapai kejayaan dalam bidang sosioekonomi kerana tanpa pengaruh dan kedudukan *nai*, pengusaha Cina tidak mempunyai peluang mendapatkan monopoli ladang cukai ataupun hak-hak sosioekonomi yang lain. Perkongsian ekonomi antara *nai* dengan pendatang Cina berjalan dengan licin dan proses asimilasi pengusaha Cina menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat Thai tradisional. Ramai pendatang Cina menjadi pengasas keluarga *khunnang* Thai yang terkemuka. Contohnya, Yiang pengasas keluarga Na Songkhla yang mentadbir bandar itu sejak zaman Rama I; Khaw Soo Cheong, pengasas keluarga Na Ranong yang juga mentadbir Ranong sejak masa pemerintahan Rama III.<sup>34</sup>

#### IV. Struktur Ekonomi dan Perniagaan

##### (a) Sistem Ekonomi Pertanian

Secara keseluruhannya, masyarakat Thai zaman Thonburi-Bangkok masih mengekalkan aspek-aspek penting ekonomi pertanian walaupun terdapat perkembangan perniagaan yang membe-rangsangkan. Bahan pengeluaran utama Siam ialah beras dan padi

<sup>34</sup> Lihat *Phraya Wichiankiri, Phongsawadan Muang Songkhla dan Muang Phattalung* Bangkok: Kurusabha, 2505/1962; Putera Damrong, *Tamnan Muang Ranong*, Bangkok: Kurusabha, 2505/1962; dan Jennifer Cushman, "Chinese Kinship, Marriage Strategies, and Social Mobility in Late Nineteenth Century and Early Twentieth Century Siam", Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on Thai Studies, ANU, Canberra, 3 - 6 Julai 1987.

yang hanya dibenarkan untuk dieksport dengan termetrinya Perjanjian Burney pada tahun 1826. Kerajaan Siam juga mementingkan kegiatan pertanian khasnya penanam padi seperti yang dicerminkan dalam beberapa upacara untuk menentukan musim menuai yang baik. Contohnya, upacara *Raek Na Khwan*/Pembukaan Tanah Sawah, upacara *Phuetchamongkon*/Memerangsangkan Tumbuh-tumbuhan, dan upacara *Phirunsat*/Meminta Air Hujan. Zaman Bangkok juga mementingkan kegiatan pertanian kerana kebajikan terhadap masyarakat bergantung kepada kebolehan Siam mengeluarkan makanan yang cukup untuk keperluan rakyatnya. Pentingnya *phrai* dan *that* kepada *nai* menegaskan peranan utama dalam bidang pertanian. Biasanya, buruh *phrai* dan *that* sentiasa digunakan untuk bekerja di sawah tuannya. *Suai* juga merupakan pembayaran *phrai* kepada *nai* dalam bentuk bahan-bahan pengeluaran pertanian atau bahan-bahan hutan. Sistem pertanian Thai berbentuk ekonomi sara diri. Hanya, apabila terdapat lebih keperluan sahaja barulah petani-petani akan menjual hasil pertaniannya.

Perubahan yang penting dalam ekonomi pertanian itu dapat dilihat dengan jelas selepas termetrinya Perjanjian Burney semasa Siam bersetuju mengeksport beras dan padi pada masa aman dan damai. Beras menjadi bahan eksport utama Siam semasa pemerintahan Rama III. Bahan pengeluaran yang lain termasuklah gula, kayu cendana, lada, dan tembakau. Perniagaan beras berkembang dengan pesat dengan galakan daripada pihak berkuasa. Hakikat yang petani sendiri mendapat keuntungan daripada kegiatan menjual beras juga membantu perkembangannya. Pada tahun 1836, ternyata bahawa beras telah menjadi bahan perniagaan yang paling penting bagi pendapatan negeri. Rama III membuat keputusan menamatkan sistem monopoli diraja ke atas beras dan menggantikannya dengan cukai tanah sawah yang menentukan pendapatan kerajaan daripada perkembangan pertanian padi.

Satu lagi pengeluaran pertanian yang menjadi perindustrian yang besar di Siam untuk eksport ialah gula. Pada tahun 1843, jelas menunjukkan bahawa tanaman tebu dan industri gula telah diberi keutamaan dalam rancangan kerajaan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi Thai. Wilayah Nakhon Chaisi menjadi terkenal sebagai kawasan penanaman tebu kerana mempunyai tanah yang sesuai bagi tanaman tebu. Gabenor Nakhon Chaisi diarahkan menjalankan dasar yang menggalakkan penanaman

tebu supaya Siam dapat mengeluarkan gula yang cukup untuk keperluan pedagang-pedagang asing. Penduduk-penduduknya termasuklah bangsa Lao, Khmer, Cina dan Thai digalakkan membuka tanah baru untuk menanam tebu dengan syarat-syarat yang menarik.<sup>15</sup> John Crawford juga melaporkan bahawa perindustrian gula digalakkan oleh kerajaan Siam sejak dua belas tahun sebelum lawatannya ke Siam pada tahun 1823. Pada tahun 1822, gula keluaran Siam merupakan gula yang paling putih di rantau Asia Tenggara dan India. Gula Siam dieksport ke China, wilayah barat India, Parsi, Arab, dan Eropah dengan jumlah sebanyak lapan juta paun.<sup>16</sup> Selain Nakhon Chaisi, kawasan-kawasan yang mempunyai ladang tebu ialah Bangplaso, Bangpakong, dan Paedriu. Walaupun jelas bahawa perkembangan perindustrian gula memberi keuntungan yang besar kepada golongan orang Cina yang menguruskan perindustrian itu, tetapi orang kebanyakan yang terlibat dalam peringkat penanaman tebu juga menerima pendapatan yang agak lumayan daripada kegiatan pertanian untuk perniagaan Siam.

Lada hitam yang ditanam secara besar-besaran di wilayah Chanthaburi dan Tungyai dilaporkan mempunyai mutu yang lebih tinggi daripada lada yang dikeluarkan oleh negeri-negeri di Tanah Melayu. Pada tahun-tahun 1820-an Siam mengeluarkan lada untuk eksport sebanyak lapan juta paun. Crawford mengatakan bahawa dua pertiga daripada jumlah itu dijual kepada raja Siam dengan harga yang murah. Kemudiannya raja menjual lada itu kepada pedagang-pedagang asing dengan harga mengikut pasaran antarabangsa. Menurut Crawford lagi, Siam merupakan negeri pengeluar lada yang kedua terbesar di belakang Pantai Barat Sumatera, dan menduduki tempat yang sama dengan kawasan Pantai Timur Sumatera.<sup>17</sup>

Tembakau yang bermutu tinggi ditanam di Chanthaburi dan Bangplaso. Tembakau juga menjadi bahan keluaran yang penting, walaupun sebelum tahun 1820 Siam masih mengimport tembakau dari Jawa untuk keperluan dalam negerinya. Semasa lawatan Crawford pada tahun 1823, Siam mengeksport tembakau dengan

<sup>15</sup> Hong I, *op. cit.*, m.s. 24 - 5.

<sup>16</sup> John Crawford, *Journal of an Embassy to the Courts of Siam and Cochinchina*, KL: OUP, 1987, m.s. 422.

<sup>17</sup> *Ibid.* m.s. 423.

jumlah yang besar ke Kochin China dan negeri-negeri di Tanah Melayu.

Secara praktis, sebahagian petani *phrai* Thai yang terlibat dalam pertanian tanaman jualan seperti beras, gula, dan tembakau dapat menikmati sedikit sebanyak faedah dari sistem ekonomi kewangan yang muncul semasa pemerintahan Rama III. Biasanya *phrai-phrai* yang terlibat mendapat keizinan *nai* mereka untuk menggantikan khidmatnya kepada *nai* dengan pembayaran wang tunai. Kebebasan daripada tanggungjawab tradisional itu membolehkan *phrai* memajukan usaha pertaniannya yang sebaliknya memberikan pendapatan yang lumayan kepada *phrai* selain kemampuannya membayar "suai" kepada *nai*. Tidak dapat dinafikan yang corak ekonomi pertanian Siam, walaupun memainkan peranan penting, dan telah mencapai peringkat sistem ekonomi kewangan tetapi masih memperlihatkan yang sistem ekonomi pertukaran bahan mentah merupakan aspek yang masih ketinggalan zaman, sekurang-kurangnya di kawasan bandar yang menjadi pusat perniagaan masyarakat.

Jumlah bahan perniagaan yang diekspor di antara tahun 1820–1830 ke Pulau Pinang, Melaka, dan Singapura dapat dicatatkan sebagai contoh pendapatan kerajaan dari perniagaan:

Gula	370,242 rupee
Beras dan padi	166,185
Tembakau	139,493
Lac	77,208
Cendana	72,633
Garam	68,647
Bijih timah	57,573
Lain-lain	176,804
	<u>1,128,785<sup>38</sup></u>

Daripada senarai jumlah perniagaan luar Siam, ternyata bahawa penghasilan pertanian zaman Bangkok telah menyesuaikan

<sup>38</sup> Wilailak Mekharat, *Perniagaan Luar dan Corak Ekonomi Thai Dalam Zaman Rattanakosin Awal*, monograf no. 31. Bangkok: Institut Pengajian Thai, Thammasat Univ., 2525/1982, m.s. 14.

kan dirinya kepada kegiatan perniagaan luar negeri. Bahan pertanian yang diperlukan oleh pedagang-pedagang asing bukan lagi bahan hutan seperti zaman Ayudhya, tetapi merupakan bahan-bahan pengeluaran pertanian yang mesti ditanam dan diusahakan oleh rakyat. Tidak syak lagi bahawa sistem pertanian Siam memasuki peringkat ekonomi perdagangan yang juga mencorakkan ekonomi kewangan.

### (b) *Sistem Perniagaan*

Para sejarawan bersetuju bahawa sistem perniagaan zaman Thonburi-Bangkok berkembang pesat disebabkan oleh dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Taksin untuk memulihkan ekonomi Siam selepas kemusnahan Ayudhya pada tahun 1767. Tambahan lagi, galakan-galakan yang diberikan oleh raja-raja dinasti Chakri juga menegaskan betapa mustahaknya perniagaan kepada golongan masyarakat atasan. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga sistem perniagaan pada zaman Ayudhya, tetapi sistem itu tidak melibatkan masyarakat secara umum. Hanya raja dan sebahagian golongan atasan dan orang asing yang mempunyai monopoli ke atas urusan perniagaan. Oleh itu, struktur ekonomi pertanian Thai tidak berubah ataupun berkembang secara berkesan. Gambaran ini amat berbeza dengan sistem perniagaan yang dijalankan oleh Taksin dan pengganti-pengganti baginda.

Apabila Taksin menghadapi masalah kekurangan bahan makanan dan cara memulihkan ekonomi Thai dengan pantas, serta masalah mempertahankan Siam daripada ancaman luar dan dalam, baginda melihat perniagaan sebagai jawapan kepada kerumitan ekonomi dan politik Siam. Taksin menggunakan pasaran luar untuk melengkapkan Siam dengan bahan-bahan yang diperlukan. Baginda menggalakkan orang Cina datang berniaga di Siam. Contohnya, Taksin membeli beras dari luar sepanjang tahun pertama pemerintahan baginda bagi melegakan kesulitan dan kekurangan bahan makanan masyarakat. Jelas bahawa membeli beras merupakan jalan keluar yang lebih berkesan daripada menunggu hasil penanaman petani Siam untuk menyelesaikan masalah kekurangan bahan makanan di kalangan rakyat biasa.<sup>39</sup>

<sup>39</sup> Sarasin Veeraphol, *Tribute and Profit: Sino-Siamese Trade 1652 - 1853*, Massachusetts: Harvard University Press, 1977; Turpin, *History of the Kingdom of Siam*, terjemah, Bangkok: Krom Silapakorn, 1972.

Dasar Taksin yang menggalakkan perniagaan itu sangat berjaya. Pada awal masa pemerintahan Rama III, raja tidak perlu lagi melibatkan diri secara langsung dalam hal perniagaan untuk menentukan pendapatan kerajaan yang mencukupi. Ternyata yang keadaan ekonomi Siam telah pulih dan menjadi makmur. Oleh itu, raja dapat mencari sumber pendapatan kerajaan daripada kekayaan ekonomi dalam negeri iaitu melalui pengutipan pelbagai cukai. Kapten Burney menceritakan bahawa;

" <Rama III pada hari pertama menaiki takhta bertitah> Baginda berazam tidak mahu menjadi Raja Pedagang, atau mengekalkan sistem monopoli diraja, tetapi baginda akan membenarkan penubuhan sistem perniagaan bebas."<sup>40</sup>

Walau bagaimanapun, Burney juga menerangkan sebab-musabab keputusan itu bahawa;

"Sebenarnya, Raja pemerintah ini... menyertai semua kegiatan perniagaan diraja sepanjang masa pemerintahan ayahanda baginda. Pada masa itu, kononnya, dikatakan bahawa selain beberapa langkah yang digunakan <oleh *khunnang* atau putera yang dibenarkan menyertai kegiatan perniagaan diraja>, mereka juga memasukkan banci kerugian perniagaan mereka ke dalam banci Duli Yang Maha Mulia Raja. Oleh kerana itu, Raja Pemerintah berazam tidak mahu menjadi mangsa kepada perbuatan seperti itu."<sup>41</sup>

Hong Lysa menunjukkan bahawa sebab-sebab yang agak lebih tepat yang mempengaruhi Rama III ialah kesedaran baginda terhadap perkembangan perniagaan yang telah berjaya memajukan keadaan ekonomi Siam dalam bidang pertanian, perniagaan dan perindustrian. Siam dapat mengeluarkan bahan-bahan yang diperlukan oleh pedagang-pedagang asing. Perkembangan ekonomi yang pesat inilah yang membolehkan Rama III, seorang pedagang yang bijak dan berpengalaman, memperkenalkan secara meluas sistem ladang cukai untuk memperolehi pendapatan kerajaan.<sup>42</sup> Dasar "kewangan baru" Rama III bukan sahaja menamatkan penglibatan raja dalam kegiatan perniagaan tetapi juga menghapuskan sistem monopoli diraja ke atas pelbagai jenis bahan

<sup>40</sup> *Burney Papers*, Buku 1, bahagian 1, m.s. 50-1.

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Hong Lysa, *op.cit.*, m.s. 84-6.

pengeluaran yang popular iaitu lada, kayu cendana, buah pelaga, sarang burung, telur penyu, gambodge, dan berjamin. Kepesatan kegiatan perniagaan zaman Rama III dapat dilihat dengan jumlah tongkang yang datang berniaga di Siam:

Tahun 1825	—	265	buah	kapal	tongkang
Tahun 1827	—	275	"	"	"
Tahun 1836	—	302	"	"	"
Tahun 1850	—	331	"	"	"

Perniagaan zaman Thonburi-Bangkok tidak lagi terbatas kepada raja dan beberapa orang pembesar sahaja, tetapi melibatkan golongan atasan dan golongan bawahan. Oleh itu, perniagaan yang tertumpu pada kegiatan eksport ini menjadi faktor penting yang juga mewujudkan beberapa aspek baru dalam sosioekonomi masyarakat tradisional Thai.

#### (c) Sistem Cukai dan Kewangan

Aspek penting dalam sistem pencukaaian Siam ialah aspek ladang cukai yang diperkenalkan ke atas banyak bahan perniagaan baru. *Phongsawadan Masa Pemerintahan III* menjelaskan bahawa terdapat cukai baru pada zaman Rama III, misalnya cukai perjudian, cukai ke atas enam jenis bahan yang dilarang, cukai loteri, cukai lada yang dikutip daripada kedua-dua penjual dan pekebun lada, cukai daging dan ikan kering, cukai tembakau dan lain-lain.<sup>41</sup> Crawford mengatakan bahawa pada zaman pemerintahan Rama II, pendapatan yang paling bernilai kepada kerajaan dan pembesar Thai ialah pendapatan daripada perniagaan eksport di Lembah Sungai Chao Phraya.<sup>42</sup> Pendapatan kerajaan ialah kira-kira dua juta baht. Dengan sistem cukai baru, Rama III dapat menambahkan pendapatan kerajaan sepuluh kali ganda daripada jumlah itu.

Cukai yang dikenakan pada zaman pemerintahan Rama I dan Rama II terdiri daripada cukai yang dibayar oleh *phrai* sebagai ganti perkhidmatan *ratchakannya*; cukai *changkob* yang dikutip ke

<sup>41</sup> Thiphakorawong. *Phongsawadan Masa Pemerintahan III*, Bangkok: Kurusabha, 2504/1961, buku 2, m.s. 182-3.

<sup>42</sup> John Crawford. *The Crawford Papers*, Bangkok: Vajiranna National Library, 1915, m.s. 46.



atas bahan perniagaan import eksport; *suai*; dan *reucha* iaitu pendapatan kerajaan daripada denda dan harta benda. Jelas bahawa pendapatan daripada sumber-sumber dalam negeri pada dua zaman itu tidak mencukupi bagi keperluan perbelanjaannya. Gambaran ini berubah secara menyeluruh. Kemakmuran dan pemulihan ekonomi pada zaman pemerintahan Rama III menawarkan sumber-sumber baru kepada kerajaan. Lebih mengagumkan ialah hakikat yang sumber-sumber itu mampu menampung pembayaran cukai dalam bentuk wang tunai. Misalnya, cukai tanah sawah yang ditukar daripada pengutipan sejumlah padi kepada pengutipan wang tunai mengikut luasnya suatu tanah sawah. Kadarnya ialah tanah sawah seluas satu rai dikenakan cukai satu *salung* (1/4 baht). Sebenarnya, pendapatan kerajaan Rama III meningkat menjadi 25,000,000 bath dengan amalan sistem cukai baru.

Pengutipan cukai dengan sistem ladang cukai yang dipopularkan oleh Rama III dipercayai berasal dari China. Rama III yang terkenal sebagai pemuja kebudayaan Cina menerimanya sebagai kaedah mengutip cukai yang sesuai kepada Siam. Mungkin terdapat kebenarannya kepada apa yang jelas ialah keberkesanan sistem itu yang juga dapat meringankan beban kerajaan. Pada asasnya, pengusaha atau pelabur, yang kebanyakannya terdiri daripada orang Cina, diberi peluang untuk membuat tawaran kepada pihak berkuasa bagi mendapat lesen untuk mengutip sesuatu cukai pengeluaran ataupun perusahaan di suatu tempat atau kawasan bagi jangka masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Biasanya juga, tawaran terbesar akan diberikan lesen ladang cukai itu. Peladang cukai atau *chao phasi* diberi kebebasan untuk mengutip cukai mengikut perkiraan yang telah disetujui oleh pihak kerajaan. Memang jumlah yang dikutip itu adalah lebih daripada jumlah cukai yang akan diserahkan kepada pihak berkuasa. Contohnya, ladang cukai minuman keras di wilayah Petchaburi yang bernilai 90 baht kepada kerajaan, menghasilkan pengutipan berjumlah 650 baht kepada *chao phasi* pada tahun 1842.<sup>45</sup> Oleh kerana itu, tidak hairanlah ramai pengusaha Cina dan *khunnang*, penaung/sekutu pengurusannya, bersaing hebat untuk mendapatkan lesen-lesen ladang cukai itu. Pengusaha ladang cukai yang berjaya mendapat lesen akan dilantik menjadi *khunnang* peringkat rendah dengan *sakdina* 400 rai. Dengan kedudukan *khun-*

<sup>45</sup> Hong Lysa, *op.cit.*, m.s. 89.

*nang* dan lesen ladang cukai, *chao phasi* mendapat banyak hak istimewa ke atas pegawai-pegawai tempatan yang diarah menolongnya dalam urusan mengutip cukai tersebut. Sungguhpun sistem ladang cukai memberi banyak pendapatan kepada pihak berkuasa, tetapi sistem cukai ini juga menindas rakyat yang kadangkala membuat rayuan kepada pegawai-pegawai kanan supaya ladang cukai itu ditarik balik atau dipertimbangkan semula.

Dengan perkembangan perniagaan, sistem ekonomi pertukaran barang di Siam digantikan oleh sistem ekonomi wang tunai secara perlahan-lahan. Sistem ekonomi wang tunai ini nampaknya menjadi kenyataan pada masa akhir pemerintahan Rama III. Wang tunai menjadi suatu aspek penting dalam kegiatan perniagaan. Ia juga menggantikan pembayaran *suai* ataupun *rat-chakan* yang *phrai* dikehendaki menyerahkan kepada *nainya*. Ternyata bahawa pada zaman pemerintahan Rama III, golongan *nai* lebih suka menerima wang tunai sebagai menggantikan semua khidmat daripada *phrai*. Hakikat yang rakyat biasa Thai dapat membayar beban sosialnya dalam bentuk wang ini membuktikan bahawa perkembangan perniagaan Siam sekurang-kurangnya dapat membabitkan sejumlah besar orang kebanyakan, dan membolehkan mereka memperolehi sebahagian kekayaan masyarakat, walaupun, sangat kecil jika dibandingkan dengan yang dinikmati oleh golongan *nai* dan rakan-rakan perkongsiannya iaitu orang Cina di Siam.

## V. Ulasan

Perkembangan ekonomi terbuka Siam yang mementingkan peranan perniagaan luar negeri dan pertanian perdagangan menghasilkan pelbagai kesan terhadap sistem sosioekonomi dan pentadbiran Siam tradisional.

Salah satu kesan yang baik ialah pemulihan ekonomi Siam secara menyeluruh. Keadaan ekonomi Siam pada akhir pemerintahan Rama III berbeza daripada gambaran yang menyedihkan pada awal tahun-tahun pemerintahan Taksin. Khazanah diraja penuh dengan wang simpanan daripada pendapatan kerajaan. Ini pun tidak pernah wujud pada zaman Bangkok awal. Sebenarnya, pada tahun 1824 semasa Rama III menaiki takhta, terdapat laporan mengenai kekurangan wang untuk perbelanjaan pentad-

biran negeri.<sup>46</sup> Kestabilan serta kemakmuran ekonomi Siam ini amat mengkagumkan kerana kejayaan ini dicapai semasa Siam sedang berperang dengan Vietnam di Kampuchea. Lagipun, pada masa yang sama, Siam terpaksa mengatasi pemberontakan-pemberontakan di negeri-negeri Melayu yang di dalam lingkungan pengaruhnya. Boleh dikatakan bahawa Rama III berjaya membina kekuatan ekonomi dan sistem kewangan Siam. Baginda juga mungkin secara kebetulan menyediakan wang yang cukup untuk pemimpin-pemimpin setelah baginda menggunakannya menentang cabaran kuasa Barat. Oleh yang demikian, dikatakan bahawa kejayaan Mongkut dan Chulalongkorn menentang campur tangan Barat dalam hal-ehwal negerinya melalui kegiatan ekonomi, sebenarnya sangat terhutang budi kepada usaha Rama III. Jelas bahawa selepas Perjanjian Bowring pada tahun 1855, jumlah pendapatan kerajaan semakin merosot disebabkan syarat-syarat perniagaan baru Perjanjian itu. Tetapi, Siam berupaya menanggungnya. Pada masa itu ekonomi dalam negeri Siam telah menjadi kukuh dan Mongkut dapat menggunakan sistem cukai Rama III bagi mendapatkan pendapatan yang sepatutnya kepada kerajaan. Kekuatan ekonomi terbuka merupakan suatu warisan yang tinggi nilainya dari zaman tradisional kepada keupayaan Siam untuk menentang penjajahan Barat dan mengekalkan kedaulatan Siam.

Walau bagaimanapun, kejayaan dan kekuatan ekonomi Siam zaman tradisional ini dapat tercapai dengan pengorbanan golongan bawahan. Seperti yang dibincang di atas, pemimpin Thai sejak Taksin menggalakkan orang Cina menyertai kegiatan ekonomi dan perniagaan luar raja dan bangsawan. Sebaliknya, mereka dapat banyak keuntungan daripada daya usaha itu. Dengan perkembangan pertanian perdagangan, tenaga mahir Cina juga digunakan secara meluas terutamanya dalam bidang pertanian baru seperti tebu, tembakau dan lada. Mereka terbabit bukan sahaja dalam peringkat menanam tetapi dalam peringkat memproses bahan mentah itu. Tebu dan industri gula merupakan contoh yang jelas menunjukkan

<sup>46</sup> Crawford merekodkan pendapatan Siam pada zaman Rama-II berjumlah hanya 2,226,000 baht, iaitu kira-kira sepuluh kali kurang daripada pendapatan Siam pada zaman Rama III. Chao Phraya Thiphakorawong mengatakan bahawa semasa pemerintahan Rama II, wang tunai yang ada dalam khazanah diraja pada suatu ketika tidak pernah lebih daripada 160,000 baht. Lihat Crawford, *Journal of an Embassy, op.cit.*, pp.: *Phongsawadan Masa Pemerintahan II, op.cit.*, m.s. 721-2.

peranan pengusaha Cina. Selain itu, orang Cina hampir memonopoli ladang cukai yang memberi peluang kepada mereka untuk diserapkan oleh masyarakat Siam di peringkat atas. Semua kekayaan dan kemuliaan sosial itu tidak dinikmati oleh rakyat biasa Siam.

Walaupun *phrai* juga digalakkan untuk menyertai kegiatan pertanian perdagangan masyarakat, tetapi peranan mereka terbatas kepada peranan pengeluaran bahan mentah yang diperlukan oleh pasaran asing sahaja, iaitu sebagai penanam padi, lada, tembakau dan sebagainya. Ini disebabkan oleh kepercayaan *nai* yang masih melihat nilai ekonomi *phrai* hanya dalam bidang pengeluaran bahan pertanian. Peranan tersebut memang tidak menjejaskan struktur sosiopolitik masyarakat Thai. *Phrai* hanya dibenarkan terlibat dalam sistem ekonomi terbuka supaya mereka boleh membantu keperluan ekonomi sezaman *nai*. Oleh itu, *phrai* tidak diberi kebebasan sosial seperti pengusaha Cina untuk memperbaiki taraf sosial mereka dengan mudah. *Phrai* tidak dapat menjadi pengusaha atau mengumpul kekayaan yang cukup seperti orang Cina sebab kalau boleh, mereka tentu akan melemahkan sistem *nai-phrai* yang menjamin kedudukan tertinggi orang atasan.

Berhubung dengan kemakmuran ekonomi terbuka yang tertumpu kepada masyarakat bandar, ialah perbezaan corak kehidupan antara bandar dengan wilayah-wilayah luar bandar yang tidak terjejas oleh sistem ekonomi baru itu. Boleh dikatakan bahawa masyarakat bandar Siam memasuki kebudayaan borjuis <bourgeois> ataupun corak hidup kelas pertengahan.<sup>47</sup> Ringkasnya, masyarakat borjuis mementingkan kehidupan di bandar yang menjadi pusat kegiatan perniagaan dan kewangan, corak kehidupan mencerminkan kekayaan sebagai kayu ukur persamaan atau perbezaan di antara penduduknya. Yang paling bermakna ialah masyarakat borjuis membebaskan ahli-ahlinya daripada kuasa *sakdina* golongan *nai* sekurang-kurangnya secara praktis, sementara itu menawarkan pula peluang kepada orang biasa untuk meluaskan kefahaman mereka terhadap dunia luar melalui perniagaan serta hasil-hasilnya. Kebudayaan borjuis merupakan kebudayaan kenal huruf; manakala buku serta bahan-bahan tulisan memainkan peranan sebagai "media massa" yang menyebarkan kebudayaan

<sup>47</sup> Nidhi Aeusrivongse, *Kebudayaan Borjuis dan Kesusasteraan Pada Zaman Bangkok Awal*, monograf No. 20, Bangkok: Institut Pengajian Thai, Thammasat University, 2525/19873, m.s. 149 – 162, bab 4.

borjuis itu. Oleh itu, masyarakat bandar terasing daripada masyarakat tradisional yang masih wujud di wilayah-wilayah luar bandar dengan kebolehannya membaca dan menulis.

Walaupun begitu, ini tidak bererti bahawa terdapat juga struktur sosiopolitik baru di Siam pada pertengahan abad ke-19. Struktur sosiopolitik Siam pada asasnya masih mengekalkan aspek tradisional, disebabkan oleh perkembangan ekonomi itu tidak menjejaskan kedudukan *nai*, sebaliknya, menguatkan lagi kedudukan mereka. Seperti yang diterangkan oleh Nidhi bahawa sistem ladang cukai walaupun menambah pendapatan raja lebih dari sepuluh kali ganda, tetapi tidak mengurangkan peluang golongan *nai* memperolehi sebahagian kekayaan untuk menguatkan kedudukan sosiopolitiknya.<sup>48</sup> Sebenarnya, perkongsian ekonomi antara golongan *nai* dan *chao phasi*, di mana *nai* menyumbangkan pengaruh dan maruah politik mereka, manakala *chao phasi* menyumbangkan modal dan kemahiran kewangan/pengurusan mereka, merupakan suatu perkongsian yang sangat berkesan bagi pihak-pihak yang terlibat mencapai tujuannya masing-masing. Dengan sekutu ekonomi baru, *nai* dapat menyokong sistem ekonomi terbuka dalam masa yang sama dapat juga menjamin kestabilan struktur sosiopolitik tradisional yang memberi banyak faedah kepada mereka. Kemasukan orang Cina telah menghalang perkembangan ekonomi golongan bawahan tempatan ke peringkat pengusaha dan pelabur dalam proses ekonomi perniagaan Siam. Jadi, seperti yang kita dapat lihat, *phrai* digalakan menghasilkan bahan pertanian untuk diniagakan ke pasaran dunia sahaja. Kesannya, Siam dapat mencapai tahap ekonomi perniagaan dengan masyarakatnya diasingkan dengan masyarakat borjuis yang bertapak di bandar dan masyarakat tradisional yang bertapak di wilayah luar bandar. Sebenarnya, pengasingan masyarakat bandar dengan luar bandar ini masih boleh dilihat hingga sekarang.

Kebudayaan borjuis Thai juga tidak menghasilkan suatu golongan buruh tukang yang biasanya muncul akibat keperluan masyarakat borjuis yang mementingkan secara meluas keindahan seni dan kraftangan. Sebaliknya wujud kekurangan buruh tukang di Siam semasa Siam menunjukkan kekayaan ekonominya. Keadaan itu berpunca daripada sistem *phrai-phrai* yang memberi hak kepada

<sup>48</sup> *Ibid.*, m.s. 153.

*nai* untuk menyimpan *phrai-nai* yang mempunyai kemahiran bertukang bagi keperluan sendiri, Pallegoix menerangkan;

"Oleh kerana raja <iaitu *nai* yang terbesar sekali > sentiasa memilih tukang-tukang yang terkenal kemahiran mereka masuk ke dalam perkhidmatan baginda sendiri, tiada sesiapa-pun yang ingin memperlihatkan kepandaianya dalam bidang kraftangan secara umum kepada masyarakat. Mereka lebih suka menghasilkan pertukangannya secara senyap-senyap sahaja."<sup>49</sup>

Kekurangan tenaga tukang tempatan itu menyebabkan keadaan gaji tukang-tukang tempatan melambung tinggi. Oleh itu, perkhidmatan mereka tidak mendapat sambutan daripada orang ramai. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga tukang yang sebenarnya berpunca daripada keengganan pihak berkuasa membebaskan tenaga *phrai*, maka tenaga tukang Cina digunakan. Sekali lagi *phrai* tidak diberi peluang menukar atau memperbaiki taraf sosial dan ekonomi mereka serta memainkan peranan yang sepatutnya dalam perkembangan masyarakat borjuis Thai. Jelas bahawa kesan ekonomi terbuka tidak dapat menjejaskan struktur asas masyarakat Siam disebabkan oleh dasar pihak berkuasa yang menyelesaikan keperluan buruh bebas dengan memasukkan tenaga asing dan kemahiran asing. Memang betul bahawa *phrai* menjadi lebih bebas daripada zaman dahulu tetapi mereka tidak dibenarkan membuat pilihan lain kecuali seperti yang ditetapkan kepada mereka oleh pihak berkuasa iaitu peranan pengeluar bahan mentah sahaja.

Kesan ekonomi terbuka ke atas struktur sosial Thai dapat juga dipertimbangkan. Hubungan antara *phrai-nai* sehingga kemunculan ekonomi kewangan secara luas, berdasarkan pada pertalian peribadi antara kedua-dua pihak yang terlibat. Pembayaran dengan wang tunai menggantikan kerja wajib *phrai*. Ini bererti *phrai* tidak perlu datang bekerja di tempat *nainya*. Selain itu, perkembangan ekonomi baru menyebabkan juga keadaan yang tidak seimbang di antara *khunnang* dan *chao*. Hanya *nai* yang berkuasa ke atas *krom-krom* yang menguruskan hal perniagaan dan kewangan yang dapat meningkatkan pengaruh dan kuasa ekonomi dan politiknya secara berkesan. Contoh yang baik ialah kuasa dan

<sup>49</sup> Jean-Baptiste Pallegoix, Sant 1. Komolbutr, terjemahan *Mengenai Siam*, Bangkok: Kao Na press, 2506/1963, m.s. 187.

pengaruh Chao Phraya Phra Klang yang pada asasnya lebih rendah kedudukannya daripada Chao Phraya Bodindecha, Sahuma Nayok, tetapi pada praktisnya lebih berpengaruh daripadanya. Dalam keadaan ini, *phrai* yang ingin mendapat perlindungan ekonomi dan politik selalu mencari *nai* yang berpengaruh dalam bidang perniagaan dan kewangan. Hubungan antara *nai-phrai* tradisional kehilangan kekuatan dan tujuan asasnya. Banyak *nai* tidak boleh melindungi atau menolong *phrainya* dengan berkesan. *Phrai* terpaksa mencari *nai* yang baru secara praktis dan wujudlah sistem penaung pelanggan baru yang berasaskan pada keperluan *phrai* untuk menyelamatkan dirinya dalam suasana sosioekonomi baru. Mungkin boleh dikatakan bahawa sistem penaung-pelanggan itu merupakan perkembangan sistem *phrai-nai* di peringkat peralihan sebelum *phrai* dibebaskan daripada tanggungjawab feodalnya dan menjadi individu yang bebas dalam konteks rakyat moden.

Dari segi politik dan pentadbiran, sistem pentadbiran di pusat dan wilayah yang menunjukkan bentuk timbal balik hanya memperlihatkan tidak cekapnya sistem tersebut. Boleh dikatakan bahawa sistem itu tidak menolong Siam menghadapi ancaman Barat dengan berkesan. Sebenarnya, pihak Barat selalu menggunakan aspek itu sebagai alasan untuk menguasai masyarakat tempatan. Sistem pentadbiran Thai juga disebut sebagai sistem yang menggalakkan berlakunya rasuah, manakala pegawainya kurang bersopan dan tidak mempunyai kebolehan untuk memahami prinsip hubungan antarabangsa. Hakikat yang pegawai Siam zaman tradisional tidak dibayar gaji yang tetap, tetapi dibenarkan menerima sebahagian daripada pendapatan jawatannya sebagai balasan perkhidmatannya itu dilihat oleh orang Barat sebagai suatu amalan yang menjatuhkan maruah kerajaan dan nama baik pegawai itu sendiri. Namun begitu kita perlu ingat bahawa pada zaman tersebut masalah gaji tidak pernah timbul, kerana seseorang yang dipilih oleh raja untuk berkhidmat kepada baginda diterima sebagai suatu yang amat mulia dan beliau tidak lagi perlu bayaran ataupun balasan bagi khidmatnya. Dengan pandangan yang berbeza itu, orang Barat kerap kali menggambarkan pegawai Siam sebagai orang yang digerakkan oleh rasa haloba sahaja. Misalnya, John Crawford menerangkan bahawa Phraya Phra Klang mempunyai rupa seperti "orang Hindu dari kasta pedagang yang

hemat";<sup>50</sup> manakala Putera Chetsadabodin dijelaskan oleh Crawford sebagai seorang yang "berkelakuan keji dan tidak patut dihormati".<sup>51</sup> Rama II digambarkan sebagai seorang yang mempunyai "rupa dan sikap seperti orang biasa yang nampaknya menunjukkan kemalasan serta kebodohan sahaja; yang merupakan sifat baginda yang terkenal".<sup>52</sup> Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Crawford mempunyai sikap menentang Siam, tetapi pandangan Crawford melambangkan pendekatan orang Barat terhadap orang tempatan di rantau ini.

Sebenarnya, sistem pentadbiran tradisional Siam memperlihatkan banyak kelemahannya. Perlaksanaan suatu aspek pentadbiran selalu bertindih-tindih dan memakan masa yang lama serta tidak begitu berkesan. Misalnya tanggungjawab Samuha Kalahom sebagai pentadbir wilayah selatan yang mesti menjalankan semua aspek pentadbiran wilayahnya; oleh itu dia menjalankan tugas-tugas *krom* lain seperti kewangan, pertanian, pendaftaran dan sebagainya. Jadi perlaksanaan tugas-tugas itu memang tidak cekap dan tidak berkesan. Dalam masa perang, ketiadaan kecekapan itu ditunjukkan dengan nyata. Contohnya, kejayaan peringkat awal pemberontakan Chao Anu pada tahun 1826 telah mengancam keselamatan Bangkok. Siam memasuki zaman penjajahan Barat akibat kelemahan sistem pentadbiran yang ketara. Hanya dengan adanya rancangan yang memberi jaminan kepada keselamatan nyawa dan harta kepada masyarakat Barat sahaja. Siam dapat mengurangkan peluang orang Barat untuk mengeksploitasi kelemahannya yang utama.

<sup>50</sup> Crawford, *Journal, op. cit.*, m.s. 182.

<sup>51</sup> *Ibid.*, m.s. 85.

<sup>52</sup> *Ibid.*, m.s. 94.



[The page contains extremely faint, illegible text, likely bleed-through from the reverse side of the document. The text is arranged in several paragraphs and is mostly centered on the page.]

# Bab V

## ZAMAN PEMULIHAN DAN PERMODENAN: MONGKUT DAN CHULALONGKORN (1851 - 1910)

### I. Latar belakang

Zaman pemerintahan Raja Mongkut atau dikenali sebagai Rama IV dan anakandanya, Chulalongkorn atau dikenali sebagai Rama V sentiasa dilihat sebagai zaman pemulihan dan pemodenan Siam untuk menyelamatkan negerinya daripada penjajahan Barat. Mungkin yang lebih penting kepada orang asing ialah hakikat bahawa Siam dapat mengekalkan kedaulatan negerinya daripada cengkaman penjajahan Barat. Kejayaan cemerlang Siam itu sangat dipandang tinggi oleh mereka kerana Siam merupakan sebuah negeri di rantau Asia Tenggara yang dapat mencapai kejayaan unggul itu, semasa peluasan kuasa negeri-negeri penjajah dilaksanakan secara hebat dan berkesan. Faktor yang membawa kejayaan itu ialah kebijaksanaan luar biasa dan dasar-dasar yang dijalankan oleh Mongkut dan Chulalongkorn dalam gelanggang politik antarabangsa. Bab ini akan membincangkan faktor-faktor lain yang penting terhadap keselamatan Siam dalam zaman penjajahan Barat.

### Raja Mongkut (1851-1868)

Chao Fa Mongkut, "salah seorang manusia yang paling berbakat dan terpelajar di benua Asia", dilahirkan pada tahun 1804, anakanda sulung Puteri Bunrod, permaisuri Rama II, dengan raja itu apabila baginda hanya mempunyai pangkat Chao Fa Kromluang Itsarasunthon.<sup>1</sup> Mongkut mempunyai seorang adik kandung iaitu

---

<sup>1</sup> John Blofeld, *King Maha Mongkut of Siam*, Singapore: Asia Pacific Press, 1972, m.s. xiii.



Raja Mongkut (1851-1868)

Cha Fa Chuthamani, yang kemudiannya dilantik oleh Mongkut sebagai Raja Kedua Siam semasa pemerintahan baginda. Sepertimana semua putera yang berkedudukan tinggi, Mongkut menerima pendidikan tradisional daripada sami dan pendita Istana. Semasa berumur dua belas tahun, Mongkut telah dilantik sebagai wakil diraja untuk menerima pendatang Mon Baru yang melarikan diri daripada kuasa kerajaan Myanmar ke Siam secara beramai-ramai. Perlantikan ini juga mempunyai nilai politiknya. Kehadiran Mongkut yang mewakili Rama II bererti Siam sanggup menerima golongan Mon Baru itu dan akan menentukan yang pendatang-pendatang baru itu tidak melakukan sesuatu yang akan menjejaskan keharmonian masyarakat Siam.

Satu lagi tugas pentadbiran yang diuruskan oleh Mongkut, apabila baginda berusia enam belas tahun, ialah menjadi ketua *krom* Mahatlek. Pada tahun 1824, dengan persetujuan ayahanda baginda, Mongkut memasuki kesamian, satu tindakan menurut adat agama Buddha kepada semua lelaki yang berumur dua puluh tahun. Malangnya, lima belas hari kemudian Rama II mangkat tanpa menamakan pengganti baginda. Oleh itu, Majlis Negara mencadangkan Putera Chetsadabodin dijemput menaiki takhta Siam sebagai pengganti yang sah ayahanda baginda. Putera Chetsadabodin telah menunjukkan kebolehan dan kematangan baginda dalam hal-hal pentadbiran negeri sepanjang zaman pemerintahan Rama II, manakala Chao Fa Mongkut tidak berpengalaman dalam hal-hal itu dan juga masih berada dalam kesamian, oleh itu tidak patut diganggu dengan urusan duniawi.

Sebelum perwakilan Majlis Negara dihantar untuk menemui Mongkut dan bertanya sama ada baginda berhasrat menjadi raja atau mengekalkan hidup kesamiannya, Mongkut telah diberitahu terlebih dahulu bahawa Majlis Negara ingin mengundang Putera Chetsadabodin menaiki takhta Siam. Dengan kefahaman itu, baginda tidak sanggup menjadi punca perselisihan yang tentu akan berlaku jikalau baginda ingin menuntut hak baginda. Mongkut juga telah meminta nasihat daripada tiga orang putera kanan dinasti Chakri yang amat disegani, iaitu Chao Fa Kromkhun Itsaranurak, bapa saudara baginda sebelah ibu; Krommuen Nuchitchinorot, bapa saudara sebelah ayahanda baginda yang pada masa itu adalah seorang sami; dan Krommuen Detadison, kekanda baginda yang berhubung rapat dengan Mongkut. Krommuen Nuchitchinorot dan Detadison berpendapat bahawa pada ketika itu

bukanlah masa yang sesuai bagi Mongkut untuk memikirkan tentang takhta dan kerajaan, manakala Kromkhun Itsaranurak mencadangkan Mongkut membuat tuntutan ke atas takhta mengikut hak baginda. Mongkut bersetuju dengan cadangan yang pertama. Baginda memberi jawapan kepada perwakilan Majlis Negara tentang keinginan baginda terus mengekalkan corak hidup kesamian.<sup>2</sup>

Setelah membuat keputusan untuk meneruskan hidup kesamiannya sebagai jalan keluar daripada keadaan politik yang sangat merbahaya, Chao Fa Mongkut memberi perhatian penuh terhadap usaha baginda untuk mendalami ajaran agama. Dengan usaha yang bersungguh-sungguh, dalam jangka masa tiga tahun kemudiannya. Mongkut menjadi seorang *chao* pertama yang menduduki peperiksaan am yang diadakan bagi golongan sami. Lebih memeranjatkan lagi ialah keupayaan Mongkut yang berjaya lulus dalam semua peringkat menterjemah kitab suci daripada bahasa Pali ke bahasa Thai yang baginda duduki buat kali pertama.<sup>3</sup> Dengan kejayaan itu, Rama III menganugerahkan baginda pangkat sami *parian* peringkat sembilan iaitu peringkat sami terpelajar. Dengan pengetahuan yang mendalam tentang kitab dan syarat-syarat kehidupan kesamian, Mongkut menyedari tentang penyelewengan dalam amalan ajaran agama Buddha di kalangan sami Thai pada masa itu. Baginda bimbang jikalau tiada langkah-langkah diambil untuk membetulkan atau menghentikan amalan tersebut, maka agama akan menjadi merosot ataupun lenyap. Akhirnya, dengan pertolongan daripada seorang sami berbangsa Mon yang berada di sebuah kuil Wat Bowon Mongkon, Mongkut dapat melancarkan percubaan baginda untuk memulihkan agama dan masyarakat *sangha* Siam. Untuk tujuan tersebut, Mongkut berpindah ke Wat Samoh-rai pada tahun 1829, dan boleh dikatakan bahawa gerakan pemulihan agama yang kemudiannya dikenali dengan nama *Thammayutika Nigaya*, telah dilancar pada tarikh tersebut.

<sup>2</sup> Putera Damrong-rajapubhab, *Kenang-Kenangan*, Bangkok: Penerbitan Bannakan, 2514/1971, m.s. 61 - 3.

<sup>3</sup> *Ibid.*, m.s. 72 - 3, Krommuen Rakronnaret ialah putera yang sentiasa menentang Chao Fa Mongkut, sebagai ketua jabatan hal-ehwal agama, membuat ulasan yang mengecewakan Mongkut apabila Mongkut menjalankan pemeriksaan penterjemahannya. Oleh itu, Mongkut tidak ingin meneruskan ujian baginda.

Tujuan utama gerakan Thammayutika Nigaya ialah membetulkan cara hidup dan amalan *sangha* supaya selaras dengan ajaran kitab suci iaitu *dharma* dan peraturan asas golongan *sangha*. Tidak lama kemudiannya, sami-sami pengikut gerakan Thammayutika Nigaya membuktikan kebolehan mereka dalam hal-hal ajaran agama serta menunjukkan sifat yang tegas. Mongkut dan pengikutnya telah menerima penghormatan daripada masyarakat. Sebenarnya, Mongkut menjadi seorang *sangha* yang agak terkenal sehingga timbulnya banyak khabar angin yang bukan-bukan terhadap baginda. Untuk menghapuskan khabar-khabar angin tersebut, Rama III dicadangkan oleh *senabodi* Putera Mongkut dilantik menjadi ketua/*chao awat* kuil baru yang dibina oleh Putera Wang Na Sakdipholseph pada tahun 1836. Langkah ini bertujuan bahawa dengan dekatnya kuil Bowon Nivet Wihan dengan istana, maka semua cerita yang merosakkan nama baik Mongkut itu akan berhenti. Dikatakan juga bahawa kemungkinan Rama III cuba memperlihatkan hasrat baginda secara tidak rasmi yang baginda ingin memilih Mongkut sebagai pewaris andaiannya. Perarakan membawa Mongkut ke *Wat Bowon* dibuat mengikut bentuk perarakan Putera yang bertaraf Wang Na.<sup>4</sup>

Selama dua puluh tujuh tahun dalam kesamian, Mongkut mempergunakan kebebasan seorang sami untuk menziarahi tempat-tempat yang bersejarah di seluruh Siam. Biasanya, seorang *chao* tidak boleh keluar dari ibu kota disebabkan oleh kecurigaan pihak berkuasa bahawa mereka akan melakukan sesuatu yang mengancam kuasa rajanya. Tetapi sebagai sami, Mongkut dianggap tiada berpangkat selain sebagai seorang sami sahaja, dan oleh itu, baginda dapat melawat ke mana sahaja tanpa halangan daripada kerajaan. Jadi, Mongkut mendapat peluang melawat wilayah-wilayah seperti Ratburi, Ayudhya, Nakhon Sawan, Phitsanulok, dan melihat keadaan hidup sebenar rakyat jelata. Pengalaman ini banyak membantu pentadbiran baginda apabila menaiki takhta untuk menjalankan beberapa rancangan pemulihan bagi memperbaiki keadaan itu. Satu kesan ziarah itu ialah penemuan batu bersurat Raja Ram Kamhaeng yang memerintah ibu kota Sukhothai pada abad ke-13, yang membuka minat Mongkut dalam bidang arkeologi. Sebenarnya pendekatan Mongkut yang berminat mempelajari dan memahami bidang pengetahuan ini menggalakkan

<sup>4</sup> *Ibid.* m.s. 84 - 5.

baginda mempelajari ilmu Barat seperti sains, matematik, bahasa Inggeris dan Latin, dan lain-lain. Mongkut meluaskan skop kefahaman dan pengetahuan baginda terhadap dunia barat, dan menyedari kedudukan Siam berdepan dengan kuasa-kuasa itu. Kefahaman Mongkut dalam hal dunia Barat ini dihargai oleh Rama III yang memilih baginda sebagai penasihat khas kerajaan dalam urusan perundingan dengan kuasa Barat.

Pada bulan April 1851, apabila Rama III mangkat, Majlis Negara berpendapat bahawa Putera Mongkut merupakan calon yang paling layak menjadi pengganti Rama III. Mongkut menerima jempunan Majlis untuk menaiki takhta Siam dengan satu syarat iaitu adik kandung baginda, Chao Fa Chathamani, dilantik sebagai Wang Nanya tetapi dengan gelaran yang lebih tinggi daripada gelaran Wang Na. Mongkut melantik Chathamani menjadi Raja Siam kedua dengan nama Sondet Phra Pin Klao. Diterangkan bahawa tindakan Mongkut ini bertujuan untuk mencegah cita-cita adik baginda yang sangat berkebolehan itu melakukan sesuatu rancangan buruk terhadap baginda.<sup>5</sup> Walaupun hubungan di antara kedua-dua adik beradik ini tidak menjadi rapat, disebabkan oleh sikap Mongkut yang sangat sensitif terhadap pencapaian Pin Klao dalam hal-hal seperti sains dan teknologi dan bahasa Inggeris, tetapi tidak pernah timbul tindakan Pin Klao yang bertujuan bersaing hebat dengan kakandanya dalam bidang *bunbarami* seperti yang telah berlaku antara Rama I dengan Wang Na baginda.

Mongkut memerintah Siam selama tujuh belas tahun. Sepanjang masa tersebut, baginda menunjukkan sikapnya terhadap bahayanya ancaman dari luar dan mencuba sedaya upaya untuk menyelamatkan negerinya. Walaupun berjaya, Mongkut menjadi raja dinasti Chakri pertama yang terpaksa menyerahkan sebahagian empayarnya secara rasmi kepada musuh baru Siam iaitu Perancis. Pada masa pemerintahan baginda juga berlaku keruntuhan

<sup>5</sup> D.K. Wyatt, *Thailand, A Short History*, New Haven: Yale University Press, 1984, m.s. 182; Lihat juga Damrong, *Kenang-Kenangan*, *op.cit.*, m.s. 112-3 yang mengatakan bahawa faktor yang menyebabkan Mongkut melantik adinda baginda sebagai Raja Kedua ialah kerana kepercayaan baginda bahawa Putera Chutamani mempunyai horoskop yang lebih cerah dan berkuasa daripada baginda. Jadi untuk menghalang berlaku kejadian yang tidak diingini ke atas baginda, maka Putera Chutamani terpaksa dijempit menduduki "takhta".

kuasa dan pengaruh institusi raja dan kekuatan golongan *khun-nang* terutamanya, keluarga Bunnag.

### Raja Chulalongkorn (1868-1910)

Chulalongkorn mungkin merupakan raja dinasti Chakri yang paling terkenal. Baginda dilahirkan pada 20 September 1853. Baginda merupakan putera sulung Mongkut dengan permaisurinya iaitu Permaisuri Ramphaei atau Dhebsirin, iaitu cucunda Rama III. Oleh itu, Chulalongkorn merupakan keturunan langsung Rama IV dan Rama III. Chulalongkorn juga dilahirkan dengan pangkat Chao Fa, dan dilihat sebagai pewaris takhta Siam terutamanya selepas kemangkatan Raja Pin Klao pada tahun 1864. Sejak awal lagi, Mongkut berazam memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada keperluan seorang putera yang akan menjadi pemimpin masyarakat pada masa Siam menghadapi ancaman sosiopolitik dari luar kepada Chulalongkorn. Oleh itu, baginda mencampurkan sistem pendidikan tradisional yang memerlukan seorang putera supaya fasih dalam bahasa ibundanya, sastera dan seni, dan kemahiran dalam bidang ketenteraan, dengan sistem pendidikan moden yang berasaskan sistem pelajaran Barat. Untuk mencapai matlamat itu, Mongkut mencari guru bahasa Inggeris yang berpengalaman untuk mengajar putera-putera baginda. Guru pertama yang datang ke Bangkok ialah Puan Anna Leonowens.<sup>6</sup> Pada masa itu, Chulalongkorn diajar bahasa Inggeris serta beberapa mata pelajaran seperti geografi, kebudayaan dan falsafah Barat. Selain itu, Mongkut memberi peluang kepada Chulalongkorn untuk memahami dan memerhati pelaksanaan hal pentadbiran melalui perantisan (*apprenticeship*) dengan baginda sendiri, serta dengan penyertaan Chulalongkorn dalam perjumpaan dengan tetamu-tetamu dari Barat.

Chulalongkorn dinaikkan pangkat menjadi *krommuen* apabila berumur tiga belas tahun. Kemangkatan Phra Pin Klao dan dua orang putera Mongkut yang dilahirkan sebelum Mongkut memasuki kesamian pada tahun 1866-1868, menjelaskan lagi kedudukan Chulalongkorn sebagai calon yang paling layak menaiki

<sup>6</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai Anna Leonowens, lihat bukunya, *English Governess at the Siamese Court*, dan A.L. Moffat, *Mongkut, The King of Siam*. Ithaca: Cornell University Press, 1968.





Chulalongkorn (1868-1910)

takhta Siam. Satu peristiwa telah berlaku yang menunjukkan ke-bimbangan Mongkut terhadap masalah penggantian takhta selepas kematiannya. Dalam peristiwa itu, Mongkut mengumumkan di dalam dewan biara *Wat Patung Buddha Zamrud* bahawa jika salah seorang daripada empat orang putera yang layak iaitu Krommuen Phikanesuan-surasangkat/Chulalongkorn, Krommuen Bamrabporapak, Krommuen Worachak-tharanubhab, dan Krommuen Aksonsatsanasobhon, dipilih sebagai pengganti baginda, Mongkut bersetuju dengan keputusan itu.<sup>7</sup> Krommuen Bamrabporapak merupakan seorang putera Rama II yang berpangkat Chao Fa, dan berkedudukan sama dengan Mongkut semasa akhir pemerintahan Rama III. Krommuen Worachak-tharanubhab pula adalah seorang putera Rama II yang berpangkat Phra Ong Chao dan mempunyai kebolehan dan berpengalaman luas dalam pentadbiran. Oleh itu, kedudukan beliau adalah sama jika dibandingkan dengan Rama III pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama II. Seterusnya Krommuen Aksonsatsanasobhon pula merupakan seorang putera sulung Rama III yang berpangkat Phra Ong Chao, dan kedudukannya sama dengan Rama III semasa pemerintahan Rama II. Krommuen Phikanesuan/Chulalongkorn yang masih muda dan berpangkat Chao Fao berkedudukan sama dengan Mongkut semasa pemerintahan ayahanda baginda. Sebenarnya, senarai nama putera yang kononnya disebut oleh Mongkut sebagai calon takhta yang layak itu, hanya mencerminkan kepada kita betapa rumitnya syarat-syarat pengganti raja Siam pada zaman tradisional.

Pada asasnya, dipercayai bahawa Mongkut membuat suatu rancangan untuk menentukan kelicinan pengganti takhta. Baginda berharap bahawa pada tahun 1873, semasa Chulalongkorn berumur dua puluh tahun, Mongkut akan bersara dan melantik Chulalongkorn sebagai penggantinya. Tetapi rancangan itu tergugat apabila Mongkut mengalami demam malaria, selepas mengadakan lawatan ke kampung Waa Kor di wilayah Prachuabkirikhan, untuk melihat gerhana matahari pada bulan Ogos 1868. Akhirnya 1 Oktober 1868, baginda telah mangkat. Chulalongkorn hanya berumur lima belas tahun dan juga mengalami demam malaria yang teruk. Sebelum baginda mangkat, Mongkut telah bertitah kepada pembesarnya iaitu Chao Phraya Si Suriyawong bahawa jikalau

<sup>7</sup> M.R. Kukrit Pramoj, *Tulang-rangka Dalam Almari*. Bangkok: Penerbitan Chayarith, 2514/1971, m.s. 39.

Putera Chulalongkorn dipilih menjadi raja Siam, baginda meminta jasa baik Si Suriyawong untuk memegang jawatan pemangku raja sehinggalah Chulalongkorn dewasa.\* Sebelum itu, Mongkut telah diberitahu oleh Phraya Surawong Waiyawat (Won Bunnag), anak sulung Si Suriyawong bahawa golongan putera dan *khunnang* meramalkan sekiranya Chulalongkorn tidak dipilih menjadi pengganti Mongkut, amat dikhuatiri Siam akan menghadapi kesulitan kerana dipercayai di kalangan pemimpin Barat bahawa putera itu ialah pewaris takhta yang sah. Maharaja Napoleon III, Perancis, pernah menghantar hadiah yang sewajarnya kepada seorang Putera Mahkota Chulalongkorn.<sup>9</sup>

Pada hari yang sama dengan kemangkatan Mongkut, Si Suriyawong mengundang ahli-ahli Majlis Negara menghadiri mesyuarat untuk memilih pengganti Raja Mongkut.<sup>10</sup> Mongkut tidak menamakan pengganti baginda. Majlis Negara sebulat suara memilih Chao Fa Chulalongkorn untuk menggantikan ayahanda baginda, dan melantik Chao Phraya Si Suriyawong menjadi Pemangku Raja yang akan mentadbir Siam bagi pihak Raja Chulalongkorn. Dengan persetujuan Majlis Negara, Si Suriyawong telah memilih Putera George Washington atau Phra Ong Chao Yodyingyot, putera sulung Phra Pin Klao, menyandang jawatan Putera Wang Na dengan gelaran Putera Wang Na Bowon Wichaichan. Korommuen Worachak telah membantah perlantikan Wang Na oleh Majlis Negara dan menganggapnya sebagai melanggar hak dan kuasa raja pemerintah. Tetapi kemudiannya Worachak terpaksa menarik balik bantahannya.<sup>11</sup>

Ketika baginda dipilih menjadi Wang Na kepada sepupunya yang muda, Putera Wichaichan telah berumur tiga puluh tahun dan dianggap sebagai anak buah Si Suriyawong. Sejak kemangkatan Phra Pin Klao pada tahun 1866, Putera Wichaichan mempunyai rancangan yang tetap, iaitu pada siang hari baginda pergi memban-

\* Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-4*, Bangkok Kurusabha, 2521/1978, m.s. 509 – 521.

<sup>9</sup> Putera Damrong-rajannubhab, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-5*, Bangkok: Kurusabha, 2504/1961, m.s. 12 – 13.

<sup>10</sup> Damrong, *Ibid.*, m.s. 18 – 9, ahlinya terdiri daripada 23 orang putera kanan, 20 orang khunnang, dan 2 orang sami.

<sup>11</sup> Tindakan Worachak ini disebabkan oleh kebimbangan putera tersebut terhadap akibat tindakan Mongkut yang menamakannya juga sebagai calon takhta Siam yang layak. Lihat Kukrit, *op.cit.*, m.s. 43 – 48.

tu menjalankan urusan di rumah Chao Phraya Si Suriyawong, dan pada malamnya baginda datang mengadap Mongkut di Istana.<sup>12</sup> Chulalongkorn tidak pernah menunjukkan perasaan tidak puas hati baginda terhadap pengambilan kuasa dan hak baginda mengenai hal perlantikan Wang Na sepanjang pemerintahan pemangku raja Si Suriyawong. Tetapi dalam surat baginda yang ditujukan kepada Putera Mahkota Siam yang pertama, iaitu Putera Vajirunhis, Chulalongkorn menerangkan pengalaman paling pahit baginda pada waktu tersebut;

Ayah merupakan seorang yang tiada lagi mempunyai kepala dan badan pun masih diletakkan di tempat seorang raja yang telah direstui. Ayah memang tidak dapat menerangkan betapa sakitnya penderitaan ayah < pada masa itu > yang menjadi anak yatim secara tiba-tiba. Tambahan lagi beratnya tanggungjawab seorang raja yang mesti didukung menjadi keterlaluan. Terlalu juga musuh-musuh yang bertujuan jahat < terhadap ayah > dari dalam mahupun dari luar negeri...."<sup>13</sup>

Di sepanjang pemerintahan pemangku raja Si Suriyawong, Chulalongkorn meluangkan masanya untuk mempelajari pelbagai aspek pentadbiran mengikut rancangan yang telah dipersetujui oleh Si Suriyawong. Boleh dikatakan bahawa pemangku raja menjalankan tanggungjawabnya terhadap rajanya dengan baik. Beliau menentukan bahawa Chulalongkorn dapat memahami tentang politik dan pentadbiran yang cukup sesuai dengan zamannya. Pada tahun 1872, beliau bersetuju dengan rancangan yang dikemukakan oleh Chulalongkorn hendak melawat beberapa buah negara Barat untuk melihat sistem kerajaannya. Raja Chulalongkorn telah melawat Tanah Melayu, Jawa, dan India. Pengalaman ini sangat berguna kepada baginda apabila baginda memulakan rancangan pemulihannya.

Pemangku Raja Si Suriyawong telah menjadi pemimpin paling berkuasa di Siam sejak tahun 1868. Si Suriyawong adalah anak

<sup>12</sup> Damrong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-5*, *op.cit.* 2, m.s. 82-83.

<sup>13</sup> Chai-Anant Samutwanij dan Khattiya Kannasut, (pengarang), *Dokumen-Dokumen Politik dan Pentadbiran Thai*, Bangkok: Persatuan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 2518/1975, Surat Chulalongkorn kepada Putera Mahkota Siam, Chao Fa Vajirunhit, 8 Julai R.S. 112/1893.

sulung Chao Phraya Phra Khlung yang bergelar Somdet Chao Phraya Borom Maha Prayurawong, dengan Thaiphuying Chan, isteri kanannya. Beliau telah diajar dan dilatih tentang urusan pentadbiran dan politik kerajaan oleh bapa dan saudaranya. Oleh sebab itulah Si Suriyawong (Chuang Bunnag) mempunyai kebolehan dan kebijaksanaan yang ketara sebagai pentadbir dan penggubal dasar. Oleh itu, sejak awal lagi beliau telah dipilih oleh Putera Chetsadabodin untuk membantu baginda di *krom* Tha semasa pemerintahan Rama II. Pada tahun 1835, Chuang yang pada masa itu bergelar Luang Sith Nai Wen; juga memaparkan kebolehannya dalam bidang kejuruteraan dengan membina sebuah kapal asap bernama *Ariel* mengikut teknologi Barat untuk digunakan dalam perkhidmatan kerajaan. Beliau juga mempelajari bahasa Inggeris dan menjadi salah seorang yang dianggap sebagai ahli golongan moden pada zaman pemerintahan Rama III. Pada tahun 1841, Chuang dinaikkan pangkat menjadi Chameun Waiworanat Si Suriyawong, iaitu ketua bahagian biduanda diraja. Sebelum kemangkatan Rama III, beliau dilantik ke jawatan yang lebih tinggi iaitu Phraya Si Suriyawong berdasarkan kebijaksanaanannya menyelesaikan pergolakan politik yang timbul setelah kemangkatan Wang Na Sakdipholaseph.<sup>14</sup>

Keputusan yang diambil oleh keluarga Bunnag untuk menyokong pencalonan Mongkut sebagai pengganti Rama III juga berpunca daripada cadangan Si Suriyawong. Oleh itu, Mongkut menganugerahkan gelaran yang tertinggi kepada Chao Phraya Phra Khlung dan Chao Phraya Siphitphat apabila baginda menjadi raja pemerintah Siam. Si Suriyawong dinaikkan pangkat menjadi Chao Phraya Si Suriyawong Samuhan Kalahom, manakala adiknya yang bernama Kham Bunnag, dilantik menjadi Chao Phraya Thiphakorawang Maha Kosathibodi, ketua *krom* Khlung.

Si Suriyawong merupakan perdana menteri Siam semasa pemerintahan Raja Mongkut, dan bersama-sama bertanggungjawab di atas kejayaan utusan Sir John Bowring untuk membuat perjanjian baru dengan Siam pada tahun 1855. Menurut Bowring, Si Suriyawong;

“Kalau bukan seorang hipokrit yang paling pandai, mestilah seorang patriot. Beliau merupakan seorang yang paling bijaksana, dan ternyata bahawa kebolehannya lebih tinggi daripada

<sup>14</sup> Damrong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-5*, *op.cit.*, m.s. 96-7.

semua pegawai yang telah kami jumpai. Sikapnya berbudi bahasa, dengan tingkah laku yang budiman dan berpendidikan baik."<sup>15</sup>

Selepas kematian ayahnya pada tahun 1855 dan bapa saudaranya pada tahun 1857, Si Suriyawong telah dilantik menjadi ketua keluarga Bunnag dan juga *khunnang* yang paling kanan. Jelas bahawa Mongkut menyedari tentang kuasa dan pengaruh perdana menteri baginda. Oleh itu, baginda meminta Si Suriyawong menerima jawatan pemangku raja kerana putera baginda masih lagi kecil. Tanpa kerjasama dan perlindungannya, nampaknya Chulalongkorn tidak dapat mempertahankan warisan diraja baginda. Mengenai perkara yang telah beberapa kali terjadi peristiwa raja yang berumur muda sering menjadi mangsa kepada *khunnang* yang berkuasa dan berpengaruh. *Khunnang* berjaya mengasaskan dinasti barunya, iaitu dinasti Prasat-thong, pada abad ke-17. Mongkut tidak ingin kejadian seperti itu berlaku kepada Chulalongkorn.

Chulalongkorn memulakan pemerintahannya selepas upacara pertabalah keduanya pada tahun 1873. Si Suriyawong dilantik sebagai penasihat yang sangat dihormati oleh rajanya. Sebelum itu, pada awal pemerintahan baginda, Chulalongkorn telah menunjukkan penghargaan baginda kepada pemangku raja dengan menaikkan lagi pangkatnya ke peringkat Somdet Chao Phraya dengan gelaran Somdet Chao Phraya Borom Maha Si Suriyawong. Dalam hubungan yang nampaknya harmoni itu, wujud persaingan hebat di antara raja yang berusia muda dengan pemangkunya yang telah berumur enam puluh tahun itu. Persaingan tersebut dapat diterangkan dengan beberapa faktor, yang penting di antaranya ialah perbezaan mereka dari segi umur, pandangan, dan persaingan politiknya. Jelas bahawa Chulalongkorn tidak mengampunkan Si Suriyawong mengenai tindakan-tindakan *khunnang* itu yang merosotkan kuasa dan pengaruh institusi raja, termasuk juga perlantikan Wang Na tanpa perbincangan dengan baginda. Si Suriyawong juga kerap melihat pemikiran rajanya sebagai sesuatu yang melanggar adat dan berbahaya.<sup>16</sup> Hakikat bahawa Chulalongkorn terpaksa

<sup>15</sup> Sir John Bowring. *The Kingdom and People of Siam*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, Jilid. 2, m.s. 282 - 3.

<sup>16</sup> Natwuth Suthisongkram. *Somdet Chao Phraya Borommaha si Suriyawong*, Bangkok: Phraephittaya, 2516/1973, jilid 2, bab 1.

mengikuti hasrat dan cadangan pemangkunya dalam tempoh lima tahun pertama pemerintahannya, juga adalah sukar kepada raja yang selalu insaf tentang tugas dan tanggungjawab. Walau bagaimanapun, semua perbezaan itu dapat dikawal baik oleh kedua-dua pihak, sebab mereka menyedari adanya ancaman dari luar yang boleh menghancurkan kedaulatan Siam jika terjadi perselisihan di antara mereka.

Menjelang tahun 1910, boleh dikatakan bahawa kedudukan Siam dan institusi raja telah banyak berubah. Sekurang-kurangnya, kedaulatan dan keselamatan Siam dari ancaman penjajahan Barat telah terjamin, walaupun dalam peta Siam menunjukkan Bangkok telah kehilangan lebih kurang satu pertiga wilayah daripada sejak zaman pemerintahan Rama III. Siam tidak lagi bertaraf sebagai kuasa terbesar di Asia Tenggara. Sungguhpun begitu, Siam berada dalam keadaan yang selamat dan sedang dalam proses memulihkan hak-hak istimewa yang telah terpaksa diserahkan kepada kuasa Barat melalui perjanjian pada tahun 1907 dan 1909 yang dibuat dengan Perancis dan Inggeris. Selain itu, Siam juga merupakan sebuah negeri yang bebas dan berdaulat di rantau ini. Semasa Chulalongkorn menjadi raja keadaan dalam negeri menunjukkan kekuatan mutlak institusi raja yang sangat berbeza kerana sebelum itu institusi raja menjadi lemah dan kehilangan kuasa. Sebenarnya, sistem raja berkuasa mutlak mencapai kemuncaknya pada masa pemerintahan Chulalongkorn sahaja apabila kuasa raja adalah mutlak pada teori dan praktisnya. Golongan *khunnang* hanya menjadi pegawai yang bergantung pada rajanya untuk segala pengiktirafan sosial dan ekonominya. Sistem pentadbiran juga telah berubah. Sistem *Jatusadom* telah digantikan oleh sistem kabinet dan kerajaan pusat. Melaluinya, Siam telah dapat disatukan di bawah kepimpinan dinasti Chakri. Semua perubahan ini tercapai dengan usaha Chulalongkorn dan penyokong-penyokong baginda, terutamanya Putera Damrong dan Putera Devawongse.

Chulalongkorn mangkat pada 23 Oktober 1910. Baginda berusia lima puluh tiga tahun dan telah memerintah Siam selama empat puluh tujuh tahun, yang merupakan raja dinasti Chakri yang paling lama memerintah Siam. Kemangkatannya dilihat sebagai tamatnya zaman keemasan Siam yang menjamin keselamatan dan kestabilan kepada rakyatnya. Sebagai tanda kasih sayang dan kehormatan tertinggi kepadanya, rakyat Siam telah mempersembahkan dua gelaran khas kepada raja mereka yang amat bijaksana.

Gelaran-gelaran tersebut ialah Somdet Phra Piya Maharaja atau Raja Maha Besar yang Amat Dikasihi; dan Somdet Phra Phutta-chao Luang. Putera Mahkota Vajiravudh, putera sulung Chulalongkorn dengan Permaisuri Saowabha-phongsi, telah menggantikan baginda memerintah Siam.

## II. Pemerintahan Raja Mongkut 1851-1868

Pada umumnya, semasa pemerintahan Raja Mongkut, jika dilihat dari segi politik sahaja, menyaksikan kemerosotan kuasa institusi raja dalam hubungannya dengan golongan *khunnang*. Walaupun begitu, tempoh dari tahun 1851 hingga 1868 merupakan permulaan proses pemodenan Siam lantaran timbulnya kesedaran Mongkut dan penyokong-penyokong baginda, khasnya Si Suriyawong, mengenai ancaman terbesar dari kuasa penjajahan Barat ke atas Siam. Kegagalan British dan Amerika Syarikat pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Rama III untuk berunding semula mengenai syarat-syarat perjanjian baru bagi perniagaan dan persahabatan, dilihat oleh golongan pemimpin baru Siam sebagai suatu kejadian yang amat berbahaya terhadap kedaulatan Siam. Mereka mempercayai bahawa dengan suasana politik dan ekonomi baru masyarakat antarabangsa di Asia yang memperlihatkan keunggulan kuasa tentera dan teknologi Barat itu, Siam tidak mempunyai pilihan kecuali bersetuju dengan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kuasa Barat ke atas Siam jika negeri itu ingin menyelamatkan kedaulatannya. Jadi, Siam mesti mengubah sikapnya yang kurang bertolakansur yang diamalkan oleh Rama III dan pegawai-pegawai kanan baginda. Mongkut berpendapat bahawa kesulitan yang dihadapi dari segi politik dan diplomatik itu boleh diatasi dengan pelaksanaan rancangan pemulihan beberapa aspek tradisional Thai yang tidak dipandang tinggi oleh dunia Barat, dan menggantikannya dengan aspek-aspek moden mengikut kefahaman Barat. Aspek moden yang mesti diperkenalkan ialah pendidikan Barat untuk golongan atasan, terutamanya putera-putera raja. Menurut Mongkut, baginda mempercayai yang pendidikan Barat merupakan suatu alat yang paling sesuai kepada generasi baru Thai bagi mengatasi kerumitan yang timbul akibat sikap orang Barat yang memandang rendah terhadap masyarakat tempatan. Selain itu, usaha Mongkut sendiri untuk menyelamatkan Siam pada zaman baginda adalah melalui cara diplomatik dan pemulihan pelbagai aspek sosiopolitik



Siam yang mengubahsuaikan gambaran Siam mengikut kefahaman Barat.

(a) *Perjanjian Bowring 1855*

Perjanjian Bowring merupakan bukti penting bagi mengesahkan dasar diplomatik Mongkut dan kerajaan baginda yang bertujuan untuk menjalin hubungan baik dengan kuasa-kuasa Barat. Kerajaan British telah menghantar Sir John Bowring ke Siam untuk berunding tentang syarat-syarat perniagaan dan diplomatik baru yang akan menentukan kepentingan Inggeris di Siam. Utusan Sir John Bowring dihantar ke Bangkok setelah kegagalan utusan Sir James Brooke pada tahun 1851. Sebenarnya, Inggeris telah merancang hendak menghantar utusan ke Siam sebaik sahaja Mongkut menaiki takhta untuk memperolehi syarat-syarat yang diinginkannya. Mongkut meminta agar penghantaran utusan itu ditunda sehingga selepas upacara pembakaran mayat Rama III, kerana,

"sekiranya utusan kedutaan Inggeris sampai ke negeri beta sebelum tamatnya upacara tersebut, ini akan amat menyusahkan pihak beta."<sup>17</sup>

Menurut *Phongsawadan Masa Pemerintahan IV* Sir John Bowring sampai di Bangkok dengan menaiki kapal *Rattle* pada bulan Mac 1855, dan disambut dengan penuh kehormatan. Mongkut telah memutuskan jawatankuasa khas untuk berunding dengan wakil-wakil kerajaan Inggeris mengenai perjanjian baru yang akan ditandatangani di antara kedua-dua buah negeri. Jawatankuasa itu terdiri daripada Kromluang Wongsathiratsanit, adik kepada Mongkut: Somdet Chao Phraya Borom Maha Prayurawong < Chao Phraya Khleng (Dit Bunnag) >; Somdet Chao Phraya Borom Maha Phichaiyat < Chao Phraya Siphiphat (Tat Bunnag) >; Chao Phraya Si Suriyawong (Chuang Bunnag); dan Chao Phraya Thiphakorawong (Kham Bunnag), anak Dit Bunnag.<sup>18</sup> Tetapi kuasa sebenar yang berada di belakangnya ialah Mongkut dan Si Suriyawong. Kedua-dua pemimpin yang dianggap progresif itu menyedari tentang kekuatan tentera British dan keazamannya untuk memperolehi surat perjanjian baru dari Siam. Dalam

<sup>17</sup> Moffat, *op.cit.*, m.s. 43.

<sup>18</sup> Thiphakorawong, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-4*, *op.cit.*, m.s. 132-3

keadaan itu, Siam terpaksa menerima semua syarat penting yang dituntut oleh British. Akhirnya perjanjian Bowring telah ditandatangani tanpa sebarang masalah. Dalam jangka masa dua minggu, utusan British itu telah kembali dengan membawa surat perjanjian baru untuk pengesahan kerajaan British.<sup>19</sup> Bowring telah memuji Mongkut di atas kejayaan perjanjian itu.

"Raja Mongkut menjadi suatu teladan kepada semua raja. Baginda bijak dalam bidang-sastera, ilmu sains dan falsafah Barat. Sesungguhnya, kebijaksanaan dan kebolehan baginda dalam ilmu moden yang sangat maju itu menyusahkan orang lain untuk memahami rancangan atau tujuan pentadbiran baginda. Dalam keadaan begini, walaupun Siam telah membuka pintu kepada perniagaan asing, masih terdapat pelbagai aspek yang menghalang perlaksanaannya. Biar apa pun, Mongkut tidak berputus asa tetapi penuh yakin boleh menjalankan dasar-dasarnya untuk kemajuan dan perkembangan negerinya."<sup>20</sup>

Syarat-syarat penting Perjanjian Bowring ialah mengenai cukai import-eksport dan hak wilayah asing. Mengikut Perjanjian itu, Siam dikehendaki menjalankan sistem perniagaan dan ekonominya berdasarkan prinsip *laissez-faire* ataupun perniagaan bebas. Cukai import Siam ditetapkan tiga peratus daripada harga bahan-bahan yang berkenaan, manakala cukai eksportnya tidak boleh melebihi lima peratus. Sistem monopoli diraja yang dikatakan telah muncul semula pada tahun-tahun 40-an telah dihapuskan, kecuali cukai candu. Rakyat Inggeris dibenarkan tinggal di Siam dan boleh memiliki tanah. Kerajaan Siam tidak boleh mengutip cukai tanah dan harta orang Inggeris dengan kadar cukai yang lebih tinggi daripada kadar biasa. Dengan memberikan hak wilayah asing kepada kerajaan British, jelas menunjukkan melanggar kedaulatan Siam. Hak wilayah asing membenarkan kewujudan kuasa kehakiman negeri asing di dalam negeri Siam untuk menjamin hak rakyat negeri tersebut. Kewujudan tersebut telah merendahkan kuasa kehakiman Siam kerana Siam tidak mempunyai kuasa langsung ke atas rakyat Inggeris walaupun jika berlakunya kes yang melibatkan rakyat Thai.

<sup>19</sup> *Ibid.*, m. s. 134.

<sup>20</sup> Sir John Bowring, *op. cit.*

Perjanjian-Bowring yang ditandatangani pada tahun 1855 merupakan perjanjian yang tidak seimbang. Perjanjian ini telah menamatkan kedudukan Siam sebagai negeri yang setaraf dengan negeri-negeri Barat yang dahulunya disahkan oleh Perjanjian Burney tahun 1826. Walaupun begitu, pada tahun 1855, Siam tidak ada pilihan lain sekiranya ingin mengekalkan kedaulatannya. Sebab penting yang memaksa Siam menerima syarat-syarat perjanjian yang merendahkan kedudukannya di kalangan kuasa antarabangsa boleh dirumuskan seperti berikut: ketakutan pemimpin Siam terhadap pencerobohan Inggeris yang nampaknya akan pasti berlaku disebabkan oleh kegagalan utusan Brooke pada tahun 1851; kesedaran golongan pemimpin progresif Thai yang termasuk juga Mongkut, Phra Pin Klao, dan Si Suriyawong, tentang perubahan suasana politik di Asia, akibat kemenangan pihak Inggeris ke atas China dalam perang Candu tahun 1840-1842 yang memaksa China menerima kedudukan yang amat hina kepada sebuah negeri yang sentiasa dianggap negeri paling berkuasa di Asia. Jika China tidak mampu mempertahankan dirinya menentang Inggeris, bagaimana pula Siam berani melaksanakan dasar menentanginya? Sebab yang lain ialah keinginan pemimpin Thai untuk menjalin hubungan ikhlas dengan British melalui kerelaan Siam berunding dengan pihak British mengenai perjanjian baru dalam suasana kemuliaan dan keikhlasan.<sup>21</sup>

Bagi Inggeris, mereka berazam hendak meluaskan perniagaannya di rantau Asia Tenggara selepas kemenangannya ke atas China dalam Perang Candu yang berlaku pada tahun 1842. Dalam pada itu pula timbul keadaan yang tidak seimbang dalam hubungan perniagaan dengan Siam pada akhir pemerintahan Rama III kerana syarat-syarat dalam Perjanjian Burney tidak begitu menyeluruh. Pihak Inggeris menganggap penting untuk menandatangani perjanjian baru dengan Bangkok supaya dapat menjalankan tindakan perniagaan mereka mengikut prinsip *laissez-faire*. Sebenarnya Mongkut dan penyokongnya menyedari tujuan British itu dan sanggup menerima tuntutan British dan menyelamatkan kedaulatan Siam. Untuk mengurangkan pergantungan Siam kepada Bri-

<sup>21</sup> Moffat, *op.cit.*, m.s. 44-5, Surat Mongkut kepada Bowring 18 Julai 1854, yang menyebutkan, "Sila beritahu pegawai kita mengenai tarikh ketibaan Yang Mulia ke Bangkok, supaya akan membolehkan mereka menyediakan persiapan untuk menyambut Yang Mulia dan ahli-ahli perwakilan Yang Mulia dengan penuh kemuliaan serta dengan kehormatan yang sepatutnya."

tish seperti yang berlaku di Myanmar, Mongkut menggunakan dasar Rama III yang menggalakkan negeri-negeri Barat yang lain untuk membuat perjanjian yang sama coraknya dengan Perjanjian Bowring. Dengan itu, pada tahun 1856, Siam telah menandatangani perjanjian perniagaan dan persahabatan dengan Amerika Syarikat dan Perancis. Pada tahun-tahun berikutnya, Siam telah membuat perjanjian dengan beberapa buah negeri di Eropah.

Kesan Perjanjian Bowring boleh diteliti daripada beberapa aspek. Dari segi perniagaan dan ekonomi, kesan yang baik ialah perkembangan pesat dalam bidang pertanian, terutamanya dalam penanaman padi, dan beras telah menjadi bahan perniagaan yang sangat diperlukan untuk dieksport. Kerajaan Siam memperkenalkan beberapa langkah untuk menggalakkan petani dan pesawah menanam lebih banyak padi. Misalnya, langkah mengurangkan cukai tanah sawah dan meninggikan harga beras di pasaran dalam negeri. Perkembangan perniagaan juga menekankan keperluan wang tunai dalam urusan perniagaan dalam negara. Mongkut cuba mengatasi masalah itu dengan membina sebuah kilang duit pada tahun 1860. Tindakan ini juga telah membantu perkembangan ekonomi perniagaan dan kewangan negara Thai. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa Perjanjian Bowring telah mempercepatkan lagi perkembangan ekonomi negara Thai secara menyeluruh.

Sungguhpun begitu, terdapat juga beberapa masalah yang timbul akibat termetrinya Perjanjian pada tahun 1855 itu. Sebelum itu sumber pendapatan raja ialah *corvee/ratchakan* atau gantinya yang dibayar oleh *phrai*, cukai dan keuntungan daripada eksport dan pelbagai cukai dalam negara. Tetapi keruntuhan pengaruh institusi raja dalam hubungannya dengan *khunnang* telah mengakibatkan berkurangnya pendapatan raja dan kerajaan kerana *khunnang* dan *chao phasi* biasanya bersetuju terlebih dahulu menyimpan sebahagian daripada pendapatan kerajaan iaitu ladang cukai tertentu sebagai pendahuluannya sebelum menyerahkannya kepada kerajaan. Walaupun tindakan mereka tidak begitu menjejaskan pendapatan raja pada zaman itu disebabkan oleh kemakmuran ekonomi Thai, tetapi dengan termetrinya Perjanjian Bowring yang menetapkan kadar cukai import dan eksport Siam yang rendah, maka pendapatan kerajaan merosot, terutamanya beberapa tahun sebelum Siam dapat menyesuaikan ekonominya dengan keadaan yang baru. Raja dan kerajaan sering menghadapi masalah kekurangan wang untuk menjalankan rancangan-

rancangannya. Raja semakin bergantung pada kerjasama *khunnangnya* untuk mentadbir Siam dengan lebih berkesan. Dasar perniagaan Perjanjian itu telah merosakkan lagi kedudukan raja pemerintahan Siam.

Dari segi sosial, terdapat beberapa perkembangan fizikal di Bangkok dan kawasan sekitar ibu kota. Perluasan skop perniagaan menimbulkan keperluan kemudahan asas di Bangkok. Tujuan utama membina kemudahan ialah untuk memberi kemudahan kepada penduduk asing, khasnya orang Barat yang tinggal dan berniaga di Bangkok. Selain itu, terdapat juga desakan mempercepatkan sistem pengangkutan awam untuk perniagaan. Oleh itu, beberapa terusan telah dibina, contohnya, Terusan Phadungkrung-kasem tahun 1852, Terusan Makasawad tahun 1857, dan Terusan Thanon Throng tahun 1860. Pada masa ini juga, jalan raya telah mula dibina. Jalan raya Chareonkrung, Bamrung-muang, dan Fueng Nakhon dibina atas desakan penduduk Barat yang tinggal di Bangkok kepada Mongkut. Mongkut juga menjelaskan perlunya membina jalan raya;

"Penduduk dari Eropah biasanya menaiki kereta atau menunggang kuda untuk pergi makan angin supaya dapat mengekalkan kesihatan mereka. Tetapi apabila mereka berada di Bangkok tiada jalan raya untuk kereta atau kuda. Akibatnya, mereka selalu jatuh sakit <Mongkut pun berpendapat bahawa> ...negerinya yang lain semua mempunyai jalan raya yang cantik dan bersih. Di negara kita, hanya terdapat pokok-pokok yang berteras batang dan rimbun daunnya, jalan pun sempit dan tidak teratur. Keadaan ini amat memalukan kita kepada orang asing. Mereka membuat rayuan ini sebenarnya merupakan suatu cadangan untuk kita mengatur dan mengindahkan negara kita ...."<sup>22</sup>

Dengan perkembangan perniagaan, jumlah penduduk asing di Bangkok bertambah ramai. Bangkok terpaksa menyediakan kemudahan asas dan meningkatkan imej Siam sebagai negara yang "sedang membangun". Selain itu, Mongkut juga menubuhkan pasukan polis untuk menjaga keselamatan nyawa dan harta benda orang Barat di Bangkok. Langkah ini memang mustahak kerana dengan keselamatan yang terjamin, Siam dapat mencegah kuasa

<sup>22</sup> *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-4, op.cit.*, m.s. 259 - 260.

asing campur tangan dalam hal-ehwal negara dengan alasan menjamin kepentingan rakyatnya yang tidak mendapat perlindungan yang terjamin daripada pihak berkuasa Siam. Jadi, walaupun sistem *phrai-nai* bertujuan menjaga keselamatan masyarakat Thai, tetapi pasukan polis yang ditubuhkan itu adalah untuk menjaga keselamatan orang asing.

Dari segi diplomatik, Siam terpaksa menerima kedudukan kuasa kelas dua dalam masyarakat antarabangsa kerana tidak lagi mempunyai hak mutlak ke atas hal-ehwal negara, terutamanya dalam bidang perniagaan dan kehakiman. Sekalipun Siam masih dianggap sebagai negara bebas dan berdaulat, tetapi Siam telah kehilangan sebahagian daripada kedaulatannya. Lagipun, Siam juga bersikap bertolak ansur dalam hubungannya dengan kuasa-kuasa Barat. Kedudukan separuh bebas ini menjadi semakin ketara pada zaman pemerintahan Chulalongkorn apabila Siam terpaksa berkompromi dengan pihak Inggeris dan Perancis, walaupun dasar itu merugikan kepentingan negara. Siam terpaksa menerima kedudukan yang kurang mulia di mata masyarakat antarabangsa ini sehingga selepas Perang Dunia I.

#### (b) *Pemulihan di Peringkat Permukaan*

Pada keseluruhannya, dasar pemulihan yang dilaksanakan oleh Raja Mongkut tidak bertujuan untuk menukar keadaan sosiopolitik tradisional Siam tetapi untuk membuktikan kepada orang Barat bahawa Siam berkebolehan memodenkan beberapa aspek yang dianggap masih mundur. Contohnya, Siam masih ditadbir oleh sistem *Jatusadom*, walaupun sistem ini kurang cekap mengendalikan keadaan sosiopolitik sezaman. Tujuan Mongkut hanya untuk meninggikan imej Siam dalam kefahaman orang Barat iaitu Siam merupakan sebuah negeri yang beradab dan bertamadun. Sungguhpun demikian, terdapat juga rancangan-rancangan pemulihan yang memperlihatkan hasrat Mongkut untuk meringankan beban sosial rakyat jelata.

Pemulihan yang menegaskan kepercayaan Mongkut terhadap tanggungjawab raja kepada masyarakat, termasuklah pengumuman baginda terhadap pelaksanaan upacara minuman air ketaatan; penghapusan adat tertentu yang tidak sesuai kepada suasana semasa; syarat menjual isteri dan anak dan sebagainya. Mengenai pengumuman upacara minum air ketaatan, Mongkut

menunjukkan bahawa raja juga patut meminum air itu bersama-sama dengan *khunnang* dan putera. Ini bererti bahawa raja menegaskan tanggungjawabnya terhadap negeri dan keikhlasan semua pembesarnya.<sup>23</sup> Sebelum zaman baginda, tiada seorang raja yang pernah mengakui secara rasmi kewajipan diraja terhadap rakyat dan pembesarnya dengan meminum air ketaatan. Tindakan Mongkut ini menjadi tanda yang jelas tentang sikap Mongkut yang memandang berat tanggungjawabnya.

Sebenarnya, salah satu daripada pemulihan adat yang pertama dilakukan oleh Mongkut semasa menaiki takhta ialah suruhan baginda kepada *khunnang* untuk memakai baju semasa mengadap raja. Menurut Mongkut,

"... adat kita yang tidak memakai baju apabila mengadap raja ini ... menggambarkan kita seolah-olah telanjang.... Di negara lain yang bertaraf tinggi, rakyatnya memakai baju. Yang tidak memakai baju hanya orang Lawa, Lao, dan orang hutan sahaja. Mereka semua dipandang rendah. Siam merupakan sebuah negeri besar dan mempunyai banyak adat resam. Jadi tidak patut kita mengikut adat sejak zaman purba yang bercorak tabiat orang hutan itu."<sup>24</sup>

Mongkut telah menghapuskan beberapa adat, contohnya adat melarang rakyat memandang raja semasa berhadapan dengan raja. Menurut undang-undang, hukuman kerana melanggar adat tersebut ialah membutakan mata seseorang yang melakukan kesalahan itu. Mongkut menghapuskan adat tersebut dan mengizinkan rakyat baginda melihat muka baginda serta membuat rayuan kepada raja secara peribadi. Percubaan Mongkut seperti ini mencerminkan keinginan raja untuk menjalin hubungan yang agak rapat dengan rakyatnya, serta meringankan kesusahan rakyat.

Mengenai amalan menjual isteri dan anak menjadi hamba, Mongkut juga menunjukkan sikap bertimbang rasa terhadap mangsanya. Sebelum zaman baginda, seorang suami atau bapa mempunyai hak mutlak ke atas isteri dan anak-anaknya. Mereka dilihat sebagai harta seorang lelaki. Suami atau bapa boleh melakukan apa sahaja ke atas "harta"nya. Raja Mongkut memahami tentang penderitaan pihak isteri dan anak di bawah kuasa mutlak lelaki yang

<sup>23</sup> Dokumen R.4.9.1 - 10: Dokumen Rampai Semasa Pemerintahan Ke-4. Ucapan Mongkut sempena Hari Keputeraannya yang Ke-60.

<sup>24</sup> *Phongsawadan Masa Pemerintahan Ke-4, op.cit., m.s. 6.*

kurang bertanggungjawab. Oleh itu, baginda mengisytiharkan undang-undang melarang seseorang lelaki menjual isteri atau anaknya menjadi hamba tanpa persetujuan isteri atau anak terlebih dahulu.

Pendekatan liberal Raja Mongkut boleh juga dilihat daripada percubaan baginda memperbaiki sistem kehakiman. Mongkut mengisytiharkan undang-undang yang menetapkan sistem pengundian untuk memilih seorang hakim yang bersikap adil dan jujur, bagi menggantikan sistem perlantikan hakim oleh raja. Tetapi malangnya percubaan itu terpaksa ditarik balik kerana tidak mendapat sambutan baik daripada masyarakat.

Boleh dikatakan bahawa dasar pemulihan yang dijalankan oleh Mongkut dan yang melibatkan orang kebanyakan secara langsung, merupakan suatu percubaan ikhlas yang bertujuan memperbaiki taraf dan keadaan sosial rakyat. Contohnya, suruhan diraja yang melarang *nai* memanggil *phrai* untuk melayan mereka pada musim menuai, adalah untuk memberi peluang kepada rakyat menjalankan urusan peribadinya tanpa halangan daripada pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, langkah-langkah itu tidak mengubah struktur sosioekonomi dan politik Siam yang menjadi punca kesusahan dan ketidakadilan terhadap rakyat. Merka hanya memperlihatkan buat pertama kali, tentang bertanggungjawab timbal balik di antara raja dan rakyat. Mongkut patut dipuji sebagai pemimpin di Asia Tenggara yang bijak jika dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin yang sezaman dengannya.

### (c) *Tekanan Politik Dari Luar*

Kenyataan Raja Mongkut mengenai suasana politik serantau pada masa pemerintahan baginda yang amat menyusahkan Siam dalam usahanya mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negeri, menjelaskan dengan berkesan tekanan politik yang dihadapi oleh Siam. Dalam surat baginda yang bertarikh pada 4 Mac 1867 dihantar kepada ketua utusan diplomatik Thai di Paris, Mongkut bertitah,

"Kita selalu banyak dianyai oleh Perancis kerana kita tidak menunduk kepala kepada keunggulannya, seperti yang telah dibuat oleh Kampuchea. Oleh itu, kita sahaja yang boleh memutuskan apa yang mesti kita lakukan; iaitu sama ada kita



memilih berenang ke hulu sungai untuk bersahabat dengan buaya, atau kita berenang ke laut dan meminta pertolongan ikan paus....<sup>25</sup>

Ulasan Mongkut mengenai Britain (disimbolikkan sebagai ikan paus) dan Perancis (sebagai buaya) ini menggambarkan kesusahannya yang baginda alami disebabkan oleh tekanan politik daripada dua buah negara itu yang bersaing hebat dalam usaha mereka untuk menubuhkan empayar mereka di Asia. Pada keseluruhannya, walaupun Siam menghadapi banyak kekecewaan dalam hubungan Anglo-Thai terutamanya pada tahun-tahun 1860-an, tetapi Mongkut masih lagi berkecenderungan kepada pihak Inggeris daripada Perancis. Mungkin ini disebabkan oleh kebolehan baginda kerana baginda dapat bertutur dalam bahasa Inggeris dan pernah menulis surat kepada Permaisuri Victoria dalam bahasa Inggeris.<sup>26</sup> Sungguhpun begitu, terdapat beberapa faktor lain yang menunjukkan aspek yang membina dan keadilan pihak Inggeris kepada Mongkut. Antaranya, ialah hakikat bahawa pegawai pegawai Inggeris yang dihantar ke Bangkok pada masa pemerintahan Raja Mongkut mempunyai sifat yang membina dan bertimbang rasa terhadap Siam. Contohnya, Sir Robert Schomburg, duta Inggeris pertama di Bangkok, dan Lord John Hay, komander kapal perang Inggeris yang melawat Siam selepas krisis Terengganu, telah menunjukkan sikap yang baik dan dihormati oleh pemimpin Siam. Kebolehan dan sikap bertimbang rasa pegawai British itu sangat berbeza daripada sikap pegawai Perancis seperti M. Gabriel Aubaret, yang bersikap garang dan kasar terhadap pemimpin Siam, termasuk juga terhadap Mongkut. Tidak hairanlah jika Mongkut akhirnya mengambil keputusan sekiranya

<sup>25</sup> Surat Raja Mongkut kepada Phraya Suriyawong-waiyawat, ketua perwakilan ke Paris, 4 Mac 1867, dalam S. & K. Pramoj, *The King of Siam Speaks*, Bangkok, 1948, m.s. 176 – 186.

<sup>26</sup> Mongkut pernah menulis,

Beta merupakan sahabat baik kepada Duli Yang Mulia yang mempunyai hubungan persahabatan yang kukuh dan rapat, perhubungan yang telah juga wujud sejak begitu lama. Oleh kerana beta juga berkebolehan membaca dan menulis dalam bahasa ibunda Duli Yang Maha Mulia, tidak perlu bantuan jurubahasa. Sebaliknya, beta tidak berpengetahuan dalam bahasa Perancis” Surat Mongkut kepada Permaisuri Victoria, 21 Mac 1861, dalam “English Correspondence of King Mongkut”, *JSS XXI*, 1927, 166 – 177.

Siam tiada pilihan lagi dan terpaksa menerima taraf negeri naungan kepada suatu kuasa Barat, baginda lebih sanggup kepada British.<sup>27</sup>

### Hubungan dengan Perancis

Kemunculan Perancis di tanah besar Asia Tenggara pada pertengahan abad ke-19 disebabkan oleh beberapa faktor. Selain kerana persaingan politik dan ekonomi di antara Perancis dan Britain sama ada di Eropah mahupun di Asia, ialah peranan rakyat dan mubaligh Perancis yang memberi pertolongan kepada Putera Nguyen Anh semasa putera itu merebut semula takhta kerajaan Vietnam pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19. Peranan mubaligh ini telah menarik perhatian pihak berkuasa Perancis terhadap Kocin Cina dan kawasan sekitarnya. Dari tahun 1862 - 1867 Perancis berjaya menduduki kawasan Kocin Cina. Pada masa yang sama, Perancis menjalankan dasar meluaskan jajahannya di Asia Tenggara. Di sinilah timbulnya perselisihan kepentingan negara antara Siam dan Perancis. Keazaman Perancis hendak menubuhkan empayarnya di rantau ini boleh dijelaskan berdasarkan sebab-sebab berikut:

Pertama pihak Perancis berpendapat bahawa Sungai Mekong merupakan suatu jalan lagi menuju ke China Selatan. Pada masa itu, kawasan China Selatan merupakan pusat perniagaan yang memberi banyak keuntungan kepada negeri-negeri Eropah yang boleh berniaga dengan China. Perancis memerlukan jalan baru untuk memasuki China Selatan kerana perjalanan biasa iaitu melalui laut adalah di bawah kekuasaan British yang bersaing dalam perniagaan di seberang laut dan berusaha meluaskan tanah jajahan masing-masing.

Kedua, ialah rancangan Perancis untuk membina empayar Perancis di Asia yang meliputi kawasan Kocin Cina, Laos, Kampuchea, negeri-negeri Shan, dan kemungkinan besar tanah tinggi Myanmar dan Siam. Empayar ini akan mengubah kedudukan Perancis sebagai kuasa besar, walaupun Perancis telah tewas di tangan Jerman di Eropah. Dengan penubuhan tanah jajahan Perancis di Kocin Cina pada tahun 1867, jelas bahawa untuk mempertahankan kedudukannya di situ, Perancis terpaksa menguasai

<sup>27</sup> Surat Mongkut kepada Phraya Suriyawong-waiyawat, *op. cit.*

Kampuchea dan Laos, selain menewaskan Tonkin dan Annam yang sebenarnya hanya tercapai pada tahun 1873 dan tahun 1883.

Kedua-dua sebab penting itu menunjukkan bahawa Perancis mesti merebut kawasan sekitar di kedua-dua belah tebing Sungai Mekong dari Siam kerana kawasan itu adalah negeri naungan Bangkok. Keadaan huru-hara yang berlaku di Kampuchea telah memberi peluang kepada Perancis menjalankan dasar agresif.

Putera Narodom menjadi raja Kampuchea pada tahun 1860, dan mengesahkan kedudukan negeri naungan Kampuchea kepada Siam. Pada bulan Julai 1862, Maharaja Tuc Duc menyerahkan tiga wilayah di Kocin Cina kepada Perancis. Dalam beberapa bulan selepas peristiwa itu, pihak Perancis telah menghubungi Raja Narodom dan mencadangkan supaya raja itu menghantar ufti ke Kocin Cina dan bukan ke Annam. Sebagai balasannya, pihak Perancis telah menawarkan perlindungan kepada Kampuchea menentang segala kegiatan pencerobohan dari pihak lain, termasuk juga Siam. Seperti yang telah diketahui, sejak tahun 1848 Kampuchea diakui sebagai negeri naungan Siam, walaupun Kampuchea dibenarkan menghantar ufti ke Hue setiap tiga tahun sekali.<sup>28</sup> Perancis tidak mempunyai hak berbuat demikian. Percubaan pertama Perancis telah gagal. Tetapi pada tahun 1862 - 1863, berlaku pemberontakan menentang Raja Narodom yang menyebabkan raja itu lari ke Bangkok. Dengan pertolongan Siam, Narodom dapat kembali semula ke negerinya. Walau bagaimanapun, apabila Narodom menghadapi tekanan daripada Perancis pada bulan Julai 1863, baginda terpaksa menyerah diri dan menandatangani perjanjian dengan Perancis. Menurut perjanjian itu, Narodom mengakui taraf negeri naungan kepada Perancis, dan Kampuchea menerima perlindungan Perancis untuk menentang Bangkok.

Perundingan Siam dengan Perancis mengenai masalah Kampuchea nampaknya boleh menyelesaikan perselisihan antara kedua-dua buah negeri tersebut. Pada tahun 1864 kedua-dua pihak bersetuju Narodom ditabalkan oleh wakil diraja Siam bersamasama dengan wakil Maharaja Perancis. Siam telah menghantar Phrava Montri Surivawong dengan membawa semua alat kebesaran raja Kampuchea untuk dianugerahkan kepada Narodom di

<sup>28</sup> Lihat bab IV, di atas.

upacara pertabalannya mengikut adat istiadat.<sup>29</sup> Tetapi dalam upacara tersebut, Perancis tidak membenarkan Phraya Montri meletakkan mahkota ke atas kepala Raja Narodom. Seperti yang dijelaskan oleh Phraya Montri Suriyawong kepada Mongkut;

"Patik menjawab yang mahkota itu merupakan penganugerahan Raja kepada Putera Narodom. Oleh itu, patutlah patik yang memberinya kepada Raja Kampuchea. Komander Perancis berkata yang Maharaja di Paris dan Raja Siam adalah sahabat baik. Apa yang menjadi hak kepunyaan Raja Siam, boleh juga dianggap sebagai hak kepunyaan Maharaja di Paris.... Sebenarnya, Komander Perancis itu sanggup berbuat apa sahaja tanpa perasaan malu...."<sup>30</sup>

Sebelum itu, Raja Mongkut membuat keputusan untuk mempertahankan kedudukan Siam di Kampuchea setelah baginda diberitahu mengenai perjanjian Kampuchea dengan Perancis itu. Pada bulan Disember 1863, Narodom menandatangani perjanjian rahsia dengan Bangkok yang mengesahkan kedudukan Kampuchea sebagai negeri naungan Siam. Malangnya, lapan bulan kemudian satu salinan surat perjanjian itu telah diterbitkan dalam surat khabar di Singapura. M. Aubaret, konsul Perancis di Bangkok, menuduh bahawa tindakan Siam itu melanggar persetujuan Bangkok dan Perancis tahun 1864, walaupun perjanjian Siam dengan Kampuchea dibuat sebelum persetujuan tersebut. Mongkut sanggup berunding dengan Perancis untuk menyelesaikan konflik tersebut. Akhirnya, Siam telah menghantar rombongan kedutaan khas ke Paris untuk berbincang dengan kerajaan Perancis. Perundingan dengan Kementerian Hubungan Luar Perancis menghasilkan satu perjanjian yang ditandatangani pada 15 Julai 1867.

Syarat-syarat penting dalam Perjanjian Siam-Perancis tahun 1867 termasuklah pengesahan Siam bahawa Kampuchea adalah negeri naungan Perancis, serta penamatan-perjanjian rahsia yang dibuat dengan Kampuchea pada tahun 1863. Oleh itu, Siam tidak lagi mempunyai hubungan langsung dengan Kampuchea. Selain itu, Bangkok juga mesti membenarkan Perancis menggunakan Sungai Mekong dan anak-anak sungai itu yang mengalir dalam

<sup>29</sup> Mongkut *Surat-Menyurat Raja Mongkut*, Bangkok: Kurusabha, 2506/1963, jilid 1, m. s. 70 - 86, Surat kepada Raja Narodom, Kampuchea, Isnin, Mei 1864.

<sup>30</sup> Dokumen R. 4. 99: 1 - 10, Surat Phraya Montri Suriyawong kepada Samuha Kalahom, Isnin Oktober 1864.

wilayah Siam tanpa halangan. Sebaliknya, Perancis dikehendaki menolak semua tuntutan ke atas wilayah Battambang, Siemreap, dan Sisophon bagi pihak Kampuchea. Konsul M. Aubaret akan keluar dari Siam dalam jangka masa dua atau tiga bulan seperti yang diminta oleh Mongkut.

Pada umumnya, walaupun Mongkut terpaksa menyerahkan Kampuchea kepada Perancis, namun boleh dikatakan bahawa perjanjian Siam-Perancis tahun 1867 ini telah mengecewakan Perancis yang ingin menguasai semua kawasan di tebing Sungai Mekong, manakala Siam berjaya menyelamatkan kawasan-kawasan yang dianggap strategik bagi keselamatan Siam. Kedudukan Battambang, Siemreap, dan Sisophon disahkan secara rasmi oleh Perancis. Sebenarnya, Perancis terpaksa menunggu selama empat puluh tahun sebelum dapat menguasai Kampuchea. Jadi boleh dirumuskan bahawa Mongkut berjaya dalam percubaannya untuk mengekalkan kedaulatan negara Siam. Yang lebih penting lagi ialah kebolehan baginda mengseimbangkan hubungan Siam dengan kedua-dua kuasa penjajah iaitu Perancis dan British. Ini menunjukkan cara berdiplomasi merupakan cara yang sesuai untuk mempertahankan kedaulatan Siam.

### **Hubungan dengan Inggeris**

Pada keseluruhannya, hubungan Siam dengan England menjadi asas dasar luar Siam sejak tahun 1855 hingga tahun 1893. Mungkin ini disebabkan oleh hakikat bahawa England adalah negeri pertama yang membuat perjanjian dengan Siam pada zaman Bangkok. Sejak masa pemerintahan Raja Mongkut, jelas menunjukkan bahawa Siam telah bersahabat dengan England dengan perasaan muhibah dan ikhlas. Seperti yang diterangkan di atas, Siam lebih berminat terhadap Inggeris daripada kuasa Barat yang lain. Walaupun, dalam tahun-tahun 1862 – 1867 Siam mengalami kekecewaan dengan pendekatan Inggeris terhadap pertelagahan Bangkok dengan Perancis. Menurut Mongkut, Inggeris berusaha bersungguh-sungguh memujuk Bangkok supaya melantik Sir John Bowring sebagai duta kanan Siam dalam perundingan Siam dengan Perancis di Paris mengenai Kampuchea. Banyak tekanan dibuat ke atas Mongkut mengenai perlantikan Sir John Bowring melalui Thomas Knox, Konsul British di Bangkok, dan Puan Anna Leonowens, guru kepada anak-anak diraja. Mongkut tidak tunduk

kepada tekanan itu kerana baginda percaya bahawa demi untuk menjaga kepentingan Thai, maka pegawai Thai mesti dihantar untuk berunding dengan Perancis mengenai perselisihan antara mereka mengenai hak masing-masing di Kampuchea. Oleh itu, Raja Mongkut tetap dengan keputusannya menghantar perwakilan Siam diketuai oleh Phraya Surawong-waiyawat ke Paris untuk menyelesaikan masalah tersebut. Menurut Mongkut;

"Mem Leonowens, guru kepada anak-anak raja, sekarang sangat jahat... dia juga menjadi semakin berani. Pada hari Sabtu bulan dua yang lepas, pada waktu senja, Mem Leonowens meminta kebenaran untuk berjumpa dengan beta secara mendadak... tetapi apabila diberitahu bahawa beta masih berunding dengan *senabodi*, beliau merasa malu dan tidak mahu masuk mengadap beta.... Beta memperhatikan bahawa masalah yang hendak disampaikan oleh Mem Leonowens kepada beta adalah berkaitan dengan Konsul Inggeris yang menyuruhnya bercakap dengan beta supaya tidak membenarkan perwakilan bertolak ke Perancis. Beliau juga ingin memujuk beta supaya melantik Sir John Bowring sebagai duta besar Siam < menggantikan duta Thai > ..."<sup>11</sup>

Walau bagaimanapun, Mongkut masih mahukan hubungan rapat dengan pihak Inggeris, di samping dapat mengekalkan kedaulatan negeri. Hubungan Thai dengan Inggeris berjalan dengan baik tetapi Bangkok juga mengalami banyak tekanan politik daripada golongan penjajah di Tanah Melayu. Contoh yang ketara ialah peristiwa pembedilan Terengganu pada tahun 1862. Mongkut menyelesaikan pencerobohan oleh Singapura dengan menggunakan saluran diplomatik dengan Kementerian Hubungan Luar Inggeris di London untuk mengawal sikap keras dan tidak munasabah pegawai Kolonial Inggeris di Tanah Melayu.

Peristiwa pembedilan Terengganu yang menjadi negeri naungan Siam yang dilakukan oleh Gabenor Singapura, Kolonel Orfeur Cavanagh, terjadi kerana Terengganu memilih mengikut arahan dari Bangkok dan tidak mahu menurut kehendak pihak Inggeris di Singapura. Peristiwa ini berlaku disebabkan oleh persaingan politik dan pengaruh antara Bangkok dan Singapura di Tanah Melayu. Dengan ringkasnya, punca timbulnya persaingan ini adalah kerana berlakunya perang saudara di Pahang pada tahun 1858 - 1862 di

<sup>11</sup> Surat-Menyurat Raja Mongkut, *op.cit.*, jilid, 4, m.s. 200 - 202.

antara Bendahara Mutahir dengan adiknya, Wan Ahmad. Tun Mutahir disokong oleh Temenggung Johor, dan kerajaan Singapura, manakala Wan Ahmad menerima pertolongan daripada Sultan Omar Terengganu, dan bekas Sultan Mahmud Lingga. Sehingga tahun 1861, nampaknya pihak Bendahara Mutahir berjaya mengalahkan adiknya. Kemudian Wan Ahmad berundur ke Terengganu dan bekas Sultan Mahmud telah pergi ke Bangkok untuk meminta pertolongan daripada Mongkut. Sultan Mahmud mengambil peluang tersebut untuk memburuk-burukkan Baginda Omar, anak saudaranya sendiri, yang dikatakan telah mengkhianati kekuasaan Siam di Tanah Melayu.<sup>12</sup>

Percubaan bekas Sultan Mahmud itu tidak berjaya dan, akhirnya, Bangkok membenarkannya pulang ke Terengganu pada bulan Julai 1862. Baginda Omar bersetuju menerima kepulangan Sultan Mahmud. Sultan Mahmud dihantar pulang dengan menaiki kapal perang Siam yang bernama *Penakluk Ternama*. Peristiwa ini berlaku semasa Wan Ahmad memulakan semula perjuangannya menentang Bendahara. Pada kali ini, Wan Ahmad mendapat pertolongan daripada golongan pembesar Pahang. Akhirnya Wan Ahmad berjaya merebut jawatan dan kuasa daripada abangnya. Kemenangan Wan Ahmad menunjukkan dengan jelas bahawa tanpa bantuan dari Singapura, Bendahara Mutahir boleh dikalahkan. Walaupun begitu, Gabenor Cavanagh tidak ingin mengakui kesilapannya, tetapi menuduh melalui Konsul British di Bangkok bahawa kejayaan itu disebabkan oleh campur tangan Siam yang menyokong pihak Wan Ahmad dengan menghantar balik bekas Sultan Mahmud. Beliau juga mendesak supaya Bangkok memindahkan bekas Sultan Mahmud dari Terengganu. Tanpa menunggu jawapan daripada Konsul Sir Robert Schomberg, Cavanagh menghantar kapal perang British ke Terengganu dan meminta Baginda Omar menyerahkan bekas Sultan Mahmud kepada pihak British, jika tidak, kapal perang itu akan membedil Terengganu. Apabila Sultan Omar menerangkan bahawa baginda tidak mempunyai hak ke atas sultan dan dalam pada itu pula Sultan Mahmud sakit sejak pulang dari Bangkok dan sebenarnya langsung tidak terlibat dalam perang saudara di Pahang. Akhirnya Inggeris telah membedil Kua-

<sup>12</sup> Dokumen P. 4, Kh. R. 4, Jilid 39. Surat bekas Sultan Mahmud kepada Kalahom, tidak bertarih: Surat Mongkut kepada Si Suriyawong, 1861, dalam *Surat Menyurat Raja Mongkut*, op. cit., jilid. 2, m.s. 34-40.

la Terengganu. Tindakan ini tidak mendapat kebenaran dari Kerajaan British di India. Cavanagh telah melakukan tindakan yang melampaui bidang kuasanya.<sup>13</sup>

Peristiwa pembedilan Terengganu menunjukkan kepada Mongkut betapa kecewanya hubungan Siam dengan Inggeris di Tanah Melayu. Walaupun pihak berkuasa Inggeris di London mengakui kesalahan Gabenor Cavanagh itu tetapi pihak Thai tidak berjaya mendapatkan ganti rugi. Kegagalan itu menyebabkan hubungan Siam dan Terengganu menjadi renggang.

Terdapat dua peringkat dalam hubungan Thai dengan Britain, iaitu peringkat tempatan atau hubungan Siam dengan Singapura yang kemudiannya ditadbirkan oleh Kementerian Hal-Ehwal Tanah Jajahan British; dan peringkat ibu kota, atau hubungan Siam dengan London yang diwakili oleh Konsul British di Bangkok dan Kementerian Hubungan Luar di London. Timbul perbezaan di antara dua ejen kerajaan British. Singapura, yang menjadi wakil Kementerian Hal-Ehwal Tanah Jajahan British, bersikap menentang pengaruh dan kedudukan Siam di Tanah Melayu kerana kepentingan Siam di situ bertentangan dengan rancangan penjajahan British. Kementerian Hubungan Luar di London telah bertolak ansur terhadap Siam kerana Siam dianggap sebagai negeri yang berkebolehan untuk menentang rancangan perluasan kuasa Perancis di Asia Tenggara dan menjadi negeri penampan antara empayar British dan empayar Perancis di rantau ini.<sup>14</sup> Kesan daripada peristiwa tersebut, Mongkut dan penggantinya berpendapat bahawa Siam mesti menggunakan kuasa dan pengaruh Kementerian Hubungan Luar British untuk mengawal atau membataskan hasrat Kementerian Hal-Ehwal Tanah Jajahan British supaya Siam dapat mengekalkan kedudukannya di Tanah Melayu.

Mungkin kesedaran itu menggalakkan perhubungan peribadi yang rapat antara pemimpin Thai dengan pegawai-pegawai Inggeris. Misalnya, Si Suriyawong dan Mongkut mempunyai hubungan yang baik dengan Sir John Bowring. Sir John Bowring pernah menolong Si Suriyawong menerangkan kepada Kementerian Hubungan Luar British di London tentang kedudukan negeri nau-

<sup>13</sup> Lihat Kobkua Suwannathat-Pian untuk maklumat lanjut mengenai pembedilan Terengganu dalam "The Bombardment of Terengganu 1862: The Power Struggle in a small Corner of the World", *Malaysia in History*, jilid 27, m.s. 16 - 24

<sup>14</sup> FO 422/12, Konsul-Jeneral Satow kepada Earl of Granville, 23 Januari 1885.



ngan Terengganu kepada Siam pada tahun 1868 dan memberi nasihat kepada London supaya tidak menerima utusan yang dihantar ke London oleh Sultan Terengganu tanpa kebenaran Bangkok. Sebaliknya hubungan peribadi itu juga memberi peluang kepada Britain untuk campur tangan dalam hal-ehwal negara Thai seperti peranan yang dimainkan oleh Sir Andrew Clark dalam Krisis Wang Na pada tahun 1875.<sup>14</sup>

### III. Pemerintahan Chulalongkorn (1868 – 1910)

Semasa berucap dalam majlis pertabalannya, Chulalongkorn berkata hari tersebut merupakan "hari malapetaka"nya. Chulalongkorn bukan sahaja kehilangan ayahandanya tetapi juga dihidapi penyakit malaria. Sebagai raja yang belum dewasa, baginda terpaksa menerima kuasa pemangku raja yang mentadbir negara bagi pihak raja. Oleh itu, tempoh pemerintahan Chulalongkorn boleh dilihat sebagai pemerintahan dua masa, iaitu masa pemerintahan pemangku raja Si Suriyawong tahun 1868 hingga tahun 1873, dan masa pemerintahan Chulalongkorn dari tahun 1873 hingga tahun 1910.

#### (a) Pemerintahan Pemangku Raja Si Suriyawong (1868–1873)

Sepanjang jangka masa lima tahun, kuasa keluarga Bunnag menjadi semakin kukuh. Sebagai pemangku raja, Si Suriyawong mempunyai kuasa mutlak, termasuk juga kuasa ke atas hidup matinya rakyat. Adiknya, yang bernama Chao Phraya Thiphakorawong, mengetuai *krom* Tha dan mentadbir hal-chwal luar negeri; anak sulung Si Suriyawong, bernama Chao Phraya Surawong-waiyawat yang juga bapa mentua Chulalongkorn, menyandang jawatan Kalahom; seorang sepupu Si Suriyawong, bernama Chao Phraya Phanuwong (Thuam Bunnang) menjadi Phraya Phra Khleng; dan seorang anak saudaranya dilantik menjadi ketua *krom* Na. Jawatan Samuha Nayok disandang oleh saudara maranya. Ternyata bahawa semua jawatan kanan dalam pentadbiran dipegang oleh ahli keluarga Bunnang dan rakan-rakannya. Selain penguasaan keluarga Bunnang dalam bidang politik, pentadbiran, dan ekonomi, Si Suriyawong juga menerima sokongan kuat daripada Putera Wang Na Wichai-

<sup>14</sup> Lihat Krisis Wang Na di bawah.

chan, yang terhutang budi kepada pemangku raja yang melantik-nya sebagai ahli dalam Majlis Negara. Dalam suasana politik sebegini, Chulalongkorn mestilah menerima hakikat tentang keruntuhan kuasa dan pengaruh institusi raja, dan bersabar menunggu masa pemulihannya. Sesungguhnya, Si Suriyawong menjadi raja tanpa gelaran dan tidak seorang pun yang berani menentang pemerintahannya.<sup>36</sup>

Tidak syak lagi bahawa Si Suriyawong merupakan pentadbir yang amat bijaksana. Beliau boleh menyelesaikan masalah-masalah yang penting sepanjang beliau memangku jawatan bagi Raja Chulalongkorn. Si Suriyawong berjaya mengatasi masalah kacau-bilau akibat krisis wang palsu pada tahun 1868, dan peristiwa kongsi gelap Cina yang mengancam kestabilan negara. Setelah Chulalongkorn memulakan pemerintahannya, Si Suriyawong masih mempunyai pengaruh dan cara untuk membantah rancangan-rancangan rajanya yang beliau tidak setuju atau yang akan menjejaskan kedudukannya dalam hal-hal negara. Boleh dikatakan bahawa Si Suriyawong berjaya mengukuhkan kedudukan negarawan tuanya yang patut dihormati oleh generasi muda sehingga saat kematiannya dalam tahun 1882.

#### (b) *Pemerintahan Chulalongkorn (1873-1910)*

Pada tahun 1873 semasa berumur dua puluh tahun, Chulalongkorn menjalankan satu lagi upacara pertabalannya yang lengkap untuk menandakan kedewasaan baginda. Selepas itu, Chulalongkorn memulakan pemerintahannya dengan pengumuman menghapuskan adat menundukkan kepala ke lantai semasa berhadapan dengan raja. Dengan pengumuman itu, baginda memperlihatkan hasratnya untuk memodenkan Siam secepat mungkin. Pada asasnya, rancangan pemulihan Siam yang dipaparkan oleh Chulalongkorn mempunyai dua objektif iaitu untuk mendapatkan kembali kuasa dan pengaruh serta penghormatan yang patut kepada institusi raja yang pada masa itu telah dipegang oleh golongan *khun-nang* disebabkan oleh usia baginda yang belum dewasa; dan untuk

<sup>36</sup> Kononnya, Si Suriyawong menjawab pertanyaan seorang cucunya yang bertanya mengapa beliau tidak menjadi raja, bahawa beliau telah mempunyai semua yang dianggap sebagai hak dan kuasa istimewa seorang raja, apa gunanya gelaran raja itu.

berjuang menyelamatkan kedaulatan dan keselamatan Siam yang menghadapi ancaman hebat dari kuasa-kuasa Barat. Chulalongkorn terpaksa melaksanakan rancangan pemulihan dan pemodernan yang lengkap supaya kedua-dua objektif itu boleh dicapai.

### Pemulihan Kecil Tahun 1873-1875

Zaman pemulihan kecil mewakili hasrat Chulalongkorn merebut semula kuasa dan pengaruh institusi raja daripada *khunnang*, utamanya daripada keluarga Bunnag. Tetapi usaha Chulalongkorn dikecewakan oleh golongan tua yang dipimpin oleh Si Suriyawong. Pemerintahan Chulalongkorn bermula dengan penubuhan dua badan baru untuk membantu baginda memerintah negeri dengan berkesan. Badan-badan itu ialah Majlis Privi (The Privy Council) dan Majlis Kebangsaan (The Council of State). Majlis Privi bertugas sebagai penasihat peribadi diraja. Oleh itu, keahliannya dipilih oleh Chulalongkorn sendiri. Melalui keanggotaan Majlis Privi, Chulalongkorn dapat membina asas kuasa politiknya. Biasanya ahli-ahli yang dipilih terdiri daripada golongan muda kerabat diraja atau keluarga *Khunnang* yang tidak bersetuju dengan kepimpinan konservatif Si Suriyawong dan generasi tuanya, untuk menyelidiki dan memerhatikan cara pentadbiran negeri tanpa mencahar secara langsung kedudukan golongan tua. Majlis kebangsaan pula merupakan badan penasihat rasmi diraja. Chulalongkorn terpaksa melantik pemimpin-pemimpin golongan tua dalam pentadbiran untuk menjadi penasihat diraja supaya mengelakkan perselisihan politik di Siam.

Sungguhpun begitu, Chulalongkorn masih menghadapi kesukaran apabila Si Suriyawong menolak perlantikan diraja untuk menjadi salah seorang ahli Majlis Kebangsaan. Beberapa orang *khunnang* telah mengikut tindakan Si Suriyawong dan meminta menarik diri daripada Majlis Kebangsaan. Chulalongkorn dapat mengatasi keadaan yang sensitif itu dengan menunjukkan sikap yang cukup hormat kepada Si Suriyawong sebagai negarawan tertua, dan melantik *chao* dan *khunnang* yang sanggup bekerjasama dengan baginda menggantikan mereka. Baginda juga sering meminta nasihat daripada bekas pemangku raja mengenai hal-hal negeri yang penting. Apabila Si Suriyawong dengan pengikutnya, tidak dipilih menjadi seorang anggota Majlis Kebangsaan, maka sedikit demi sedikit berlakulah keruntuhan pengaruh politik golongan

tua daripada pusat pentadbiran negeri. Kesannya, Chulalongkorn dapat menguasai majlis itu dan menambahkan kuasa dan pengaruh baginda berdepan dengan golongan tua yang diketuai oleh bekas pemangku raja dan keluarganya.

Sebelum penubuhan Majlis Privi dan Majlis Kebangsaan, Chulalongkorn telah menubuhkan Pasukan Biduanda Diraja/*Krom Mahalek Luang* pada tahun 1868. Pada mulanya, pasukan itu ditubuhkan supaya Chulalongkorn dapat menghabiskan masanya bersama-sama dengan mereka. Sungguhpun demikian, tujuan utama Chulalongkorn ialah untuk melatih pemuda-pemuda dari golongan atasan yang dipilih menjadi pengawal peribadi diraja yang boleh dipercayai. Ahli-ahli pasukan itu dilatih menurut cara tentera Barat dan kemudiannya terkenal sebagai sebuah pasukan tentera yang moden dan cekap. Pada peringkat permulaan, terdapat hanya dua puluh empat orang ahli Pasukan Biduanda Diraja, tetapi tidak lama kemudian pasukan ini menjadi bukan hanya tapak kuasa tentera Chulalongkorn tetapi juga melahirkan tenaga mahir dan berkebolehan kepada rajanya apabila Chulalongkorn memerlukan tenaga mahir untuk menolong baginda melaksanakan rancangan-rancangan pemulihan dan pemodenan Siam pada tahun-tahun 1880-an. Pasukan Biduanda Diraja masih terdapat sehingga sekarang. Pasukan ini memakai pakaian seragam berwarna merah gelap dan juga memakai lencana peribadi Raja Chulalongkorn untuk upacara-upacara khas dan ini menunjukkan tanda hubungan rapatnya dengan institusi raja.<sup>17</sup> Sejak tahun-tahun 1870-an, Rejimen Biduanda Diraja merupakan asas kuasa tentera dan pentadbiran Chulalongkorn yang semakin berkuasa. Chulalongkorn telah melantik lima belas orang adik baginda daripada Rejimen tersebut untuk memegang jawatan ketua-ketua *krom* pentadbiran pada tahun-tahun 1775 - 1889.

Satu lagi badan baru yang diperkenalkan oleh Chulalongkorn ialah Jabatan Pemeriksa Kira-Kira Diraja ataupun Jabatan Audit. Jelaslah bahawa tujuan Chulalongkorn ialah untuk memaksa *khunnang* yang menjalankan pengutipan cukai kerajaan supaya menghantar hasil kutipan cukai ke Jabatan baru itu, dan memberhentikan amalan semua kutipan cukai dihantar kepada *senabodi krom*. *Senabodi* membuat keputusan mengenai jumlah ku-

<sup>17</sup> Putera Chula Chakrabongse, *Lords of Life. A History of the Kings of Thailand*, Bangkok: DD Books, 1982, m. s. 224 - 5.

tipan cukai yang akan diserahkan kepada khazanah diraja. Dengan penubuhan badan pusat untuk menguruskan semua jenis cukai kerajaan, Chulalongkorn menolak golongan *khunnang* yang di bawah pengaruh dan kuasa pemangku raja sebagai sumber ekonomi dan kekayaan mereka. Sebaliknya, Jabatan Audit akan menarik semula kuasa kewangan diraja kepada raja pemerintah seperti yang wujud pada zaman pemerintahan Rama III.

Walaupun rancangan pemulihan yang dimulakan oleh Chulalongkorn pada masa itu dijalankan secara sederhana dan dengan waspada, tetapi semua pembaharuan itu tidak disambut baik oleh pemimpin-pemimpin konservatif masyarakat. Pada tahun 1874, Putera Wang Na Wichaichan yang telah menjadi sasaran kritikan dan ketidakpuasan hati terhadap penyokong raja pemerintah, menunjukkan perasaan sakit hatinya terhadap rancangan-rancangan kewangan baru yang dipercayai oleh baginda sebagai tamparan terhadap hak dan kuasa Putera Wang Na.

Krisis Wang Na yang berlaku pada tahun 1874-75 disebabkan oleh peristiwa pembakaran di Istana Chulalongkorn pada bulan Disember 1874. Bagi pihak Wang Na yang tidak dibenarkan memasuki *Wang Luang*/Istana Raja Pemerintah untuk membantu memadamkan api, menganggap tindakan-tindakan keselamatan yang diambil oleh Chulalongkorn setelah kejadian itu nampaknya bertujuan untuk menyerang kubu Putera Wichaichan sendiri. Oleh itu, Putera Wang Na melarikan diri ke kedutaan British dan meminta perlindungan politik. Chulalongkorn dan pihak *senabodi* termasuk juga Si Suriyawong gagal memujuk Putera Wang Na Wichaichan pulang ke Istana baginda dan berunding dengan rajanya tanpa melibatkan kuasa luar yang amat membahayakan kedaulatan negara. Akhirnya, Chulalongkorn meminta pertolongan daripada Sir Andrew Clarke, Gabenor Singapura, datang ke Bangkok untuk mendamaikan perselisihan antara baginda dan Wang Nanya.

Ternyata bahawa krisis Wang Na itu hampir menjejaskan kedaulatan Siam dan dapat diselesaikan hanya dengan jasa baik Sir Andrew Clarke. Gabenor Singapura itu sampai di Bangkok pada bulan Februari 1875 dan berusaha supaya Chulalongkorn dan Putera Wichaichan bertolak-ansur.<sup>38</sup> Menurut Clarke:

<sup>38</sup> CO 273/77 - 79.



Putera Wong Na Wichaichan (1868-1885)

"Saya sekarang sangat yakin bahwa tiada sebab-sebab yang serius mengenai perselisihan ini. Tetapi keadaan sekarang wujud disebabkan oleh perasaan saling curiga-mencurigai yang bermula secara perlahan-lahan dengan kerenggangan < di antara kedua-dua pihak > dan yang berakhir dengan teretusnya perpecahan hubungan mereka.... Saya menghadapi suasana hilang kepercayaan antara satu pihak dengan yang lain, iaitu keadaan yang terjadi beberapa tahun kebelakangan ini dan yang dihasut oleh pihak yang bercita-cita tertentu terhadap raja. Pihak itu memang bertujuan untuk memperolehi kedudukan mereka yang semakin bertambah pengaruhnya secara melaga-lagakan Raja Pemerintah menentang Wang Na...."<sup>39</sup>

Akhirnya, selepas mengadakan perbincangan yang panjang lebar di antara Chulalongkorn, Putera Wang Na, *senabodi*, dan Sir Andrew Clarke, raja Siam berjaya memujuk sepupunya pulang Istana Wang Na. Sebagai alasan, Putera Wang Na dijamin menerima semua hak dan keistimewaan yang selaras dengan kedudukan Wang Na baginda, tetapi bukan kemuliaan Phra Pin Klao yang memegang jawatan Wang Na yang dinaikkan pangkat ke taraf Raja Kedua Siam. Hak dan kemuliaan raja kedua Siam merupakan tuntutan yang dikemukakan oleh Wang Na Wichaichan sepanjang krisis ini. Tambahan lagi, Sir Andrew Clarke menekankan bahawa Putera Wichaichan dan Si Suriyawong terpaksa menerima kuasa mutlak Chulalongkorn dalam hal ketenteraan dan kewangan.<sup>40</sup> Dengan kemenangan itu, kuasa politik raja Siam menjadi semakin kukuh. Putera Wichaichan tidak ada pilihan lain kecuali menerima persetujuan itu setelah baginda menyedari bahawa Sir Andrew Clarke tidak bersetuju dengan tuntutan baginda yang keterlaluan.<sup>41</sup>

Sungguhpun Chulalongkorn berjaya mengatasi masalah krisis Wang Na, tetapi baginda juga menyedari tentang betapa kuatnya pihak pembangkang yang diwakili oleh golongan tua atau konservatif terhadap rancangan pemulihan yang dijalankan. Putera Wang Na Wichaichan dan tindakannya itu hanya menunjukkan

<sup>39</sup> CO 273/79 Clarke kepada CO, 11 Mac 1875.

<sup>40</sup> R.H. Veitch. *The Life of General Sir Andrew Clarke*, London, 1905, m.s. 133-9.

<sup>41</sup> CO 273/79, Lihat Sepuluh Artikel yang dihantar oleh Putera Wang Na Wichaichan kepada Chao Phraya Phanuwong Kosathibodi, dan syarat-syarat yang dicadangkan oleh *senabodi* untuk menyelesaikan krisis dan dihantar kepada Wang Na pada bulan Februari, 1875.

bahawa baginda tidak boleh melukai hati mereka sekiranya baginda mementingkan kedaulatan dan keselamatan Siam. Putera Wichaichan menggambarkan dengan tepat pandangan golongan konservatif yang melihat rancangan pemulihan itu telah menghapuskan kedudukan mereka.

"Saya selalu berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan kasih sayang saya kepada Raja Pemerintah, lagipun, saya selalu bergembira dan bersedia membantu baginda dalam segala hal. Sebenarnya, hubungan di antara kami adalah licin dalam beberapa tahun kebelakangan ini; tetapi sejak munculnya satu golongan orang bodoh yang berhasrat menukar adat resam dan corak melaksanakan hal-hal negeri, pemikiran Duli Yang Maha Mulia pun menjadi lain juga... < Semasa berlaku peristiwa pada bulan Disember 1874 >. Saya percaya yang nyawa saya terancam, disebabkan oleh peraturan baru serta gerakan tentera < Wang Lung >. Oleh itu, saya berfikir bahawa lebih baik saya meminta perlindungan daripada pihak British..."<sup>42</sup>

Jadi, Chulalongkorn telah memberhentikan buat sementara semua rancangan pemulihan yang akan menjejaskan kedudukan golongan konservatif dan menunggu masa yang sesuai untuk dapat meneruskan semula rancangan pemulihannya menjelang tahun 1875 sehingga tahun 1885. Pada tahun-tahun 1880-an, berlaku perubahan dalam suasana politik Thai selepas kematian Si Suriyawong pada tahun 1882, dan kematian Wang Na pada tahun 1885. Tanpa pemimpin yang kuat dan kedudukan tinggi, golongan konservatif kehilangan kuasa dan pengaruhnya untuk menentang Chulalongkorn dan "Parti Istana".

### Pemulihan Lengkap 1880-an-1910

Chulalongkorn dapat memulakan semula rancangan pemodenan Siam untuk menentukan kemampuan negerinya untuk menghadapi ancaman dan cabaran dari luar. Pada tahun-tahun 1880-an, ternyata bahawa persaingan di antara England dan Perancis untuk menubuhkan empayar mereka di Asia telah sampai ke peringkat berbahaya kepada Siam. Pihak Inggeris telah menguasai Myanmar pada tahun 1886 dan juga telah menubuhkan pentadbiran penjajah-

<sup>42</sup> CO 273/79 Wang Na kepada Andrew Clarke, 21 Februari 1875.



annya di Tanah Melayu. Hanya Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan yang masih kekal dalam lingkungan pengaruh Siam. Perancis pula telah menguasai Vietnam pada tahun-tahun 1880-an, dan bersedia untuk meluaskan kuasanya ke Laos dan kawasan di sekitar tebing Sungai Mekong. Jelas bahawa suasana politik serantau pada masa itu boleh mengancam kedaulatan Siam. Siam pula tidak mampu berjuang menentang kuasa Barat dengan kekuatan tenteranya, manakala tanpa pemulihan yang menyeluruh, Siam tidak mempunyai peluang untuk menyelamatkan dirinya daripada cengkaman penjajah Barat. Dalam suasana sebeginilah Chulalongkorn melancarkan rancangan pemodenan yang lengkap untuk menentukan cara mempertahankan kedaulatan Siam.

Rancangan pemodenan baginda jalankan disebut oleh Raja Pokklao sebagai revolusi yang "menebalikkan bumi". Manakala seorang cucu Chulalongkorn berpendapat bahawa baginda adalah seorang raja revolusioner.<sup>43</sup> Sungguhpun pada pandangan semasa, boleh dikatakan bahawa rancangan Chulalongkorn mempunyai banyak unsur baru dan memperlihatkan keberanian raja tersebut dalam percubaan memulihkan negaranya, tetapi sebenarnya, kebanyakan daripada unsur baru itu merupakan aspek-aspek yang dapat ditemui dalam sistem pentadbiran penjajahan Barat di Asia. Oleh kerana itu, sukar kita melihat rancangan itu sebagai satu "revolusi". Faktor yang mungkin menggesa Chulalongkorn melancarkan pemulihan lengkap ialah petisyen R.S 103/1885 yang dihantar kepada Chulalongkorn oleh sekumpulan *chao* dan *khunnang*, yang meminta baginda memodenkan sistem politik Thai kepada sistem kerajaan berperlembagaan. Chulalongkorn menerima cadangan tersebut dan telah menghantar Putera Devawongse pada tahun 1887 untuk mengkaji dengan teliti sistem kabinet di England untuk disesuaikan dengan keperluan Siam.<sup>44</sup> Chulalongkorn dapat mengubahsuai sistem pentadbiran Eropah kepada

<sup>43</sup> Raja Prajadhipok, "Pengantar" kepada *Penjelasan Raja Chulalongkorn Mengenai Pemulihan Pentadbiran Siam*, 2470/1927, m.s. 2. Putera Chula Chakrabongse, *op.cit.*

<sup>44</sup> Chai-Anant Samutvanij, *Perancangan Perkembangan Politik Siam Pertama*, Bangkok, 2513/1970, Petisyen Golongan Putera dan Rakan-Rakannya, tahun 1885. Golongan ini terdiri daripada empat orang *chao*, tujuh orang *khunnang*; tiga orang *chao* ialah putera-putera Raja Mongkut dan seorang ialah cucu Rama III.

keperluan Siam dan melancarkan sistem pemulihan pentadbiran yang cukup berkesan ke atas sejarah Siam.

Aspek yang paling penting dalam rancangan pemulihan lengkap Chulalongkorn ialah pemulihan sistem pentadbiran tradisional Siam, iaitu sistem *senabodi Jatusadom* dan menggantikannya dengan sistem kabinet dan *thesaphiban*. Tanpa sistem pentadbiran yang lengkap dan berkesan, Siam tidak mampu menentang cabaran kuasa Barat disebabkan oleh kelemahan kuasanya ke atas wilayah-wilayah. Di ibu kota, Chulalongkorn memperkenalkan sistem kabinet dan sistem pentadbiran pemusatan yang dikenali sebagai sistem *thesaphiban* di wilayah. Rancangan ini dilancarkan pada tahun 1892.

Ringkasnya, sistem kabinet di ibu kota mementingkan corak pentadbiran yang bertanggungjawab bersama dan bersepadu. Sistem ini mementingkan juga pengkhususan sesuatu jabatan atau kementerian kepada satu bidang pentadbiran sahaja. Dengan itu, jabatan pentadbiran dibahagikan mengikut bidang pengkhususannya. Pada permulaannya, sistem kabinet Chulalongkorn terdiri daripada dua belas jabatan atau kementerian yang bertanggungjawab kepada satu bidang pentadbiran sahaja, misalnya hal-ehwal dalam negeri atau Kementerian Mahatthai, Pertahanan atau Kementerian Kalahom, Kewangan, Hubungan Luar, Pelajaran, Pertanian dan Perniagaan, Kehakiman, dan beberapa buah catatan lagi. Chulalongkorn menjadi Perdana Menteri bagi kabinetnya sendiri, manakala kebanyakan menteri/*senabodi* terdiri daripada adik-beradik baginda.<sup>45</sup> Di kalangan mereka, dua orang *senabodi* dilantik menjadi penolong kanan kepada Raja Chulalongkorn. Mereka ialah Putera Damrongrajanubhab yang menyandang jawatan *senabodi* Mahatthai dari tahun 1892 hingga tahun 1915; dan Putera Devawongse, sebagai *senabodi*. Hubungan Luar dari tahun 1892 hingga tahun 1923. Dengan sistem pentadbiran yang cekap dan sokongan kuat daripada Parti Istana. Chulalongkorn dapat mengawal dasar dan pelaksanaan pentadbiran Siam dengan berkesan dan dapat menghindarkan campur tangan kuasa Barat.

Pemerintahan di peringkat wilayah juga dipulihkan. Sistem bandar kelas satu hingga ke kelas empat digantikan dengan sistem *thesaphiban* yang membahagikan Siam kepada beberapa *monthon*

<sup>45</sup> Keanggotaan kabinet tahun 1892 terdiri daripada sembilan orang putera dan tiga orang *khunnang*, lihat Lampiran 5, Chai-Anant, *Ibid.*, m.s. 109.



**Putera Damrong-rajanubhab, *Senabodi*  
Mahatthai Tahun 1892 hingga tahun 1915**

(kawasan) dan *muang* (bandar dan wilayah). Pesuruhjaya Residen *monthon* merupakan pegawai tertinggi dalam satu *monthon*. Di bawahnya ialah gabenor *muang*. Kedua-dua pegawai itu dilantik oleh raja dengan nasihat Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri atau Kementerian Mahatthai. Mereka menjalankan pentadbiran *monthon* dan unit-unit di bawahnya mengikut arahan dari Bangkok sahaja.<sup>46</sup> Menurut Chulalongkorn, pemulihan dan kemakmuran ekonomi Siam merupakan dua aspek terpenting untuk membolehkan Siam menyelamatkan dirinya daripada ancaman luar dan dalam negara. Sistem *thesaphiban* yang bertujuan menguatkan kedaulatan serta keutuhan wilayah Siam serta mencegah percubaan Barat untuk mencerohnya, merupakan aspek terpenting dalam pemulihan pentadbiran negara itu. Pada tahun 1892 Kementerian Mahatthai diberikan tanggungjawab mengenai pelaksanaan sistem *thesaphiban*. Boleh dikatakan bahawa kejayaan sistem itu adalah kerana daya usaha Putera Damrongrajanubhab yang menyandang jawatan *senabodi* Mahatthai di antara tahun 1892 - 1915. Beliau adalah yang membentuk dan memulakan rancangan pemulihan tersebut dengan penuh dedikasi dan amat berkesan. Pada tahun 1910 apabila Chulalongkorn mangkat, sistem *thesaphiban* telah diperkenalkan ke seluruh negara. Kejayaan sistem *thesaphiban* telah menyelamatkan Siam daripada menjadi mangsa penjajahan Barat. Walaupun Siam terpaksa menyerahkan tuntutannya ke atas *prathesarat* kepada England dan Perancis, tetapi negeri-negeri itu sesungguhnya bukan wilayah Siam yang sebenarnya. Penyerahannya boleh dianggap sebagai pembayaran yang agak kecil jika dibandingkan dengan keunggulan Siam sebagai sebuah negeri yang berdaulat di Asia Tenggara pada tahun 1910.<sup>47</sup>

Bagi melicinkan pemulihan dalam pentadbiran, Raja Chulalongkorn memperkenalkan juga rancangan perubahan bagi meningkatkan keupayaan untuk Siam mempertahankan kedudukannya. Rancangan pemulihan itu ialah pemulihan dalam bidang pendidikan infrastruktur, pos, telekom, media massa, sosial, kehakiman, dan ketenteraan. Ternyata bahawa pemulihan dan pemodenan dalam bidang-bidang tersebut diperlukan kerana semuanya menyokong dan menjamin kejayaan pemulihan pentadbiran

<sup>46</sup> Tej Bunnag, *The Provincial Administration of Siam 1892 - 1915*, KL:OUP, 1977.

<sup>47</sup> Mengenai *prathesarat* lihat bahagian (c). Cabaran Kedaulatan Siam di bawah.

yang dilancarkan pada tahun 1892. Kejayaan pemulihan pentadbiran sangat diperlukan untuk menjamin keutuhan negara. Contohnya, pemulihan pendidikan yang bertujuan melatih tenaga manusia yang mahir dalam bidang pentadbiran dijalankan bagi memenuhi keperluan besar pemulihan pentadbiran yang sedang mengatasi kekurangan tenaga mahir dalam aspek tersebut. Pemulihan pos, telekom dan media massa diperlukan untuk membina sistem komunikasi yang pantas di antara ibu kota dan wilayah, atau antara kerajaan di Bangkok dan wakil-wakil di luar negara. Manakala pemulihan infrastruktur dilancarkan untuk membina jalan-jalan yang strategik supaya Siam dapat mempertahankan dengan cekap dan berkesan semua kawasannya di seluruh negara.

Pemulihan dari segi sosial yang diperkenalkan oleh Chulalongkorn terutamanya penghapusan amalan hamba abdi yang bermula pada tahun 1874, dilaksanakan bagi menonjolkan Siam sebagai sebuah negara yang beradab dan bertamadun, juga untuk menyelesaikan keperluan tenaga bebas bagi memajukan pengeluaran bahan mentah Siam. Pemulihan kehakiman yang berasaskan sistem undang-undang barat juga mempunyai tujuan penting supaya taraf antarabangsa Siam diiktiraf dengan tamatnya hak-hak istimewa kuasa-kuasa Barat di Siam yang menjadi punca ancaman terhadap kedaulatan negara.

Sejak awal pemerintahannya, Chulalongkorn memperlihatkan minatnya dalam hal ketenteraan. Dengan penubuhan Rejimen Mahatlek Luang Biduanda diraja yang digunakan oleh Chulalongkorn, selain sebagai tapak asas kuasa yang menyokong kedudukan politik baginda, kuasa tentera juga terlibat dalam proses perkembangan negara dan menganggap dirinya sebagai juara mempertahankan institusi raja dan negara. Selain untuk menubuhkan pasukan pengawal keselamatan peribadi diraja, Chulalongkorn juga bertujuan untuk memodenkan angkatan tentera Thai supaya cukup berkebolehan untuk mempertahankan negara. Menurut Putera Chula Chakrabonse;

"... Raja Chulalongkorn meneruskan rancangan membesarkan dan memperbaiki pasukan tentera... disebabkan oleh masalah keselamatan dalam negara... < Pasukan tentera > juga dikehendaki bagi mempertahankan dinasti, dan sekiranya perlu, menjadi jalan bagi Siam mendapatkan sekutu Barat

yang akan menolong Siam menentang satu lagi kuasa Barat.<sup>48</sup>

Tujuan penting Chulalongkorn ialah menguatkan kecekapan pasukan tentera moden Thai supaya dapat menjamin keselamatan Siam daripada serangan tentera asing. Tetapi malangnya rancangan ini gagal. Peristiwa mengenai krisis Paknam yang berlaku pada tahun 1893 menunjukkan bahawa cita-cita raja itu tidak tercapai. Pasukan tentera Thai tidak cukup kuat untuk mempertahankan keutuhan wilayah Thai apabila diceroboh oleh kapal perang Perancis. Oleh yang demikian, Chulalongkorn telah memperbesarkan angkatan tentera Thai dan dilengkapi dengan semua jenis alat senjata moden. Dengan itu pasukan tentera telah menjadi suatu institusi sosial yang berkuasa dan mempunyai kebolehan fizikal paling besar di Siam. Secara kebetulan Chulalongkorn menubuhkan institusi yang dapat mencabar kuasa dan kedudukan raja pemerintah. Rampasan kuasa oleh tentera yang berlaku pada tahun 1932 merupakan satu kesan pemulihan tentera yang dapat menunjukkan pasukan tentera sebagai kuasa terbesar di dalam negara. Selain untuk mempertahankan Siam daripada ancaman luar, angkatan tentera moden Thai juga dapat memainkan peranan dalam hala pentadbiran negara, iaitu menyokong pihak berkuasa menewaskan golongan yang menentanginya. Sejak tahun 1932, Siam menyaksikan kesan-kesan pemulihan tentera yang tidak disangka oleh Raja Chulalongkorn sendiri.

Dengan ringkas, boleh dikatakan bahawa pemulihan yang dilancarkan oleh Chulalongkorn sejak tahun 1892 hingga tahun 1910, memberi kesan yang diharapkan dalam jangka masa yang pendek. Pemulihan yang dilaksanakan dari tahun 1892, misalnya, berjaya menghalang penceroboh kuasa-kuasa Barat. Dari segi politik, Chulalongkorn dapat membangunkan semula institusi kerajaan yang berkuasa mutlak dan yang mempunyai kedudukan sebagai sumber semua kuasa politik, sosial dan ekonomi. Dengan kekuatan dari segi teori dan praktiknya, institusi raja dapat merendahkan kedudukan *khunnang* yang terpaksa menerima peranannya sebagai pelaksana dasar sahaja. Selepas kematian Somdet Chao Phraya dan persaraan Chao Phraya Phanuwong tahun 1892, keluarga Bunnag telah kehilangan kuasa dan pengaruhnya. Dalam

<sup>48</sup> Chula Chakrabongse, *op.cit.*, m.s. 224.

satu generasi seterusnya, tiada lagi seorang pun ahli keluarga Bunnag menjadi anggota kabinet Chulalongkorn.<sup>49</sup> Walaupun terdapat tiga pemberontakan menentang sistem *thesaphiban* pada tahun 1901-1902 iaitu pemberontakan Tujuh Phraya Melayu di kawasan Jet Huamuang, pemberontakan di Phrae, Nan, dan pemberontakan *Phi Bun/Orang Berjasa Besar* di kawasan timur laut, semuanya hanya merupakan sebagai tindak balas pemimpin tempatan kerana hak dan kuasa tradisional mereka telah hapus. Bangkok dapat mengatasi tanpa sebarang masalah.<sup>50</sup>

Walau bagaimanapun, pemulihan Chulalongkorn menanamkan bibit-bibit rungutan di kalangan generasi baru buat pertama kalinya pada tahun 1885, iaitu semasa suatu golongan putera dan bangsawan membuat petisyen kepada Chulalongkorn, yang memintanya mengubah sistem raja berkuasa mutlak kepada sistem kerajaan berpelembagaan. Rungutan generasi baru ini secara perlahan-lahan bertambah kuat, dan akhirnya, menjadi salah satu sebab berlakunya rampasan kuasa pada tahun 1932 yang berjaya menggulingkan kuasa mutlak raja.

Tidak dapat dinafikan bahawa Chulalongkorn merupakan negarawan yang bijaksana. Tanpa pemulihan yang dirancang, Siam mungkin tidak dapat mempertahankan kedaulatannya. Dengan pemulihan dan pemodenan baginda, Siam dapat ditonjolkan sebagai sebuah kerajaan "bumiputera" yang cekap dan kuat kuasanya ke atas seluruh negerinya serta bersikap bertolak-ansur. Oleh kerana itu, Siam telah menerima penghormatan daripada kuasa-kuasa Barat sebagai sebuah negeri yang bertoleransi. Tiada alasan yang dapat digunakan oleh kuasa Barat untuk menguasai Siam.

### (c) *Cabaran Terhadap Kedaulatan Siam*

Selepas tahun 1885, Siam sahajalah yang merupakan negeri di Asia Tenggara yang belum dikuasai oleh kuasa Barat. England dan Perancis telah menubuhkan empayar masing-masing di rantau ini. Empayar Inggeris terletak di arah barat dan selatan Siam, manakala empayar Perancis terletak di timur dan timur lautnya. Jelas

<sup>49</sup> Chai-Anant, *Perancangan Perkembangan Politik*, *op.cit.*, Lampiran 5.

<sup>50</sup> Tej Bunnag *Pemberontakan R.S. 121 1902*, Bangkok: Rancangan Buku Teks Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 2524/1981.

bahawa kedua-dua kuasa barat itu bersaing hebat untuk menanamkan pengaruh di Siam, sehingga tahun 1893, Perancis dan England belum lagi ingin berunding untuk berkompromi mengenai Siam.

## PERANCIS

Sejak tahun 1867 apabila Perancis dan Siam menandatangani suatu perjanjian mengenai Kampuchea, Perancis telah memperolehi maklumat yang tepat mengenai Sungai Mekong yang sebenarnya tidak menuju ke kawasan selatan dan kawasan pasaran dalam negara China seperti yang diharapkan. Tetapi ini tidak melemahkan usaha Perancis untuk meluaskan jajahannya di kawasan Indo-Cina di mana pada zaman pemerintahan Chulalongkorn adalah tertumpu ke negeri-negeri Lao sahaja. Tujuan utama Perancis ialah bersaing dengan England untuk meluaskan empayar di Asia dan juga mendapatkan sumber ekonomi. Oleh kerana Inggeris telah berjaya menubuhkan empayarnya di Myanmar pada tahun 1885, maka Perancis berazam meluaskan kuasanya di Indo-Cina. Hasrat Perancis ke atas negeri-negeri Lao, iaitu negeri Luang Prabang, Vientiane, dan Basac, muncul serentak dengan rancangan pemulihan pentabbiran Siam, Perancis berasa bimbang dengan kekuatan kedudukan Siam di kawasan-kawasan berhampiran dengan negeri-negeri Lao, walaupun negeri-negeri tersebut di bawah naungan Siam. Ini merupakan suatu perkembangan yang akan mengecewakan rancangan Perancis meluaskan jajahannya.

Pada masa itu juga, timbul masalah gerombolan Ho, iaitu pasukan pengganas dari negara China, yang mula menyerang Luang Prabang, dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Tonkin.<sup>51</sup> Sebagai negeri yang dipertuan kepada Laos, Bangkok menghantar pasukan tentera untuk membantu Luang Prabang menewaskan ancaman tersebut. Tambahan lagi, Bangkok juga menghantar pesuruhjaya Residen ke Luang Prabang untuk membantu Raja Unkam menadbir negaranya. Pihak berkuasa Perancis di Vietnam berasa bimbang dengan perkembangan kuasa dan pengaruh Siam yang semakin

<sup>51</sup> Kachorn mengemukakan suatu teori tentang Perang Ho itu disebabkan oleh komplot pegawai Perancis iaitu M. Pavie supaya membuka peluang kepada Perancis untuk campur tangan dalam hal-hal negeri Laos. Kachorn Sukhabhanij, *Beberapa Fakta Sejarah: Zaman Bangkok*, Bangkok: Universiti Srik Nakhairindrawiroj, 2518/1975, m.s. 303 - 347.



bertambah di Luang Prabang. Tidak hairanlah bahawa dalam suasana yang agak tegang itu tercetusnya perselisihan faham di antara dua negara tersebut mengenai hal sempadan Laos dengan Vietnam, dan kemudiannya kedudukan Siam sebagai negeri dipertuan Laos.

### Krisis Paknam Tahun 1893

Seperti yang dikatakan oleh D.K. Wyatt dan Kachorn, tuntutan Perancis ke atas Laos bagi pihak Vietnam hanya merupakan suatu hak yang dibuat-buat sebagai alasan untuk meluaskan kuasa Perancis di kawasan itu sahaja.<sup>52</sup> Mengikuti tuntutannya, sebelum Vietnam dikuasai oleh Perancis, Vietnam mempunyai hak dipertuan ke atas negeri-negeri Laos. Oleh itu, Perancis sewajarnya menjadi penaung ke atas Laos, kerana Perancis mewarisi hak dipertuan Vietnam. Percubaan Perancis untuk mendapatkan bukti tentang perkara tersebut dalam arkib Vietnam tidak menghasilkan Lagipun, Raja Luang Prabang, iaitu Raja Unkham menafikan dalam temubual dengan McCarthy, seorang penjelajah kawasan Sungai Mekong pada tahun 1888 tentang Luang Prabang pernah menjadi negeri naungan Annam; sebaliknya Luang Prabang hanya menghantar ufti ke negara China setiap sepuluh tahun sekali pada zaman dahulu.<sup>53</sup> Walau bagaimanapun, Perancis tetap bersikap keras terhadap "hak" warisannya yang juga meliputi semua kawasan di sekitar Sungai Mekong. Orang yang bertanggungjawab menyokong tuntutan Perancis ialah M. Auguste yang pernah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan Siam, dan semasa berlaku Krisis Paknam pada tahun 1893, beliau menyandang jawatan Menteri (duta) di Bangkok.

Bangkok bertindak balas terhadap pengaruh Perancis di Luang Prabang dengan menambahkan skop kuasa pesuruhjayanya di Wilayah yang bersempadan dengan Laos, iaitu Nongkhai, Ubon, dan Campasak (Basac). Bangkok telah mengarahkan pasukan tenteranya bersikap sedia untuk menentang serangan tentera Perancis dan Annam. Ini menunjukkan Siam telah membuat keputusan menggunakan kuasa tenteranya sekiranya perundingan

<sup>52</sup> Wyatt, *op.cit.*, m.s. 202; Kachorn, *Ibid.*

<sup>53</sup> McCarthy, *Surveying and Exploring Siam*, dipetik dalam Kachorn, *op.cit.*, m.s. 313.

melalui hubungan diplomatik gagal. Pada tahun 1893 sesungguhnya Krisis Paknam berlaku di kawasan Sungai Mekong, apabila berlakunya pertempuran antara tentera Thai dengan tentera Perancis. Perancis yang tewas dalam pertempuran itu telah menuntut bayaran ganti rugi daripada kerajaan Siam, manakala Bangkok pula mahu membawa perselisihan itu ke suatu badan kehakiman antara-bangsa untuk mencari penyelesaian. Dalam pada itu, pihak Perancis telah menghantar dua buah kapal perangnya ke Kuala Menam Chao Phraya dan memberitahu kerajaan Bangkok bahawa Perancis ingin menempatkan kapal-kapal perang tersebut di pelabuhan Bangkok bagi menjaga keselamatan nyawa dan harta Perancis di situ. Apabila permintaan itu ditolak, M. Pavie memberi arahan kepada kapal perang Perancis, *Inconstant* dan *Comete* supaya meneruskan perjalanan dari Paknam ke Bangkok tanpa kebenaran pihak berkuasa Thai. Akibatnya, walaupun kapal perang itu berjaya melepasi pertahanan Siam di Paknam dan dapat sampai ke Bangkok, tetapi terdapat tiga orang pegawainya terkorban, dan tiga orang lagi cedera. Pihak Perancis memberi amaran kepada kerajaan Siam supaya menyelesaikan krisis itu mengikut tuntutan Perancis iaitu:

- (a) Kerajaan Thai mestilah mengakui hak Kampuchea dan Annam ke atas semua kawasan di tebing sebelah timur Sungai Mekong, termasuk juga semua pulau dalam Sungai tersebut;
- (b) Siam berundur dari semua kawasan di atas sejauh dua puluh lima kilometer dalam tempoh tiga puluh hari selepas persetujuan ini;
- (c) Siam dikehendaki membayar ganti rugi sebanyak lima juta francs kepada semua anak kapal perang Perancis, dan memberi hukuman yang berat ke atas pegawai-pegawai Thai yang melakukan kesalahan dalam peristiwa itu;
- (d) Sebagai jaminan keikhlasan kerajaan Siam yang bersetuju dengan semua syarat tersebut, wang sebanyak tiga juta francs mesti diserahkan kepada pihak Perancis dengan segera. Jika tidak berbuat demikian, pihak Perancis berhak mengutip cukai di wilayah Siemreap dan Battambang.

Siam telah bertolak-ansur dan membayar ganti rugi, sebanyak lima juta francs, tetapi mencadangkan agar masalah ganti rugi itu patut ditetapkan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-

ahli dari kedua-dua buah negara yang terlibat, M. Pavie tidak bersetuju dengan cadangan tersebut sebaliknya telah menutup Teluk Siam dengan kapal-kapal perangnya. Tindakan ini turut melibatkan negara-negara Barat yang lain yang berniaga dengan Siam terutamanya Inggeris. Pihak berkuasa Inggeris di London menerangkan kedudukannya kepada Paris bahawa pihak Inggeris tidak boleh menerima dasar itu kerana merugikan kepentingan Inggeris di Siam. Pada masa yang sama, England menasihati Bangkok supaya menerima semua syarat tersebut kerana tujuan Perancis yang sebenar bukan sahaja untuk mendapatkan Luang Prabang tetapi termasuk juga mengancam kedaulatan Siam. Oleh itu, dengan persetujuan secepat mungkin, Siam dapat menghalang Perancis mengemukakan tuntutan selanjutnya. Siam tidak mempunyai cara lain kecuali menerima cadangan Inggeris itu. Bangkok kemudiannya bersetuju dengan segala syarat yang dikemukakan oleh Perancis. Akhirnya Krisis Paknam berjaya diselesaikan pada 4 Ogos 1893.

Raja Chulalongkorn berasa bertanggungjawab terhadap Krisis Paknam yang mengakibatkan kehilangan wilayah di sebelah tebing timur Sungai Mekong, dan hampir juga menghancurkan kedaulatan Siam. Baginda sangat kecewa terhadap sikap Inggeris dan sikap Perancis yang tidak adil. Tidak lama kemudian Chulalongkorn jatuh gering kerana terlalu sedih mengenangkan peristiwa tersebut. Buat sementara waktu Siam diperintah oleh Majlis Kabinet.

### **Tempoh Selepas Tahun 1893**

Hubungan Siam dengan Perancis dapat diperbaiki setelah termetrinya perjanjian pada tahun 1904. Suasana politik yang menggalakkan ini disebabkan oleh hubungan antara British dengan Perancis yang bertambah baik sejak tahun 1896 semasa kedua-dua negara itu bersetuju mengenai kedudukan Siam sebagai negara perantaraan empayar Inggeris dan Perancis di Asia Tenggara. Pada tahun 1904, England dan Perancis telah menandatangani satu lagi perjanjian iaitu Perjanjian *Entente Cordial* yang menyelesaikan persaingan mereka di seluruh dunia. Jadi Perancis tidak lagi curiga terhadap tujuan atau kedudukan Inggeris terhadap Siam, yang mungkin akan mengurangkan pengaruh Perancis. Oleh kerana itu, Perancis telah memulakan perundingan dengan Siam mengenai hak kewilayahan Perancis di Siam dan kedaulatan kehakiman Siam ke atas rakyat Perancis yang tinggal di negeri Thai.

Pada tahun 1907, Siam telah menyerahkan wilayah Siemreap dan Battambang kepada Perancis sebagai balasan kepada pengunduran tentera Perancis dari Siam, dan penghapusan hak wilayah asing Perancis ke atas rakyat Asia Perancis di Siam. Sejak itu, hubungan antara Perancis dengan Siam menjadi bertambah baik. Perancis telah membantu Bangkok dalam pelbagai bidang bagi pemodenan Siam, terutamanya dalam bidang kehakiman.

## INGGERIS

Sejak tahun 1826 hubungan antara Inggeris dengan Siam dijalin berasaskan kepentingan perniagaan Syarikat Hindia Timur di Asia, terutamanya tentang keselamatan perjalanan pergi dan balik dari India ke China, pasaran terbesar untuk bahan eksport ke Eropah dan India dan juga bahan import dari Asia dan Eropah ke China. Dengan penglibatan Inggeris di Myanmar dan Tanah Melayu pada tahun-tahun 1870-an, menunjukkan betapa pentingnya Inggeris menjadi bersahabat dengan Siam. Persaingan antara Perancis dengan England pada tahun-tahun 1880-an dan perluasan kuasa Perancis di Laos, akibat Krisis Paknam tahun 1893, menyebabkan masalah konfrantasi di antara empayar British dan Perancis. Keadaan itu akan bertambah berbahaya jika kedua-dua negara tersebut tidak dapat menyelesaikan perbezaan mereka di Siam dan bersetuju terhadap kedudukan Siam yang berdepan dengan empayar mereka.

Ternyata bahawa Inggeris dan Perancis tidak mahu perkembangan empayar mereka di Asia bersempadan antara satu dengan yang lain. Sekiranya kedudukan Siam sebagai negeri penampakan yang mengasingkan empayar mereka tidak dapat diterima oleh kedua-dua buah negeri yang terlibat, maka kemungkinan besar mereka akan bersaing hebat untuk menguasai Siam. Suasana tegang seperti itu akan merugikan Perancis dan England bukan sahaja di Asia Tenggara, tetapi juga di Eropah ketika kedua-dua negeri itu menghadapi cabaran hebat dari Jerman. Dengan keadaan tersebut, maka pada tahun 1896, tanpa berunding dengan Siam, pihak Inggeris dan Perancis bersetuju dalam satu perjanjian mereka menetapkan Sungai Mekong sebagai garis sempadan yang mengasingkan empayar Asia mereka. Perancis dan Inggeris juga mengesahkan kedaulatan kawasan tengah Siam, iaitu kawasan Lembah Menam Chao Phraya. Ini bererti bahawa Perancis dan England tidak lagi menjalankan dasar tekanan politik ke atas Siam

untuk mendapatkan pengaruh. Implikasi yang penting daripada persetujuan Anglo-Perancis pada tahun 1896 itu ialah mereka mempunyai hak untuk menguasai kawasan lain di Siam yang berhampiran dengan empayarnya. Kawasan sekitar Sungai Mekong dan kawasan timur Teluk Siam menjadi sasaran dalam dasar penjajahan Perancis, manakala kawasan selatan dan Semenanjung Tanah Melayu merupakan kawasan kepentingan Inggeris.

Bagi pihak Siam, sejak pemerintahan Mongkut, Siam selalu mengadakan hubungan muhibah dan bertolak-ansur dengan pihak Inggeris. Tidak dapat dinafikan juga bahawa Bangkok bersikap berat sebelah terhadap British daripada kuasa-kuasa Barat yang lain.<sup>54</sup> Sungguhpun begitu, Siam juga pernah meminta pertolongan diplomatik dan kuasa Inggeris pada tahun 1893, tetapi tidak mendatangkan hasil. Dalam Krisis Paknam tersebut, kerajaan Siam menyangka mendapat pertolongan dari England dalam perselisihannya dengan Perancis. Tetapi pucuk pimpinan Siam merasa amat kecewa terhadap England yang nampaknya membisu terhadap rayuan Bangkok kepada London untuk membantunya. Sebaliknya, pihak Inggeris menasihati Bangkok supaya bersetuju dengan tuntutan-tuntutan Perancis yang keras dan tidak adil itu. Dengan pengalaman tersebut, pemimpin Siam menyedari tiada gunanya mengharapkan pertolongan Inggeris, dan mengubah dasar luarnya kepada hubungan yang seimbang antara Siam dengan Perancis, dan Inggeris. Dasar ini telah membantu Siam memperbaiki hubungannya dengan Perancis dan juga membolehkannya memainkan peranan sebagai negeri penampan di antara dua empayar dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, dengan persetujuan antara Anglo-Perancis tahun 1896 menimbulkan kebimbangan di kalangan pemimpin Siam kerana pihak Bangkok tidak dijemput dalam perundingan yang amat penting mengenai kedaulatannya. Pihak Siam berasa curiga sekiranya terdapat persetujuan sulit di antara Perancis dan England untuk membahagikan kawasan-kawasan Siam yang terkeluar dari Lembah Menam Chou Phraya sebagai kawasan di bawah kuasa empayar masing-masing. Bagi menolak kemungkinan perkara tersebut menjadi kenyataan Bangkok bersetuju menandatangani satu perjanjian rahsia dengan pihak Inggeris pada tahun 1897. Perjanjian Rahsia Anglo-Thai itu menjamin kedaulatan Siam ke atas

<sup>54</sup> Lihat bahagian Raja Mongkut di atas.

kawasannya di sebelah selatan. Mengikut syarat-syarat penting, Siam berjanji tidak akan menyerahkan wilayah selatan wilayah Bang Taphan kepada mana-mana kuasa tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Inggeris terlebih dahulu; bagi Inggeris pula, mereka berjanji akan membantu mempertahankan Siam sekiranya atau apabila Siam diserang oleh kuasa ketiga. Jelas bahawa dengan Perjanjian Rahsia pada tahun 1897 itu, Siam menerima jaminan bertulis daripada Inggeris mengenai kedaulatan dan keselamatannya ke atas wilayah-wilayah selatan Siam. Tetapi ini tidak bermakna bahawa Siam telah berjaya menyelesaikan cabaran-cabaran daripada pihak berkuasa di Singapura yang menentang kuasa dan kedudukannya di kawasan tersebut. Oleh sebab perjanjian itu merupakan suatu perjanjian rahsia, maka Bangkok selalu berasa bimbang bahawa syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut diketahui umum. Sekiranya perkara itu terjadi, Bangkok akan menghadapi tuntutan dan aduan daripada kuasa-kuasa lain di mana menurut perjanjian antara mereka dengan Bangkok, mereka juga layak menerima syarat-syarat yang sama daripada Siam. Inggeris bersetuju membuat perjanjian itu dengan Siam kerana bimbang terhadap rancangan Perancis untuk menggali terusan Kra di Genting Kra yang terletak di selatan Siam. Sekiranya, rancangan itu mendapat kebenaran daripada Siam, maka kepentingan kedudukan Singapura sebagai pusat perniagaan Inggeris di Asia Tenggara akan merosot. Lanjutan itu, ekonomi dan strategi empayar British di Asia akan terjejas. Perjanjian tahun 1897 menghalang peluasan pengaruh dan kepentingan Perancis di selatan Siam. Oleh itu, Inggeris sanggup membuat perjanjian tersebut semata-mata untuk kepentingannya sendiri.

Sungguhpun hubungan antara Bangkok dengan Inggeris berjalan dengan baik dan banyak memberikan faedah kepada kedua-dua pihak, tetapi terdapat banyak tekanan politik daripada ejen-ejen British di Tanah Melayu ke atas Siam. Contohnya, sejak tahun-tahun 1880-an, Sir Cecil Smith, Sir Charles Mitchell, dan Sir Frank Swettenham telah berkali-kali mencuba untuk menghapuskan kuasa dan pengaruh Siam di Tanah Melayu. Pada tahun 1889, Sir Cecil Smith, Gabenor Singapura, mencadangkan supaya pihak berkuasa London menamatkan semua tuntutan Siam ke atas Kelantan dan Terengganu, bagi membolehkan Inggeris meluaskan kuasanya di kedua-dua buah negeri itu.<sup>55</sup> Cadangan Sir Cecil Smith

<sup>55</sup> FO 422/212 FO kepada CO, 29 Mac 1889.

timbul daripada kekhawatiran pegawai-pegawai kolonial British di Tanah Melayu yang menganggap tindakan Siam untuk menguatkuasakan pengaruhnya di kedua-dua buah negeri itu akan menghalang hasrat Inggeris. Tindakan tersebut termasuklah menghalang lawatan Chulalongkorn ke negeri-negeri Melayu di bawah naungan Siam, serta langkah-langkah pentadbiran baru yang sedang dilaksanakan oleh Bangkok. Walaupun perjanjian tahun 1897 telah mengiktiraf kuasa dan kedudukan Bangkok ke atas empat buah negeri di Tanah Melayu, iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu, namun London tidak dapat mengawal kegiatan ejen-ejennya di Tanah Melayu yang melemahkan kedudukan Siam. Peristiwa pemberontakan di Pahang pada tahun 1891-1895 menunjukkan dengan jelas kecurigaan dan tidak mempercayai antara satu dengan lain yang timbul antara Bangkok dan Singapura.<sup>56</sup> Sungguhpun Siam berjaya menangkap pemimpin-pemimpin pemberontakan itu bagi pihak British di Singapura, namun persaingan antara mereka tidak berkurangan, sebaliknya, menjadi bertambah tegang.

Dengan berkuasanya parti "forward" di London, maka Siam menghadapi tekanan politik dan diplomatik yang besar dari England mengenai kedudukannya di Tanah Melayu. Pada tahun 1902, dengan suasana politik yang tidak stabil di Kelantan, Siam bersetuju berunding dengan Inggeris yang menawarkan bantuan untuk menyelesaikan perselisihan antara Bangkok dan Kelantan. Perjanjian yang ditandatangani antara Thai-Kelantan pada tahun 1902 bagi pihak Siam dianggap sebagai tindakan kejam oleh Inggeris yang memaksa Siam menerima syarat-syarat yang nampaknya menghapuskan pengaruh Siam ke atas Kelantan. Perjanjian itu juga dapat dianggap sebagai suatu kemenangan parti "forward" terhadap Bangkok. Antara syarat-syarat penting ialah, Siam terpaksa menerima seorang penasihat berbangsa Inggeris di Kelantan untuk membantu Sultan mentadbir negerinya.<sup>57</sup> Selepas termetri-

<sup>56</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, "Thai-Malay Relations: A Study of Traditional Intra-Regional Relations, From 17th to Early 20th Century", tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, 1986, bab 4.

<sup>57</sup> *Ibid.*, Bab 5; untuk artikel-artikel perjanjian, lihat Maxwell dan Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, m.s. 86-88, lihat juga Kobkua Suwannathat-Pian, "The Siamese-Kelantan Treaty: An end of the Traditional Relations" *Journal of the Siam Society*, 1985.

nya perjanjian tersebut, pihak berkuasa Singapura terus campur tangan dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu yang di bawah kuasa Siam. Pihak Singapura tidak menyambut baik percubaan Bangkok untuk memulihkan pentadbirannya di kawasan selatan dan di negeri-negeri naungannya. Pihak Inggeris juga tidak bersetuju dengan rancangan Siam untuk menyatukan negerinya. Oleh itu, akhirnya, jelas bagi Bangkok bahawa kejayaan Siam untuk menjamin keutuhan wilayahnya dapat tercapai hanya sekiranya Siam boleh menghapuskan campur tangan kuasa asing dalam hal-ehwal negaranya. Penghapusan campur tangan British, misalnya, boleh dicapai apabila Siam menamatkan peranannya di Tanah Melayu.

Sebenarnya, keputusan Chulalongkorn dan kerajaan baginda menyerahkan negeri *prathesarat* Melayunya kepada Inggeris pada tahun 1909 bukanlah merupakan suatu tindakan yang dibuat secara mendadak, tetapi keputusan tersebut dipersetujui selepas beberapa usaha yang dijalankan mengalami kegagalan untuk mempertahankan wilayah-wilayah *prathesarat* sejak tahun-tahun 1890-an lagi. Contohnya, Chulalongkorn menggunakan hubungan peribadi sebagai faktor penting untuk mengeratkan hubungan Bangkok dan negeri-negeri Melayu di bawah kuasa Siam. Baginda selalu melawat ke negeri-negeri Melayu seperti ke Kelantan dan Terengganu pada tahun 1889 dan tahun 1890. Lagipun Chulalongkorn menggalakkan pemimpin Melayu datang melawat Bangkok supaya mereka dapat mengenali dan memahami cara kehidupan dan kebudayaan Thai, selain dapat menjalin hubungan persahabatan dengan pemimpin-pemimpin Thai. Walaupun taktik itu berjaya misalnya Sultan Terengganu telah melawat Bangkok pada tahun 1897 dan tahun 1902, tetapi pihak Inggeris di Singapura menentanginya. Cara-cara lain yang dijalankan oleh Bangkok juga menghadapi tentangan daripada British di Tanah Melayu. Contohnya, rancangan Bangkok untuk menambah milik (*annex*) secara perlahan-lahan negeri-negeri Melayu ke dalam wilayah Siam yang sebenar melalui pemulihan pentadbiran tahun 1892, telah ditentang oleh Inggeris, sebaliknya British memberi amaran tentang akibat-akibat berbahaya yang akan timbul daripada ketidakcekapan sistem pentadbiran tradisional Siam di Tanah Melayu. Perasaan cemburu yang ditunjukkan oleh pegawai Inggeris di Singapura merupakan faktor penting yang menghalang Siam melaksanakan suatu pemulihan pentadbiran *prathesaratnya* di Tanah Melayu.



Pada awal tahun-tahun 1900-an, ternyata kepada Bangkok bahawa untuk menyelamatkan kedaulatan Siam, Bangkok perlu memperoleh kembali kuasa kehakiman yang penuh dari negeri-negeri Barat yang membuat perjanjian persahabatan dan perniagaan dengannya, terutamanya dari Perancis dan Inggeris. Pada tahun 1907 Siam berjaya berunding dengan Perancis untuk mendapatkan semula hak wilayah asing dari Perancis. Sebagai *quid-pro-quo*, Siam menyerahkan wilayah-wilayah di sekitar tebing barat Sungai Mekong kepada Perancis. Dalam pada itu, Strobel, Penasihat Agung kepada kerajaan Siam, mencadangkan kepada Chulalongkorn bahawa Siam perlulah menguatkan penyatuan (integrasi) dan pertahanan negeri dengan mendapatkan semula kedaulatan penuh. Untuk mendapatkan semula kedaulatan kehakiman dari Inggeris, Strobel berpendapat bahawa Siam terpaksa menyerahkan negeri-negeri naungannya di Tanah Melayu kepada England.<sup>58</sup> Akhirnya, Chulalongkorn bersetuju dengan cadangan itu. Boleh dikatakan bahawa penyerahan empat buah negeri Melayu kepada Inggeris itu merupakan sumbangan yang penting kepada kemunculan Siam sebagai sebuah negeri yang bersatu padu dan berdaulat.

Menurut perjanjian yang ditandatangani oleh Anglo-Thai pada tahun 1909, Siam menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada Inggeris; dan sebagai balasannya, Siam menerima semula kedaulatan kehakimannya yang hilang sejak tahun 1855, dan menerima pinjaman berjumlah empat juta paun sterling, dengan kadar bunga empat peratus untuk membiayai pembinaan landasan keretapi dari Bangkok ke selatan Siam. Persetujuan ini sangat mengecewakan pemimpin Melayu yang terlibat kerana mereka tidak berpeluang menyertai perundingan yang menentukan masa depan mereka.

Jadi menjelang tahun 1909, Siam tidak lagi mempunyai negeri-negeri naungan di kawasan timur mahupun di selatan. Dengan itu, Siam tidak lagi dianggap sebagai suatu kuasa besar di Asia Tenggara. Namun demikian, dengan penyerahan negeri-negeri naungannya, Siam berjaya menghapuskan semua tekanan politik dan campur tangan kuasa Barat dalam hal-ehwal negara-


<sup>58</sup> Thamsook Numnonda, "Negotiations Regarding the Vession of Siamese Malay States 1907 1909". *JSS*. IV:2. 1967.

nya. Walaupun telah mendapat semula kedaulatan kehakiman sepenuhnya selepas Perang Dunia ke-2, tetapi pada prinsipnya, Siam telah diiktirafkan sebagai sebuah negeri yang setaraf dengan negeri-negeri lain di kalangan masyarakat antarabangsa, dan bukan lagi negara bertaraf kelas dua. Kedaulatan dan keselamatan Siam ini merupakan warisan yang bernilai tinggi yang dapat disumbangkan oleh Chulalongkorn kepada rakyatnya.

#### IV. Penilaian dan Pencapaian Mongkut dan Chulalongkorn

Pada umumnya, di kalangan sejarawan Thai moden melihat pencapaian Mongkut dan Chulalongkorn tidak begitu tinggi nilainya. Menurut mereka, kedaulatan Siam pada tahun 1909 hanyalah sebahagian sahaja, manakala pemulihan dan pemodenan yang dijalankan oleh kedua-dua orang raja itu sesungguhnya menimbulkan kesan yang kurang membina terhadap masyarakat kemudiannya. Kesan negatif yang paling besar ialah peranan angkatan tentera moden, yang dibentuk oleh Chulalongkorn, dalam perkembangan politik kebangsaan sejak tahun 1932 yang menghalang perkembangan politik yang positif di Siam. Walaupun begitu, penilaian yang lebih tepat terhadap kejayaan dan pencapaian Mongkut dan Chulalongkorn mestilah dihuraikan dalam konteks semasanya. Pada masa itu Mongkut dan Chulalongkorn berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan penyelesaian yang paling sesuai untuk mengatasi dan menyelamatkan Siam daripada ancaman penjajahan Barat, kerana tiada formula ataupun teladan yang boleh dirujuk dan diikuti oleh mereka. Chulalongkorn dan ayahandanya terpaksa menggunakan kefahaman dan kebijaksanaan mereka sendiri bagi mempertahankan kedaulatan Siam. Memang mereka melakukan beberapa kesalahan dalam beberapa tindakan yang diambil, namun mereka memahami betapa pentingnya Siam mempunyai kedaulatan dan keselamatan negara daripada penjajahan Barat.

Mongkut dan Chulalongkorn juga tidak bertujuan melaksanakan rancangan untuk memulihkan keadaan sosioekonomi dan pentadbiran Siam supaya dapat membangunkan sebuah negara demokrasi ataupun untuk memperbaiki keadaan sosial rakyat dalam konteks kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Sebaliknya, rancangan pemulihan dan pemodenan mereka bertujuan untuk mempertahankan kedudukan Siam dalam hubungannya dengan kuasa



Siam Pada Zaman Rama III dan Zaman Chulalongkorn

Barat, dan untuk menyelamatkan kedudukan baginda berdua di dalam masyarakat Thai.

Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa kebanyakan pemulihan yang dilaksanakan oleh Mongkut, bertujuan memudahkan cara penghidupan orang Barat di Siam dan untuk memperbaiki imej Siam di kalangan orang Barat. Mongkut juga melancarkan rancangan untuk memberikan kebajikan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, Mongkut menekankan pentingnya tanggungjawab timbal-balik antara raja dan rakyatnya. Mongkut berjaya melembutkan tindakan kuasa Barat terhadap Siam, sebab baginda dapat menunjukkan sikap berkompromi yang sedia melayan tuntutan mereka. Jika dibandingkan dengan perkembangan yang berlaku di Myanmar pada tahun 1856 dan di Vietnam pada tahun 1862-1867, pencapaian Mongkut sangat membanggakan.

Kejayaan Chulalongkorn sangat dihargai oleh masyarakat sezaman dengan baginda. Ini bererti bahawa baginda memahami hasrat masyarakatnya. Tidak dapat dinafikan bahawa pemulihan yang dilancarkan oleh Chulalongkorn bertujuan untuk meningkatkan kedudukan institusi raja dan kuasa baginda sendiri. Sistem pentadbiran pusat membolehkan raja Siam mengawal wilayah-wilayah di seluruh negara dengan berkesan. Sistem itu berjalan lancar bagi Chulalongkorn dan penyokong-penyokongnya kerana kebijaksanaan raja serta kebaktian dan dedikasi daripada *senabodi* dan kebanyakan pegawai yang terlibat. Namun sistem pentadbiran pusat menampakkan juga beberapa kelemahannya, terutamanya jika terdapat raja yang kurang berkebolehan dalam bidang pentadbiran serta *senabodi* yang tidak begitu berbakti. Keadaan ini berlaku semasa pemerintahan Vajiravudh. Boleh dikatakan bahawa masalah-masalah politik dan ekonomi yang diwarisi oleh Raja Prajadhipok pada tahun 1925 berpunca daripada pendekatan yang kurang bertanggungjawab oleh Vajiravudh. Sikapnya yang kurang berminat dalam pentadbiran, telah menjejaskan kepentingan negara. Selagi raja pemerintah mempunyai kebolehan yang tinggi, kemungkinan besar sistem yang diperkenalkan oleh Chulalongkorn akan memberi kesan yang positif. Sebaliknya, jika seseorang raja itu lemah, maka negara Siam akan mengalami kemerosotan. Perbandingan di antara masa pemerintahan Chulalongkorn dan anakanda baginda, Vajiravudh, akan memperlihatkan kekuatan dan kelemahan sistem pentadbiran pusat dalam konteks kerajaan mutlak. Chulalongkorn memang tidak melihat kesan negatif pemulih-

an pentadbiran baginda, dan sepatutnya tidak disalahkan sematamata kerana kelemahan anakandanya.

Boleh dikatakan bahawa negara dan rakyat Siam banyak terhutang budi kepada Raja Chulalongkorn yang berjaya mengekalkan kedaulatan Siam. Walaupun dasar dan kebolehannya yang luar biasa bukan merupakan satu-satunya faktor yang menyebabkan kejayaan Siam dapat menyelamatkan diri daripada kekejaman penjajahan Barat, namun Chulalongkorn berjaya menentukan bahawa aspek-aspek positif kepada keselamatan Siam itu dipergunakan untuk membantu segala usaha baginda. Terdapat pelbagai faktor lain yang menyumbang kejayaan Siam dalam perjuangan menyelamatkan kedaulatannya, seperti kedudukan geo-politik Siam membolehkan negara itu memainkan peranan sebagai negeri perantara kepada empayar Perancis dan Inggeris di Asia Tenggara; persaingan antara Perancis dengan Inggeris yang menghalang mereka menjadi kuasa yang unggul di Siam; kebolehan dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Siam yang lain terutamanya Putera Damrong, *senabodi* Mahatthai dan Putera Devawongs, *senabodi* Hubungan Luar yang dikenali sebagai tangan kanan dan tangan kiri Chulalongkorn. Selepas semua faktor tersebut dipertimbangkan, maka boleh dikatakan juga bahawa tanpa Chulalongkorn dan kepimpinannya yang sangat mengagumkan, berkemungkinan besar prestasi Siam tidak dapat mencapai peringkat yang cemerlang pada tahun 1910. Di sinilah sumbangan besar yang diberikan oleh Chulalongkorn terhadap kesejahteraan Siam.

# Bab VI

## VAJIRAVUDH DAN PRAJADHIPOK (1910 – 1935)

### I. Latar Belakang

Selepas kemangkatan Raja Chulalongkorn, dua orang anak baginda menaiki takhta kerajaan dan memerintah Siam sehingga tamatnya kerajaan mutlak dinasti Chakri. Pada tahun 1932, segolongan pegawai awam dan tentera yang dipanggil *Parti Rakyat Khana Rat* atau *Ratsadon*, berjaya merampas kuasa dan memaksa Raja Prajadhipok atau Pokkloao menerima sistem raja berperlembagaan. Sejak peristiwa itu, Siam memasuki zaman demokrasi yang sebenarnya dikuasai oleh pemimpin-pemimpin tentera, khususnya daripada angkatan tentera darat.

Vajiravudh dan Prajadhipok adalah putera Raja Chulalongkorn dengan permaisuri utamanya, iaitu Permaisuri Saowabha-phongsi. Namun, terdapat perbezaan yang ketara di antara mereka. Vajiravudh, adalah putera sulung, dilantik menjadi Putera Mahkota Siam sejak tahun 1895 selepas kemangkatan Putera Vajirunhis, Putera Mahkota yang pertama. Oleh itu baginda telah memahami tentang tanggungjawab yang berat yang akan baginda warisi suatu hari nanti. Semua kemudahan yang diperlukan untuk pendidikan dan latihan seorang raja diberikan kepada Vajiravudh. Sebenarnya, sejak putera itu pulang ke tanahair pada tahun 1903, baginda diberi kesempatan secukupnya untuk mempelajari dan memahami cara pemerintahan beraja mutlak. Contohnya, baginda dilantik menjadi pemangku raja semasa Raja Chulalongkorn melawat Eropah bagi kali kedua pada tahun 1907. Prajadhipok, sebagai putera bongsu Permaisuri Saowabha dan mempunyai empat orang abang kandung, tidak pernah disangka akan menaiki takhta Siam sebagai raja pemerintah. Ada juga bukti yang menunjukkan beliau tidak



Pemimpin-pemimpin *Khana Rat* yang berjaya menggulingkan sistem kerajaan mutlak Dinasti Chakri

berminat menjadi raja.<sup>1</sup> Oleh itu, Prajadhipok tidak melengkapkan dirinya untuk menerima tanggungjawab diraja itu. Beliau memilih bidang ketenteraan dan bukan bidang politik dan sejarah, atau undang-undang, ataupun ekonomi yang dianggap sebagai bidang pelajaran yang sesuai kepada seorang pewaris takhta kerana mereka dapat mendalami kefahaman seorang raja tentang aspek sosioekonomi dan pentadbiran negara. Tetapi telah ditakdirkan yang putera itu akan menjadi raja. Selepas kemangkatan kekanda baginda pada tahun 1925, dalam surat wasiat yang ditulis oleh Vajiravudh, telah dinyatakan Prajadhipok sebagai penggantinya. Vajiravudh tidak mempunyai anak lelaki dan sebab itulah Prajadhipok dipilih mewarisi takhta. Anak tunggal baginda, bernama Chao Fa Bejarat, yang dilahirkan dua hari sebelum kemangkatan Vajiravudh adalah seorang puteri.

Chao Fa Vajiravudh dilahirkan pada 1 Januari 1881, yang merupakan anak sulung kepada ibunda baginda. Pada masa itu hak mewarisi takhta kerajaan Siam diwarisi oleh keluarga Chulalongkorn dan Permaisuri Sawang-wattana, dengan putera sulungnya, Chao Fa Vajirunhis, yang dilantik sebagai Putera Mahkota setelah kemangkatan Putera Wang Na Wichaichan pada tahun 1885. Walau bagaimanapun, apabila Vajirunhis mangkat pada tahun 1895, Chulalongkorn memilih Vajiravudh dan bukan adik kandung Vajirunhis sebagai pewaris takhta sesudah baginda. Sebelum ini, oleh kerana Vajiravudh dan putera-putera lain yang berpangkat Chao Fa nampaknya tidak akan menaiki takhta Siam, mereka telah dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara. Vajirunhis menetap di Bangkok bagi menerima pendidikan dan latihan tentang pemerintahan negara di bawah penyeliaan ayahandanya. Vajiravudh dihantar menuntut ke England, manakala Putera Paribatra dihantar ke Jerman, dan Putera Chakrabongse ke Russia. Semasa Chulalongkorn melantik Vajiravudh sebagai Putera Mahkota, baginda baru berumur empat belas tahun dan sedang mengikuti kursus ketenteraan di Maktab Sandhurst, England. Dengan perlantikan tersebut, Vajiravudh juga terpaksa mengambil kursus undang-undang dan sejarah di Universiti Oxford. Baginda pulang ke Siam selepas menamatkan pelajarannya. Dalam

<sup>1</sup> Prajadhipok pada mulanya menawarkan takhta kepada Putera Paribatra. Tetapi tawaran itu ditolak. Pramot Phungsunthon, (Peny.). *Beberapa Hal Mengenai Kerabat Diraja Semasa Perang Dunia II*. Bangkok 2515/1972, m.s. 92-94.



perjalanan pulang. Vajiravudh telah melawat Jepun supaya dapat melihat rancangan-rancangan pemulihan yang dilaksanakan oleh Meiji.

Sejak pulang dari England, sehinggalah beliau menaiki takhta, Vajiravudh diberikan cukup masa untuk memerhatikan peranan seorang raja berkuasa mutlak yang dipegang oleh ayahanda baginda. Sebenarnya, setiap kali Chulalongkorn tidak ada di ibu kota, baginda melantik Putera Mahkota sebagai pemangku raja yang bertanggungjawab menjalankan pemerintahan negara. Sungguhpun demikian, Vajiravudh kurang menunjukkan minat dalam hal pentadbiran, dan nampaknya lebih suka meluangkan masa dengan kegiatan kesusasteraan dan kesenian, serta hal-hal dalam istananya. Tidak lama kemudian, ternyata bahawa baginda lebih suka bersahabat dengan penolong-penolong peribadi dan *mahatleknnya* daripada bergaul dengan ahli-ahli kerabat diraja, terutamanya putera-putera yang berpangkat tinggi dan *senabodi* ayahanda baginda. Meskipun, Vajiravudh mempunyai masa yang cukup untuk memahami tanggungjawab dan peranan sebagai raja Siam, namun baginda kurang memperlihatkan kebolehannya sebagai pentadbir ataupun pemimpin yang bijak dan bertanggungjawab.

Vajiravudh menaiki takhta kerajaan Siam tanpa sebarang halangan pada bulan Oktober 1910. Baginda juga menjalankan dua upacara pertabalan, iaitu yang sederhana selepas kemangkatan Chulalongkorn, dan upacara yang lebih besar diadakan setahun kemudian. Upacara pertabalan ini memerlukan perbelanjaan besar iaitu sejumlah lima juta baht atau lapan peratus daripada peruntukan perbelanjaan tahun tersebut.<sup>2</sup> Sesungguhnya, sikap membelanjakan wang dengan berlebih-lebihan itu menjadi suatu kebiasaan kepada Vajiravudh walaupun baginda menyedari Siam sedang menghadapi kesulitan ekonomi. Dalam masa lima belas tahun pemerintahan baginda, kedudukan kewangan Siam yang kukuh pada zaman pemerintahan Chulalongkorn telah habis digunakan. Kini Siam menjadi negara yang menanggung hutang besar. Putera Damrong menyebutkan keadaan negeri semasa Pra-

<sup>2</sup> D.K. Wyatt, *Thailand, A short History*, Yale: Yale University Press, 1984, m.s. 224.

jadhipok menaiki takhta sebagai "suatu warisan yang paling teruk".<sup>3</sup>

Vajiravudh menggunakan nama *Mongkutklao Chao Yu Hua*, atau Rama VI. Di kalangan orang asing baginda lebih dikenali dengan nama asal iaitu Vajiravudh. Nama yang digunakan oleh Vajiravudh itu sebenarnya ialah nama Raja Mongkut atau Rama IV. Mongkut lebih dikenali di kalangan sarjana asing dengan nama peribadi baginda dan bukan nama gelarannya, iaitu *Chomklao Chao Yu Hua*.

Putera Chula Chakrabongse menyebutkan Vajiravudh sebagai raja yang bersikap liberal, kerana baginda cuba melaksanakan latihan pentadbiran demokrasi di kalangan pegawainya di Dusit-thani, iaitu sebuah bandar yang dibuat dalam istananya.<sup>4</sup> Sungguhpun begitu, Vajiravudh tidak sepatutnya dianggap sebagai raja yang berfalsafah liberal. Baginda berpegang kuat pada konsep raja berkuasa mutlak sebagai sistem politik yang paling baik bagi Siam. Dengan kepercayaan itu, baginda menulis dengan panjang lebar tentang keburukan sistem sosialis ataupun demokrasi jika dibandingkan dengan sistem kerajaan mutlak. Revolusi di Russia yang berlaku tahun 1917 dan pentadbiran Golongan Turki Muda di Turki selalu digunakan oleh Vajiravudh sebagai bukti keburukan dan keadaan huru-hara, manakala dalam sistem pentadbiran auto-krat sebelumnya terdapat keharmonian dan kemakmuran masyarakat. Dalam tempoh pemerintahannya, Vajiravudh berusaha dengan gigih untuk menguatkan kedudukan institusi raja berkuasa mutlak dengan menggunakan prinsip nasionalisme di bawah kepimpinan raja, dengan cogan kata "Negara, Agama, dan Raja" atau *Chat, Satsana, Iae Phra Mahakasat*. Boleh dikatakan bahawa percubaan Vajiravudh untuk menanamkan perasaan nasionalisme di kalangan rakyat di segenap lapisan itu merupakan warisan agung baginda kepada negara Siam moden.

Vajiravudh telah mendirikan rumahtangga semasa berusia empat puluh tahun dan berhasrat menjadi teladan kepada rakyatnya bahawa amalan berpoligami di Siam merupakan amalan yang

<sup>3</sup> Memo Putera Damrong, dalam B.A. Batson, *Siam's Political Future: Documents From the End of the Absolute Monarchy*, Data Paper no. 96, Southeast Asia Program, Ithaca: Cornell University Press, 194, m.s. 38.

<sup>4</sup> Putera Chula Chakrabongse, *Lords of Life*, Bangkok: DD Books, 1982, m.s. 268 - 301.

sudah ketinggalan zaman yang merendahkan maruah negara di kalangan orang Barat. Dengan kata lain, Vajiravudh tidak suka-kan amalan berpoligami. Tetapi walaupun demikian, Vajiravudh juga mempunyai lima orang isteri iaitu tiga orang permaisuri dan dua orang gundik. Permaisurinya yang terakhir bernama Phra Nang Chao Suwattana melahirkan seorang puteri, dua hari sebelum kemangkatan Vajiravudh. Sebelum baginda mangkat, Vajiravudh telah membuat wasiat yang menamakan Putera Prajadhipok sebagai pengganti sekiranya baginda tidak mempunyai anak lelaki. Vajiravudh mangkat pada 26 November 1925. Majlis Negara mengesahkan hasrat baginda dan menjemput Putera Prajadhipok menaiki takhta kerajaan Siam sebagai raja ketujuh dinasti Chakri.

Chao Fa Prajadhipok dilahirkan pada bulan November 1893, yang merupakan putera bongsu Chulalongkorn dengan permaisurinya Saowabha-phongsi. Prajadhipok juga dihantar melanjutkan pelajaran ke England. Setelah tamat persekolahan di Eton Prajadhipok memilih bidang ketenteraan sebagai profesionnya dan terus mengikuti kursus kadet di Akademi Tentera Woolwich. Baginda kembali ke Siam semasa berlakunya Perang Dunia I, dan ditauliahkan sebagai leftenan dan berkhidmat dengan Rejiman Meriam Pertama. Sehingga ke saat perkahwinannya dengan sepupunya Putera Rambai Barni, Prajadhipok tinggal di Istana Phya Thai dengan ibundanya.

Pada bulan Ogos 1917, Prajadhipok memasuki kesamian selama tiga bulan. Terdapat suatu cerita yang menarik mengenai baginda. Seperti yang telah dibincangkan, oleh kerana peluang Prajadhipok menaiki takhta Siam hampir tiada, Putera Vajirayana, *Sangharat*/ketua golongan sami, yang juga bapa saudara Prajadhipok, menasihati Prajadhipok supaya terus kekal dalam kehidupan kesamian supaya pada suatu hari nanti baginda akan dapat menjadi *sangharat* dan meneruskan tanggungjawab dinasti Chakri terhadap agama. Walaupun Prajadhipok bersetuju dengan cadangan itu, tetapi terpaksa menolaknya kerana baginda sudah jatuh cinta dengan sepupunya sebelum baginda memasuki kesamian.<sup>5</sup> Sepupunya itu ialah Puteri Rambai Barni, anak Putera Svasti, adik kandung Permaisuri Saowabha sendiri. Prajadhipok berkahwin dengan puteri itu

<sup>5</sup> *Ibid.*, m.s. 287.

pada tahun 1918. Malangnya, baginda berdua tidak dikurniakan cahaya mata.

Dalam tempoh lima tahun (1920 - 1925) berlaku beberapa kematian dalam ahli kerabat diraja. Putera Chakrabongse, anak kedua Permaisuri Saowabha, telah meninggal dunia di Singapura pada tahun 1920. Beliau dianggap sebagai pewaris kepada kakanda baginda. Putera Chutadhuaj, anak keempat Permaisuri Saowabha meninggal dunia pada tahun 1923, manakala Putera Asdang, anak ketiga, meninggal dunia pada awal tahun 1925. Ini bermakna selepas kematian Asdang, Prajadhipok muncul sebagai pewaris andaian kepada Vajiravudh; dan anak lelaki Putera Chakrabongse diketepikan kerana ibunya adalah orang asing, manakala anak lelaki Putera Chutadhuaj masih terlalu muda pada masa itu. Seorang calon lagi yang layak ialah Putera Paribatra, iaitu putera Raja Chulalongkorn dengan Permaisuri Sukumala, yang umurnya lebih tua daripada Prajadhipok dan merupakan putera yang berkebolehan. Walaupun begitu, Putera Paribatra dan Vajiravudh tidak mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain. Dalam pada itu, permaisuri muda Vajiravudh telah mengandung. Ternyata bahawa jika Vajiravudh mendapat anak lelaki, baginda akan menamakan putera itu sebagai pewarisnya; dan sekiranya tidak, kemungkinan besar baginda akan memilih adik kandungnya untuk menggantikan baginda. Dalam surat wasiatnya, Vajiravudh menamakan anak baginda jika lelaki sebagai pewaris takhta dan Prajadhipok sebagai Presiden Majlis Pemangku Raja sehinggalah anak baginda menjadi dewasa. Sekiranya anak baginda adalah puteri, Vajiravudh menamakan Prajadhipok sebagai penggantinya.<sup>6</sup> Pada 24 November 1925 Prajadhipok ditentukan sebagai pewaris takhta Siam. Dua hari kemudiannya, Vajiravudh mangkat dan meninggalkan banyak masalah politik dan ekonomi kepada Prajadhipok.

Prajadhipok telah sanggup menerima kedudukan tertinggi itu. Tindakan pertama baginda ialah menawarkan takhta kepada Putera Paribatra yang dianggap cukup berkebolehan untuk memulihkan maruah dan pengaruh institusi raja yang runtuh pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Vajiravudh. Tetapi, Paribatra menolak tawaran tersebut dan sebaliknya berikrar bekerja dengan

<sup>6</sup> Lihat "Riwayat Hidup Prajadhipok" oleh Putera Dhani, dalam *Koleksi Penulisan Putera Dham*. Bangkok, 1964, m.s. 9.

kuat untuk Prajadhipok supaya Siam dapat mengatasi masalah ekonomi dan politik yang mengancam kestabilannya.<sup>7</sup> Raja Prajadhipok atau gelarannya Raja Pokkklao, mewarisi keadaan sosio-politik dan ekonomi yang amat berbahaya. Benjamin Batson mengatakan bahawa pada akhir pemerintahan Vajiravudh, pentadbiran Siam berada dalam keadaan yang paling rumit; maruah dan kedudukan institusi raja telah dipersoalkan, manakala kewangan negeri hampir habis dan Siam akan menjadi bankrap.<sup>8</sup> Tugas terpenting Prajadhipok ialah membetulkan kesalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemerintahan kakandanya. Disamping itu, Prajadhipok telah mengemukakan dasar ekonomi baru bagi memulihkan kemerosotan ekonomi yang dihadapi oleh Siam.

Pemerintahan Prajadhipok merupakan pemerintahan yang terpendek sekali dalam sejarah dinasti Chakri, tetapi merupakan suatu perubahan besar dalam politik negara. Walaupun Prajadhipok berusaha dengan giat untuk mencegah kemerosotan institusi raja berkuasa mutlak, yang termasuk juga percubaan baginda memperkenalkan sistem berparlimen di Siam, tetapi semua usaha tersebut tidak dapat tercapai tujuannya. Pada 24 Jun 1932 sistem pemerintahan raja mutlak telah digulingkan oleh sekumpulan elit baru, yang kebanyakan mereka mendapat didikan pelajaran moden yang telah diperkenalkan oleh Chulalongkorn. Pada mulanya, Prajadhipok sanggup bekerjasama dengan generasi pemimpin baru sebab baginda juga memang bersetuju dengan prinsip-prinsip demokrasi yang dipegang oleh kumpulan elit itu. Namun, pada tahun 1934 – 35, Prajadhipok menyedari bahawa prinsip dan konsep demokrasi yang dicadangkan oleh baginda dan yang diamalkan oleh *Khana Ratsadon* adalah bertentangan. Akhirnya, baginda membuat keputusan meletakkan jawatan pada 6 Mac 1935. Dalam surat perletakan jawatannya, Prajadhipok menerangkan;

“Apabila Phraya Phahon dan rakan-rakannya merampas kuasa dengan menggunakan kuasa tentera pada 24 Jun 1932, mereka meminta supaya saya terus menjadi raja berperlembagaan. Saya menerima permintaan itu dengan kefahaman bahawa Phraya Phahon dan rakan-rakannya akan mengumumkan sebuah perlembagaan mengikut model dan cara yang diamalkan di negeri-negeri yang lain di mana berkuasa-

<sup>7</sup> *Ibid.*, m.s. 8 – 9; Pramot Phungsunthon, *op. cit.*

<sup>8</sup> Batson, *op. cit.*, m.s. 2 – 3.

nya sesebuah kerajaan berpelembagaan, < iaitu dengan perlembagaan > yang akan menjamin hak rakyat dalam hal pentadbiran dan semua dasar yang melihatkan kebajikan masyarakat....

Dengan harapan untuk memulihkan kestabilan negara, saya bersedia membantu > pemimpin baru > supaya ketenteraman dapat dikawal dan semua perubahan dapat dilaksanakan dengan licin. Usaha saya menjadi sia-sia sahaja kerana pihak penyokong perubahan itu tidak berhasrat memberi kebebasan politik < kepada rakyat >; mereka juga tidak mengambil kira perasaan dan hasrat-rakyat yang sebenar....

Saya sanggup menyerahkan kuasa yang ada pada saya kepada semua rakyat, tetapi saya tidak ingin menyerahkannya kepada individu ataupun parti yang akan menggunakan kuasa itu secara autokrat tanpa kebenaran daripada rakyat. Masa telah sampai di mana saya merasa bahawa tujuan saya untuk menentukan peranan rakyat sebagai penggubal dasar negara telah terhempas. Lagipun, saya insaf bahawa saya tidak lagi berkemampuan membantu atau melindungi rakyat. Oleh kerana itu, dari saat ini saya melepaskan segala tuntutan ke atas takhta Siam dan semua hak yang saya nikmati sebagai raja pemerintah. Namun, saya masih mengekalkan hak-hak yang merupakan kepunyaan saya sebelum menaiki takhta...."<sup>4</sup>

Dengan itu, tamatlah tempoh pemerintahan raja berkuasa mutlak terakhir di Siam. Prajadhipok juga tidak berhasrat menamakan pengganti baginda, walaupun baginda membuat cadangan bahawa mengikut undang-undang istana yang telah diperbaiki oleh Raja Chulalongkorn, hak penggantian takhta Siam diberikan kepada semua anak lelaki baginda yang berpangkat Chao Fa, keutamaannya adalah mengikut kedudukan ibundanya masing-masing. Jadi, hak penggantian takhta pertamanya diberikan kepada anak lelaki Permaisuri Saowabha-phongsi; kemudiannya kepada putera-putera Permaisuri Sawangwattana dan keturunannya; selepas itu kepada putera Permaisuri Sukumala; dan akhirnya kepada putera Permaisuri Sai Sawali. Dengan perletakan jawatan oleh Prajadhipok maka hak penggantian takhta keluarga Permaisuri Saowabha juga

<sup>4</sup> Terjemahan penulis, lihat Surat Prajadhipok mengisytiharkan perletakan jawatannya dalam Chai anant Samutwanitch, dan Khattriya Kannasut, (peny.) *Dokumen: Dokumen Politik dan Pentadbiran Negara Thai*, Bangkok: Thaiwattana-phanit, B.E. 2518/1975, m.s.400 - 403.

tamat. Putera yang dilahirkan oleh Permaisuri Sawangwattana telah mangkat, tetapi baginda mempunyai dua orang anak lelaki iaitu Phra Ong Chao Ananda Mahidol dan Pra Ong Chao Bhumi-phol Adulyadej. Mereka menaiki takhta mengikut undang-undang istana. Prajadhhipok mencadangkan agar Dewan Undangan menjemput Putera Ananda Mahidol menaiki takhta sebagai raja pemerintah Siam. Ananda Mahidol pada masa itu baru berumur sepuluh tahun. Oleh itu, Dewan Undangan telah melantik Majlis Pemangku Raja untuk memerintah bagi pihak baginda. Keanggotaannya terdiri daripada dua orang putera dan seorang *khunnang*.

## II. Pemerintahan Vajiravudh (1919–1925)

### (a) Nasionalisme daripada Pihak Atasan

Semasa Vajiravudh menaiki takhta, baginda tidak mempunyai ramai pengikut dan hubungannya dengan pemimpin-pemimpin generasi ayahanda baginda, terutamanya di kalangan *senabodinya* adalah tidak rapat. Ini tidak memeranjatkan sekiranya dibandingkan latar belakang raja itu yang berkecenderungan pada kebudayaan Barat dengan latar belakang pemimpin-pemimpin generasi tua yang mempunyai pengalaman yang paling pahit mengenai kuasa Barat. Tambahan lagi, Vajiravudh tidak bersetuju dengan pandangan pemimpin-pemimpin itu yang nampaknya melihat pemuliharaan dan pemodenan yang telah dilaksanakan oleh Chulalongkorn sebagai suatu kejayaan yang sempurna. Bagi Vajiravudh, rancangan-rancangan sebenarnya tidak dapat menyelesaikan masalah politik di dalam negeri yang melemahkan Siam. Pemuliharaan dan pemodenan yang dilaksanakan oleh Chulalongkorn dan penyokong-penyokongnya tidak menanamkan semangat yang disebut *esprit de corps*/ kesetiaan yang menyatupadukan negara. Bagi Vajiravudh, semangat ini sangat perlu untuk menjadikan Siam sebagai sebuah negeri yang kukuh, moden, cekap, dan disegani oleh negeri-negeri yang lain.<sup>10</sup> Vajiravudh berpendapat bahawa rancangan pemuliharaan itu hanyalah memperbaiki aspek fizikal Siam sahaja, tetapi tidak dapat membina perpaduan negara. Ini dapat dibuktikan oleh perbezaan cita-cita

<sup>10</sup> Stephen Greene, "King Wachirawut's Policy of Nationalism". *JSS in Memoriam Phya Anuman Rajadhon*. Tej Bunnag dan M. Smithies, penyunting. Bangkok: Siam Society, 1970, n.s. 251–259.



Raja Vajiravudh (Rama VI) (1910-1925)



antara golongan atasan dan bawahan mengenai negaranya. Walaupun dari segi fizikal, Siam dapat dipulihkan, tetapi Siam menjadi lemah dari segi mental atau rohaninya. Tiada suatu prinsip pun yang dapat menyatukan kedua-dua unsur ini. Menurut Vajiravudh, Siam sangat memerlukan pemulihan mental supaya dapat menguatkan kebolehnya bagi menghadapi sebarang cabaran, sama ada dari luar atau dalam negara.

Adalah dipercayai bahawa tindak-balas Vajiravudh terhadap pencapaian dan kejayaan zaman Chulalongkorn, yang disebut "Zaman Agung" dalam sejarah Siam moden, di mana baginda tidak secara langsung terlibat dalam perlaksanaannya, merupakan punca lahirnya perasaan nasionalisme baginda. Maksudnya, Vajiravudh memerlukan "tindakan agungnya" untuk zaman baginda. Sungguhpun begitu, sukar kita menerima pandangan tersebut kerana jika dikaji dengan lebih teliti, tindakan Vajiravudh itu betul-betul mencerminkan kepercayaan bahawa Siam terpaksa menanamkan perasaan cinta terhadap tanahair dan bersama-sama berkorban untuk negara supaya keselamatan Siam terjamin. Bagi Vajiravudh, pemulihan mental amat diperlukan untuk membangunkan perasaan kepunyaan negara, kebanggaan terhadap warisan dan kebudayaan bangsa, dan persediaan untuk mempertahankan kepentingan negara jika perlu di kalangan rakyat Thai. Dengan kata lain, Siam memerlukan nasionalisme Thai.

Vajiravudh, juga berpendapat bahawa nasionalisme boleh memperkuatkan kedudukan raja berkuasa mutlak yang sedang diancam oleh golongan intelek dan terpelajar yang dipengaruhi oleh konsep dan kesefahaman barat terhadap demokrasi dan sosialisme semasa mereka tinggal di Eropah.<sup>11</sup> Sebagai penyokong pemerintahan beraja mutlak, Vajiravudh benar-benar percaya bahawa tanggungjawab baginda ialah untuk mempertahankan dan menguatkan sistem tersebut di Siam. Cara untuk menguatkan institusi raja berkuasa mutlak ialah dengan menjamin kekuatan dan kekuasaan Siam di bawah kepimpinan raja berkuasa mutlak. Bagi Vajiravudh, nasionalisme bukan sahaja menambahkan kekuatan Siam melalui pemulihan mental rakyatnya, tetapi juga memberi kesempatan kepada institusi raja berkuasa mutlak untuk memodenkan imejnya

<sup>11</sup> Untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang falsafah konservatif Vajiravudh, lihat beberapa karyanya seperti "Keadaan Huru-hara di China", "Keadaan Huru-hara di Rusia" dan "Meniru Tanpa Berfikir".

sebagai pemimpin yang bekerjasama dengan rakyatnya. Jadi nasionalisme membolehkan institusi raja menonjolkan dirinya sebagai pemimpin yang bermoral dan patriot yang mewakili negara. Vajiravudh menggunakan nasionalisme untuk memodenkan pemerintahan beraja mutlak dan mengubah wataknya menjadi simbol Siam moden.

Selain falsafah politik konservatif Raja Vajiravudh, sebab-sebab lain yang menggalakkan pentingnya pelaksanaan nasionalisme adalah seperti berikut: kesan yang kurang membina daripada Gerakan Nasionalis Cina ke atas rakyat Cina di seberang laut, terutamanya di Asia Tenggara; suasana politik Siam sebelum Perang Dunia iaitu tahun-tahun 1910 - 1914; dan percubaan untuk melepaskan Siam daripada kekuatan negeri kelas kedua di gelanggang politik antarabangsa.

Sebenarnya, kesan Gerakan Nasionalis Cina, Kuo Mintang, telah dapat diperhatikan pada tahun-tahun akhir pemerintahan Chulalongkorn, apabila berlakunya mogok besar oleh penduduk berbangsa Cina di Bangkok pada bulan Julai 1910. Tindakan ini merupakan protes menentang kadar baru pengutipan cukai untuk komuniti Cina di Siam. Vajiravudh bimbang sekiranya peristiwa ini akan mengancam kestabilan dan keselamatan Siam. Baginda semakin yakin tentang keazaman kebangsaan di kalangan rakyat Thai supaya dapat menyatupadukan segenap lapisan masyarakat Thai menentang ancaman seperti pergolakan orang Cina itu. Vajiravudh berpendapat juga bahawa dasar terhadap orang Cina yang diumumkan oleh Chulalongkorn tidak boleh diteruskan disebabkan oleh sikap agresif dan sombong orang Cina pada tahun-tahun 1910-an.<sup>12</sup>

Dalam suasana politik sebegini, Vajiravudh berpendapat bahawa Siam patut mengkaji semula dasarnya terhadap pendatang

---

<sup>12</sup> Pada tahun 1907, contohnya, Chulalongkorn berucap mengenai orang Cina di Siam.

"Dasar yang biasanya diamalkan oleh beta menentukan bahawa orang Cina di Siam mempunyai sama peluang dengan rakyat beta sendiri dalam aspek peluang bekerja dan mencari keuntungan. Beta tidak melihat mereka sebagai golongan orang asing, tetapi sebagai sebahagian masyarakat Siam yang dapat menvertai dan menikmati kemakmuran dan kemajuan Siam". *Ucapan-ucapan Chulalongkorn* B.E. 2417 - 2453, Bangkok, B.E. 2510/1967.

Cina dan melakukan dasar untuk menentang penyebaran nasionalisme Cina. Bagi Vajiravudh, dasar yang paling sesuai ialah dasar nasionalis Siam. Kedudukan unggul masyarakat Cina di Siam dalam bidang ekonomi juga digunakan oleh Vajiravudh sebagai suatu unsur yang akan melemahkan kedudukan Siam. Dengan penuh keazaman, Vajiravudh menggunakan bakat baginda dalam bidang sastera untuk menulis buku yang menentang Cina dan menyebarkan konsep nasionalisme kepada masyarakat Thai. Contohnya, dalam sebuah rencana yang bertajuk "Orang Yahudi di Timur", Vajiravudh menunjukkan orang Cina ialah orang asing yang;

"ingin mendapatkan segala faedah yang dinikmati oleh seorang warganegara, tetapi tidak sanggup menerima tanggungjawab yang menjadi tugas seorang warganegara."

Vajiravudh menekankan bahawa salah satu faktor terbesar yang menyebabkan kemerosotan ekonomi Siam pada tahun-tahun 1920-an adalah berpunca daripada kuasa ekonomi orang Cina di negara itu. Jadi masyarakat Cina di Siam boleh menjejaskan ekonomi negara dan kekayaan yang diperolehi itu mungkin dihantar ke Cina untuk kegemilangan Cina jika perlu. Rumusannya, Siam terpaksa membangunkan sikap nasionalisnya untuk menghalang perkembangan nasionalisme orang Cina dan juga untuk menguatkan kedudukan Siam.

Faktor dalam negara yang membimbangkan Vajiravudh dan menggesa baginda tentang pentingnya nasionalisme Thai sebagai cara yang berkesan bagi mengawal keadaan politik sezaman yang sensitif, ialah suatu komplot yang bertujuan untuk menggulingkan pemerintahan beraja mutlak tahun 1912 tetapi gagal. Percubaan rampasan kuasa itu dikenali sebagai Pemberontakan R.S. 130, yang terdiri daripada kumpulan pegawai muda tentera, seramai kira-kiranya 130 orang, dan diketuai oleh Kapten Laeng Srichandra. Kumpulan ini juga dinamakan sebagai Golongan Turki Muda Siam. Antara sebab penting yang mendorong mereka melancarkan "revolusi"nya ialah kerana mereka tidak puas hati terhadap Vajiravudh, dan pemikiran progressif mereka terhadap sistem politik dan pentadbiran di Siam. Sesungguhnya, mereka merupakan pemuda-pemuda yang berpendidikan moden yang lancarkan oleh Raja Chulalongkorn sejak dua puluh tahun sebelumnya. Dengan pengetahuan yang agak tinggi, mereka berasa kecewa dan kurang

sabar terhadap sistem politik yang konservatif dan tidak memajukan masyarakat.

Golongan Turki Muda ini juga menaruh dendam terhadap Vajiravudh sejak baginda masih memegang jawatan Putera Mahkota Siam. Pada tahun 1909 berlaku pergaduhan antara satu kumpulan askar dengan beberapa orang biduanda peribadi Vajiravudh. Vajiravudh menegaskan bahawa semua askar yang terlibat dalam pergaduhan itu akan dikenakan hukuman sebat di khalayak ramai. Kononnya, Chulalongkorn enggan berbuat demikian, tetapi akhirnya bersetuju dengan permintaan putera baginda selepas Vajiravudh memberi kata putus yang baginda akan meletakkan jawatan pewaris takhta sekiranya askar-askar tersebut tidak dihukum mengikut undang-undang purba istana.<sup>13</sup> Perasaan tidak puas hati di kalangan angkatan tentera itu menjadi lebih memuncak apabila Vajiravudh menubuhkan Kumpulan Harimau Liar *Kong Sua Pa*. Di kalangan angkatan tentera mereka menganggap bahawa Kumpulan Harimau Liar itu ditubuhkan semata-mata untuk bersaing hebat dengan angkatan tentera mengenai peranan penjamin keselamatan dalam negara Thai. Mungkin yang lebih membimbangkan mereka ialah hakikat bahawa Vajiravudh lebih gemar dengan kumpulan itu daripada angkatan tentera. Selain itu, Golongan Turki Muda melihat sikap pilih kasih raja itu sebagai suatu aspek yang amat berbahaya terhadap keselamatan negara. Bagi mereka, ketaatan diraja yang kukuh yang diberikan kepada beberapa pegawai istananya oleh Vajiravudh tidak boleh diabaikan kerana pegawai-pegawai yang disukai oleh raja itu "sedang memakan negara". Menurut pandangan golongan Turki Muda, Vajiravudh kurang berkebolehan untuk memainkan peranan sebagai seorang raja yang bertanggungjawab. Lantaran itu, telah sampai masanya untuk melakukan perubahan politik supaya Siam dapat dipulihkan daripada kesusahan ekonomi dan politiknya.

Dari segi falsafah politiknya, Golongan Turki Muda berpendapat bahawa pemerintahan beraja mutlak merupakan suatu bentuk pemerintahan yang sudah ketinggalan zaman dan mesti ditamatkan. Walau bagaimanapun, mereka kurang jelas tentang sis-

<sup>13</sup> Terjemahan penulis, Leftenan Liang Srichandra, dan leftenan Netr Poonvivat, *Pemberontakan R.S. 130*. Bangkok: Charoenwittava, 2517/1974, m.s. 41 - 52; Thamsook Numnonda, *Menghidupkan Semula Masa Yang Lepas*, Bangkok: Penerbitan Ruangsri, 2522/1978, m.s. 11 - 82.

tem politik yang patut diperkenalkan sebagai gantinya. Terdapat dua pilihan di kalangan mereka, iaitu sistem kerajaan berperlembagaan dengan Putera Chakrabongse, pewaris andaian pada masa itu, atau Putera Paribatra sebagai raja di bawah undang-undang; atau sistem republik dengan Putera Rabi, anak Chulalongkorn dengan isteri gundiknya, seorang kelulusan dalam undang-undang dan yang bersikap liberal sebagai Presiden Republik Siam yang akan ditubuhkan. Cogankata Golongan Turki Muda ialah "Berkorban Nyawa Untuk Negara".

Sebelum Golongan Turki Muda ini dapat melancarkan "revolusi"nya, pihak berkuasa telah pun mendapat maklumat tentang mereka. Anggota golongan itu yang terlibat dalam cubaan merampas kuasa telah ditangkap dan pihak berkuasa berjaya mematahkan revolusi mereka.

Pada bulan Mac 1912, Putera Chakrabongse telah menangkap beberapa orang pemimpin Golongan Turki Muda dan menghapuskan ancaman terhadap pemerintahan beraja mutlak. Sungguhpun begitu, Vajiravudh berasa sangat bimbang mengenai peristiwa itu, dan telah melaksanakan beberapa langkah baru bagi menjamin keselamatan peribadi diraja. Permaisuri Saowabha-phongsi, ibunda baginda, terpaksa memberi nasihat kepada Vajiravudh,

"Ibu tidak ingin melihat engkau menunjukkan sikap yang terkongkong disebabkan oleh komplot itu. Rakyat akan berfikir yang engkau merupakan seorang pengecut sahaja. Mereka akan memandang rendah terhadap sikap yang kurang sesuai kepada seorang raja.... Lebih baik jika engkau tidak mendengar atau ikuti golongan pengecut < yang berada di sekeliling kau itu >, kerana tindakan itu hanya menyebabkan perasaan yang tidak membina terhadap diri engkau."<sup>14</sup>

Kesan yang sangat jelas berikutan daripada rampasan kuasa pada tahun 1912 itu ialah keazaman Vajiravudh untuk menjalankan dasar yang bukan sahaja akan mengekalkan sistem beraja mutlak tetapi juga yang akan menguatkan kedudukan institusi raja dalam zaman moden. Vajiravudh melancarkan kempen menyebarkan nasionalisme sebagai tindakan menentang pemikiran politik

<sup>14</sup> Terjemahan penulis. Dokumen Masa Pemerintahan Rama VI, B 17/13, Tulisan Somdet Phra Phanpi/Saowabha-phongsi Mengenai Keberanian Pasukan Tentera, 12 Mac R.S. 130/1912.;

yang "tidak jujur" dan menentang adat resam Siam. Bagi Vajiravudh nasionalisme di bawah kepimpinan kerajaan mutlak akan dapat mengukuhkan Siam dari segi fizikal dan mental.

Rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Raja Vajiravudh untuk mencapai tujuan memulihkan aspek mental melalui nasionalisme termasuklah menubuhkan Perkumpulan Harimau Liar, Gerakan Pengakap, dan menerbitkan rencana-rencana berunsur politik yang menyalurkan konsep nasionalisme Vajiravudh serta menentang konsep politik yang bertentangan dengan sistem beraja mutlak, termasuk juga rancangan-rancangan ala-tentera, dan anti-kuasa asing, terutamanya China.

Perkumpulan Harimau Liar dan Gerakan Pengakap merupakan saluran yang digunakan oleh Vajiravudh untuk mempengaruhi masyarakat umum dan mengambil mereka menjadi anggota badan separuh tentera itu. Melalui kedua-dua pertubuhan itu, rakyat boleh menerima latihan ketenteraan dan memainkan peranan "rakyat-askar" dan akan bersama-sama mempertahankan negara jika diperlukan. Perkumpulan Harimau Liar ditubuhkan pada bulan Mei 1912. Dalam bahasa Thai disebut *Sua Pa* daripada perkataan sejarah dan diharapkan dapat membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan rakyat pada zaman moden ini. Tambahan pula, *Sua Pa* memberi peluang baik kepada Vajiravudh untuk menguatkan kedudukan baginda berdepan dengan pemimpin-pemimpin tua, yang sehingga itu lebih terkenal daripada rajanya, misalnya, Putera Damrong, Putera Rabi, atau Putera Devawong.

Gerakan Pengakap ditubuhkan pada bulan Julai 1912 sebagai cawangan *Sua Pa*. Pertubuhan ini menjalankan kegiatan yang dapat menanamkan perasaan taat setia, bangga dan sedia berkorban untuk Raja dan Negara/*chat* di kalangan pemuda-pemuda Thai. Sebenarnya, Gerakan Pengakap/*Luk Sua* menjadi sangat popular di kalangan pemuda. Sejak itu pertubuhan ini dikekalkan sebagai suatu kegiatan ko-kurikulum di sekolah menengah di negara Thai selepas pemerintahan Vajiravudh.

Dalam proses menyebarkan konsep nasionalis, Vajiravudh menjadi terkenal dalam masyarakat Thai sebagai raja yang mempunyai bakat dalam bidang sastera. Selepas Vajiravudh meninggal dunia, beliau telah digelar sebagai 'Raja Pandita'. Baginda menggunakan bakatnya untuk membangunkan semangat kebangsaan di kalangan rakyatnya dengan sangat berkesan. Secara ringkas, dalam penulisan Vajiravudh yang berunsur politik, beliau telah me-

negaskan tentang sistem politik yang lain, khususnya sistem pemerintahan berparlimen, republik, ataupun sistem sosialis. Vajiravudh memberikan beberapa contoh daripada perkembangan politik antarabangsa, iaitu keadaan politik di Negara China di bawah parti Kuo Mintang, Turki di bawah kuasa Golongan Turki Muda, dan Russia di bawah Bolshevik, Vajiravudh menjelaskan bahawa pemerintahan berparlimen adalah bertentangan dengan adat resam dan cara hidup orang Siam yang menghormati orang tua dan orang terpelajar. Manakala aspek "membuat iklan" terhadap kebaikan serta kebolehan peribadi selalu dianggap sebagai suatu dosa besar. Oleh itu, jika dibandingkan dengan kerajaan mutlak yang telah diamalkan di Siam, pemerintahan berparlimen merupakan suatu sistem politik yang kurang sesuai bagi keadaan di Siam. Sebaliknya, kerajaan mutlak diterima oleh rakyat Thai sejak turun-temurun, dan dianggap sebagai warisan kebangsaan yang sangat dihargai. Seterusnya Vajiravudh menjelaskan.

"Raja merupakan kemuliaan negara.... Raja sendiri adalah sesuatu yang dihormati oleh rakyat dari satu generasi ke satu generasi. Oleh kerana itu, sukar sekiranya kita berhasrat menghapuskan perasaan yang mendalam itu. Pada suatu masa yang berlakunya peristiwa penting seperti peperangan, sebuah negara yang mempunyai raja untuk mengetuai tenteranya, nampaknya mempunyai semangat lebih tinggi daripada pasukan tentera yang tidak ada rajanya. Sebenarnya, raja dapat dibandingkan dengan bendera kebangsaan. Tidak patut kita menghapuskannya tanpa berfikir dengan baik < terlebih dahulu >"<sup>15</sup>

Untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat Thai, Vajiravudh juga mencipta cogan kata "Chat, Satsana, lae Phra Mahakasat". *Chat* bererti bangsa/negara dengan tekanan kepada semua rakyat yang melambangkan kebajikan masyarakat; *satsana* ialah agama, maksudnya agama Buddha Theravada yang dianggap sebagai punca perpaduan rohani terutamanya apabila masyarakat menghadapi kerumitan; *phra mahasasat* ialah raja pemerintah yang melambangkan kedaulatan dan merupakan nadi negara. Bagi Raja Vajiravudh, rakyat mesti memberikan taat setia kepada raja

<sup>15</sup> Terjemahan penulis. Jabatan Hal Akademik, Kementerian Pendidikan. *Pemikiran Sembilan Raja*. Bangkok, 2525/1982, m.s. 224.

sebab raja merupakan simbol bagi ketiga-tiga institusi yang disebutkan dalam cogan kata sebagai intisari terpenting bagi negara Thai. Raja Vajiravudh patut dipuji di atas usaha baginda menyebarkan nasionalisme di kalangan rakyat melalui karya-karya sastera, drama, dan syairnya. Kebanyakan usaha baginda itu masih kekal pengaruhnya dalam jiwa rakyat Thai dan kefahaman mereka terhadap nasionalisme.

Rancangan nasionalisme bercorak ketenteraan yang diperkenalkan oleh Vajiravudh berdasarkan kesedaran tentang betapa pentingnya kuasa tentera untuk mempertahankan institusi raja daripada ancaman musuh-musuhnya. Perlu juga diingatkan bahawa bagi Vajiravudh, raja berkuasa mutlak dan keselamatan negara adalah sama pentingnya. Oleh itu, institusi raja terpaksa dipertahankan walau dengan apa cara sekalipun. Penubuhan *Sua Pa* adalah untuk mendapatkan perkhidmatan rakyat yang telah disemai dengan konsep *chat, satsana lae phra mahakasat* bagi mempertahankan institusi raja. Selain *Sua Pa*, Vajiravudh juga menyedari tentang keperluan Siam untuk menubuhkan angkatan tentera nasionalis yang bersedia berkorban untuk mempertahankan pemerintahan beraja mutlak, yang menjamin keselamatan Siam atau sebaliknya. Oleh itu, Vajiravudh telah menjalankan beberapa kempen untuk mendapatkan sumbangan kewangan daripada rakyat untuk mengisi tabung pembelian senjata moden bagi kegunaan angkatan tentera darat dan laut. Kerajaan memberi peruntukan besar untuk membeli peralatan moden untuk tentera Siam. Pada tahun 1925, walaupun ekonomi Siam mengalami kemerosotan yang teruk, tetapi Siam mampu melengkapkan angkatan tenteranya termasuk tentera darat, laut, dan unit udara, dengan senjata moden. Pada akhir pemerintahan Vajiravudh, angkatan tentera Siam telah menganggap dirinya sebagai penyelamat Siam daripada segala kesusahan, tanpa mengira kesusahan itu berpunca daripada masalah politik, ekonomi ataupun sosial. Tidak dapat dinafikan bahawa rancangan nasionalisme bercorak ketenteraan yang dijalankan oleh Rama VI telah menambahkan kekuasaan angkatan tentera dalam hubungannya dengan institusi negara termasuk juga institusi raja.

Satu lagi aspek nasionalisme Vajiravudh ialah rancangan anti orang asing, khasnya orang Cina di Siam dan kebudayaan Barat. Seperti yang diterangkan di atas, orang Cina di Siam menjadi sasaran kempen propaganda Vajiravudh yang menunjukkan orang Cina sebagai punca yang menimbulkan kesusahan dan keruntuhan



ekonomi Siam. Sebaliknya, Vajiravudh memperkenalkan konsep "kebangsaan" positif yaitu rancangan mempopularkan upacara dan adat zaman lampau seperti *loy krathong*, *songkran*; dan memperkenalkan hari kelepasan yang menekankan konsep "kebangsaan" seperti Hari Chakri (6 April), Hari Chulalongkorn (23 Oktober), Hari Keputeraan Raja Pemerintah yang juga dianggap sebagai Hari Kebangsaan. Raja Vajiravudh juga telah menukar simbol kebangsaan Siam iaitu bendera lama yang bergambar gajah putih di tengah bendera yang berwarna merah, kepada bendera *Trairong*, yang berwarna merah, putih, dan biru gelap. Warna merah mewakili rakyat atau *chat*, warna putih adalah *satsana*, dan warna biru mewakili *phra mahakasat*. Selain itu, Vajiravudh juga cuba menanamkan perasaan kekeluargaan yang rapat di kalangan rakyatnya dengan memperkenalkan nama keluarga bagi setiap anggota keluarga. Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Seni dan Sekolah Seni dan Ketukangan bagi menggalakkan rakyat menyintai warisan negara.<sup>16</sup> Tetapi malangnya semua rancangan nasionalisme yang dilaksanakan oleh Rama VI untuk memulihkan aspek mental masyarakat dan mengukuhkan kedudukan kerajaan mutlak telah gagal mencapai tujuannya. Selepas Vajiravudh meninggal dunia, semua rancangan dan badan-badan yang digunakan untuk membangkitkan nasionalisme di kalangan rakyat Thai telah dihentikan tanpa sebarang penentangan daripada orang ramai.<sup>17</sup> Ini menunjukkan Vajiravudh gagal meyakinkan rakyat tentang kepentingan nasionalisme dalam pergolakan politik Siam pada masa itu.

#### (b) Keruntuhan Maruah Institusi Raja

Walaupun Vajiravudh telah berusaha dengan sedaya upayanya untuk mengukuhkan institusi raja mutlak, jelas bahawa beberapa tahun sebelum tamatnya pemerintahan baginda, kedudukan dan maruah institusi itu semakin merosot, akibat kegiatan Vajiravudh sendiri. Keruntuhan maruah institusi raja diakui juga di kalangan

<sup>16</sup> Untuk penjelasan lanjut mengenai nasionalisme Vajiravudh, lihat Kobkua Suwannathat-Pian *The Development of Thai Nationalism: 1990-1925*. *Jebat*, bil. 11, Oktober 1982, m.s. 95-106.

<sup>17</sup> Chai-Anant Samutwanich, Sethaphan Kusipitaksa, Sawaweng Ratanamongkolmas. (penv.) *Binatang Politik* Bangkok: Thai Wattanapanich, 2514/1971, m.s. 8-11.

pemimpin konservatif. Putera Damrong, mengatakan Prajadhipok menerima "warisan yang amat teruk sekali", manakala Putera Paribatra memberitahu Menteri Inggeris di Bangkok bahawa "Kami telah habis dengan Rama... <pemerintahan seperti itu> tidak lagi dapat diterima."<sup>18</sup> Di kalangan kuasa asing yang mempunyai hubungan dengan Siam, Britain menunjukkan sikap kritikal terhadap pemerintahan Vajiravudh yang gagal menjalankan pemerintahannya dengan berkesan. Pandangan itu disokong oleh pemimpin-pemimpin tertinggi Siam. Benjamin Batson menerangkan bahawa pada awal pemerintahan Raja Prajadhipok, hanya dua orang pemimpin tertinggi sahaja yang memberikan sokongan terhadap Vajiravudh iaitu Prajadhipok dan Phanurangsi yang berpegang kuat kepada prinsip untuk menaikkan institusi raja daripada semua kritikan.<sup>19</sup>

Boleh dikatakan bahawa terdapat dua faktor penting yang menyebabkan institusi raja menjadi lemah semasa pemerintahan Vajiravudh. Pertama ialah sikap Vajiravudh sendiri, dan kedua, dasar ekonomi atau lebih tepat lagi ialah kekurangan kawalan tentang perbelanjaan negara, khususnya perbelanjaan keselamatan dan perbelanjaan Istana.

Sepanjang tempoh pemerintahannya, Vajiravudh banyak menerima kecaman terhadap pendekatan politik dan peribadinya. Rasa tidak puas hati di kalangan pegawai kerajaan dan rakyat timbul kerana tidak menyukai cara baginda menggantikan pegawai-pegawai yang berkebolehan dan setia dengan pegawai-pegawai berpangkat rendah dan yang masih kurang berpengalaman. Sikap baginda ini mengecewakan pemimpin-pemimpin generasi tua. Proses peralihan itu mencapai kemuncaknya pada tahun 1920 apabila hanya empat buah kementerian iaitu Kementerian Hubungan Luar (Putera Devawongse), Kementerian Mohor Privi (Putera Naret), Kementerian Pertanian (Putera Rabi), dan Kementerian Kewangan (Putera Chanthaburi), diketuai oleh golongan putera yang berpangkat *Phra Ong Chao*. Kementerian-kementerian lain diketuai oleh pemimpin generasi baru yang berpangkat rendah dan tidak berpengaruh kecuali melalui jawatan yang dipegang oleh mereka. Jadi menteri-menteri itu lebih bergantung pada Vajiravudh untuk mempertahankan kedudukan serta kuasa sosiopolitik mereka, dan

<sup>18</sup> F 260/78/40, Greg kepada Chamberlain, 18 Disember 1925.

<sup>19</sup> Batson, *op. cit.*, m.s. 2 - 3.

kesannya, mereka bersedia mengikut suruhan rajanya tanpa banyak berfikir tentang akibat daripada tindakannya itu. Oleh itu tidak hairanlah, zaman pemerintahan Vajiravudh disebut oleh sejarawan sebagai waktu permulaan keruntuhan kuasa politik golongan putera yang hampir memonopoli bidang politik dan pentadbiran sejak tahun 1892. Mungkin hasrat Vajiravudh untuk mempunyai kabinet yang dapat menjalankan pentadbiran dengan baik tidak sepatutnya menjadi masalah sekiranya Vajiravudh berminat dalam bidang pentadbiran seperti mana Chulalongkorn dan Mongkut. Sebaliknya Vajiravudh tidak begitu mengambil berat tentang tugas dan tanggungjawabnya sebagai Perdana Menteri kabinetnya, tetapi lebih suka meluangkan masa dengan kegiatan sastera, seni dan drama, dan sebagainya. Sesungguhnya, sepanjang beliau memegang jawatan *senabodi* Hubungan Luar, Putera Devawongse selalu memangku jawatan Perdana Menteri apabila setiap kali Vajiravudh tidak menghadiri mesyuarat kabinetnya. Sikap sebegini merendahkan prestasi kabinet dan keberkesanan kerajaan Thai.

Maruah Istana semakin merosot apabila Vajiravudh terlalu memberi muka kepada pegawai-pegawai Istana yang digemarinya. Pegawai-pegawai itu pula mempunyai kuasa di belakang takhta. Cara kehidupan Vajiravudh, sejak balik dari Eropah pada tahun 1902, tidak menunjukkan minat baginda terhadap wanita, dan lebih suka bergaul dengan pemuda-pemuda daripada keluarga golongan atasan yang menyertai kegiatan sastera dan seni. Bagi masyarakat Siam, corak kehidupan seperti itu adalah sukar difahami atau tidak diterima oleh masyarakat yang mementingkan kehidupan berkeluarga sebagai suatu kejayaan seseorang. Apabila Vajiravudh menaiki takhta, golongan pegawai yang disukai oleh baginda telah menjadi golongan elit Istana. Lagipun, Vajiravudh amat bermurah hati terhadap mereka dengan menganugerahkan harta, tanah, dan pangkat yang tinggi. Contohnya ialah Chao Phraya Ram-rakhob yang telah menjawat pangkat yang tinggi semasa beliau baru berumur tiga puluh satu tahun.<sup>20</sup> Beliau terkenal dalam bidang tarian klasik iaitu sebagai Rama dalam cerita

<sup>20</sup> Iawan Chotamara, *Cinta Pertama Rama VI*, Bangkok: DK Books, 2523/1980, m.s. 26-145. Contohnya, salah satu hadiah yang dianugerahkan oleh Vajiravudh kepadanya ialah "Ban Norasing", yang dibeli oleh kerajaan untuk digunakan sebagai Pejabat Perdana Menteri sehinggalah sekarang.

*Ramayana*. Oleh sebab itu pemberontakan Turki Muda tercetus pada tahun 1912 kerana sikap pilih kasih Vajiravudh yang dianggap sebagai salah satu alasan penting dalam tindakan mereka itu.

Dasar kewangan dan ekonomi yang dilaksanakan oleh Vajiravudh juga mengakibatkan keadaan ekonomi yang hampir mufli. Sir Edward Cook Penasihat Kewangan Siam, melaporkan bahawa ketidakcekapan Vajiravudh dalam urusan kewangan dan perbelanjaan diraja yang semakin bertambah, merupakan punca utama kemerosotan ekonomi Siam pada tahun 1925.<sup>21</sup> Sir Edward Cook telah menghantar suatu memo kepada Vajiravudh untuk menjelaskan bahawa pada tahun 1925 jumlah perbelanjaan diraja Siam adalah paling besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai pemerintahan beraja, iaitu Jepun, Denmark, Belanda, Sepanyol dan Norway. Perbelanjaan diraja negara-negara itu lebih kurang 0.13 peratus dan 0.33 belanjawan setahun manakala perbelanjaan diraja Siam adalah amat tinggi iaitu 10.7 peratus setahun.<sup>22</sup> Sebenarnya, kalau diteliti dengan lebih mendalam, perbelanjaan itu sebenarnya lebih besar daripada 10.7 peratus. Ini disebabkan oleh berbagai-bagai perbelanjaan diraja dimasukkan dalam senarai perbelanjaan negara.

Nampaknya, perbelanjaan asas kerajaan Vajiravudh yang besar ialah perbelanjaan ketenteraan, perbelanjaan kegiatan sastera dan seni diraja yang pada masa ini telah menjadi kegiatan utama kepada raja, manakala hal pentadbiran dan pemerintahan nampaknya hanya merupakan kegiatan hobi diraja sahaja, dan penganugerahan yang dihadaiahkan oleh Vajiravudh kepada pegawai-pegawai yang disukainya. Tidak ada satu pun daripada perbelanjaan besar Vajiravudh yang boleh dikatakan sebagai perbelanjaan yang produktif. Prajadhipok mengulas bahawa perbelanjaan kerajaan semasa pemerintahan Vajiravudh terlalu memberi peruntukan yang "terlalu besar kepada angkatan tentera". Semua perbelanjaan yang merugikan ekonomi Siam ini dilaksanakan masa ekonomi Siam sedang merosot. Pada tahun 1919-1921 hasil pengeluaran utama Siam iaitu beras mengalami kejatuhan harga. Tambahan lagi, pada tahun 1919-1920 berlaku musim kemarau yang memusnahkan banyak tanah sawah. Oleh yang demikian, Siam mengalami keadaan perniagaan

<sup>21</sup> Kertas kerja Putera Damrong 37/35, dan Laporan Penasihat Kewangan mengenai Belanjawan Kerajaan Siam B.E. 2469/1926.

<sup>22</sup> Batson, *op. cit.*, m.s. 3.

yang tidak seimbang. Selepas tahun 1920, ekonom Siam menjadi semakin merosot disebabkan oleh tidak stabil harga perak yang digunakan sebagai logam menjamin nilai mata wang. Akibatnya, Siam mengalami kekurangan wang disebabkan oleh perbelanjaan negara yang melebihi pendapatannya.

Walaupun, pada awal pemerintahannya, Vajiravudh mencuba mengatasi masalah kewangan Siam dengan menubuhkan jawatan-kuasa untuk memeriksa pendapatan dan perbelanjaan negara tetapi jawatankuasa itu tidak begitu berfungsi. Sebenarnya Vajiravudh cuba memberi jaminan kepada rakyat tentang kedudukan kewangan antarabangsa yang stabil, meskipun belanjawan negara pada tahun 1911-1912 menunjukkan defisit sebanyak dua juta bath, dan keadaan seperti ini tidak pernah wujud semasa pemerintahan Chulalongkorn. Kelemahan Vajiravudh dalam bidang kewangan dan ekonomi, serta kegagalan di mana baginda mengawal perbelanjaan diraja telah menyebabkan ekonomi Siam menjadi semakin merosot. Oleh yang demikian, keyakinan terhadap institusi perajaan, terutamanya di kalangan generasi intelek baru iaitu pegawai-pegawai muda kerajaan dalam perkhidmatan awam dan tentera, semakin hilang.

### (c) *Dasar Luar*

Dasar luar yang diamalkan oleh pentadbiran Vajiravudh boleh dikatakan berjaya. Semasa meletusnya Perang Dunia I, kerajaan Siam membuat keputusan memilih dasar berkecuali sebagai *modus operandi*nya dengan kedua-dua pihak yang terlibat dalam peperangan itu. Mungkin ini disebabkan oleh pengaruh Putera Paribatra yang pernah menuntut di Jerman. Pada masa itu, Paribatra memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan. Di samping itu Siam juga tidak mahu terlibat dalam hal-ehwal negara-negara Eropah yang boleh menjejaskan kedaulatan Siam sekiranya menyebelahi pihak yang kalah. Vajiravudh bersikap menyebelahi sekutu Pakatan Mesra < *Entente Cordiale* >. Walaupun demikian, Vajiravudh menyedari tentang faedah yang akan diperolehi jika Siam menyokong pihak Pakatan Mesra. Apabila Amerika Syarikat mengumumkan keputusannya menyertai perang untuk menyokong England dan sekutunya pada tahun 1917, maka Siam pun mengisytiharkan perang menentang pihak Kuasa-kuasa Tengah pada bulan Julai 1917. Kerajaan Siam juga membuat keputusan me-

mainkan peranan sewaktu perang sedang memuncak. Satu pasukan tentera Siam dihantar ke Eropah untuk menyertai peperangan di sana. Pasukan itu terdiri daripada satu skuadran udara, satu bahagian ambulans, satu kumpulan mekanik dan pemandu kereta, semuanya berjumlah 1,300 orang. Pasukan tentera Thai dihantar ke Perancis pada Julai 1918.

Tujuan Siam menyertai perang itu ialah untuk menguatkan tuntutan Siam dalam pusingan perundingan yang akan datang dengan kuasa-kuasa Barat setelah tamatnya syarat-syarat perjanjian antara Siam dengan mereka yang tidak menerima Siam sebagai negara yang setaraf dengan mereka. Sebagai salah satu daripada pihak yang menang dalam peperangan itu, Siam berhak menghadiri Persidangan Perdamaian di Versailles, Perancis. Kehadiran Siam telah membolehkannya menjalankan beberapa rancangan untuk mendapatkan semula kedaulatan Siam dalam aspek cukai dan perniagaan, dan hak wilayah asing. Walaupun proses perjuangan melalui cara diplomatik untuk mencapai tujuan itu memakan masa yang panjang, dan tidak menghasilkan sesuatu kejayaan di Versailles, namun Siam akhirnya membuktikan kepada kuasa-kuasa Barat bahawa syarat-syarat yang telah ditandatangani itu adalah tidak adil.

Dalam usaha untuk mendapatkan semula hak Siam ke atas cukai, perniagaan, dan hak wilayah asing, Putera Devawongse dan anaknya, Putera Devawong Vorodaya yang menjadi Menteri Hubungan Luar (setelah kematian Putera Devawongse tahun 1923), telah memainkan peranan yang sangat penting. Vajiravudh nampaknya kurang berminat tentang butir-butir dalam perundingan itu. Kedua-dua orang putera itu mendapat pertolongan daripada penasihat berbangsa Amerika, iaitu Eldon James dan Francis B. Sayre. Selepas itu, Amerika Syarikat menjadi negara pertama yang menamatkan syarat-syarat perjanjian yang memberikannya hak istimewa dalam perniagaan dan hak wilayah asing pada akhir tahun 1920. Pada tahun 1925, perwakilan Siam yang diketuai oleh Sayre telah melawat ke negara-negara Barat dan berjaya mendapatkan persetujuan dari Perancis pada bulan Februari, dan England pada bulan Julai, untuk menyerahkan semula hak-hak tersebut kepada Siam. Menjelang tahun 1926 negara-negara Barat turut mengikut tindakan Perancis dan England itu. Dengan itu, Siam berjaya mendapatkan semula kedaulatan yang penuh.

Walaupun begitu, dalam jangka masa sepuluh tahun kemudian, Siam mesti memberikan beberapa syarat yang menjamin keselamatan rakyat Barat yang tinggal di negaranya. Pada prinsipnya, selepas tahun 1926, semua rakyat Barat yang menetap di Siam adalah di bawah undang-undang Siam, tetapi pada praktiknya, konsul negara yang berkenaan masih berhak dalam jangka masa lima tahun selepas permulaan sistem Kod Undang-Undang Moden Thai untuk membicarakan kes-kes rakyatnya dalam mahkamah mereka. Dalam bidang cukai pula, terdapat beberapa syarat yang menghadkan kuasa autonomi cukai Siam. Tetapi keadaan ini hanyalah untuk sementara sahaja. Selepas sepuluh tahun, persetujuan baru itu akan berkuatkuasa secara automatik.

Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan bahawa hasrat Vajiravudh untuk membangunkan Siam menjadi sebuah negara yang setaraf dengan negara-negara Barat sudah menjadi kenyataan.<sup>23</sup> Sumbangan utama Vajiravudh ialah mengasaskan hubungan setaraf antara Siam dengan negara-negara Barat.

### III. Pemerintahan Raja Pokklao/Prajadhipok 1925–1935

#### (a) *Gambaran Am*

Sebaik sahaja Prajadhipok mewarisi takhta kerajaan, ada dua tanggungjawab yang mesti dilaksanakan, iaitu tanggungjawab ekonomi dan politik yang sangat merosot pada tahun 1925. Seperti yang diterangkan sebelum ini, keadaan ekonomi Siam menjadi paling teruk, manakala kerajaan Raja Vajiravudh pula tidak mendapat sokongan kuat daripada rakyatnya. Prajadhipok terpaksa membuat pertukaran beberapa orang menteri. Cara yang digunakan oleh Prajadhipok untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat terhadap kerajaannya ialah melantik putera-putera raja yang mempunyai kebolehan dalam kabinetnya. Oleh itu, kerajaan Prajadhipok dikenali sebagai “kabinet golongan putera”; yang mem-

<sup>23</sup> Dalam sepucuk surat kepada Putera Chakrabongse pada hari pertabalannya, Vajiravudh menulis:

“Kakanda berharap akan dipanjangkan dalam usia supaya dapat melihat Siam menyertai dalam masyarakat antarabangsa dengan penuh kemuliaan dan setaraf dengan negara-negara lain. < *Pemikiran Sembilan Raja*. > *op. cit.*, m.s. 200.



Raja Prajadhipok (Pokklao) (1925-1935)



bezakan kerajaan Prajadhipok dengan kerajaan Vajiravudh yang kebanyakan menterinya terdiri daripada orang bukan *chao*. Di samping itu, Prajadhipok telah menubuhkan dua badan politik untuk membantu baginda memperbaiki keadaan dalam negara iaitu Majlis Tertinggi Negara dan Majlis Privi pada tahun 1927.

Majlis Tertinggi Negara ditubuhkan kerana;

“Mending Raja mula menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap baginda pada tahun-tahun terakhir pemerintahannya.... Dengan kenaikan saya ke takhta kerajaan Siam, dipercayai bahawa sangat perlu suatu tindakan yang dapat menanamkan semula kepercayaan dan keyakinan rakyat <terhadap institusi raja>. Oleh itu, muncullah Majlis Tertinggi Negara....”<sup>24</sup>

Penubuhan Majlis ini telah memberikan kesan yang baik kepada institusi raja; misalnya, wujud keadaan yang harmoni dalam kerabat diraja, dan kerjasama antara raja dengan putera-putera yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran dan yang disegani oleh rakyat kerana kebolehan mereka. Dengan itu raja tidak boleh bertindak dengan sesuka hatinya sahaja. Majlis Tertinggi Negara mendapat sokongan kuat daripada Putera Damrong dan Putera Paribatra. Ini menunjukkan bahawa pada awal pemerintahan Prajadhipok, baginda berjaya mendapatkan kembali kepercayaan rakyat terhadap raja dan kerajaannya.

Majlis Tertinggi Negara yang diisytiharkan oleh Raja Prajadhipok tiga hari selepas kemangkatan Vajiravudh, dianggotai oleh lima orang putera yang telah terkenal sejak zaman Chulalongkorn iaitu Somdet Chao Fa Kromphraya Phanubhandhuwongworadet, adik kandung Raja Chulalongkorn dan bapa saudara Raja Prajadhipok, yang pernah menyandang jawatan *senabodi* Kementerian Pertahanan, Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Darat dan Laut, juga Ketua Pegawai Kanan Angkatan Tentera Darat masa pemerintahan Vajiravudh Somdet Chao Fa Kromphra Narisra-nuwattiwong, adik Chulalongkorn <berlainan ibu, walaupun ibunya adalah adik kandung ibu Chulalongkorn>, yang pernah memegang jawatan *senabodi* Kementerian Kerja Raya, Pertahanan, dan Istana; baginda terkenal sebagai seorang seniman;

<sup>24</sup> Terjemahan penulis: Memo Prajadhipok kepada Dr. Francis B. Sayre, 23 Julai 1926.

Somdet Kromphra Damrongrajanubhab, bekas *senabodi* Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri yang berjaya memodenkan sistem pentadbiran tradisional Siam dengan memperkenalkan sistem thesaphiban; Somdet Komphra Chanthaburinaruenat, anak Chulalongkorn, bekas *senabodi* Kementerian dan Perniagaan.

Tugas Majlis Tertinggi Negara ialah menasihati raja dan menyertai mesyuarat kabinet untuk mengemukakan pandangan kepada kerajaan dan raja. Sungguhpun begitu, raja pemerintah masih mengekalkan hak membuat keputusan muktamad mengenai segala aspek pentadbiran. Seperti yang diterangkan oleh Prajadhipok sendiri, biasanya baginda menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh mereka. Mungkin boleh dikatakan bahawa Majlis itu mengurangkan kuasa raja pemerintah sekurang-kurangnya pada praktisnya. Prajadhipok berpendapat, itu adalah benar,

"< pandangan > itu adalah benar; tetapi saya berfikir bahawa maruah institusi raja di negara kita ini tidak dapat menu-run lagi dan peringkat yang dijumpai sekarang < iaitu masa baginda mewarisi takhta >."<sup>25</sup>

Untuk tujuan yang sama, Prajadhipok juga telah menghidupkan semula Majlis Privi. Semasa pemerintahan Vajiravudh Majlis Privi hanyalah sebagai badan hiasan sahaja. Pada awal pemerintahan Prajadhipok, Majlis tersebut dianggotai oleh lebih kurang dua ratus orang semuanya berkedudukan *chao* atau *khunnang* tinggi tetapi tidak mempunyai pengaruh ke atas raja atau hal pentadbiran negara. Jelas kepada Prajadhipok bahawa Majlis Privi tidak boleh melakukan sesuatu yang bermakna dalam konteks memulihkan semula maruah institusi raja. Pada masa yang sama juga, baginda berhasrat menyelesaikan beberapa masalah politik yang telah melemahkan institusi raja dengan secepat mungkin. Bagi Prajadhipok, Majlis Privi boleh membantu menghidupkan semula kegemilangan zaman Chulalongkorn. Menteri British di Bangkok melaporkan bahawa;

"Aspek-aspek yang dikemukakan oleh Raja Prajadhipok ialah ekonomi, bersikap sederhana, dan mudah didekati. Hasrat baginda ialah menghidupkan semula zaman keemasan Ayahanda baginda, iaitu zaman Raja Chulalongkorn. Walaupun, nampaknya, baginda amat suka kepada kakanda bagin-

<sup>25</sup> Terjemahan penulis. *Ibid.*

da, tetapi sesungguhnya semua yang dikatakan atau dilaksanakan oleh baginda adalah bertentangan dengan apa yang telah dikatakan dan dilakukan oleh Raja Rama < Vajiravudh >.<sup>26</sup>

Majlis Privi merupakan institusi yang boleh diubahsuai untuk keperluan politik semasa, iaitu sebagai badan perundangan untuk menguji proses "mendemokrasikan" pemerintahan beraja mutlak Siam. Pada tahun 1927 satu jawatankuasa Majlis Privi telah ditubuhkan dengan jumlah anggotanya seramai empat puluh orang. Jawatankuasa Majlis Privi diberi peranan sebagai pelopor ataupun pendahulu pemikiran serta pelaksanaan demokrasi. Sungguhpun Majlis Privi merupakan suatu badan penasihat raja, tetapi Jawatankuasa itu berhak memulakan suatu perundingan yang dianggap perlu tanpa menunggu arahan daripada raja, sekiranya lima orang daripada anggotanya mahu mengadakan mesyuarat. Prajadhikok menjadikan Jawatankuasa Majlis Privi ini sebagai institusi latihan bagi sistem parlimen yang akan diperkenalkan di Siam tidak lama kemudiannya.

Dengan penubuhan dua badan baru itu, maka Raja Prajadhikok berjaya mengawal buat sementara keadaan politik yang berbahaya. Namun, Prajadhikok telah menganggap kejayaan itu akan terus kekal apabila baginda menerima cadangan penasihat baginda, termasuk Francis B. Sayre dan Damrong, bahawa Siam belum lagi bersedia untuk melaksanakan pentadbiran demokrasi. Apabila masalah politik dapat diselesaikan, maka Prajadhikok menumpukan pula rancangan untuk mengatasi masalah ekonomi.

Masalah ekonomi yang timbul pada tahun 1925 merupakan kesan daripada kegagalan Vajiravudh untuk mengawal perbelanjaan negara sepanjang lima belas tahun. Perbelanjaan Siam di antara tahun 1913 dan 1924, telah meningkat 52.6 peratus setiap tahun, manakala pendapatan negara hanya meningkat 23.6 peratus setiap tahun.<sup>27</sup> Dengan itu, menjelang tahun 1925, Siam sedang menghadapi zaman kemelesetan yang serius. Mungkin Siam juga akan menjadi bankrap sekiranya tidak mempertingkatkan prestasi ekonominya. Tindakan pertama yang perlu dilakukan oleh Pra-

<sup>26</sup> Terjemahan penulis. F 847/78/40, Greg kepada Chamberlain, 29 Januari 1926, dipetik oleh Batson, *op. cit.*, m.s. 51.

<sup>27</sup> Chai-Anant, dan Khattiva, *op. cit.*, m.s. 196.

jadhipok ialah menghapuskan perbelanjaan yang tidak seimbang ataupun yang mewujudkan defisit besar antara perbelanjaan dan pendapatan. Dalam pada itu, keadaan ekonomi dunia tidak begitu menggalakkan. Lantaran itu, Prajadhipok terpaksa memotong perbelanjaannya dan tidak menaikkan kadar cukai yang dikutip daripada rakyat kerana tindakan tersebut akan lebih merugikan mereka. Prajadhipok memulakan pengurangan perbelanjaan dengan memotong peruntukan diraja daripada jumlah 10.8 juta bath menjadi 6.8 juta bath untuk belanjawan tahun 1926. Kerajaan juga telah memberhentikan perkhidmatan pegawai-pegawai awam, terutamanya pegawai-pegawai Jabatan Hiburan yang ditubuhkan oleh Vajiravudh. Bagi Prajadhipok, jabatan-jabatan seperti itu merupakan suatu kemewahan yang di luar kemampuan ekonomi Siam. Prajadhipok juga hanya mengekalkan tiga orang *senabodi* daripada dua belas orang yang dilantik sebelumnya, bagi meninggikan prestasi kabinet baginda. Antara *senabodi* yang diberhentikan kerja ialah Chao Phraya Yommarat (Pan Sukhum), Menteri Dalam Negeri, yang kemudiannya menjadi Ahli Majlis Pemangku Raja kepada Raja Ananda Mahidol.

Dengan bantuan daripada Sir Edward Cook, Prajadhipok memperkenalkan rancangan ekonomi berjimat <retrenchment> yang ketat. Selain memotong perbelanjaan diraja dan perkhidmatan awam, perbelanjaan kementerian-kementerian juga dikurangkan, terutamanya kementerian-kementerian yang tidak memberikan produktif kepada ekonomi Thai, misalnya pertahanan dan pentadbiran. Rancangan berjimat-cermat ini dapat mencapai tujuan utamanya. Anggaran belanjawan tahun 1928 - 29 menunjukkan lebihan berjumlah lima belas juta bath yang akan membolehkan Siam membayar hutangnya serta melabur dalam pembinaan landasan keretapi dan pengairan, yang akan memulihkan ekonomi Siam. Cook menerangkan bahawa dasar kewangan itu merupakan "dasar konservatif yang paling baik".<sup>28</sup> Menjelang tahun 1929, pencapaian ekonomi Siam semakin meningkat. Dengan kestabilan antarabangsa Siam akan mencapai kemakmuran ekonomi pada tahun-tahun 1930 - an seperti yang berlaku pada zaman Chulalongkorn.

<sup>28</sup> Benjamin Batson, *The End of The Absolute Monarchy in Siam* Singapura: OUP, 1984, m.s. 95.

Nampaknya, pada tahun 1930, apabila Sir Edward Cook meletakkan jawatan sebagai Penasihat Kewangan, Siam telah dapat mengatasi masalah ekonomi dan politik yang sangat genting pada tahun 1925. Prajadhipok dapat meluangkan masa untuk mencari jalan yang paling sesuai bagi proses pemodenan sistem beraja mutlak Siam. Jika tidak, sistem politik Siam akan ketinggalan zaman. Pada tahun 1930, Siam merupakan salah sebuah negara yang masih mempunyai sistem beraja mutlak. Prajadhipok berpendapat pada suatu hari nanti Siam mesti mengubah sistem politiknya. Bagi baginda, lebih baik sekiranya perubahan itu dilakukan oleh kerajaan sendiri sebab kerajaan memang mempunyai banyak tenaga cerdik pandai dan berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran. Sebenarnya Prajadhipok cuba mencari suatu kaedah atau cara untuk memulihkan suasana politik yang akan mengurangkan kuasa mutlak seorang raja dan serentak dengan itu pula memberi hak politik kepada rakyat. Kejayaan sesuatu rancangan politik akan menyesuaikan institusi raja dengan hasrat dan keperluan semasa Siam.

#### **(b) Revolusi 1932**

Revolusi yang berlaku pada tahun 1932 merupakan suatu bukti yang nyata tentang kegagalan usaha Prajadhipok memulihkan sistem beraja mutlak. Sebelum kita membincangkan mengenai peristiwa ini, adalah lebih bermakna jika kita meneliti terlebih dulu keadaan politik ekonomi sebelum tahun 1932.

Pada tahun 1926, Prajadhipok telah menghantar surat kepada Dr. Francis B. Sayre bagi mendapatkan ulasan dan pandangannya terhadap cara memulihkan keadaan politik di Siam. Ternyata bahawa Prajadhipok akan menggunakan pandangan Sayre sebagai panduan kepada rancangan baginda untuk memodenkan institusi raja. Surat Prajadhipok yang bertarikh pada 23 Julai 1926 mengemukakan beberapa persoalan penting mengenai sistem politik Siam, contohnya, mestikah Siam menerima sistem berparlimen? Adakah sistem berparlimen yang berdasarkan pada perkembangan bangsa Anglo-Saxon sesuai juga kepada masyarakat orang timur? Adakah ini waktu yang sesuai kepada rancangan memperkenalkan sistem kerajaan berperwakilan, dan beberapa persoalan lagi mengenai kelayakan calon takhta Siam dan hak raja pemerintah dalam hal penggantian takhta. Nampaknya kandungan surat itu

jelas menunjukkan bahawa Prajadhipok mahu memperbaiki sistem beraja mutlak supaya dapat dimantapkan dan disesuaikan dengan perubahan sosiopolitik yang telah diperhatikan di Siam dalam tahun-tahun 1920-an. Ini menunjukkan bahawa meskipun Vajiravudh telah meluangkan banyak masa dan kebolehan baginda untuk mengukuhkan kedudukan dan maruah institusi raja, namun baginda gagal mengawal perkembangan sosiopolitik terutamanya di kalangan generasi muda yang terpelajar yang kebanyakannya berpendapat bahawa pemerintahan beraja mutlak di Siam menjadi halangan besar kepada perkembangan yang sepatutnya dalam semua aspek. Walaupun begitu, Prajadhipok berpendapat bahawa perubahan politik dan sosial yang akan dijalankannya patut dilakukan secara perlahan-lahan. Langkah pertama ialah memberi pengetahuan tentang politik kepada rakyat Thai melalui penyertaan mereka dalam pentadbiran peringkat tempatan, misalnya pengundian untuk memilih ketua kampung, ataupun ketua *tambon/pegawai kanan*. Satu unit *tambon* terdiri daripada beberapa buah kampung. Akhirnya sistem pemerintahan berparlimen mengikut corak Britain akan diperkenalkan. Sepanjang tahun 1920-an, Prajadhipok menjelaskan beberapa kajian kemungkinan menubuhkan kerajaan demokrasi di Siam. Rancangan baginda, dilihat dari sudut perspektif, adalah terlalu berhati-hati. Tambahan pula, rancangan itu tidak mendapat sokongan daripada golongan putera dan penasihat Thai atau Barat. Maka tidak hairanlah jika rancangan politik Prajadhipok gagal. Pridi Phanomyong yang merupakan salah seorang pemimpin Revolusi tahun 1932 dan seorang pegawai dalam pejabat undang-undang kerajaan, telah menafikan pernah mendengar atau melihat draf perlembagaan yang dibuat oleh Phraya Si Wisanwaja dan Raymond B. Stevens dengan arahan Prajadhipok. Jika penafian Pridi itu benar sebelum beliau melakukan rampasan kuasa semasa Prajadhipok sedang berusaha untuk membentuk sebuah perlembagaan baru yang dapat diterima oleh rakyat Siam menunjukkan bahawa percubaan Prajadhipok untuk memodenkan sistem politik dan memberi perlembagaan kepada rakyat merupakan suatu rahsia yang dijaga dengan baik. Tetapi rahsia itu telah merugikan usaha Prajadhipok untuk memainkan peranan sebagai penganjur demokrasi.

Seterusnya, pada tahun 1927, Prajadhipok meneruskan usaha pemodenan dalam bidang politik pula. Dalam satu artikel bertajuk "Demokrasi di Siam", Prajadhipok memberikan beberapa pan-

dangan terhadap sistem demokrasi. Baginda nampaknya bersependapat dengan penasihat-penasihat diraja, iaitu Sayre, Putera Damrong, Putera Dhani, dan Putera Sithiphon, bahawa sistem demokrasi yang diamalkan di negara-negara lain, pada masa itu, kurang sesuai bagi keadaan di Siam.

"Tidaklah syak bahawa kerajaan demokrasi memerlukan kesedaran politik yang meluas daripada rakyat untuk kejayaannya. Kemungkinan besar bahawa kita terpaksa menetapkan beberapa syarat mengenai bangsa... sekiranya institusi demokrasi itu akan memberi manfaat kepada semua rakyat, dan betul-betul bercorak demokrasi bukan sahaja dari segi strukturnya, tetapi juga dari segi intisarinya. Terdapat terlalu banyak sistem demokrasi yang hanya memperlihatkan strukturnya sahaja....

Bagi saya, jikalau kita bersetuju bahawa pada suatu hari nanti, kita terpaksa mengamalkan sistem demokrasi di Siam, maka kita mestilah bersedia untuk menerimanya secara perlahan-lahan.... Kita mesti mempelajari dan menguji sistem itu supaya kita boleh memahami bagaimana kerajaan berparlimen itu boleh dijalankan di Siam.... Sekiranya kita akan mempunyai parlimen, kita terpaksa mengajar rakyat tentang cara mereka mengundi dan memilih wakil-wakil yang akan benar-benar menjaga kepentingan rakyat....

Dengan ikhlas saya bercita-cita membentuk sebarang institusi yang berkebolehan bagi menghalang tindakan-tindakan raja Siam yang berleluasa (arbitrary) ataupun yang kurang bijak.... Saya berfikir sekiranya berjaya saya mewujudkan sesuatu yang benar-benar berguna, saya akan memberi sumbangan yang agak besar kepada negara saya dan Dinasti...."<sup>29</sup>

Dengan kejayaan baginda dalam bidang ekonomi dan politik pada tahun 1925, serta dengan nasihat yang sebulat suara daripada penasihat-penasihat baginda bahawa kerajaan berparlimen masih belum boleh dibentuk di Siam, maka Prajadhipok memberi perhatian kepada masalah yang lain seperti masalah penduduk Cina di Siam. Jadi apabila ekonomi Siam menjadi semakin buruk akibat kemerosotan ekonomi dunia dalam tahun-tahun 1929-1932, Pra-

<sup>29</sup> Terjemahan penulis. Prajadhipok, "Democracy in Siam, dalam Batson, *Siam's Political Future*, op. cit., m.s. 48-50.

jadhipok dan kerajaannya terpaksa menghadapi keadaan ekonomi dan politik yang lebih meruncing berbanding pada tahun 1925. Walaupun keadaan ekonomi adalah di luar kemampuan Siam, tetapi kekecewaan golongan pertengahan dalam bidang politik telah menggunakan peluang tersebut untuk memperlihatkan yang "kabinet golongan putera" tidak mempunyai kecekapan seperti yang diharap-harapkan oleh rakyat. Kegagalan kerajaan dalam bidang ekonomi digunakan sebagai alasan untuk mengatakan sistem beraja mutlak tidak berkesan. Raja dan putera menjadi sasaran kecaman politik golongan pertengahan yang tidak bersabar lagi terhadap keadaan politik negaranya. Hakikat bahawa tuduhan-tuduhan itu disambut oleh rakyat dan sebahagian golongan intelek konservatif seperti Phraya Phahon, Phraya Song Suredet dan lain-lain yang menyokong *Khana Ratsadon*, menunjukkan betapa kecewanya golongan intelek konservatif dan agresif terhadap sistem beraja mutlak dan pentadbiran generasi tua yang dibawa kembali oleh Prajadhipok pada tahun 1925, yang menyekat kemajuan kerajaan mereka.

Selain timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan golongan terpelajar muda dan penyokongnya, kerajaan Prajadhipok juga menghadapi perkembangan sosiointelektual yang kurang membina terhadap pihak berkuasa. Pada tahun-tahun 1920-an memperlihatkan usaha golongan intelek yang semakin giat terutamanya selepas mendapat galakan daripada Vajiravudh untuk menggunakan media massa iaitu bahan-bahan penerbitan sebagai alat menyebarkan pandangan baginda. Dengan itu munculnya penerbitan penulisan tersebut yang agaknya tidak mempunyai pengaruh terhadap rakyat, tetapi merupakan suatu bukti menunjukkan kesedaran golongan pemimpin muda yang tidak lagi menerima sistem pemerintahan yang ada. Perkembangan kesedaran itu muncul sejak akhir pemerintahan Chulalongkorn dengan penulisan oleh Thianwan, dan K.R.P. Kulap yang mengkritik keadaan sosiopolitik Thai, dan akibatnya, mereka telah ditangkap dan dipenjarakan. Penulisan golongan intelek itu terdapat dalam bentuk syair tradisional dan dalam bentuk prosa moden dan dibaca oleh orang ramai khususnya di bandar. Selain itu, terdapat juga penulisan dalam bentuk novel, drama dan rencana.

Kebanyakannya mengkritik tentang keadaan sosiopolitik. Tempoh pemerintahan Prajadhipok merupakan masa kesedaran sosiopolitik dan ekonomi rakyat Siam, khasnya rakyat yang tinggal



di bandar yang boleh mendapat maklumat terbaru bukan sahaja daripada saluran penerangan kerajaan, tetapi juga daripada para intelek yang tidak puas hati terhadap kerajaan. Kebanyakan para intelek ini mendapat pendidikan moden sama ada di dalam negeri maupun di Barat. Mereka berasal daripada keluarga pertengahan rendah yang menganggap pelajaran dan kebolehan peribadi sebagai pintu menuju kepada mobiliti sosialnya. Oleh itu, mereka percaya kepada sistem politik moden iaitu sistem demokrasi berperlembagaan ataupun sistem sosialis. Lantaran itu, mereka tidak menerima sistem beraja mutlak yang tidak memberi peluang sosio-ekonomi dan politik yang sama rata kepada rakyat. Jelas juga bahawa, apabila Prajadhipok menaiki takhta, kuasa dan pengaruh golongan *chao* semakin meningkat, dan ini memang mengurangkan lagi peluang kepada sesiapa yang berkebolehan tetapi tidak mempunyai pertalian keluarga yang baik untuk memperbaiki kedudukannya. Sebagai golongan terpelajar, golongan intelek generasi muda tidak sahaja menerima peranan pengkritik tetapi mencari peluang untuk menghapuskan keadaan yang mereka anggap sebagai halangan kepada perkembangan Siam moden.

Walaupun begitu, nampaknya kerajaan mutlak dinasti Chakri masih lagi kukuh. Ini disebabkan oleh kemampuan kerajaan mengatasi masalah politik dan ekonomi negara. Di samping itu, kerajaan juga dapat menjamin kestabilan dan ketenteraman rakyat. Selagi kerajaan mutlak dapat mengelakkan suatu kerugian besar yang akan menjejaskan keselamatan rakyat, selagi itulah kerajaan autokrat dinasti Chakri akan terus berkuasa. Bagi rakyat Siam, kerugian besar itu berlaku secara mendadak dengan kemelesetan ekonomi dunia yang besar pada tahun-tahun 1929 – 1932. Dalam jangka masa dua tahun, keadaan ekonomi Siam yang baik itu telah mengalami kejatuhan yang sangat teruk. Harga beras jatuh pada 2/3 harganya pada tahun 1929, manakala harga tanah ke 1/6 harga dahulunya. Oleh kerana beras dan tanah merupakan komponen penting bagi kemajuan ekonomi Siam, maka dengan kejatuhan harganya memberi kesan negatif yang mendalam ke atas segenap lapisan rakyat. Ternyata bahawa Prajadhipok dan kabinet baginda pun kurang faham terhadap situasi ekonomi itu dan tidak yakin bagaimana kerugian itu dapat diatasi.

“Bagi pihak diri saya, saya rasa yang saya ditakdirkan melakukan dasar memotong apa sahaja. Sejak permulaannya, saya mengambil langkah untuk memotong < perbelanjaan ke-

rajaan >. Walaupun begitu, saya masih kurang pasti terhadap masa depan kita. Saya mengakui yang nasib diri saya nampaknya kurang baik sebab saya selalu terpaksa berbuat begini < memotong perbelanjaan.... > Saya rasa amat sedih kerana saya menyedari yang rancangan potongan kali ini bererti banyak jawatan < tentera > mesti ditamatkan....<sup>30</sup>

Krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1930 – 32 mengakibatkan pergaduhan dalam kabinet dan, kesannya, telah melemahkan pihak berkuasa. Dengan perspektif, mungkin dasar kerajaan di mana nilai mata wang Siam, iaitu bath, diasaskan kepada nilai emas, merupakan suatu dasar yang kurang bijak dan yang selanjutnya memburukkan lagi keadaan ekonomi Siam. Tetapi pada masa itu, adalah di luar jangkaan sebuah negara kecil seperti Siam dapat memilih dasar menghapuskan sistem kewangan antarabangsa itu, sekurang-kurangnya sebelum negara besar yang lain berbuat begitu. Sebenarnya, apabila berlaku demikian, maka Siam akan menanggung kerugian besar. Dengan keputusan untuk mengekalkan sistem *gold standard*, maka kerajaan tidak mempunyai cara lain kecuali mengamalkan semula dasar ekonomi berjimat cermat dan memberhentikan pegawai perkhidmatan awam dan tentera. Perbezaan antara dasar ekonomi berjimat cermat pada kali ini dengan yang tidak dilaksanakan pada tahun 1925 ialah potongan yang dibuat pada tahun itu hanya terhadap jabatan dan unit yang tidak memberi faedah kepada kerajaan, tetapi potongan dan pembuangan kerja yang dilaksanakan pada tahun 1930 melibatkan jabatan-jabatan yang dianggap perlu dan penting. Pada bulan Jun 1931, *senabodi* Pertahanan, Putera Boworadet meletakkan jawatan sebagai membantah dasar yang menghalang kenaikan pangkat pegawai-pegawai tentera yang layak.

Keadaan ekonomi antarabangsa semakin merosot, dan pada bulan September 1931, England mengisytiharkan penggantungan sistem *gold standard* di dalam negaranya. Walau bagaimanapun, kabinet Siam membuat keputusan yang berdasarkan nasihat Penasihat Kewangan, Hall-Patch, dan Kementerian Kewangan, untuk terus mengekalkan sistem itu di Siam. Ini bererti Siam menghadapi kesukaran menjual barang pengeluarannya kepada negara lain

<sup>30</sup> Terjemahan penulis. Ucapan Prajadhipok kepada pegawai-pegawai tentera, 5 Februari 1932.

yang telah menurunkan nilai mata wangnya dengan penggantungan sistem *gold standard*. Keputusan ini ditentang kuat oleh *senabodi* Perniagaan, Putera Purachat, dan Kementeriannya. Di peringkat ini tercetusnya "perang" antara Kementerian Kewangan dan Kementerian Perniagaan. Pada bulan Oktober, Prajadhhipok dapat memutuskan mengikut cadangan Hall-Patch iaitu mengekalkan sistem *gold standard*. Kononnya, Hall-Patch memberikan kata putus kepada raja iaitu sekiranya cadangannya tidak diterima beliau akan meletakkan jawatannya. Walaupun demikian, kebanyakan ahli Majlis Tertinggi Negara berpendapat bahawa penggantungan *gold standard* dan menurunkan nilai mata wang Siam merupakan langkah yang patut kerana dapat memberi peluang menghidupkan semula ekonomi Thai dengan jualan eksportnya. Persengketaan antara golongan yang menyokong dan menentang sistem *gold standard* masih lagi berterusan sehingga bulan Mac dan April 1932. Dalam pada tahun itu, keadaan ekonomi semakin merosot dan petani merupakan golongan yang mengalami kerugian terbesar. Contohnya, pada awal tahun 1932, harga beras telah sampai ke peringkat 1/3 harga dua tahun sebelumnya.<sup>31</sup> Hanya pada bulan Mei sahaja baru Prajadhhipok mengumumkan penggantungan sistem *gold standard* dan membuka peluang untuk pemulihan ekonomi Siam. Tetapi institusi raja mutlak Siam tidak mempunyai kesempatan untuk menikmati hasil dasar ekonominya.

Jadi apabila *Khana Ratsadon* atau pendeknya, *Khana Rat* melakukan *coup d'etat* pada 24 Jun 1932, suasana politik dan ekonomi menunjukkan kerajaan tidak berupaya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi pada tahun 1930 itu. Sungguhpun begitu, Prajadhhipok mungkin dapat mengelakkan "revolusi tahun 1932" jika baginda tidak mahu mengikut pandangan daripada penasihat-penasihat baginda mengenai perubahan sistem politik yang ingin baginda perkenalkan dalam bulan April 1932. Pada awal tahun 1932, Prajadhhipok, yang baru pulang dari Amerika Syarikat, menyuruh Putera Devawong Vorodaya, *senabodi* Hubungan Luar, menyediakan draf perlembagaan yang memperkenalkan sistem perwakilan rakyat, serta memberi suatu kebebasan politik dan penyertaan rakyat dalam pentadbiran negara. Tujuan Prajadhhipok ialah untuk mempersembahkan perlembagaan itu ke-

<sup>31</sup> Batson. *The End of the Absolute Monarchy in Siam*, *op. cit.*, m.s. 203 - 207.

pada rakyat Siam pada 6 April 1932, iaitu hari ulang tahun ke-150 penubuhan dinasti Chakri. Perlembagaan itu merupakan anugerah Prajadhipok bagi pihak raja Chakri kepada rakyat Siam.

Rancangan Raja Prajadhipok itu gagal disebabkan oleh penentangan daripada Raymond B. Stevens, Penasihat Hal-Ehwal Luar Negara, dan Phraya Si Wisanwaja, Ketua Setiausaha Kementerian Hubungan Luar, penasihat diraja yang lain termasuk Putera Damrong dan Francis B. Sayre, dan kebanyakan daripada ahli Majlis Tertinggi Negara.<sup>32</sup> Dengan keengganan Prajadhipok menolak kehendak golongan putera dan penasihat baginda, Prajadhipok kehilangan peluang untuk memulihkan sistem politik Siam dari atas. Pada hari ulang tahun ke-150 penubuhan Dinasti Chakri, Prajadhipok telah membatalkan rancangan menganugerahkan Perlembagaan kepada Siam. Dua bulan selepas itu, sistem beraja mutlak telah dihapuskan melalui rampasan kuasa oleh generasi pemimpin baru.

*Khana Rat* ditubuhkan pada tahun 1927 di Paris apabila beberapa orang pelajar Thai di Perancis berkumpul untuk merancang mengambil suatu tindakan hendak mengubah sistem tradisional politik Siam kepada sistem demokrasi berparlimen. Di kalangan pelajar yang terlibat ialah Leftenan Plaek Khittasangka, Pridi Panomyong, dan Leftenan Prayun Phamonmontri. Dalam mesyuarat itu Pridi dipilih sebagai ketua *Khana Ratsadon*.<sup>33</sup> Menurut Pridi, *Khana Rat* juga mengisytiharkan enam prinsip

<sup>32</sup> Menurut Putera Damrong Vorodaya:

"Golongan Putera <iaitu ahli-ahli Majlis Tertinggi Negara > menentang cadangan itu, dan Duli Yang Maha Mulia terpaksa menerima <pandangan menentang mereka>. Walau bagaimanapun, Duli Yang Maha Mulia memberi amaran kepada mereka pada masa itu bahawa akibat yang tidak dapat dielakkan <daripada tindakan mereka ini> ialah *coup d'etat* dan pemerintahan diktator tentera (Terjemahan penulis)". Batson, *Siam's Political Future*, *op.cit.*, m.s. 84.

<sup>33</sup> Plaek Khittasangka ialah Luang Phibunsongkhram, pada waktu itu beliau dihantar ke Perancis melanjutkan pelajaran dan latihan ketenteraan, Pridi ialah pelajar di bawah biasiswa diraja yang mempelajari undang-undang di Paris, dia diakui oleh rakan-rakannya sebagai mahasiswa yang bijak. Pridi juga pernah berselisih faham dengan menteri Thai di Paris dan hanya dengan ampun daripada Prajadhipok sahaja Pridi dibenarkan tinggal terus di Perancis untuk menamatkan pelajarannya; Prayun berasal daripada keluarga yang mempunyai hubungan rapat dengan kerabat diraja, iaitu dengan istana Putera Paribatra.



Prajadhipok dan Ahli Majlis Tertinggi Negara

yang dianggap sebagai prinsip panduan bagi kerajaan yang akan ditubuhkan iaitu apabila *Khana Rat* berjaya merampas kuasa politik daripada golongan tua dan konservatif yang berkuasa pada masa itu. Prinsip-prinsip tersebut ialah mempertahankan segala aspek kedaulatan Siam iaitu kedaulatan politik, kehakiman, dan ekonomi; mempertahankan keselamatan dan ketenteraman dalam negara; memperbaiki keadaan ekonomi Siam supaya rakyat dapat menikmati kemakmuran negara melalui perancangan ekonomi kebangsaan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat; hak persamaan kepada segenap lapisan rakyat; menentukan kebebasan rakyat yang tidak bertentangan dengan empat prinsip di atas; memberi peluang pelajaran kepada semua rakyat.

Pada tahun 1932, *Khana Rat* berjaya menambah keahliannya di kalangan pegawai kanan angkatan tentera darat, yang termasuk juga Kolonel Phraya Phahon-phonphayuhasena, Kolonel Phraya Songsuradet, Kolonel Phraya Ritti-akkhanay, dan Phra Prasat-phittayayuth. Phraya Phahon terkenal di kalangan pegawai tentera kerana kejujuran dan kebolehannya, manakala Phraya Songsuradet pula terkenal sebagai seorang pegawai yang amat cerdik dan cerdas. Pemimpin-pemimpin muda *Khana Rat* menyedari bahawa sekiranya percubaan mereka hendak menggulingkan sistem beraja mutlak akan berjaya, mereka terpaksa menunjukkan cukup kemunasabahan kepada gerakannya itu. Ini bererti mereka terpaksa mendapatkan sokongan daripada golongan konservatif yang mempunyai nama baik tetapi yang juga bersimpati dengan perjuangan mereka. Phraya Phahon dipilih sebagai ketua *Khana Rat*, menggantikan Pridi, dan Phraya Songsuradet mempunyai rancangan yang teratur untuk melancarkan rampasan kuasa pada 24 Jun 1932. Pada masa itu, Raja Prajadhipok sedang dalam perjalanan ke Istana peranginan di Hua Hin, dan ini memberi peluang baik kepada *Khana Rat* untuk bertindak. *Khana Rat* telah menangkap pemimpin-pemimpin kanan rejim autokrat, iaitu Putera Paripatra, Putera Damrong, dan Putera Naris, semuanya ahli Majlis Tertinggi Negara, dan memberitahu mereka tentang tujuannya kepada Prajadhipok di Hua Hin. Dalam surat menjemput Prajadhipok menjadi raja berpengalaman Siam, *Khanna Rat* meminta raja itu menerima *fait accompli*; tetapi sekiranya baginda menolak jemputan itu, maka puteranya yang lain akan dipilih menaiki takhta Siam atau Siam akan menjadi sebuah republik. Dalam pada itu, Prajadhipok bimbangkan keselamatan putera-putera tebusan *Kha-*

*na Rat* jika baginda memutuskan untuk berjuang mendapatkan semula kuasa baginda. Pada masa yang sama, *Khana Rat* menyebarkan risalah bagi menjelaskan tentang rampasan kuasa itu.

“Wahai Rakyat, semasa raja pemerintah ini menaiki takhta sesudah kakandanya, semua rakyat pun berharap yang raja pemerintah yang baru ini akan memerintah supaya rakyat dapat hidup dalam ketenteraman. Namun, harapan itu tidak menjadi kenyataan. Raja masih berkuasa mutlak dan mengatasi undang-undang sama seperti zaman yang lepas. Baginda melantik kaum kerabatnya dan orang yang tiada kejujuran menyandang jawatan yang penting....

Kerajaan mutlak memerintah dengan memperbodohkan rakyat. Contohnya, kerajaan selalu mengemukakan rancangan-rancangan untuk memperbaiki cara hidup rakyat, tetapi semua itu hanya janji belaka. Tidak ada percubaan yang ikhlas untuk berbuat begitu. Yang lebih teruk sekali, ialah sikap kerajaan mutlak yang memandang rendah rakyat, iaitu golongan yang membayar cukai supaya golongan *chao* dapat hidup dalam segala kemewahannya, bahawa rakyat belum berkebolehan untuk mempunyai hak politik kerana rakyat masih bodoh. Jika rakyat bodoh, *chao* pun bodoh juga sebab < kedua-dua golongan > adalah sama bangsa....

Wahai Rakyat, tahulah sekarang yang negara ini hak kepunyaan rakyat dan bukan hak kepunyaan raja seperti yang diperdayakan < raja >. Nenek-moyang rakyatlah yang berkorban mempertahankan kemerdekaan negara daripada segala permusuhan....

Wahai Rakyat, marilah bersama-sama dengan *Khana Rat* melakukan tindakan yang akan kekal selama-lamanya ini.... Sekarang telah tamat zaman *chao* menindas rakyat. Semua yang kita ingini iaitu kebahagiaan dan kemajuan atau ‘Si Araya’ mengikut perkataan yang dikenali ramai, akan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat....<sup>34</sup>

Prajadhipok mengambil keputusan menerima undangan *Khana Rat* untuk menjadi raja berperlembagaan, dan pulang ke Bangkok. Keputusan itu dibuat sebab baginda tidak ingin menyebabkan perang saudara yang akan menjejaskan kedaulatan Siam dalam masyarakat antarabangsa. Lagipun, Prajadhipok menjelas-

<sup>34</sup> Terjemahan penulis. Manifesto Pertama *Khana Rat* dalam Chai-Anant, Khatiya, *op. cit.*, m.s. 209 – 211.

kan bahawa sebenarnya baginda telah mencari masa yang sesuai untuk memberikan perlembagaan kepada rakyatnya. Oleh itu, tujuan *Khana Rat* dan rancangan baginda tidak ada perbezaan pada prinsipnya. Dengan ketibaan Prajadhipok di Bangkok, Putera Damrong, dan Putera Naris telah dibebaskan, manakala Putera Paribatra, yang dianggap oleh *Khana Rat* sebagai orang kuat kerajaan mutlak, telah dibuang negeri. Majlis Tertinggi dan Majlis Privi ditamatkan. Prajadhipok mengumumkan perlembagaan sementara pada 27 Jun 1932. Pada 10 Disember 1932, pemimpin-pemimpin *Khana Rat* secara rasminya meminta ampun daripada Prajadhipok di atas kesalahan mereka mengkritik dan menyerang dinasti Chakri dan raja pemerintah semasa melakukan *coup d'etat*. Dalam upacara yang sama Prajadhipok mengumumkan perlembagaan baru Siam. Nampaknya, proses mengalih kuasa berjalan dengan licin dan dengan sikap bertimbang rasa antara kedua-dua pihak. Dalam suasana yang aman ini, kerajaan berperlembagaan dapatlah melaksanakan rancangan sosiopolitik mengikut enam prinsip yang akan dirancang itu.

Walau bagaimanapun, dalam jangkamasa setahun setelah pengisytiharan Perlembagaan Tetap tahun 1932, tersebut dua percubaan untuk merampas kuasa oleh golongan tentera; satu percubaan gagal dan satu lagi berjaya dalam tindakan mereka. Kabinet demokrat yang pertama ditubuhkan tiga hari selepas "revolusi" *Khana Rat* dilancarkan. Phraya Manoprakon-nitithada, seorang hakim yang bijaksana, dipilih oleh *Khana Rat* menjadi Perdana Menteri atau Presiden Jawatankuasa Rakyat. Sebenarnya, pemimpin *Khana Rat* masih belum begitu pasti tentang kedudukan mereka dan sebab itulah mereka sanggup bekerjasama dengan golongan intelek daripada rejim beraja mutlak, sekurang-kurangnya buat sementara waktu, iaitu sehingga *Khana Rat* mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai tentera. Dalam keadaan yang belum stabil itu, berlaku pula pergaduhan antara pemimpin *Khana Rat*, terutamanya Pridi Panomyong, "akal" parti tersebut, dengan kerajaan Phraya Mano mengenai kertas putih Rancangan Ekonomi Thai. Phraya Mano dan Phraya Songsuradet menganggap rancangan yang dicadang oleh Pridi itu sebagai suatu langkah yang amat berbahaya kepada rakyat Thai kerana ia adalah rancangan masyarakat komunis. Prajadhipok juga berpendapat bahawa rancangan tersebut bertujuan untuk mengubah Siam menjadi negara komunis. Menurut Prajadhipok;



"Suatu aspek yang penting dan jelas ialah Rancangan ini seluruhnya sama dengan rancangan yang sedang dijalankan di Rusia. Tetapi saya tidak mahu menuduh siapa meniru siapa. Sama ada Stalin meniru Luang Pradit <Pridi> atau Luang Pradit meniru Stalin merupakan suatu sangkaan yang susah hendak dijawab...

... Sekiranya Stalin meniru Luang Pradit, (setiap tempat yang muncul perkataan) gandum mesti dibetulkan menjadi beras, atau jika sebaliknya <tempat yang muncul perkataan> beras dibetulkan menjadi gandum. Apa yang menakutkan Rusia, itu juga menakutkan Negara Thai. Sebagaimana Rusia, memperdayakan orang ramai, sebegitu juga Siam mengikutnya."<sup>35</sup>

Cadangan-cadangan yang terkandung dalam draf Rancangan Ekonomi itu menunjukkan perbezaan besar yang wujud di antara pemimpin baru dengan pemimpin lama yang tidak dapat diselesaikan melalui perundingan. Pada 1 April 1933, Phraya Mano dengan sokongan kuat daripada Phraya Songsuradet dan golongan konservatif, mengumumkan pembubaran parlimen, dan pada keesokan harinya, kerajaan juga mengisytiharkan Akta Komunis Pertama Dengan perisytiharan Akta tersebut, Pridi dipaksa meninggalkan Siam untuk menjamin keselamatannya. Sungguhpun begitu, kemenangan golongan intelek konservatif merupakan kemenangan yang sementara sahaja. Apabila Phraya Songsuradet mengisi beberapa jawatan dalam angkatan tentera supaya golongan konservatif dapat mengawal tentera Siam, sebaliknya golongan pegawai tentera darat dan laut dalam *Khana Rat* menganggap tindakan itu mengancam kedudukan mereka. Phibun yang menjadi ketua tentera *Khana Rat* telah mengambil keputusan hendak merampas kuasa daripada kerajaan demokrasi yang dipimpin oleh Phraya Mano dan Phraya Songsuradet. Phibun berjaya memujuk Phraya Phahon menyertainya sebagai ketua golongan. Pada 20 Jun 1933, golongan tentera *Khana Rat* yang dipimpin oleh Phraya Pahon dan Phibun merampas kuasa dan menggulingkan kerajaan Phraya Mano. Dengan rampasan kuasa itu, maka tamatlah kerajaan demokrasi yang pertama di Siam.

<sup>35</sup> Terjemahan penulis. *Ibid.*, "Kritikan Prajadhikok mengenai Rancangan, Ekonomi", m.s. 354.

Kerajaan baru yang diumumkan pada 21 Jun 1933 diketuai oleh Phraya Phahon. Dengan ini jelaslah bahawa *Khana Rat* berazam hendak menguasai sepenuhnya kuasa politik. Sepuluh hari selepas berlakunya rampasan kuasa itu, Pridi pulang ke tanahair dan dilantik sebagai menteri tak Berfotfolio. Kehadirannya dalam kabinet masih membimbangkan golongan konservatif dan mungkin tidak lama lagi prinsip-prinsip ekonomi sosialis atau komunisnya akan diamalkan. Sebagai langkah berjaga-jaga, pasukan tentera dari wilayah Korat, Saraburi dan Ayudhya, cuba merampas kuasa daripada *Khana Rat* pada 11 Oktober 1933. Parti yang baru ditubuhkan itu dinamakan *Khana Ku Ban Ku Muang*/Parti Penyelamat Negara. Pasukan tentera dari wilayah-wilayah tersebut bergerak menuju Bangkok. Mereka menuntut supaya pihak kerajaan mengekalkan sistem pemerintahan raja berperlembagaan; memerintah mengikut undang-undang Perlembagaan terutamanya perlantikan dan perletakan kabinet yang terpaksa mengikut undi majoriti dan bukan melalui kekuatan senjata, dan juga membenarkan penubuhan parti-parti politik mengikut undang-undang; menjamin sikap berkecuali pegawai perkhidmatan awam dan tentera yang tidak dibenarkan terlibat dalam politik, kecuali pegawai-pegawai yang bertugas sebagai pegawai politik. Manakala Panglima Tertinggi angkatan Tentera Darat dan Laut tidak dibenarkan memegang jawatan politik selagi masih berkhidmat dalam tentera; kerajaan terpaksa melantik ataupun menaikkan pangkat seseorang pegawai mengikut kebolehan dan kelayakan seseorang itu, dan bukan mengikut hubungan politiknya; hak memilih dan melantik ahli-ahli Dewan Undangan tinggi juga mestilah diserahkan kepada raja pemerintah; dan pentadbiran angkatan tentera darat mesti mengikut prinsip universal, terutamanya mengenai pembahagian senjata secara keseluruhan dan bukan disimpan di suatu tempat.<sup>36</sup>

Ketua *Khana Ku Ban Ku Muang* ialah Putera Boworadet, bekas Menteri Pertahanan kerajaan Prajadhipok. Walau bagaimanapun, golongan pegawai tentera muda merupakan tenaga penggerak kepada parti itu. Parti Penyelamat Negara meramalkan mereka akan berjaya memaksa kerajaan Phraya Phahon menerima tuntutan yang dibenarkan sekiranya mereka dapat memperlihatkan

<sup>36</sup> Chai-Anant Samutwanich. *14 Oktober: Khana Rat dan Pemberontakan Boworadet* Bangkok: Kelab Sejarah, Chulalongkorn Universiti, 2517/1973, m.s. 27.

kekuatan mereka. Oleh itu, mereka tidak ingin mencetuskan perang saudara di Siam. Contohnya, Putera Boworadet telah menghalang penyokongnya menembak balas tentera kerajaan setelah tuntutan mereka tidak diterima oleh kerajaan. Sebaliknya, pihak berkuasa dengan arahan Phibun telah melancarkan perang saudara. Phibun dianggap sebagai jaguh yang mempertahankan kedudukan *Khana Rat* dengan kekuatan tenteranya. Pada 24 Oktober 1933, Pemberontakan Boworadet dapat ditewaskan. Kerajaan telah menubuhkan mahkamah khas untuk membicarakan pegawai-pegawai terlibat dalam percubaan menyingkirkan kerajaan *Khana Rat*.

Semasa berlaku peristiwa tersebut, Prajadhipok tidak menyalahbelahi kedua-dua pihak, sebaliknya, baginda berpindah ke Songkhla. Prajadhipok tidak mahu menjadi orang tebusan kepada kerajaan yang tidak dipercayainya, atau kepada Parti yang telah bertindak keterlaluan. Dengan sikap berkecualinya itu, Prajadhipok telah mengecewakan kedua-dua pihak. Sekiranya Prajadhipok menyokong salah satu pihak, sudah tentulah pihak yang disokongnya itu akan menang. Dengan sikap berkecuali itu, Prajadhipok menimbulkan perasaan curiga daripada kalangan pemimpin *Khana Rat* terhadap peranan raja dalam pemberontakan tersebut.<sup>37</sup> Setelah tamatnya Pemberontakan Boworadet, kerajaan akan menghadkan peranan raja ke peringkat formal sahaja. Maka timbullah perselisihan faham antara Prajadhipok dengan parlimen yang dikuasai oleh *Khana Rat*. Pada bulan Januari 1934, Prajadhipok pergi ke England untuk mendapatkan rawatan mata. Ternyata bahawa jika perselisihan itu tidak dapat diselesaikan, kemungkinan besar baginda tidak akan pulang ke tanahairnya.

### (c) Prajadhipok dan Perletakan Jawatan Raja Pemerintahan

Isu-isu penting yang menyebabkan perletakan jawatan raja yang pertama dalam sejarah Siam tertumpu pada masalah tafsiran sistem berperlembagaan yang diamalkan pada masa itu.

Pada dasarnya, Perlembagaan Tetap tahun 1932 bercorak sistem kerajaan berperlembagaan di England. Tetapi aspek yang membezakan sistem yang diamalkan di Siam dengan sistem yang diamalkan di England, ialah berkaitan dengan isu asas kuasa. Jelas

<sup>37</sup> Thawat Mekarapong, *History of the Thai Revolution*, Bangkok: Thai Wattaphanich, 1962, m.s. 225 - 6.

bahawa asas kuasa politik kerajaan di England ialah sokongan majoriti rakyat yang berhak membuang undi, manakala agar kuasa kerajaan demokrasi Thai adalah sokongan golongan elit iaitu *Khana Rat* yang mendapat mandat daripada kejayaannya dalam rampasan kuasa daripada raja berkuasa mutlak. Rakyat tidak terlibat dalam proses memilih pemimpin. Oleh itu, kedua-dua pihak iaitu parlimen dan kabinet Siam mendapat kuasanya daripada golongan elit tersebut. Dengan struktur politik yang sedemikian, kuasa tertinggi politik bukanlah pada Parlimen tetapi dikuasai oleh *Khana Rat* yang menjadi golongan pemerintah Siam yang sebenar sejak bulan Jun 1932. Dalam pada itu, Perlembagaan Disember 1932 juga menetapkan kuasa raja pemerintah yang, secara formal, masih menyeluruh. Baginda diamanahkan dengan semua kuasa menurut Perlembagaan termasuk juga kuasa untuk melantik ahli Dewan Undangan Tinggi Parlimen, serta kuasa untuk membuka ataupun membubarkan Parlimen. Dalam keadaan politik biasa, semua kuasa itu hanya merupakan satu aspek formal peranan raja berperlembagaan sahaja. Baginda akan menggunakan kuasa politik dan pemerintahannya melalui badan pemerintahan eksekutifnya. Masalah akan timbul apabila Prajadhipok menyedari bahawa *Khana Rat* tidak ingin memerintah Siam mengikut prinsip-prinsip tulen sistem demokrasi. Dengan penubuhan Dewan Undangan Tinggi yang mempunyai hak legislatif dan kemuliaan yang setaraf dengan Dewan Rakyat sebagai petunjuk selok-belok sistem demokrasi kepada wakil rakyat dalam Dewan Rakyat, ini bererti kerajaan pilihan *Khana Rat* tidak perlu berhati-hati terhadap keinginan Dewan Rakyat kerana telah pun mendapat sokongan kuat daripada Dewan Undangan Tinggi yang ahli-ahlinya dipilih oleh *Khana Rat*. Oleh itu, Prajadhipok menuntut bahawa selagi sistem demokrasi tidak dapat dijalankan secara menyeluruh maka selagi itulah raja pemerintah masih memegang kuasa politik untuk menjamin kepentingan rakyat menentang kepentingan golongan berkuasa. Baginda tidak boleh menerima peranan formalnya yang bererti bahawa raja tidak mengambil berat terhadap tanggungjawabnya. Kuasa politik yang dituntut Prajadhipok ialah kuasa diraja untuk memilih dan melantik ahli-ahli Dewan Undangan Tinggi daripada senarai nama orang yang berkelayakan yang dipersembahkan kepada baginda oleh kerajaan. Prajadhipok bersikap tegas bahawa ahli-ahli Dewan itu tidak boleh dipilih daripada golongan penyokong *Khana Rat* sahaja. Tidak hairanlah bahawa *Khana Rat*,

terutamanya Pridi dan Phibun, menolak tuntutan itu. Sekiranya mereka menerimanya, ini bermakna *Khana Rat* tidak berkemampuan mempertahankan kuasa politiknya berdepan dengan golongan konservatif daripada rejim beraja mutlak.

Di samping perselisihan faham mengenai tafsiran peranan raja berperlembagaan, Prajadhipok juga tidak bersetuju dengan beberapa tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Misalnya baginda menuntut yang Akta Melindung Perlembagaan yang dikeluarkan oleh Parlimen pada bulan November 1933 dimansuhkan supaya kerajaan tidak dapat menggunakannya untuk mengancam golongan pembangkang. Prajadhipok tidak bersetuju dengan cara yang dibuat oleh kerajaan terhadap tawanan politik selepas berlakunya Pemberontakan Boworadet. Ekoran daripada itu, baginda telah membuat tuntutan yang mereka itu diampunkan ataupun hukuman penjara mereka dikurangkan. Tambahan lagi, Prajadhipok menuntut yang kerajaan membenarkan penubuhan parti politik yang lain untuk menggalakkan perkembangan demokrasi. Dari segi keselamatan peribadi, Prajadhipok menuntut supaya pasukan tentera mengawal Istana mesti dilengkapi dengan senjata yang sesuai dengan tugasnya. Baginda juga menolak cadangan kerajaan untuk menamatkan perkhidmatan pasukan tentera Istana itu. Akhirnya baginda menjelaskan bahawa sekiranya kerajaan campurtangan dalam urusan Kementerian Istana tanpa kebenaran baginda, baginda akan meletakkan jawatan dengan serta-merta.<sup>38</sup> Dari segi maruah dinasti, Prajadhipok menegaskan jika kerajaan ingin bekerjasama dengan baginda dengan ikhlas, maka kerajaan mestilah memberi jaminan akan menjaga nama baik dan maruah institusi raja dan dinasti. Kempen-kempen anti dinasti Chakri hendaklah diberhentikan, manakala kedudukan utama raja mesti dihormati seperti dahulu.

Sekiranya semua tuntutan baginda itu tidak dilayan oleh kerajaan, Prajadhipok akan meletakkan jawatan. Dari bulan Oktober 1934 hingga bulan Mac 1935, kerajaan Phraya Phahnon mencuba sedaya upayanya untuk berunding dengan Prajadhipok supaya baginda kekal menjadi raja, walaupun kerajaan tidak ingin mela-

<sup>38</sup> Meo Prajadhipok 1 & 2 kepada Phraya Ratchawangsan, 20 September 1934, dan Memo Prajadhipok 1 & 2 kepada Phraya Ratchawangsan, 20 September 1934, dan Memo baginda kepada Parlimen Disember 1934, dalam Chali lamkrasin, 2516/1973, m.s. 149 - 169.

yan tuntutan baginda. Bagi pihak Prajadhipok pula, baginda telah menolak jemputan kerajaan supaya baginda pulang ke Siam sebelum masalah perselisihan faham antara baginda dengan kerajaan *Khana Rat* dapat diselesaikan. Untuk menunjukkan kesediaan pihak kerajaan sanggup untuk berunding dengan Prajadhipok, maka kerajaan telah menghantar wakilnya ke England tetapi bukannya untuk menerima tuntutan tersebut. Akhirnya, Prajadhipok menyedari taktik kerajaan yang tidak jujur itu. Lalu baginda mengumumkan perletakan jawatan pada 2 Mac 1935.

Setelah meletakkan jawatannya, Prajadhipok terus tinggal di England sehingga kemangkatannya pada 30 Mei 1941. Pada awal tahun 1949 barulah Kerajaan Siam mengundang Permaisuri Rambai Barni membawa abu mayat raja berkuasa mutlak Siam yang terakhir itu kembali ke Siam.

1. The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions and activities. It emphasizes that proper record-keeping is essential for transparency and accountability, particularly in the context of public administration and financial management.

2. The second part of the document outlines the specific procedures and protocols that must be followed to ensure the integrity and security of the records. This includes the use of standardized forms, the implementation of strict access controls, and the regular auditing of the data to identify and correct any discrepancies or errors.

3. The third part of the document addresses the challenges and risks associated with record-keeping, such as data loss, corruption, and unauthorized access. It provides recommendations for mitigating these risks, including the use of backup systems, disaster recovery plans, and the implementation of robust security measures.

4. The fourth part of the document discusses the role of technology in modern record-keeping practices. It highlights the benefits of digital record-keeping, such as improved efficiency, ease of access, and the ability to store large volumes of data securely. It also notes the importance of ensuring that the technology used is reliable and secure.

5. The fifth part of the document provides a summary of the key points discussed and offers final thoughts on the importance of record-keeping. It concludes that while the task may be challenging, it is a critical component of any organization's operations and is essential for ensuring the long-term success and sustainability of the organization.

6. The sixth part of the document provides a list of references and resources for further information on record-keeping practices. This includes books, articles, and online resources that provide detailed guidance on various aspects of record-keeping, from basic principles to advanced techniques.

7. The seventh part of the document provides a list of contact information for the author and other relevant parties. This includes the author's name, title, and contact details, as well as the contact information for the organization or institution where the document was prepared.

8. The eighth part of the document provides a list of acknowledgments and thanks to the individuals and organizations that provided support and assistance during the preparation of the document. This includes the author's supervisor, colleagues, and the staff of the organization where the document was prepared.

## PENUTUP

Dalam jangka masa empat belas tahun sesudah perletakan jawatan Raja Prajadhipok, Siam telah berubah daripada sebuah negara konservatif kepada negara yang moden yang mengikut cara pemerintahan negara Barat. Perubahan ini adalah usaha pemimpin utama Siam sejak tahun 1938 iaitu Panglima Agung Field Marshal Phibun Songkhram. Phibun menggantikan Phraya Phahon yang telah bersara pada tahun 1938. Phibun menjadi Perdana Menteri dari tahun 1938 hingga tahun 1944. Sebelum itu Phibun telah berjaya menghapuskan golongan yang menentanginya daripada golongan tentera dan golongan intelek *Khana Rat*. Rancangan politik dan sosioekonomi yang dialankannya bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan dan maruah pemimpin-pemimpin baru iaitu *Khana Rat* dan terutamanya Phibun sendiri. Sebagai ahli politik yang bijak, Phibun menyedari betapa pentingnya kuasa politik "berperlembagaan" *Khana Rat* yang mesti diperlihatkan dengan kejayaan golongan itu mengubah sikap dan pemikiran rakyat Siam terhadap kedudukan dan maruah institusi raja. Menurut Phibun lagi, pemimpin generasi baru memerlukan konsep baru mengenai negara dan objektif kebangsaan untuk mengenalkan zaman baru kepada rakyat dengan cukup berkesan. Jadi konsep baru itu mestilah melemahkan pengaruh dan kedudukan institusi raja sambil menguatkan kedudukan dan kuasa pemimpin-pemimpin baru, terutamanya Phibun.

Konsep sosiopolitik "membina negara" yang dilancarkan oleh Phibun pada tahun 1938 itu telah mencapai kemuncaknya dalam tahun-tahun 1941-44. Konsep "membina negara" bererti kempen-kempen untuk menjadikan Siam sebuah negara yang mempunyai "kebudayaan yang baik, kesusilaan yang baik, kesihatan yang





Negeri Thai Semasa Perang Dunai II (1939-1945)

baik, gaya pakaian yang baik... dan rezeki yang baik".<sup>1</sup> Menurut Phibun, pada tahun 1938 Siam mengurangkan "kebudayaan yang baik". Kebudayaan merupakan aspek terpenting bagi sesebuah negara yang berhasrat memperlihatkan kemuliaan dan peradabannya kepada dunia. Phibun berpendapat bahawa kunci kepada kejayaan dan kebesaran Siam ialah kebudayaannya. Oleh itu, Phibun melancarkan kempen membina kebudayaan Siam supaya Siam dapat memperbaiki imejnya. Aspek utama dalam kempen kebudayaan ialah menanamkan perasaan nasionalisme yang menekankan konsep kebesaran bangsa dan negara Thai, dengan mengeluarkan dua belas perintah *rathaniyom*/faham negara yang meliputi proses perubahan segala aspek masyarakat yang bersifat feodal dan ketinggalan zaman.

Jadi pada tahun 1949, Siam yang bertemu dengan Permaisuri Rambai Barmi merupakan Siam yang telah mengalami perintah *rathaniyom*, menghadapi kesulitan semasa berlakunya Perang Dunia II, dan pemerintahan Pemimpin Agung atau *than phu nam*. Dari segi simbolnya, nama Siam pun telah bertukar menjadi Negara Thai untuk melambangkan pentingnya bangsa Thai. Hari Tahun Baru Thai tradisional iaitu 13 April ditukar kepada 1 Januari mengikut kalendar Barat yang menegaskan konsep moden Thai. Hari kebangsaan yang dahulunya mengikut Hari Keputeraan raja pemerintah ditukar ke 24 Jun iaitu hari peringatan Revolusi *Khana Rat* yang melambangkan pentingnya pemimpin baru serta sistem politik baru yang telah diperkenalkan serentak dengan mengurangkan pentingnya peranan raja. Senikata dan irama Lagu Kebangsaan juga diubahsuai untuk menekankan konsep nasionalisme yang diperkenalkan oleh Phibun. Semua perubahan yang dibuat itu dikekalkan sehingga sekarang, kecuali hari Kebangsaan yang ditukar semula ke Hari Kebangsaan Raja Pemerintah.

Dari segi fizikal, rakyat Siam telah menerima cara pakaian moden seperti yang diperintah oleh *rathaniyom*. Orang lelaki memakai seluar panjang dan kemeja bercorak Barat; bagi kaum wanita, memakai baju dan skirt. Mereka dikehendaki memakai kasut. Menurut Phibun, masyarakat yang bertamadun mestilah memakai kasut dan topi. Walaupun pemakaian topi ditolak oleh rakyat setelah Phibun meletakkan jawatan, cara pakaian yang baik

<sup>1</sup> Pejabat Penerangan, *Koleksi Ucapan-ucapan YAM Panglima Agung P. Phibunsongkhram*, Bangkok, 2485/1942, m.s. 3.

telah diterima sebagai aspek sosial moden dalam negara Siam. Phibun juga berjaya memberhentikan kegemaran orang Siam mengunyah daun sirih dan buah pinang yang dianggap oleh kerajaannya sebagai suatu aspek sosial tradisional yang merendahkan imej Siam sebagai negara berkuasa besar.

Menjelang tahun 1949, keadaan sosioekonomi dan politik negara Siam mengalami perubahan besar. Antara perubahan yang paling ketara ialah kedudukan dan peranan institusi raja. Rancangan Phibun untuk melemahkan dan menjatuhkan maruah dan kedudukan institusi itu sangat berkesan. Dengan prinsip nasionalisme bercorak ketenteraan yang diamalkan oleh Phibun dari tahun 1940. Phibun telah berjaya menonjolkan dirinya sebagai pemimpin terulung Siam menggantikan raja pemerintah. Konsep Pemimpin Agung sebagaimana yang disarankannya menekankan pentingnya seseorang pemimpin berbanding dengan pentingnya institusi. Cogan kata kerajaan Phibun ialah "Kemana pergi Pemimpin Agung, di situlah saya mengikutnya". Phibun menjelaskan keperluan konsep Pemimpin Agung;

"Sekarang rakyat Thai tiada sesuatu yang tegas dan nyata untuk dipegang sebagai harapan masyarakat. Apa yang ada ialah *chat*, *satsana phra mahakasat*, dan *rathathammanun*/negara, agama, raja dan Perlembagaan. *Chat* belum lagi diwujudkan; *satsana* tidak mempunyai aspek-aspek harapan rakyat; manakala *phra mahakasat* hanyalah budak kecil dan itu pun dalam gambar sahaja; *rathathammanun* merupakan buku tulisan sahaja. Apabila rakyat menghadapi kesulitan, tiada satu pun yang dapat < kita > pegang dengan kuat. Oleh itu saya menyuruh semua rakyat mengikut Perdana Menteri...."<sup>2</sup>

Sebelum ini tidak ada seorang pun pemimpin *khunnang* yang berani mengatakan secara terbuka bahawa institusi raja tidak berfungsi. Sebaliknya Phibun telah berbuat demikian selepas empat tahun beliau menyandang jawatan Perdana Menteri, atau sepuluh tahun selepas Siam mengamalkan pemerintahan demokrasi yang membuktikan dengan jelas betapa rendahnya kedudukan institusi raja, serta berkesannya politik *Khana Rat* yang dipimpin oleh Phibun. Phibun berjaya "mengurung" institusi raja di dalam istana.

<sup>2</sup> Terjemahan penulis. Minit Mesyuarat Kabinet, 20Z/2485, 25 April 2485/1944, dalam Thamsook Numnonda, *Menghidupkan Semula Masa Yang Lepas*, op. cit., m.s. 140.

Buat pertama kalinya, raja Siam putus hubungan dengan rakyatnya.

Secara keseluruhan, sejarah Siam pada zaman Thonburi-Bangkok merupakan sejarah pemerintah Taksin dan raja-raja dinasti Chakri yang menjadi pengantinya. Peranan utama raja dalam segala aspek kehidupan Siam tamat selepas berlakunya revolusi pada tahun 1932. Tanda kekalahan politik dinasti Chakri bagi generasi baru ialah perletakan jawatan raja pemerintah iaitu Prajadhipok pada tahun 1935. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan bahawa dari segi politik, pemerintah beraja mutlak berjaya menubuhkan sebuah negara yang kukuh dan berpotensi untuk menghadapi ancaman dari luar atau dalam negeri. Oleh yang demikian, Siam dapat mengekalkan kedaulatannya, dan yang lebih penting dapat mengelakkan keadaan berpecah-belah. Dari segi ekonomi juga Siam menjadi negara yang maju dan makmur di bawah kepeimpinan raja berkuasa mutlak terutamanya pada zaman Rama III dan Chulalongkorn. Rejim *Khana Rat* menerima banyak faedah daripada dasar ekonomi dan kewangan yang dilakukan oleh Prajadhipok terutamanya selepas bulan Mei 1932, apabila Siam menggantung sistem *gold standard*. Dari segi sosial, walaupun tidak dapat dinafikan dasar kerajaan mutlak adalah untuk mengekalkan *status quo* rakyat terutamanya golongan *phrai*, tetapi pada umumnya, kehidupan rakyat menjadi lebih baik berbanding dengan rakyat di negara-negara lain di rantau ini. Boleh juga dikatakan bahawa pada asasnya tidak wujud perbezaan yang ketara antara kehidupan rakyat sebelum dan selepas revolusi tahun 1932. Mungkin keadaan sosial di wilayah luar bandar merupakan suatu aspek yang kekal pada tahun 1949.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
DEPARTMENT OF POLITICAL SCIENCE  
OFFICE OF THE DEAN

MEMORANDUM FOR THE DEAN  
SUBJECT: [Illegible]

[Illegible text]

[Illegible text]

[Illegible text]

[Illegible text]

[Illegible text]

## BIBLIOGRAFI

### Dokumen

*The Burney Papers*, diterjemahkan oleh Krom Silapakorn, Bangkok, Krom Silapakorn, B.E. 2524/1981.

*The Crawford Papers, A Collection of Official Records relating to the Mission of Dr. John Crawford sent to Siam by the Government of India in the Year 1821*, Bangkok, the Vajiranana National Library, 1915.

*Treaties and Engagements of the Native States of the Malay Peninsula*, Bahagian I, Singapura, 1877.

Dokumen-dokumen Zaman Rama I.

Dokumen-dokumen berbentuk buku, Krom Phra Kalahom, Semasa Pemerintahan Rama V (Raja Chulalongkorn).

Dokumen-dokumen bersiri CO 273, FO 422, F 260, F 847.

Dokumen-dokumen Semasa Pemerintahan Rama III.

Dokumen-dokumen Semasa Pemerintahan Rama IV.

Dokumen-dokumen Semasa Pemerintahan Rama VI.

Kertas-kertas Putera Damrong-rajanubhab.

### Bahan Penerbitan

Akin Rabibhadana, *The Organisation of Thai Society in the Early Bangkok Period 1782 - 1873*, *Kertas Data no. 74, Southeast Asia Program, Cornell University, Ithaca, Cornell University Press, 1969.*

Andaya, B.W., *Perak, the Abode of Grace: A Study of An Eighteenth Century Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974.

Batson, B.A. *Siam's Political Future: Documents From the End of the Ab-*

## BIBLIOGRAFI

- solute Monarchy*, Kertas Data no. 96, Southeast Asia Program, Ithaca, Cornell University Press, 1974.
- *The End of the Absolute Monarchy in Siam*, Singapore, Oxford University Press, 1984.
- Blofeld, J., *King Maha Mongkut of Siam*, Singapura, Asia Pacific Press 1972.
- Bowring, Sir John, *The Kingdom and People of Siam*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1962.
- Bradley, W., "The Accession of King Mongkut", *Journal of The Siam Society (JSS)*, 57:1, Januari, 1969.
- Chai-anant Samutwanich dan Khattiya Kannasut (Peny.) *Dokumen-dokumen Politik dan Pentadbiran Thai*, Bangkok, Persatuan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1975.
- Cai-anant Samutwanich, *14 Oktober; Khana Rat dan Pemberontakan Boworadet*, Bangkok, Kelab Sejarah Universiti Chulalongkorn, 1975, *Perancangan Perkembangan Politik Siam Yang Pertama*, Bangkok, 1970.
- Chai-anant, Sethaphon Kusipitak, Sawaeng Rattanakolmas, (peny.) *Binatang Politik*, Bangkok, Thai-wattanapanit, 1971.
- Chali lamkrasin, *Sebab-sebab Belakang Peristiwa Meletakkan Takhta Raja Pokklae*, Bangkok, Pramuansan, 1973.
- Chandler, D.P., "Cambodia Before the French: Politics in a Tributary Kingdom 1794-1848", tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Universiti Cornell, 1973.
- Chow Rupathewin, *Yam Adee: Biografi Raja Taksin dan Perjuangan Untuk Kemerdekaan Bangsa Thai*, Bangkok, P.V. Publications, 1985.
- Chula Chakrabongse, *Lords of Life*, Bangkok, DD Books, 1982.
- Chulalongkorn, Raja, *Ucapan-Ucapan Chulalongkorn B.E. 2417-2453*, Bangkok, 1967.
- Crawford, J., *Journal of an Embassy to the Courts of Siam and Cochinchina*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1987.
- Cushman, J., "Chinese Kingship, Marriage Strategies, and Social Mobility in Late Nineteenth Century and Early Twentieth Century Siam", Kertas kerja yang dibentang di International Conference on Thai Studies, ANU, Canberra, 3-6 Julai 1987.
- Damrong-rajabhab, Putera, *Perihal Pentadbiran Thai Sejak Zaman Silam*, Bangkok, 1959.
- Damrong-rajabhab, Putera, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama V*, Bangkok, Kurusabha, 1961.
- "Perihal Upacara-upacara Perjalanan Diraja" dalam *Adat Istiadat Diraja*, Bangkok, Khlang-wittaya, 1962.

## BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_ *Koleksi Penulisan Rampai*, Bangkok, Kurusabha, 1961.
- \_\_\_\_\_ *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama II*, Bangkok, Khlang-wittaya, 1962.
- \_\_\_\_\_ "Draf Mengenai Hal-Ehwal Negeri-negeri Melayu Di Bawah Naungan Siam J.S. 1184", manuskrip yang tidak diterbitkan, Bahagian Manuskrip, Perpustakaan Kebangsaan Thai, Bangkok.
- \_\_\_\_\_ *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama I*, Bangkok, 1963.
- \_\_\_\_\_ *Kenang-kenangan*, Bangkok, Bannakan, 1971.
- Fairbank, J.K., dan Teng, S.Y., "On the Ching Tributary System" dalam *Ching Administration: Three Studies*, Harvard Yenching Institute Studies xix, Cambridge, Harvard University Press, 1961.
- Gesick, L.M., "The Rise and Fall of King Taksin" dalam L.M. Gesick (peny.) *Centers, Symbols and Hierarchies: Essays on the Classical States of Southeast Asia*, Monograf no. 26, Yale University Southeast Asia Studies, New Haven, 1983.
- \_\_\_\_\_ "Kingship and Political Integration in Traditional Siam 1767-1824", tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Cornell University, 1976.
- Hong Lysa *Thailand in the Nineteen Century: Evolution of the Economy and Society*, Singapore, ISEAS, 1984.
- Green, S., "King Wachirawat's Policy of Nationalism" dalam Tej Bunnag dan M. Smithies, (peny.) *In Memoriam Phraya Anuman Rajadhon*, Bangkok, The Siam Society, 1970.
- Jabatan Hal Akademik, Kementerian Pendidikan Thailand, *Pemikiran Sembilan Orang Raja*, Bangkok, 1982.
- Kachorn Sukhabhanij, *Sebarang Fakta Sejarah: Zaman Bangkok*, Bangkok, Universiti Sri Nakhairindrawiro, 1975.
- \_\_\_\_\_ "Kedudukan Phrai", dalam *Butir-butir Zaman Lampau*, Bangkok, Kheledthai, 1975.
- Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations: Traditional Intraregional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Century*, Kuala Lumpur. Oxford University Press, 1988.
- \_\_\_\_\_ "The 1902 Siamese-Kelantan Treaty; An End of the Traditional Relation", *Journal of the Siam Society* (JSS), 1985.
- \_\_\_\_\_ "The Bombardment of Trengganu 1862: The Power Struggle in a Small Corner of the World", *Malaysia in History* (MIH), bil. 27, 1984.
- \_\_\_\_\_ "The 1839-41 Settlements of Kedah: the Siamese Compromise", *JMBRAS*, bil lix:1, 1986.



BIBLIOGRAFI

- \_\_\_\_\_ "The Development of Thai Nationalism 1910-1925", *Jebat*, bil 11, 1982.
- Kukrit Pramoj, M.R., *Tulang Rangka Dalam Almari*, Bangkok, 1974.
- Lawan Chotamara, *Cinta Pertama Rama VI*, Bangkok, DK Books, 1980.
- Leonowens, A., *English Government at the Siamese Court*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1987.
- de la Loubere, S., *Periwayat La Loubere*, Sant T. Komolbutr, terjemahan, Bangkok, Kao Na Press, 1967.
- Maxwell & Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, J.A.S. Truscott & Sons Ltd., 1924.
- Moffat, A.L., *Mongkut, The King of Siam*, Ithaca, Cornell University Press, 1968.
- Mongkut, Raja, *Surat-Menyurat Raja Mongkut*, Bangkok, Kurusabha, 1963.
- \_\_\_\_\_ *Phongsawadan Krung Sri Ayudhya*, versi Authograf Diraja, Bangkok, Khlang-wittaya, 1973.
- \_\_\_\_\_ "Pathommawong" (Asal-usul Dinasti Chakri) dalam, *Prachum Phongsawadan*, Bangkok, Kurusabha, 1964.
- Muhammad Hassan bin Dato Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.
- Narintharadewi, Puteri, *Kenang-Kenangan Krom Luang Narintharadewi*, Bangkok, Kurusabha, 1973.
- Nathawut Suthisongkham, *Somdet Chao Phraya Suriyawong*, Bangkok, Khlang-wittaya, 1973, dua naskah.
- Nidhi Aeusrivongse, *Kebudayaan Borjuis dan Kesusasteraan Pada Zaman Bangkok Awal*, monograf no. 20, Bangkok, Institusi Pengajian Thai, Universiti Thammasat, 1983.
- \_\_\_\_\_ *Sejarah Zaman Bangkok di dalam Phongsawadan Krung Sri Ayudhya*, Bangkok, Persatuan Sains Kemasyarakatan Thailand, 1978.
- Nik Mohammad Nik Mohammad Salleh, *Satu Chatatan Mengenai Masalah Sangketaan Atas Takhta Kelantan Dalam Abad-Abad 18-20 Masehi*, Tidak bertarikh.
- Pallegoix, J.B., *Mengenai Siam*, Sant T. Komolbutr terjemah, Bangkok, Kao Na Press, 1963.
- Pejabat Penerangan Thailand, *Koleksi Ucapan YAM Panglima Agung*

BIBLIOGRAFI

- P. Phibunsongkhram*, Bangkok, 1942.
- tiada - *Phongsawadan Krung Thonburi*, versi Akademi Diraja, Bangkok, 1903.
- *Phongsawadan Krung Sri Ayudhya versi Phanchanthanumat*, Bangkok, Khlung-wittaya, 1964.
- Phonnarat, Somdet Phra, *Phongsawadan Krung Sri Ayudhya versi Phonnarat*, Bangkok, Khlung-wittaya, 1971.
- *Prachum Phongsawadan*, Bahagian 56, Bangkok, Sophonphiphattakhon, 1932.
- *Prachum Phongsawadan* Bahagian 62, Bangkok.
- *Prachum Phongsawadan* Bahagian 65, Bangkok, 1937.
- *Prachum Phongsawadan*, bahagian 66, "Catatan Harian Mengenai Gerakan Tentera Raja Krung Thonburi Semasa Menguasai Muang Buddhaimat dan Kampuchea", Bangkok, Kurusabha, 1969.
- *Prachum Phongsawadan*, Bahagian 23, Bangkok, Kurusabha, 1968.
- Prajadhipok, Raja, "Penghantar" dalam *Penjelasan Raja Chulalongkorn Mengenai Pemulihan Pentadbiran Siam*, Bangkok, 1927.
- Pramot Phungsunthon, (peny.) *Beberapa Cerita Mengenai Kerabat Diraja Semasa Perang Dunia Kedua*, Bangkok, 1972.
- Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1841*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Riang Srichandra, Lieut., dan Netr Poonvivat, *Pemberontakan R.S. 130*, Bangkok, Charean-wittaya, 1974.
- Sarasin Veeraphol, *Tribute and Profit: Sino-Thai Trade 1652-1853*, Massachusetts, Harvard University Press, 1977.
- Seni & Kukrit Pramoj, *The King of Siam Speaks*, Bangkok, 1948.
- Silapakorn, Krom, *Kod Undang-Undang Tiga Tera*, 5 naskah, Bangkok, Kurusabha, 1963.
- Skinner, C., *The Civil War in Kelantan in 1939*, Singapore, MBRAS, 1965.
- Tej Bunnag, *The Provincial Administration of Siam 1882-1915*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1977.
- *Pemberontakan R.S. 121 <1902>*, Bangkok, Rancangan Buku Teks Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1981.
- Thamsook Numnonda, "Negotiations Regarding the Cession of Siamese Malaya States 1907-1909", *JSS*, IV:21, 1967.

## BIBLIOGRAFI

- *Menghidupkan Semula Masa Yang Lepas*, Bangkok, Ruangsinn Press, 1978.
- Thawat Mokarapong, *History of the Thai Revolution*, Bangkok, Thaiwatanapanich, 1962.
- Turpin, F.H., *History of the Kingdom of Siam and the Revolutions that Have Caused the Overthrow of the Empire up to A.D. 1770*, Somsri lamtham terjemah, Bangkok, Krom Silapakorn, 1979.
- Thiphakorawong, Chao Phraya, *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama I Yang Belum Diselenggarakan*, Bangkok, tidak bertarikh.
- *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama III*, Bangkok, Kuru-sabha, 1961.
- *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama I*, Bangkok, Khlangu-wittaya, 1962.
- *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama IV*, Bangkok, Kuru-sabha, 1978.
- *Phongsawadan Masa Pemerintahan Rama II*, Bangkok, Kuru-sabha, 1978.
- Udom Sombat, Luang, *Kenang-Kenangan Luang Udom Sombat*, Bangkok, 1972.
- Vetch, R.H., *The Life of General Sir Andrew Clarke*, London, 1905.
- Vella, W.F., *Siam Under Rama III*, Monograf, the Association for Asian Studies, New York, 1957.
- *Chaiyo! King Vajiravudh and the Development of Thai Nationalism*, Honolulu, University Press of Hawaii, 1978.
- *Impact of the West on the Government of Thailand*, Berkeley, University of California Press, 1955.
- Quaritch-Wales, H.G., *Ancient Siamese Government and Administration*, New York, Paragon Books, 1965.
- Wichiankiri, Phraya, *Phongsawadan Muang Songkhla dan Muang Phattalung*, Bangkok, Kuru-sabha, 1962.
- Wilailak Mekharat, *Perniagaan Luar dan Corak Ekonomi Thai Dalam Zaman Bangkok Awal*, Monograf no. 31, Bangkok, Institut Pengajian Thai, Thammasat University, 1982.
- Wilson, C.M., "State and Society in the Reign of Mongkut 1851-1868: Thailand on the Eve of Modernisation", tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Cornell University, 1970.
- Wyatt, D.K., "Family Politics in Nineteenth Century Thailand" dalam, *Journal of Southeast Asian History*, bil 2:2, 1968.
- "Subtle Revolution of Rama I" dalam Wyatt dan A. Woodside (peny.) *Moral Order and the Question of Change: Essays on Southeast Asian Thought*, Monograf no. 24, Yale University Southeast Asian Studies, New Haven, Yale University Press, 1982.
- *Thailand: A Short History*, New Haven and London, Yale University Press, 1985.

# INDEKS - SEJARAH NEGARA THAI

- abhiseka*, 12, 30  
abu mayat, 267  
Akta Melindung Perlembagaan, 266  
Amerika-Thai, 68  
anggaran belanjawan, 249  
Anlo-Thai, 67  
anti dinasti, 266  
Ariel, 170  
Asaewungi, 11  
Asia Tenggara, 80  
Ayudhya, 1, 263  
Baen, 34
- Bahasa Cina, 28  
Bahasa Jawa, 28  
bahasa Mon, 28  
Bahasa Pali, 28  
Bahasa Sanskrit, 28  
bandasak, 123, 127  
Bangkok, 9  
Bangsawan, 125  
Bap, 139  
Battambang, 17  
beras, 144  
Berkorban Nyawa Untuk Negara, 234  
Bodawpaya, 33  
Bolshevik, 236  
Brahman Singhaseni, 41  
Buddha, 16  
*Bun*, 139  
*Bun-baramii*, 14-15  
bunga mas, 77  
Bunnag, 127
- calon biduanda diraja, 126  
Chakri, 1  
Champasak, 74  
Chanthaburi, 2, 3, 16  
Chao Fa Bejarat, 221  
Chao Fa Chathamani, 164  
Chao Fa Chulalongkorn, 168  
Chao Fa Mongkut, 159, 161  
Chao Fa Prajadhipok, 224  
Chao Kavila, 17  
Chao Nakhon, 37  
Chao Phitsanulok, 3  
Chao Phra Fang, 3  
Chao Phraya Aphaiphubet, 72  
Chao Phraya Bodin, 98  
Chao Phraya Chakri, 1  
Chao Phraya Khlung, 70  
Chao Phraya Mahakasatsuk, 11  
Chao Phraya Nakhon, 126  
Chao Phraya Phra Khlung, 98  
Chao Phraya Si Suriyawong, 111  
*Chao Phraya*, 45  
Chao awat, 163  
Chao phasi, 150  
Chao sua, 61  
Chiangmai, 17  
Chim, 39  
Chulalongkorn, 59, 61, 159  
Cina Teochiu, 7  
Cocin Cina, 97  
Confucius, 75  
Corvee, 177  
Coup d'etat, 256  
Cukai changkob, 149  
Cukai tanah, 177
- Danang, 28  
Dasar kompromi, 52, 86  
dasar luar Siam, 68  
Dewa, 86  
Dharma, 23  
Dharma-raja, 53  
dinasti Nguyen, 71  
Dinasti Prasat-thong, 171

- Ekonomi Thai, 55, 106, 147, 177, 249,  
empayar, 7
- Faham negara, 271  
Fait accompli, 73, 259
- Gabenor Jeneral India, 63  
gabenor Thai, 83  
gabenor muang Jaring, 91  
gabenor muang Tani, 90  
gelaran khas, 172  
Gerakan Pengakap, 235  
Gia Long, 35  
Gold standard, 255  
golongan Chao, 122  
golongan Cina diraja Siam, 7  
golongan Turki Muda, 232  
golongan bangsawan, 13  
Golongan nai, 112  
golongan rakyat lelaki, 129  
golongan sami, 22
- Ha-tuan, 34  
Hai-hong, 1  
Hari Chakri, 12  
Hari Kebangsaan Raja Pemerintah,  
271  
Hierarki Tentera dan Kewilayahan,  
128  
Huamuang, 117  
Hubungan Luar, 116
- Ikatan politik, 45  
Inao, 43, 28  
Indo-Cina, 44  
Institusi Perajaan, 120  
Institusi latihan, 248  
Istana Siam, 65
- jabatan Ibu kota, 115,  
Jabatan Istana, 116  
Jabatan Kewangan, 116  
Jabatan Tanah, 116  
jabatan pakar undang-undang, 117  
James Brooke, 174  
*Jatusadom*, 26  
Jinakalamali, 28  
John Bowring, 174  
John Crawford, 51
- Kampuchea, 17, 95  
Kampung Bang Dong, 4  
Kapten Henry Burney, 66, 80  
kayu cendana, 144  
kayu cendang, 8  
Kedah, 45, 82  
kedaulatan Thai, 68  
Kelantan, 85, 89  
Kementerian Mohor Privi, 239  
kertas putih, 261  
keruntuhan maruah, 238  
kesetiaan yang menyatupadukan  
negara, 228  
*Khaek Jet Hua-muang*, 92  
*Khana Ratsadon*, 226, 256  
khazanah diraja, 151  
Khunnang, 1  
kitab suci agama Buddha, 20  
Kod Undang-Undang Moden, 244  
Kod Undang-undang Sami, 24  
Kod Undang-undang Tiga Tera, 26  
kompromi, 67  
Konsul Residen, 62  
Korat, 263  
Kosa Pan, 9  
Kosathobodi, 128  
*kraab*, 138  
*Krom*, 26  
*Krom* Kalahom, 27, 48  
*Krom* Khlang, 26, 48, 114  
*Krom* Mahatlek, 161  
*Krom* Mahatthai, 114  
*Krom* Mahatthai, 27  
*Krom* Na, 26  
*Krom* Wang, 26  
*Krom* Wieng, 26  
Krommuen, 165  
kuasa Singkhla, 87  
kuasa Vietnam, 44  
Kuil Yannawa, 107
- lada, 144-145  
*Laissez-faire*, 175  
Lanna, 17  
Lembah Sungai Chao Phraya, 4, 16  
Long Zainal, 89  
Luang Yokkrabat Ratburi, 39
- Mahabrata, 28 itai  
Maharaja Gia Long, 44, 60  
Maharaja Napoleon III, 168  
Majlis Negara, 55, 58, 161  
Majlis Pemangku Raja, 228  
majlis pegawai tempatan, 118  
Maktab Sandhurst, 221  
Meiji, 222

- Melayu, 80  
 Melayu Kedah, 84  
 Membina negara, 289  
 menteri-menteri kanan kerajaan, 58, 114  
 Mergui, 33  
 Mongkutklao Chao Yu Hua, 223  
 Myanmar, 1, 60  
*Nai/Munnai*, 132
- Nak, 39  
 Nakhon, 83  
 Nakhon Chaisi, 145  
 Nakhon Ratchasima, 3  
 Nakhon Si Thammarat, 4  
 Nasionalisme, 228  
 naungan Siam, 87  
 Negara Thai, 271  
 Negara konservatif, 289  
 negeri bebas, 4  
 negeri naungan, 82  
 negeri satelit, 82  
 negeri-negeri Lao, 102  
 Negeri-negeri Melayu, 34, 81  
 Nilai mata wang Siam, 256  
*nirvana*, 20, 139  
 Nok-eang, 1
- Ohra Khlang, 9
- Pakatan Mesra, 242  
 paradigma, 17  
 Parian, 162  
 Pattani, 17, 85  
 Patung Buddha Zamrud, 17, 37  
 Patung Prabang, 17  
 Pegawai i krom Suratsawadi, 129  
 Peladang cukai, 150  
 pemajakan, 66  
 Pemangku Raja, 168  
 Pemberontakan, 84  
 pemberontak Tay-Son, 71  
 Pemberontakan Boworadet, 266  
 pemberontakan Chao Anu, 74  
 pembesar tempatan, 4  
 Pembinaan Masyarakat Intelek, 23  
 Pemerintahan beraja mutlak, 233  
 Pmodenan Siam, 159  
 Pemulihan Fizikal, 18  
 Pemulihan Mental, 18  
 Penaung Agama, 104  
 penaung agama Buddha, 106  
 pencerobohan politik, 52  
 pendidikan tradisional, 161  
 Pendita Istana, 161  
 pengaruh, 44  
 Pengukuh Empayar, 104  
 penjajah British, 62  
 Pentadbiran Pusat, 214  
 penyair klasik, 43  
 Perak, 77  
 Perampas kuasa, 13  
 Perancis, 61  
 perang Anglo-Myanmar, 43  
 Perang Candu, 176  
 Perang Thai-Myanmar, 33  
 Perbelanjaan Siam, 248  
 Perjanjian Bowring, 174  
 Perjanjian Burney, 66, 106  
 perlindungan, 17  
 Permaisuri Saowabha-phongsi, 219  
 Perniagaan, 116  
 Perpustakaan, 107  
 Pewaris, 225  
 Phibun, 289  
 Phitsanulok, 11  
 Pholtheep, 128  
*Phongsawadan Krung Thonburi*, 4, 14  
 Phongsawadan Masa Pemerintahan III, 149  
 Phongsawadan Masa Pemerintahan IV, 174  
*Phongsawadan*, 12, 29, 61  
 Phra Maha Monthien, 30  
 Phra Maha Prasat, 30  
*Phra mahakasat*, 238  
*Phra satsana*, 138  
 Phrai, 129  
 Phrai luang, 130  
 Phrai som, 131  
 Phraya Kosathibodi, 128  
 Phraya Siphiphat, 57, 70  
 Phraya Tak, 2  
 Phraya Taksin, 2  
 Phraya Tani-Nongchik, 91  
 Phraya Yommarat, 116  
 politik tradisional, 53  
*Prachum Phongsawadan*, 14  
*Prathetsarat*, 119  
 pro-Siam, 91  
 Puan Anna Leonowens, 165  
 Pulau Pinang, 64  
 Putera Ananda Mahidol, 228  
 Putera Chetsadabodin, 42, 161  
 Putera Chutadhuji, 225  
 Putera Duang, 100

- Putera Itsaranurak, 59  
 Putera Kastranuchit, 47  
 Putera Mahkota, 221  
 Putera Mongkut, 59  
 Putera Nguyen Anh, 34  
 Putera Paribatra, 225  
 Putera Phitakmontri, 57  
 Putera Thepphiphit, 3, 7  
 Putera Uthumphon, 9  
 Putera Wang Lang, 9  
 Putera Wang Na, 59  
 Putera kelas pertama, 61
- Rachatirat*, 28  
 Raja Borommakot, 2-3  
 Raja Chan, 97  
 Raja Chulalongkorn, 165  
 Raja Kedua Siam, 161  
 Raja Loetla, 39  
 Raja Long Krok, 86  
 Raja Maha Besar Hal Peperangan, 11  
 Raja Mongkut, 159, 173  
 Raja Nangklao, 55, 60  
 Raja Nanthasen, 35  
 Raja Pandita, 235  
 Raja Reaksioner, 107  
 Raja Siam kedua, 164  
 Raja Suriyamarin, 2  
 Raja konservatif, 108  
 Rama I, 1, 13, 26  
 Rama II, 39  
 Rama III, 42, 55, 59  
 Rama IV, 159  
 Rama VI, 223  
 Ramathibodi, 12  
*Ramayana*, 28  
 Rancangan Pemulihan Siam, 24  
 Rancangan berjimat-cermat, 249  
 Rancangan pemulihan, 169  
*ratchakan*, 130, 177  
*ratchathinnanam*, 127  
 Rathaniyom, 271  
 Rejim Khana Rat, 273  
 Revolusi 1932, 250  
 Revolusi Khana Rat, 271  
 Russia, 221
- sak, 123  
*sakdina*, 129  
*Sam Kok*, 28  
 Sami, 3, 161  
 Samuha Nayok, 114  
 Samuha Phra Kalahon, 114  
*sangha*, 16, 19, 162  
 Sangha/Sami, 137  
 Saraburi, 263  
 sastra klasik, 28  
 selatan Siam, 4  
 senabodi, 58, 71  
 Setul-Lingu, 86  
 Si Suriyawong, 168  
 Siam tradisional, 26  
 Siam, 64  
 Siemreap, 17  
 Sir James Brooke, 69  
 Sir John Bowring, 111  
 Sistem Ekonomi Pertanian, 143  
 Sistem demokrasi berparlimen, 257  
 sistem feudal, 112  
 Sistem kerajaan, 169  
 Sistem parlimen, 248  
 Sistem perniagaan, 147  
 sistem phrai-nai, 111  
 Sistem tributari, 76  
 sotapana, 20  
 Struktur Sosial Masyarakat, 128  
 suaka, 34  
 Sultan Abdullah, 82  
 Sultan Ahmad Tajuddin I, 45  
 Sultan Dhiauddin, 82  
 Sultan Senik Mulut Merah, 89  
 Sultan Zainal Rashid, 88  
 Sungai Chao Phraya, 2  
 Sungai Menam, 2  
 Susun Pangkat Awam, 135  
 susun pangkat diraja Thai, 9  
 Syarikat Hindia Timur, 64  
 Syarikat Hindia Timur Inggeris, 51,  
 60, 64  
 Syed Hussein, 86
- taat setia, 45  
 Taksin, 1  
 Tambon, 251  
 tanah besar Asia Tenggara, 43  
 tarian klasik Thai, 102  
 Tavoy, 33  
 Tay-Son, 73  
 teks Tripitaka, 19  
 Teluk Siam, 2  
 tembakau, 144-145  
 Tenasserim, 33  
 Tengku Anum, 86  
 Tengku Bisnu, 86  
 Tengku Den, 86  
 Tengku Mohamad Saad, 86

INDEKS

- Tengku Omar, 95  
 Tengku Pangeran, 82  
 Terengganu, 17, 94  
 Terusan Phadungkrungkasem, 178  
 Thai-Kedah, 45  
 Thai-Portugis, 62  
 Thammasat, 117  
 Thammayutika Nigaya, 162  
 That/Hamba, 112, 135  
 Thonburi Bangkok, 101  
 Thongdee, 9  
 Thongduang, 1, 9  
 timur laut Siam, 3  
 tributari Thai, 46  
 Tuan Besar, 89-90  
  
 Ubekha, 14  
 Udong, 45  
 Undang-udnang Hierarki Awam, 128  
 Undang-undang Istana, 8  
 Undang-undang Tiga Tera, 120  
  
 Utara Siam, 4  
 Utusan, 100  
  
 Vassal Thai, 88, 100  
 Vientiane, 74  
  
 Walter F. Vella, 55  
 Wang Na Maha Senanurak, 42  
 Wang Na, 164  
 Warisan Rama I, 37  
 Wat Phoh, 107  
  
 Yok, 9  
 Yokkrabat, 1  
 Yommarat, 127  
  
 Zaman Ayudhya, 111  
 Zaman Thonburi-Bangkok, 58, 116  
 Zaman awal Kerajaan Sukhothai, 14  
 Zaman pemulihan, 159  
 zon pertahanan, 45